

S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA, 2017

© Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti, dan liability sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Emel: humanrights@suhakam.org.my

URL: <http://www.suhakam.org.my>

Dicetak di Malaysia oleh

Visual Print Sdn Bhd

No.47, 47-1

Jalan Damai Raya 1

Alam Damai

Cheras

56000 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 9108 3966/2420

Faks: 03 – 9108 3669

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISSN: 1675 – 1159

ANGGOTA SURUHANJAYA 2016



Berdiri (dari kiri):

Datuk Godfrey Gregory Joitol
Puan Rodziah Abdul (Setiausaha)
Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Tan Sri Razali Ismail (Pengerusi)
Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin
Dato' Mah Weng Kwai
Encik Jerald Joseph

Duduk (dari kiri):

Encik Francis John Anak Adam
Datuk Lok Yim Pheng

ANGGOTA SURUHANJAYA APRIL 2013-2016

1. TAN SRI HASMY AGAM (PENGERUSI)
2. DATUK DR. KHAW LAKE TEE (NAIB PENGERUSI)
3. PROF. EMERITUS DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI HJ AB MAJID
4. PROF. DATO' DR. AISHAH BIDIN
5. ENCIK JAMES NAYAGAM
6. ENCIK NORDIN KASIM MADATING
7. ENCIK FRANCIS JOHEN ANAK ADAM

KANDUNGAN

ULASAN PENGERUSI	1
BAB 1	17
LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN	
i. Bahagian Dasar	19
ii. Bahagian Pembaharuan Perundangan dan Triti	35
iii. Bahagian Aduan dan Pemantauan	52
BAB 2	85
LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI	
i. Bahagian Promosi dan Perhubungan Awam	87
iii. Bahagian Media	102
iii. Bahagian Latihan	108
iv. Bahagian Koordinasi Antarabangsa	119
BAB 3	131
LAPORAN PEJABAT SABAH	133
BAB 4	143
LAPORAN PEJABAT SARAWAK	145
BAB 5	157
LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT	153

LAMPIRAN

LAMPIRAN I KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2016	168
LAMPIRAN II KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA 2016	224
LAMPIRAN III SENARAI AKTIVITI SURUHANJAYA 2016	228
LAMPIRAN IV SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – NASIONAL 2016	259
LAMPIRAN V SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – ANTARABANGSA 2016	269
LAMPIRAN VI MESYUARAT BULANAN 2016 – KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA	272
LAMPIRAN VII SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2016	277
SENARAI SINGKATAN	296

ULASAN PENGERUSI



Pelanggaran hak asasi manusia berpunca daripada kegagalan tadbir urus, kebangkitan autoritarianisme, kekalutan yang disebabkan oleh perebutan kuasa, kekejaman yang disebabkan oleh keganasan dan ekstremisme, dan fenomena penyeludupan manusia atau perhambaan moden. Bencana di Syria telah menyebabkan malapetaka dan di Aleppo, pelanggaran hak asasi manusia telah mencapai satu tahap yang lebih serius. Bagi kes di Palestin, kegagalan politik semasa dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menyebabkan proses ketiadaan status kewarganegaraan bagi rakyat negara tersebut. Ketidadaan status kewarganegaraan melanggar hak rakyat untuk kewarganegaraan, dan “kewarganegaraan adalah hak asasi manusia kerana ia adalah tidak kurang daripada hak untuk mempunyai hak.” Di Asia Tenggara, masyarakat Rohingya sedang ditindas dan dirampas hak-hak mereka. Mereka terpaksa melarikan diri daripada tanah air mereka dan kehilangan status dan hak sebagai masyarakat manusia, bergelandangan di beberapa bahagian di Asia Tenggara, termasuk Malaysia, Singapura, dan Thailand.

2016 merupakan tahun yang sukar bagi mempromosi dan melindungi kebebasan awam dan kebebasan hak asasi di Malaysia, dan ini telah menambahkan lagi tanggungjawab Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (dirujuk selepas ini sebagai “Suruhanjaya” atau “SUHAKAM”) dalam mempromosi dan melindungi

¹ U.S. Supreme Court Chief Justice Earl Warren, penghakiman minoriti, *Perez v. Brownell* (1958)

hak asasi manusia untuk semua. Sejak beroperasi pada tahun 2000, SUHAKAM telah menjalankan pelbagai kerja berkaitan isu-isu hak asasi manusia. Ini termasuklah hak-hak wanita dan kanak-kanak, orang kurang upaya, pelarian, pencari suaka dan pekerja asing, penyeludupan manusia, hak asasi manusia dan perniagaan, pembaharuan undang-undang, dan lain-lain. Daripada isu-isu tersebut, hak-hak Orang Asal kekal sebagai topik keutamaan bagi SUHAKAM kerana masih terdapat janji-janji Kerajaan mengenai **hak tanah Orang Asal** yang belum direalisasikan. SUHAKAM berpendapat bahawa kemajuan yang ditunjukkan oleh **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal** adalah mengecewakan kerana walaupun ada jaminan bahawa 17 daripada 18 syor oleh SUHAKAM dalam Inkuiri Nasional telah diterima oleh Kerajaan, tiada satu pun yang telah dilaksanakan.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), sebuah badan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk melindungi serta memastikan kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli nampaknya telah gagal untuk melindungi hak-hak mereka, dan ramai Orang Asli dan juga SUHAKAM telah menyeru supaya kajian semula yang komprehensif dijalankan ke atas JAKOA.

Dapat disimpulkan bahawa negara ini tidak bersedia untuk menangani dan menghentikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat terpinggir ini. Punca pelanggaran hak-hak Orang Asal masih begitu banyak, dan antara punca-punca tersebut termasuklah diskriminasi yang meluas dan sistematik terhadap mereka, serta pengetepian mereka dari proses membuat keputusan dan penglibatan berkesan dalam hal-hal yang secara langsung memberi kesan kepada mereka. Dalam sistem Parlimen kita, masyarakat pribumi, khususnya masyarakat Orang Asli tidak diwakili dengan secukupnya. Lebih memburukkan keadaan, dan boleh dikatakan juga kerana kelengahan dalam pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional SUHAKAM, **pelanggaran hak tanah adat** telah menjadi semakin teruk pada tahun ini. Kegagalan dalam melindungi hak-hak tanah Orang Asal oleh Kerajaan juga telah membawa kepada insiden seperti kekecohan dan ugutan jenayah di sekatan-sekatan yang dibina oleh sekumpulan Orang Asli di laluan pembalakan di Gua Musang, Kelantan. Masyarakat Orang Asli di Gua Musang, dalam satu program, telah melahirkan kekecewaan mereka terhadap SUHAKAM dan Kerajaan di atas apa yang mereka anggap sebagai kegagalan di pihak SUHAKAM untuk melaksanakan syor-syor Inkuiri Nasional. SUHAKAM berpendapat bahawa masyarakat Orang Asli/Asal yang lemah dan terpinggir ini perlu dihormati dan diberi peluang yang sama seperti rakyat Malaysia lain untuk menjalani kehidupan yang memuaskan dan penuh nilai. Masa depan bersama memerlukan penyertaan kaum Orang Asli/Asal secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan di Malaysia. SUHAKAM melihat Parlimen sebagai institusi yang mempunyai peranan penting dalam perlindungan hak asasi Orang Asal berdasarkan nilai tradisional, wawasan, keperluan, dan keutamaan mereka tetapi sehingga kini, peranan ini belum direalisasikan sepenuhnya.

Tahun lalu menyaksikan pelancaran dua laporan kajian bertema iaitu “**Kematian Dalam Tahanan Polis: Kajian Mengenai Keadaan Lokap Dan Faktor Yang Menyumbang Kepada Kematian**” dan “**Penjagaan Kesihatan Di Penjara Malaysia: Hasil Laporan Dan Tinjauan Seluruh Negara**”. Salinan kedua-dua laporan ini telah diedarkan kepada pihak berkuasa dan SUHAKAM berharap Kerajaan akan melaksanakan syor-syor yang dikemukakan di dalam laporan tersebut bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara dalam menangani pelbagai masalah yang membimbangkan dan berterusan di tempat tahanan.

SUHAKAM terus menyuarakan pendiriannya yang tegas bahawa langkah-langkah konkrit perlu diambil untuk membasmi **semua bentuk penyiksaan**. Dalam semua keadaan dan tanpa pengecualian, penyiksaan tidak selaras dengan kepercayaan umum yang didokong dan dipromosi oleh Malaysia, dan yang ingin kita lihat dilindungi di seluruh dunia. Kerja SUHAKAM sepanjang tahun berhubung dengan perkara ini dan secara khususnya di **tempat tahanan** telah melibatkan sembilan lawatan pemantauan ke tempat-tempat tahanan. SUHAKAM juga bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, dan PDRM, dan terus memberi nasihat berkenaan prinsip-prinsip dan keterpakaian **Konvensyen Menentang Penyiksaan Dan Layanan Atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, Atau Menjatuhkan Maruah (CAT)**. SUHAKAM telah berulang kali mengutarakan masalah serius berkaitan dengan tempat tahanan di negara ini seperti keadaannya yang tidak boleh diterima, yang jauh di bawah piawaian minimum. Walaupun populasi tahanan kebanyakannya lelaki, semakin ramai wanita dan kanak-kanak yang diletakkan di tempat tahanan tanpa membuat perubahan infrastruktur yang perlu. SUHAKAM berpendapat bahawa peningkatan populasi tahanan adalah tidak seiring dengan peningkatan dalam sumber-sumber yang diperlukan seperti bajet. Ini mempunyai kesan ke atas keseluruhan sistem tersebut, yang seterusnya mengakibatkan tekanan yang lebih tinggi ke atas pentadbiran serta kakitangan tempat tahanan.

SUHAKAM selama ini telah melihat kesan **kesesakan di penjara dan pusat tahanan imigresen ke atas tahanan**. Ini merupakan isu kemanusiaan yang serius yang boleh membawa kepada kemerosotan keadaan hidup dalam tempoh penahanan, yang kadang kala boleh menjadi keadaan yang **tidak berperikemanusiaan**. Tahanan, terutamanya di pusat-pusat tahanan imigresen, tinggal untuk tempoh yang panjang di dalam **sel-sel yang sesak** tanpa ruang yang cukup untuk bergerak atau tidur. Tambahan pula, pengurungan di dalam ruang yang kecil dan dalam **persekitaran yang selalunya tidak bersih** menyebabkan sekatan terhadap hak untuk bebas menjadi lebih mencabar. Bukan sahaja aspek maruah tahanan yang terjejas, malah kesihatan mental, emosi, dan fizikal mereka kadang kala terus merosot.

Malangnya, dapat dirasakan bahawa terdapat kekurangan minat terhadap hak asasi bagi tahanan, malah kadang kala mereka dianggap telah kehilangan kesemua hak asasi manusia atas sebab penahanan mereka. Sikap ini, pada pandangan SUHAKAM, tergambar dalam keutamaan belanjawan Kerajaan, dan sumber yang disediakan untuk penyeliaan dan penjagaan kesemua tempat tahanan di negara ini. SUHAKAM berpandangan bahawa menjamin keadaan yang baik dan berperikemanusiaan untuk tahanan adalah satu aspek penting dalam hak kepada keadilan, dan SUHAKAM akan terus bersuara mengenai isu ini.

Selama bertahun-tahun, SUHAKAM telah bekerjasama dengan PDRM dalam pelbagai perkara termasuklah program kerjasama mengenai hak asasi manusia. Walaupun penglibatan SUHAKAM dengan pihak Polis telah menghasilkan tahap kejayaan yang berbeza-beza, SUHAKAM telah menjalankan beberapa bengkel latihan untuk pihak Polis mengenai hak asasi manusia yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pematuhan mereka terhadap piawai hak asasi manusia dalam tugas seharian, serta untuk berkongsi amalan terbaik hak asasi manusia supaya ianya boleh diterapkan dalam polisi PDRM untuk memupuk dan mengekalkan perkhidmatan Polis yang inklusif serta mengelakkan pelanggaran hak asasi manusia. SUHAKAM ingin meningkatkan usahanya dalam hal ini dan telah menyampaikan hasrat ini kepada pihak pengurusan tertinggi PDRM di dalam mesyuarat kerja bersama. SUHAKAM sentiasa memperakui komitmen dan sumbangan PDRM kepada masyarakat, terutamanya tanggungjawab berat yang digalas oleh pihak Polis semasa perhimpunan awam yang juga merupakan hak asasi rakyat. SUHAKAM memuji PDRM di atas cara mereka mengendalikan dan menguruskan perhimpunan awam baru-baru ini.

Sehubungan dengan ini, adalah hasrat SUHAKAM supaya pihak Polis menerima bahawa apa yang digelar sebagai "perhimpunan haram" itu tidak wujud. Berikutan pemansuhan Seksyen 27 Akta Polis 1967, konsep perhimpunan haram tidak ada lagi di bawah undang-undang, dan perhimpunan tidak boleh dihalang. Pemberitahuan awal tentang perhimpunan tidak boleh dianggap sebagai meminta kebenaran atau pengesahan daripada pihak berkuasa, dan ianya hanyalah bagi maksud memudahkan pelaksanaan hak kebebasan berhimpun.

Pada tahun 2016, SUHAKAM telah menguruskan sejumlah 879 **aduan** yang mengandungi dakwaan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia termasuk hak untuk kewarganegaraan, hak-hak tanah adat, hak untuk mendapatkan perlindungan dan status pelarian, penangkapan sewenang-wenangnya, penahanan, dan pembuangan daerah. 80 aduan telah dibuat oleh Orang Asli tentang pencerobohan tanah adat yang berterusan bagi tujuan pembalakan, perlombongan, dan pertanian; pencemaran sungai dan penebangan hutan

tidak terkawal; kekurangan kemudahan asas termasuk elektrik dan bekalan air; dan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan anak-anak Orang Asli. Di Sabah, aduan yang diterima banyak berpokok kepada hak kewarganegaraan dan hak-hak tanah adat.

Pada tahun yang lalu, SUHAKAM telah mendapat **liputan media** yang agak besar berhubung pelbagai isu hak asasi manusia. Ini termasuklah kerja SUHAKAM berkenaan dengan pemantauan perhimpunan awam. Antaranya ialah 'Bantahan Terhadap TPPA' pada 23 Januari; 'Perhimpunan Tangkap MO1' pada 27 Ogos; 'Konvoi BERSIH 5.0 di Sekinchan' pada 15 Oktober dan 'BERSIH 5.0' pada 19 November.

Bagi pihak berkuasa dan sesetengah rakyat Malaysia, peserta perhimpunan yang menjalankan hak untuk berhimpun secara aman seolah-olah memberikan imej yang negatif. Walaupun kebanyakan acara bantahan di negara demokratik yang matang dan liberal adalah bersifat tidak ganas, perhimpunan awam masih dianggap bermasalah, meyusahkan, atau salah. SUHAKAM berpandangan bahawa atas sebab-sebab ini, pihak berkuasa telah cuba untuk mentakrifkan hak untuk berhimpun dengan cara yang terhad dan sempit. SUHAKAM telah menjelaskan bahawa melalui **Akta Perhimpunan Aman 2012 (PAA)**, kesemua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, termasuk penjawat awam, pelajar universiti, ahli akademik, dan guru, dan bahawa ia akan menjadi pelanggaran kepada Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan jika hak untuk berhimpun secara aman disekat melalui pekeliling atau arahan Kerajaan, universiti dan/atau Jabatan.

Hari ini pun, perbincangan hak asasi manusia di beberapa rantau termasuk di rantau ini seolah-olah masih tertumpu kepada soalan yang sempit mengenai hubungan antara budaya, adat, atau nilai-nilai tempatan dan hak asasi manusia sejagat. Akibatnya, banyak kerajaan yang menentang pematuhan kepada norma antarabangsa yang dianggap menyangkal agama dan tradisi tempatan, walaupun kesejahteraan hak asasi manusia dari segi moral tidak dapat dinafikan. Ini boleh memberikan mesej yang salah kepada generasi muda, yang sekarang pun tidak menyedari sepenuhnya akan manfaat hak asasi manusia kerana mereka tidak dididik mengenai perkara ini di sekolah.

SUHAKAM pada tahun ini telah terus mengadakan perbincangan, ceramah, dan aktiviti-aktiviti dengan pelajar universiti dan kolej. Sesi dialog ini telah mendedahkan minat menyeluruh dalam topik hak asasi manusia; suatu subjek yang walaupun tidak dimasukkan dalam kurikulum sekolah, namun semakin diiktiraf sebagai mata pelajaran penting yang patut diperkenalkan sekurang-kurangnya di sekolah rendah. Sekarang pun, pendidikan tidak formal kekal sebagai satu-satunya konteks di mana pendidikan hak asasi manusia boleh

dipelajari oleh generasi muda kita. Belia perlu faham kesaksamaan dan konsep tiada diskriminasi, serta mengetahui hak mereka, untuk memahami bagaimana mereka harus dilayan dan bagaimana mereka harus melayan orang lain. Mengetahui dan memahami tentang hak dan tanggungjawab, menghargai kedua-duanya, dan belajar mengenai perjuangan untuk mendapatkan kedua-duanya, adalah asas-asas penting dalam persediaan semua kanak-kanak untuk hidup dalam masyarakat yang demokratik dan majmuk. Kajian telah mendapati bahawa mengajar kanak-kanak tentang hak asasi manusia dapat mengurangkan kes buli, ponteng sekolah, dan penyisihan, memperbaiki hubungan dengan guru-guru, dan mewujudkan suasana yang lebih sihat untuk belajar.

Namun, dalam sistem pendidikan kita, hak asasi manusia dan hak yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan tidak diajar di sekolah-sekolah, kerana ia dianggap oleh sesetengah pihak sebagai selaras dengan sekularisme, atau dianggap bahawa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) adalah sebuah dokumen masyarakat Barat yang gagal mengambil kira norma budaya dan nilai yang wujud di Malaysia, atau sebagai percubaan untuk memaksa nilai Barat ke atas rakyat Malaysia. Oleh itu, jelas terdapat kekurangan pemahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan dan hak-hak yang terkandung di dalamnya di kalangan rakyat Malaysia.

SUHAKAM akan cuba untuk merapatkan jurang ini. Memandangkan pendidikan hak asasi manusia adalah penting bagi hak setiap kanak-kanak kepada pendidikan yang berkualiti, dan selaras dengan Program Dunia PBB Bagi Pendidikan Hak Asasi Manusia, SUHAKAM menjadikan **pendidikan hak asasi manusia** dari peringkat awal hingga ke peringkat pengajian tinggi sebagai salah satu keutamaannya dengan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan pada tahun 2009 untuk **Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)**. Tahun ini, 15 buah sekolah lagi telah dimasukkan ke dalam program ini, membawa kepada sejumlah 222 sekolah yang mengambil bahagian. Program ini, yang bertujuan untuk menerapkan nilai dan prinsip hak asasi manusia ke dalam setiap aspek kehidupan di sekolah, telah menjana minat dan membawa hasil yang memberangsangkan.

Pendidikan hak asasi manusia tidak boleh diringkaskan menjadi pengenalan pendek tentang kandungan hak asasi manusia di sekolah-sekolah terpilih. Pendidikan hak asasi manusia perlu diberi keutamaan di peringkat asas polisi pendidikan kita untuk memastikan bahawa kanak-kanak pada hari ini akan membesar menjadi orang dewasa yang sedar akan hak mereka. Adalah menjadi harapan SUHAKAM agar hak asasi manusia diterima sebagai sebahagian daripada pendidikan formal di semua sekolah selaras dengan aspirasinya iaitu "Pendidikan Hak Asasi Manusia (Diajar Dan Diamal) Di Semua Sekolah Menjelang Tahun 2020", dan selaras dengan Matlamat 4 Agenda 2030

bagi Pembangunan Lestari iaitu untuk memastikan pendidikan terangkum dan berkualiti untuk semua dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat menjelang tahun 2030.

Namun, sokongan yang diberi masih tidak cukup untuk menjamin hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak pelarian. Walaupun hak kepada pendidikan termaktub di dalam Konvensyen Berkaitan Dengan Status Pelarian 1951, kanak-kanak pelarian di negara ini yang mempunyai akses kepada pendidikan terpaksa menghadiri sama ada projek pendidikan yang dikendalikan oleh Pesuruhjaya Tinggi PBB Untuk Pelarian (UNHCR) dengan kerjasama badan bukan Kerajaan, atau kelas pendidikan dalam komuniti yang dianjurkan oleh komuniti pelarian itu sendiri, kerana mereka tidak layak untuk mendapat pendidikan formal. SUHAKAM akan terus berusaha untuk memastikan semua kanak-kanak dapat merealisasikan hak mereka kepada pendidikan.

Pada bulan September 2015, 170 pemimpin dunia telah berkumpul di Sidang Kemuncak Pembangunan Lestari PBB di New York untuk menerima pakai Agenda Pembangunan Lestari 2030. Agenda baru ini, yang berasaskan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, meliputi satu set 17 **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)** yang luas serta 169 sasaran, dan akan berfungsi sebagai rangka kerja keseluruhan yang akan membimbing tindakan pembangunan nasional dan global untuk 14 tahun akan datang. Memandangkan SDG diperolehi daripada prinsip-prinsip hak asasi manusia, adalah penting untuk memastikan ianya dilaksanakan dengan komitmen politik yang cukup. Oleh itu, adalah sangat penting untuk kita bermula dengan penerimaan penuh dan menyeluruh terhadap hak asasi manusia. Tetapi ini akan menjadi sukar jika status penyertaan Malaysia kepada triti hak asasi manusia antarabangsa kekal pada kedudukan yang statik, menjadikan kita salah satu daripada beberapa negara di dunia yang mempunyai kadar paling rendah bagi ratifikasi/penyertaan triti. Kebanyakan **triti hak asasi manusia antarabangsa** mula berkuatkuasa berdekad yang lalu, dan ketidaksertaan Malaysia yang berterusan mencerminkan kurangnya keazaman negara ini untuk memenuhi kewajipan antarabangsanya.

Sejak penubuhannya, SUHAKAM telah menyuarakan kebimbangannya kepada Kerajaan mengenai status penyertaan Malaysia kepada baki enam perjanjian hak asasi manusia antarabangsa. Hampir 80 peratus daripada semua Negara Anggota PBB telah meratifikasi atau menyertai sekurang-kurangnya empat daripada sembilan triti teras hak asasi manusia. Di rantau Asia Tenggara, kebanyakan negara telah meratifikasi atau menyertai sekurang-kurangnya lima triti. Malah, di kalangan negara-negara Islam, ada sebilangan yang telah meratifikasi atau menyertai lebih banyak triti teras ini daripada Malaysia. Malaysia tidak menandatangani atau menyertai Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) 1969;

Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil Dan Politik (ICCPR) 1976; Kovenan Mengenai Hak Ekonomi, Sosial, Dan Kebudayaan (ICESCR) 1976; Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Layanan Atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, Atau Menjatuhkan Maruah (CAT) 1987; Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Hak Asasi Semua Pekerja Migran Dan Ahli Keluarga Mereka (ICMW) 2003; dan Konvensyen Antarabangsa Untuk Perlindungan Semua Orang Dari Kehilangan Yang Dipaksa (ICPED) 2010.

SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa terdapat semakan undang-undang yang sedang berjalan di negara ini untuk memastikan ianya selaras dengan triti hak asasi manusia antarabangsa. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berpandangan bahawa proses ini tidak komprehensif mahupun sistematik. Pertama, semakan ini tidak mengambil kira sepenuhnya kewajipan antarabangsa Malaysia mengenai hak asasi manusia. Seterusnya, tiada penglibatan yang jelas oleh Parlimen atau SUHAKAM dalam proses semakan. SUHAKAM berpandangan bahawa Parlimen tidak perlu menunggu dengan pasif bagi Jabatan Peguam Negara atau Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk mengambil inisiatif dalam menentukan sama ada Malaysia perlu menyertai sesuatu triti hak asasi manusia atau tidak. Parlimen sebenarnya boleh membantu untuk membawa agenda ini ke hadapan. Dalam hal ini, SUHAKAM mencadangkan supaya Parlimen menubuhkan Jawatankuasa yang boleh meneliti status baki triti yang belum disertai Malaysia, dan Parlimen juga harus terlibat secara lebih rasmi dalam kajian sistematik undang-undang domestik untuk memastikan ianya selaras dengan instrumen hak asasi manusia antarabangsa.

Dalam perjuangan berterusan menentang **keganasan**, SUHAKAM mendapati bahawa Kerajaan menghadapi cabaran dalam mengekalkan hak asasi manusia dalam konteks **memerangi keganasan**. Begitu juga, cabaran bagi rakyat biasa adalah berbagai-bagai. Kebimbangan masyarakat awam semakin menular berkenaan kesan sebenar undang-undang, dasar, atau langkah anti keganasan terhadap hak dan kebebasan awam bagi semua orang. SUHAKAM berpandangan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan ialah bagaimana untuk memberi tindak balas berkesan terhadap ancaman penganas yang mungkin berlaku, tanpa mengetepikan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang merupakan lambang masyarakat demokrasi dan termaktub dengan jelasnya di dalam Perlembagaan kita.

Apabila Malaysia meluluskan **Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA)**, telah dijamin bahawa ia akan digunakan hanya apabila terdapat ancaman yang pasti terhadap negara kita daripada penganas. Dalam tempoh yang pendek sejak ia diluluskan, SOSMA telah digunakan bagi tujuan lain dari antikeganasan, dan SUHAKAM telah mencatatkan aduan daripada tahanan yang mendakwa terjadinya penderaan semasa tahanan 28 hari mereka, contohnya temu duga yang dijalankan dalam keadaan yang

bertujuan untuk menghina tahanan. Terdapat kes di mana individu yang memilih untuk melaksanakan hak untuk berhimpun secara aman telah ditahan di bawah Akta tersebut. Malah, seakan-akan terdapat suatu trend untuk melemahkan sebarang percubaan serius untuk mengkaji kepatuhan undang-undang antikeganasan ini kepada hak asasi manusia. Terus terang dikatakan, takrifan yang luas bagi “kesalahan keselamatan” di bawah Akta tersebut seolah-olah menunjukkan bahawa bidang kuasanya melampaui kesalahan keganasan.

SUHAKAM mengimbas kembali Kertas Putih yang bertajuk “Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State” yang menzahirkan kebimbangan Kerajaan terhadap ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan Islamic State (IS), dan mengaitkannya dengan cadangan untuk mengukuhkan SOSMA bagi mengatasi ancaman ini dengan berkesan. Semasa Persidangan Antarabangsa Mengenai Deradikalisasi dan Menentang Esktrémisme Ganas pada bulan Januari tahun ini, Kerajaan menekankan sekali lagi bahawa ancaman serangan pengganas adalah benar dan merupakan sebab Kerajaan meluluskan SOSMA, Akta Langkah-langkah Menangani Keganasan Luar Negara (SMATA) 2015, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016; untuk memastikan pihak Polis mempunyai kuasa yang perlu ada pada mereka. Namun, mengimbangi antara keselamatan negara dan hak asasi manusia adalah penting bukan sahaja demi kejayaan strategi Malaysia untuk memerangi keganasan tetapi juga demi mengekalkan keunggulan demokrasi negara kita. Malaysia perlu memastikan bahawa langkah-langkah yang diambil untuk memerangi keganasan mematuhi kewajipannya di bawah undang-undang antarabangsa, khususnya hak asasi manusia antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan.

SUHAKAM bukan mencadangkan bahawa kita harus mengelak daripada meluluskan undang-undang pencegahan keganasan kerana bimbang berlaku pelanggaran hak asasi manusia. Tetapi undang-undang antikeganasan harus mengandungi perlindungan daripada penyalahgunaan atau ketidaksahan. Adalah penting apabila kuasa luar biasa, yang berpotensi untuk melanggar hak asasi manusia, diperkenalkan oleh Kerajaan bahawa kuasa ini tertakluk kepada semakan sebenar, segera, dan menyeluruh oleh badan kehakiman yang bebas.

Sebagai sebuah institusi hak asasi manusia nasional (NHRI) yang bertauliah penuh dengan “status A”, SUHAKAM telah meneruskan **penglibatannya dengan Parlimen** di pelbagai peringkat pada tahun ini. Prinsip-prinsip Belgrade tentang Hubungan Di Antara Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Dan Parlimen (Prinsip Belgrade) menekankan bahawa NHRI harus melapor terus kepada Parlimen. Lebih tepat lagi, NHRI perlu mengemukakan kepada Parlimen laporan tahunan mengenai aktivitinya, berserta ringkasan akaun, dan juga laporan

mengenai keadaan hak asasi manusia di negara ini dan apa-apa isu lain yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Sebagai balasan, Parlimen akan menerima, menyemak, dan memberi maklum balas kepada laporan NHRI dan memastikan yang mereka membahaskan isu-isu utama dan laporan penting NHRI dengan segera.

Hubungan antara tadbir urus demokrasi yang kukuh dan sikap hormat terhadap hak asasi manusia sejagat adalah jelas. Tahun-tahun kebelakangan ini telah menyaksikan peningkatan konsensus antarabangsa berkenaan kepentingan peranan Parlimen dalam mempromosi, melindungi, dan merealisasikan hak asasi manusia. Sebagai salah satu institusi utama sesebuah negara, Parlimen juga bertanggungjawab untuk melindungi dan memenuhi hak asasi manusia dan melaksanakan tanggungjawab negara, bersama-sama dengan cabang Eksekutif dan Kehakiman Kerajaan. Bagi tujuan ini, SUHAKAM telah mula bekerjasama dengan Parlimen untuk memaksimumkan perlindungan hak asasi bagi setiap individu di negara ini. Lewat tahun ini, SUHAKAM telah mengemukakan pemerhatiannya yang terperinci ke atas perhimpunan aman 19 November kepada Speaker Dewan Parlimen. Menurut Prinsip Belgrade, Parlimen perlu mengadakan perbincangan terbuka mengenai syor yang diberikan oleh NHRI dan harus mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa awam yang berkaitan tentang sejauh mana pihak berkuasa tersebut telah mempertimbang dan memberi maklum balas terhadap syor NHRI.

Walau bagaimanapun, ini merupakan tahun ke-16 berturut-turut di mana Laporan Tahunan SUHAKAM tidak dibahaskan oleh Parlimen. Harus ditekankan bahawa apa yang tidak tercapai oleh SUHAKAM dari segi perlindungan hak asasi rakyat haruslah diangkat pula oleh Parlimen.

Perlu diambil maklum bahawa Jabatan Negara Amerika Syarikat dalam Laporan **Pemerdagangan Orang** 2016 telah mengenal pasti Malaysia sebagai sebuah negara destinasi dan, pada tahap yang lebih rendah, negara sumber dan transit bagi lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang menjadi buruh paksa; serta wanita dan sebilangan kecil kanak-kanak yang menjadi mangsa pemerdagangan seks. Kebanyakan mangsa pemerdagangan adalah di kalangan kira-kira dua juta orang buruh asing yang berdaftar dan lebih dari dua juta orang buruh asing yang tidak berdaftar di negara ini. Penemuan **kem migran dan kubur besar** di sempadan Malaysia-Thailand tahun lepas telah membawa kepada laporan bahawa beberapa pegawai turut bersubhat dalam memudahkan lagi **penyeludupan migran**, yang mungkin juga melibatkan jenayah pemerdagangan manusia. Kerajaan menegaskan bahawa usaha untuk menghentikan pemerdagangan dan meningkatkan pengawasan telah dijalankan tetapi kadar pendakwaan pesalah masih tidak meyakinkan berbanding dengan negara jiran kita seperti Thailand. Pihak berkuasa perlu menerima keseriusan isu ini kerana pemerdagangan berlaku

bukan sahaja merentasi sempadan tetapi juga di dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, SUHAKAM mengalu-alukan pembaharuan kepada sistem perlindungan mangsa, termasuk peruntukan undang-undang untuk membenarkan kebebasan mangsa untuk bergerak dan hak untuk bekerja.

Berhubung dengan isu **pelarian**, walaupun ini merupakan isu yang sekian lama berterusan, dengan anggaran 150,000 orang pelarian yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia, masih lagi tiada dasar, rangka kerja undang-undang, atau penyelesaian yang kukuh berkenaan golongan rentan ini. Disebabkan tiadanya status rasmi, dan oleh itu tiadanya keupayaan untuk mendapatkan permit kerja yang sah, golongan ini terus terdedah kepada pemerdagangan. Ramai pelarian menanggung hutang yang besar, dan pedagang manusia mengambil kesempatan ke atas hal ini untuk mengikat pelarian kepada hutang tersebut. SUHAKAM percaya bahawa akses kepada pekerjaan yang selamat dan sah adalah hak asasi manusia yang jelas dalam undang-undang antarabangsa, dan atas sebab-sebab yang kukuh ianya terpakai kepada semua orang termasuk pelarian dan pencari suaka.

Walaupun tugas utama untuk melindungi hak asasi manusia terletak di tangan kerajaan, perniagaan dan syarikat juga mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia dalam operasi mereka. Tahun ini, agenda **hak asasi manusia dan perniagaan** SUHAKAM terus berkembang, sesuai dengan peningkatan momentum pelan-pelan tindakan kebangsaan bagi pelaksanaan Prinsip-Prinsip Panduan PBB Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan. SUHAKAM telah membantu Pejabat YB Senator Datuk Paul Low dalam menyediakan Kertas Kabinet untuk mendapatkan kelulusan Kerajaan bagi perangkaan Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP) Mengenai Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia yang diperjuangkannya sejak tahun 2015.

SUHAKAM berharap NAP ini akan dapat membantu Kerajaan untuk meningkatkan keupayaannya melindungi hak asasi manusia di Malaysia dengan mengukuhkan struktur pentadbiran, menggalakkan lagi sikap hormat terhadap kedaulatan undang-undang dan perpaduan negara, serta menggalakkan perkembangan budaya hak asasi manusia di seluruh Malaysia. Di samping itu juga, ia diharap dapat mewujudkan kejelasan dan konsistensi di kalangan sektor perniagaan dengan mengukuhkan keupayaan dalaman Kerajaan untuk menangani isu-isu perniagaan dan hak asasi manusia; membolehkan kesepaduan yang lebih baik di antara pelbagai Jabatan dan agensi Kerajaan; memberi panduan kepada pegawai Kerajaan, entiti perniagaan, dan juga pihak berkepentingan lain berkenaan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa hak asasi manusia dilindungi dan dihormati; memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban, terutamanya mengenai langkah-langkah yang diambil untuk melaksanakan Prinsip-Prinsip Panduan PBB (UNGPR); dan menggalakkan keselarasan di antara amalan hak asasi manusia di peringkat negara dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

Perlindungan dan promosi **hak kanak-kanak** kekal sebagai salah satu bidang tumpuan utama bagi SUHAKAM pada tahun 2016. Semua dasar, undang-undang, dan tindakan yang memberi kesan kepada kanak-kanak telah dipertimbangkan dengan teliti oleh SUHAKAM, dan kami telah menasihatkan pihak berkuasa bahawa kesemua ini mestilah dirangka, dilaksanakan, dan dipantau secara yang selaras dengan kepentingan terbaik kanak-kanak. Di dalam sistem undang-undang kita, masih terdapat ruang bermasalah yang belum ditangani, yang telah terabai di dalam pindaan Akta Kanak-kanak 2001 tahun lepas. Ini termasuk antara lainnya isu-isu mendesak seperti pornografi kanak-kanak, pedofilia, dan perkahwinan kanak-kanak.

Kerajaan perlu menjalankan usaha bersepadu untuk membendung masalah eksploitasi kanak-kanak yang semakin meningkat, kerana undang-undang semasa tidak mencukupi dan perlu diperketatkan. Pada masa ini, tidak ada peruntukan dalam **undang-undang jenayah** Malaysia untuk menangani secara khusus isu **pornografi kanak-kanak**. Undang-undang sedia ada seperti Akta Penerbitan 1998, Akta Penapisan Filem 2002, dan Kanun Keseksaan tidak menangani isu pornografi kanak-kanak secara menyeluruh. Jawatankuasa Hak Kanak-kanak (Jawatankuasa CRC), apabila mengkaji laporan awal Kerajaan terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), melahirkan kebimbangan mengenai ketiadaan undang-undang tertentu mengenai kesalahan seksual yang berkaitan dengan Internet termasuk pornografi kanak-kanak, dan mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan pemakaian undang-undang khusus mengenai tanggungjawab pembekal perkhidmatan Internet berkaitan dengan pornografi kanak-kanak di Internet. Memandangkan tanggungjawab Malaysia di bawah CRC dan Protokol Pilihan, SUHAKAM sekali lagi mengulangi saranannya kepada Kerajaan untuk menggubal peruntukan khusus dalam Akta Kanak-kanak 2001 untuk menangani isu pornografi kanak-kanak.

Oleh kerana kesukaran dalam pelaporan, pengesanan, penyiasatan, atau pendakwaan **kesalahan seksual terhadap kanak-kanak**, pesalah seks kanak-kanak mungkin hanya menghadapi risiko yang rendah untuk disabitkan di bawah undang-undang negara buat masa ini. Disebabkan itu, SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk meminda undang-undang sedia ada dan memberi keutamaan tinggi kepada tindakan untuk menangani segala bentuk kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Sekarang pun, jenayah tersebut hanya boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan sebagai kesalahan luar tabii atau menghasut kanak-kanak untuk melakukan perbuatan kelucahan melampau. SUHAKAM berharap bahawa undang-undang yang mantap dan khusus untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan dan penderaan seks akan segera dilaksanakan; termasuk undang-undang yang akan membantu Polis, pendakwa raya, dan agensi-agensi penguatkuasaan untuk menjejaki, menangkap, dan membawa ke muka pengadilan mereka yang cuba mempersiapkan kanak-kanak secara seksual di Internet.

Penukaran agama kanak-kanak secara unilateral terus menjadi tajuk perdebatan hangat tahun ini. Ia timbul berkali-kali dalam arena politik, ruang media, dan prosiding Mahkamah. Pada tahun 2016, perbincangan tentang isu ini menjadi lebih serius apabila Kerajaan mengumumkan pindaan kepada perundangan, khususnya Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016, untuk mengelakkan penukaran agama kanak-kanak secara unilateral. SUHAKAM berpendapat bahawa pindaan tersebut akan mewujudkan standard yang lebih jelas dan konsisten untuk menyelaraskan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dengan hak Perlembagaan ibu bapa untuk bebas beragama, kerana di dalam perkahwinan sivil, kedua ibu bapa harus memberikan kebenaran untuk anak mereka memeluk Islam. SUHAKAM juga menyokong cadangan bahawa kanak-kanak boleh mengekalkan agama mereka, supaya kelak kanak-kanak tersebut boleh memilih dengan bebas agamanya, menurut kepercayaannya sendiri, apabila dia mencapai umur dewasa (18 tahun). Mengambil kira betapa pentingnya memupuk persefahaman, sikap tolak ansur, dan hormat-menghormati dalam perkara yang berkaitan dengan kebebasan beragama dan berkepercayaan, SUHAKAM menekankan bahawa isu penukaran agama kanak-kanak secara unilateral di Malaysia, serta halangan yang begitu banyak dalam menikmati sepenuhnya hak untuk bebas beragama, mesti diselesaikan dengan segera oleh Parlimen. Ahli-ahli Parlimen mempunyai tanggungjawab untuk mengkaji undang-undang sedia ada dan meminda atau memansuhkan mana-mana yang bersifat diskriminasi, tidak saksama, atau kuno, dan SUHAKAM berharap agar Parlimen akan segera menangani isu-isu yang belum selesai ini demi kepentingan negara.

Perkahwinan kanak-kanak secara paksa adalah masalah sejagat yang merentasi negara, agama, budaya, dan rejim politik. Oleh kerana amalan ini merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang boleh menjejaskan tumbesaran kanak-kanak perempuan dengan menyebabkan kehamilan awal, mengganggu pendidikan, mengehadkan peluang untuk kemajuan kerjaya, dan menyebabkan peningkatan risiko keganasan rumah tangga, SUHAKAM menyokong cadangan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun ini untuk meningkatkan umur minimum untuk berkahwin kepada 18 bagi kanak-kanak perempuan Muslim di negara ini. Ini bersesuaian dengan Akta Kanak-kanak 2001, yang mentakrifkan kanak-kanak sebagai mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Walaupun ada usaha-usaha murni oleh Kementerian untuk tidak menggalakkan amalan tersebut dan meningkatkan kesedaran mengenai kesan buruk perkahwinan kanak-kanak di bawah umur, dari segi pengubalan undang-undang, Parlimen tidak menunjukkan prestasi yang diharapkan. Walaupun Parlimen patut melibatkan NHRI dalam proses perundangan, termasuk dengan menjemput NHRI untuk memberi nasihat mengenai keserasian hak asasi manusia dengan undang-undang dan dasar-dasar yang dicadangkan, SUHAKAM masih lagi belum dirujuk.

Sepanjang tahun lalu, SUHAKAM terus bekerjasama dengan **rakan kongsi antarabangsa** termasuk Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI); Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF); Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF); Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR); dan Perikatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) untuk promosi dan perlindungan hak asasi manusia. SUHAKAM telah bekerjasama dengan AICHR di dalam Forum Serantau Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Media pada bulan Mei, dan Debat Belia AICHR pada bulan September.

Dalam hal menguruskan peninggalan masa lalu, terdapat sejumlah besar kerja yang masih tertunggak bagi SUHAKAM. Perkara teratas dalam agenda kami adalah pelaksanaan syor di dalam Inkuiri Nasional mengenai hak tanah Orang Asli. SUHAKAM juga akan terus menyokong penubuhan **Jawatankuasa Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia** yang akan mempunyai objektif utama untuk menyelia perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia di dalam negara ini.

Terdapat banyak cabaran untuk masa hadapan. Pada tahun 2018, rekod hak asasi manusia Malaysia akan dinilai oleh negara-negara lain melalui proses **Penilaian Penggalan Sejagat PBB (UPR)**. Proses ini memberi peluang kepada semua Negara Anggota PBB untuk mengumumkan tindakan yang telah mereka ambil untuk memajukan keadaan hak asasi manusia di negara mereka. Seperti yang saya sebutkan, SUHAKAM memerlukan usahasama yang berterusan dan hubungan perkongsian bersama pihak Eksekutif, Parlimen, Kehakiman, kerajaan tempatan, pihak berkuasa awam, sektor masyarakat awam dan semua pihak berkepentingan yang lain untuk membentuk sebuah negara yang menghormati, melindungi, dan memenuhi hak-hak asasi manusia rakyatnya.

Walaupun terdapat kemajuan berkenaan penglibatan SUHAKAM dengan beberapa pihak berkepentingan utama, tidak semua mesyuarat yang diadakan atas dasar penglibatan telah membuahkan hasil yang diinginkan. Isu-isu hak asasi manusia yang sukar, dan yang tidak dapat ditangani oleh SUHAKAM tanpa kesungguhan politik dan sokongan penuh penggubal dasar dan ahli-ahli badan perundangan di peringkat persekutuan dan negeri, masih berterusan.

Sebagai sebuah badan kebangsaan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen, adalah menjadi harapan SUHAKAM agar Kerajaan dan Parlimen dapat melihat SUHAKAM sebagai sekutu mereka dalam usaha untuk menggalakkan dan mempertahankan standard hak asasi manusia di negara ini.

Walau apa pun cabarannya, SUHAKAM kekal komited untuk membawa lebih banyak kemajuan kepada hak asasi manusia pada tahun akan datang dan berharap untuk meluaskan hubungannya dengan pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan, individu-individu, dan komuniti-komuniti ke arah menggalakkan lagi sikap hormat terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi.

Pesanan terakhir kami adalah hak asasi manusia mestilah tertanam di dalam ketiga-tiga cabang Eksekutif, Kehakiman, dan Perundangan, dan dicerminkan dalam pegangan dan amalan kita. Menghormati hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang mestilah menjadi asas kepada demokrasi yang berkesan dan berkembang maju. Ini memerlukan sikap hormat terhadap pluralisme pendapat, masyarakat awam yang aktif, organisasi masyarakat sivil (CSO) dan badan bukan Kerajaan (NGO) serta media yang bebas, sektor swasta yang berdaya tinggi, serta sistem semak dan imbang yang berkesan terhadap kuasa. Dalam hal ini, SUHAKAM dengan mandatnya akan terus menasihat, memantau, dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk bertindak secara yang mematuhi hak asasi manusia.

Laporan Tahunan ini dibentangkan kepada Parlimen mengikut Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, dan SUHAKAM bersedia untuk bekerjasama dan memberi maklum balas terhadap sebarang pertanyaan oleh Parlimen.

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG- UNDANG DAN ADUAN





Berdiri (dari kiri):

Pn. Paremawati S., Cik Yustina Isnak, En. Mohamad Azizi Azmi, Cik Nur Adlin Abd Ghaffar, En. Ahmad Zaidi Baharuddin, En. Abdul Saat Hamid, En. Joshua Ericsson, En. Helmi Fendy Mohamad Idris, Pn. Siti Zailhan Zulkarnain, Cik Nur Syamirni Amran

Duduk (dari kiri):

En. Shahzad Sulaiman, En. Ameer Izyanif Hamzah, Pn. Norashikin Hamzah, Pn. Nurul Hasanah Ahamed Hassain Malim (Timbalan Setiausaha), Pn. Lau Sor Pian, Cik Nur Hariza Abd Aziz, Cik Mariani Che Hussin

Tiada Dalam Gambar:

En. Muhammad Faiz, Pn. Sarah Adibah Hamzah

Bab 1

LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN

I. BAHAGIAN DASAR

Pada tahun ini, Bahagian Dasar menumpukan kerja dan advokasi terhadap isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan perniagaan; Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan; susulan tindakan ke atas Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal Di Malaysia, dan penyelidikan mengenai hak-hak transgender, terutama hak kepada pekerjaan, kesihatan, pendidikan, perumahan, dan maruah. Bahagian Dasar juga menjalankan tindakan susulan terhadap kajian tematik yang lalu iaitu "Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran".

1. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

(a) Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan Di Malaysia

Dalam kesinambungan kerja Suruhanjaya terhadap advokasi NAP Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan, dengan mengambilkira komitmen yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan semasa pelancaran Rangka Kerja Strategik NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan pada tahun 2015, Kerajaan akan membangunkan sebuah NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan. Beberapa mesyuarat susulan telah diadakan sepanjang tahun di antara Suruhanjaya dan Pejabat YB Senator Datuk Paul Low.

Bahagian Dasar juga membantu Pejabat tersebut dalam menyediakan Kertas Kabinet untuk kelulusan Kerajaan bagi membangunkan NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan Di Malaysia tersebut. Selain itu, Kertas Kabinet itu turut menekankan, antara lain, rasional dan justifikasi Kerajaan untuk membangunkan pelan tindakan tersebut. Walaupun Kerajaan sedang membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP), Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk pelan yang berasingan mengenai hak asasi manusia dan perniagaan yang akan memberi tumpuan khusus kepada tanggungjawab dan tugas Kerajaan dalam melindungi dan menghormati hak asasi

manusia dalam aktiviti perniagaan seperti yang ditetapkan dalam UNGP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan.

Kumpulan Kerja PBB Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan dalam laporannya pada tahun 2014 di Perhimpunan Agung PBB jelas menyatakan bahawa NAP adalah instrumen utama dalam pelaksanaan UNGP.

Oleh demikian, adalah diyakini bahawa NAP tersebut akan mampu:

- i) Menetapkan objektif hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa;
- ii) Memperincikan jenis tindakan yang boleh diguna pakai oleh Kerajaan di dalam melindungi hak asasi manusia dan menyokong sektor perniagaan, serta tanggungjawab mereka terhadap hak asasi manusia di peringkat nasional dan transnasional;
- iii) Mengenal pasti keutamaan tindakan serta membuat komitmen yang bersifat konkrit dan boleh diukur yang meliputi keseluruhan aspek bidang perniagaan, perdagangan, dan dasar pelaburan di Malaysia yang membawa kesan terhadap hak asasi manusia;
- iv) Mengenal pasti cara di mana remedi dan mekanisma tuntutan boleh diperkukuhkan atau dijadikan lebih efektif
- v) Merangkumi cara mengukur kemajuan, seperti peringkat-peringkat pencapaian kerja, kitaran laporan berkala, dan/atau petunjuk prestasi.

Di Malaysia, penerapan hak asasi manusia ke dalam aktiviti perniagaan telah pun bermula. Ini dapat dilihat berdasarkan fakta bahawa terdapat lebih daripada lima puluh perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana, yang telah menjadi ahli UN Global Compact, dan yang dengan itu komited untuk mematuhi 10 Prinsip UN Global Compact, termasuk hak asasi manusia. Di samping itu, terdapat lebih dari 120 syarikat Malaysia yang merupakan ahli kepada Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) yang komited kepada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Oleh itu, sebuah NAP akan membantu sektor perniagaan supaya lebih bertanggungjawab, selain memastikan aktiviti perniagaan mereka tidak melanggar hak asasi manusia semasa beroperasi di Malaysia dan di negara lain. Adalah menjadi kepentingan terbaik perniagaan-perniagaan untuk mengekalkan reputasi mereka sebagai warga korporat yang baik yang mematuhi hak asasi manusia dalam operasi mereka di dalam dan luar negara.

Suruhanjaya percaya bahawa NAP yang dicadangkan juga perlu disokong dengan penguatkuasaan yang berkesan bagi undang-undang sedia ada yang mengawal tindakan sektor perniagaan. Oleh itu, Suruhanjaya menegaskan bahawa walaupun Kerajaan tidak boleh

dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas semua pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh sektor perniagaan, namun begitu Kerajaan masih boleh dianggap melanggar kewajipannya di dalam melindungi hak asasi manusia sekiranya pelanggaran hak asasi manusia itu disebabkan oleh kegagalan Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah, menyasat, menghukum, dan membetulkan penyalahgunaan syarikat swasta.

Suruhanjaya berpendapat bahawa untuk menjayakan NAP ini, Kerajaan memerlukan sokongan semua pihak berkepentingan terutamanya syarikat perniagaan. Sehubungan itu, pada tahun ini Suruhanjaya telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan beberapa syarikat seperti Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Felda Global Venture (FGV), dan Digi Telecommunications, yang bertujuan antara lainnya untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai rancangan untuk membangunkan NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan. Suruhanjaya akan meneruskan penglibatannya dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan meningkatkan usaha untuk menggalakkan kesedaran mengenai isu-isu hak asasi manusia dan perniagaan termasuk NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan di kalangan sektor perniagaan secara lebih meluas.

(b) Mesyuarat dan Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan

Selaras dengan pelancaran Rangka Kerja Strategik, Suruhanjaya terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dengan menghadiri beberapa mesyuarat sama ada di peringkat domestik mahupun serantau dalam meneruskan agenda Rangka Kerja Strategik ke hadapan. Dengan menggunakan platform ini, Suruhanjaya telah berkongsi pandangan serta pengalaman dalam menyokong Kerajaan Malaysia ke arah membangunkan NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan. Keterlibatan dengan semua pihak berkepentingan adalah salah satu cara untuk menggalakkan kesedaran tentang kepentingan NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan, serta untuk mendapatkan sokongan ke arah merealisasikan NAP ini.

i) Seminar Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) untuk Mempromosikan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Hak Asasi Manusia di ASEAN

Suruhanjaya telah dijemput oleh AICHR-Singapura dan Rangkaian CSR ASEAN untuk berkongsi pengalamannya dalam menyokong Kerajaan Malaysia untuk membangunkan NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan. Seminar ini telah diadakan dari 3-4

November di Singapura. Seminar tersebut bertujuan untuk mengenal pasti peranan Kerajaan, sektor perniagaan, kesatuan sekerja dan CSO di dalam mempromosikan CSR, serta mengenal pasti elemen-elemen strategi serantau mengenai CSR dan hak asasi manusia di ASEAN. Sekiranya ada, strategi serantau akan menyokong dan memenuhi aspirasi Wawasan Komuniti ASEAN 2025, yang akan membina serta mengukuhkan proses integrasi untuk merealisasikan Komuniti ASEAN yang berasaskan peraturan dan mesra rakyat.



Pesuruhjaya Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin (kiri) sedang menyampaikan pembentangan beliau semasa Seminar AICHR untuk Mempromosikan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Hak Asasi Manusia di ASEAN.

ii) Mesyuarat Serantau Ke-6 Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan Agri Di Asia Tenggara

Mesyuarat Serantau ini yang berlangsung dari 3-4 November di Kota Kinabalu, Sabah adalah merupakan salah satu dari siri acara yang dianjurkan oleh Forest Peoples Program (FPP) dengan kerjasama Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF) sejak lima tahun yang lalu, bertujuan untuk membincangkan dan membangunkan rangka kerja yang boleh memastikan tanggungjawab hak asasi manusia dituruti oleh sektor perniagaan berasaskan pertanian di dalam dan luar negara. Bagi tahun ini, Mesyuarat Serantau ini telah dianjurkan dengan kerjasama FPP, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, dan Jaringan Orang Asal Se-Malaya (JOAS).

Mesyuarat Serantau ini turut meneliti pendekatan mengenai persijilan minyak sawit iaitu Pendekatan Perundangan RSPO yang diperkenalkan di Negeri Sabah. Pendekatan inovatif RSPO ini akan diguna pakai kepada semua pengeluar minyak sawit di negeri ini. Tujuannya adalah untuk memastikan yang menjelang tahun 2025 semua pengeluaran minyak sawit di Sabah akan dapat dilestarikan dan diberikan persijilan RSPO. Sebelum Mesyuarat Serantau ini, beberapa peserta berpeluang untuk menyertai dua misi pengumpulan data yang dianjurkan oleh JOAS dan organisasi Orang Asal, Partners of Community Organisation (PACOS), dan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (SEPA), dengan tujuan untuk melihat sendiri cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di Pitas dan Bigor, Nabawan (Sabah) yang disebabkan oleh projek-projek pembangunan tanah di kawasan tersebut. Peserta-peserta Mesyuarat Serantau telah mengutarakan cadangan konkrit tentang pengukuhan proses di dalam menegakkan UNGP dan hak asasi manusia di samping merapatkan jurang yang wujud di antara Orang Asal dan komuniti tempatan dengan agensi-agensi Kerajaan sub-nasional dan di kawasan setempat.



Antara peserta Mesyuarat Serantau ke-6 mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Agri di Asia Tenggara yang telah diadakan dari 3-4 November di Kota Kinabalu, Sabah

iii) **Mesyuarat Perancangan Strategik Ke Arah Pelaksanaan UNGP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan Di Empat Negara ASEAN**

Mesyuarat yang berlangsung di Makassar, Indonesia ini telah diadakan pada 8-9 November. Ia telah dihadiri oleh wakil-wakil tiga NHRI iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Suruhanjaya Hak

Asasi Manusia Filipina (CHRP), dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), serta wakil-wakil daripada Konsortium Pembaruan Agraria (KPA), Gabungan Tanah Antarabangsa, (ILC) dan Oxfam Novib. Objektif Mesyuarat ini antara lainnya adalah untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan rangka kerja hak asasi manusia dan perniagaan (BHR), perkembangan terbaru NAP di ASEAN dan kawasan-kawasan yang lain, dan inisiatif program baru; serta untuk membentuk visi bersama/matlamat tentang peranan masyarakat sivil ke arah pelaksanaan tiga tunggak Prinsip UNGP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan, yang telah dilaksanakan di empat buah negara.

(c) Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA)

Sejak tahun 2012, Suruhanjaya telah memantau rundingan berkaitan TPPA untuk memastikan Kerajaan meletakkan perlindungan-perindungan seperti yang dibayangkan oleh Prinsip ke-9 UNGP, yang menyatakan:

“Negara-negara harus mengekalkan ruang dasar domestik yang mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab hak asasi manusia mereka dalam mencapai objektif dasar yang berkaitan dengan perniagaan bersama Negara lain atau perusahaan perniagaan, misalnya melalui perjanjian pelaburan atau kontrak.”

Di akhir siri rundingan tersebut, pada 5 November, teks penuh TPPA telah boleh diakses secara umum dan dimuat turun menerusi laman sesawang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MITI turut mengalu-alukan sebarang input dan maklum balas daripada orang awam mengenai TPPA. Terdapat 30 Bab TPPA yang meliputi pelbagai bidang termasuklah pelaburan, perolehan Kerajaan, harta intelek, buruh dan penyelesaian pertikaian.

Berdasarkan kepada memorandum yang telah diterima oleh Suruhanjaya pada 1 Disember 2015 daripada beberapa Ahli Parlimen dan mantan Senator berkenaan impak TPPA ke atas hak asasi manusia di Malaysia, pada 15 Januari, Bahagian Dasar telah menganjurkan perbincangan meja bulat (PMB) mengenai TPPA dan kesannya ke atas hak asasi manusia di Malaysia, dengan memfokuskan kepada bab terpilih iaitu hak harta intelek, buruh, dan penyelesaian pertikaian, yang mungkin memberi kesan kepada hak asasi manusia di Malaysia.



Antara Ahli Panel Perbincangan Meja Bulat mengenai TPPA. Dari kiri En. Kesavan a/l Karuppiah (Kementerian Sumber Manusia) and Datuk J. Jayasiri (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

Isu-isu yang berikut telah diutarakan oleh peserta semasa PMB tersebut termasuk:

i) Sifat Eksklusif Data

Kebimbangan telah dibangkitkan oleh para peserta mengenai sifat eksklusif data yang akan memberi kesan ke atas kos perubatan. Penjagaan kesihatan awam di Malaysia bergantung kepada subsidi Kerajaan, dan dengan itu apa-apa pertambahan dalam kos perubatan akan memberi kesan kepada hak asasi manusia, terutamanya hak kepada kesihatan. Terdapat dakwaan bahawa syarikat-syarikat pengeluar ubat boleh memanipulasi peruntukan-peruntukan terbabit, yang akan menjejaskan kemasukan ubat generik.

ii) Penilaian Impak Hak Asasi Manusia (HRIA)

Para peserta mengalu-alukan dua kajian analisis kos-faedah yang dijalankan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan Price Waterhouse Cooper (PWC). Bagaimanapun, kebimbangan turut dibangkitkan bahawa Kerajaan tidak menjalankan sebarang HRIA berkenaan dengan TPPA.

iii) Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Kerajaan (ISDS)

Peruntukan-peruntukan di dalam ISDS membolehkan pelabur asing mencabar undang-undang atau dasar Kerajaan jika mereka percaya bahawa undang-undang atau dasar itu akan mengurangkan keuntungan masa depan mereka. Walaupun ISDS bukan saja untuk pelabur asing tetapi juga pelabur Malaysia, yang semakin memandang ke luar

negara, kebimbangan telah dibangkitkan bahawa ISDS² merupakan penguatkuasaan Bab Pelaburan dan bertujuan untuk menyedarkan Kerajaan bahawa sebelum pengenalan mana-mana dasar atau undang-undang, Kerajaan mesti mengambil kira kesan ke atas keuntungan syarikat atau pelabur dari negara-negara anggota dalam TPPA.

iv) **Konsultasi Bermakna bersama Pihak Berkepentingan**

Sejak peringkat awal penglibatan Kerajaan dalam proses rundingan TPPA, punca utama rasa tidak puas hati di kalangan pihak berkepentingan adalah kurangnya proses konsultasi yang bermakna. Kebimbangan telah dibangkitkan bahawa dialog dan mesyuarat yang dijalankan oleh Kerajaan adalah sesi taklimat semata-mata, di mana tiada perbincangan menyeluruh telah diadakan dan tiada teks-teks rundingan disediakan.

v) **Waktu yang Singkat untuk Perbincangan dan Penyediaan Komen**

Teks sebenar TPPA telah dikeluarkan oleh Kerajaan pada 5 November 2015 dan dipaparkan di laman sesawang MITI. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya membenarkan dua bulan³ untuk pihak berkepentingan mengkaji teks tersebut, yang mengandungi 30 Bab dan 6,000 mukasurat.

vi) **Kesukaran dalam Pemahaman Teks TPPA**

30 Bab TPPA tersebut adalah sukar untuk difahami, termasuklah di kalangan Ahli Parlimen, dan ini mungkin akan menggagalkan tujuan Sesi Khas Parlimen yang bertujuan untuk mendebatkan peruntukan-peruntukan di dalam TPPA dan kesannya kepada rakyat dan negara.

vii) **Perkaitan antara TPPA dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)**

Pada Sidang Kemuncak Pembangunan Mampan PBB pada 25 September 2015, lebih dari 150 negara termasuk Malaysia telah menerima pakai SDG baru yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran untuk ditangani, termasuk perubahan iklim global (Matlamat 13), kesihatan yang kurang baik (Matlamat 3), dan kemiskinan (Matlamat 1). Turut dinyatakan bahawa terma TPPA sepatutnya menuruti dan seiring dengan matlamat dan sasaran SDG yang telah pun diterima pakai oleh Kerajaan.

Berdasarkan PMB tersebut, Suruhanjaya telah mencadangkan beberapa syor untuk pertimbangan Kerajaan:

-
- 2 Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Kerajaan (ISDS) adalah satu sistem di mana syarikat-syarikat individu boleh menyaman negara yang didakwa mengamalkan diskriminasi. ISDS merupakan instrumen undang-undang awam antarabangsa dan peruntukan yang terkandung di dalam beberapa perjanjian pelaburan dua hala. Sekiranya pelabur dari satu negara (negara asal) melabur di negara lain (negara penganjur), kedua-duanya bersetuju untuk ISDS, dan negara penganjur melanggar hak yang diberikan kepada pelabur di bawah undang-undang awam antarabangsa, maka pelabur boleh membawa perkara tersebut sebelum tribunal timbang tara.
 - 3 Akhbar melaporkan bahawa Parlimen akan mengadakan satu sesi perdebatan khas mengenai TPPA dari 26 sehingga 28 Januari 2016.

- **Memastikan Perjanjian Pelaburan dan Perdagangan Malaysia Tidak Memberikan Kesan Buruk kepada Hak Asasi Manusia**

Syor 17 di dalam Pelan Strategik Rangka Kerja NAP Mengenai Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan (dokumen Suruhanjaya mengenai hak asasi manusia dan perniagaan yang telah dihantar kepada Pejabat Perdana Menteri pada 24 Mac 2015) menyatakan bahawa Kerajaan tidak boleh mengabaikan kewajipan hak asasi manusia mereka di dalam memuktamadkan sebarang perjanjian pelaburan dan perdagangan.

Perjanjian ekonomi yang dimeterai oleh Kerajaan, sama ada dengan Negara lain atau dengan perusahaan perniagaan - seperti triti pelaburan dwi-lateral, perjanjian pelaburan bebas, atau kontrak kepada projek pelaburan - mewujudkan peluang ekonomi bagi Kerajaan tetapi juga boleh memberi kesan kepada ruang dasar domestik Kerajaan. Sebagai contoh, syarat-syarat perjanjian pelaburan antarabangsa boleh mengekang Kerajaan daripada melaksanakan sepenuhnya undang-undang hak asasi manusia baru, atau membuka risiko Kerajaan menghadapi timbangtara antarabangsa yang mengikat jika ia berbuat demikian. Oleh itu, Kerajaan perlu memastikan bahawa ia mengekalkan keupayaan kawal selia dan dasar yang cukup untuk melindungi hak asasi manusia di bawah syarat-syarat perjanjian itu, di samping menyediakan perlindungan pelabur yang diperlukan.

- **Konsultasi yang Bermakna bersama Pihak Berkepentingan**

Memandangkan masa yang sangat terhad sejak pengeluaran teks sebenar TPPA pada 5 November 2015 oleh Kerajaan, Suruhanjaya mengesyorkan supaya lebih banyak rundingan yang bermakna dan masa diperuntukkan bagi pihak berkepentingan untuk menilai dan merujuk kepada pakar-pakar bebas untuk pemahaman yang lebih baik dan mendalam terhadap teks TPPA. Di samping itu, memandangkan TPPA akan memberi kesan yang besar ke atas Malaysia, perlu ada perbincangan yang lebih aktif mengenai peruntukan dan implikasi perjanjian tersebut, dan juga rundingan yang bermakna, sebelum Kerajaan membuat apa-apa keputusan untuk menandatangani atau meratifikasi TPPA.

- **Penubuhan Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen (PSC) mengenai TPPA**

Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Kaukus Parlimen mengenai TPPA. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya difahamkan bahawa oleh sebab Kaukus tersebut diberikan mandat yang terhad, ia hanya terlibat di dalam siri sesi taklimat oleh Kerajaan dan tiada perbincangan yang mendalam mengenai perkara ini. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya sebuah PSC ditubuhkan

untuk mengkaji TPPA, dengan mandat untuk membentangkan hasil kajian mereka kepada Parlimen.

- **Penilaian Impak Hak Asasi Manusia (HRIA)**

Suruhanjaya mengesyorkan kepada Kerajaan untuk menjalankan HRIA terhadap TPPA sebagai tambahan kepada dua analisis kos-faedah yang telah dijalankan. Salah satu elemen penting di dalam usaha wajar hak asasi manusia korporat, seperti yang digariskan di dalam UNGP, ialah proses pengenalpastian dan penilaian sebarang kesan buruk kepada hak asasi manusia, sama ada kesan sebenar atau yang mungkin, dengan matlamat untuk menanganinya. Proses-proses untuk mengenal pasti dan menilai kesan-kesan tersebut mungkin berupa inisiatif tunggal, seperti HRIA. Langkah ini adalah selaras dengan syor Kumpulan Pakar PBB kepada setiap Negara supaya menjalankan HRIA sebelum menandatangani sebarang perjanjian perdagangan.

Baru-baru ini, telah dilaporkan bahawa Presiden Amerika Syarikat Donald Trump menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan menarik diri daripada perjanjian TPPA pada hari pertama beliau menjejakkan kaki di Rumah Putih. Disebabkan itu, Menteri Kedua Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Ong Ka Chuan telah mengumumkan bahawa Malaysia bersama dengan 10 lagi negara anggota di dalam TPPA akan tetap meneruskan penyertaan mereka walaupun tanpa Amerika Syarikat sekiranya suatu klausa keperluan dipinda. Berdasarkan kepada TPPA yang telah dipersetujui, perjanjian tersebut hanya boleh berkuatkuasa sekiranya diluluskan oleh enam buah negara yang bertanggungjawab ke atas 85 peratus daripada keluaran ekonomi TPP. Secara teknikalnya, perjanjian tersebut tidak akan membawa apa-apa erti tanpa ratifikasi daripada Amerika Syarikat, negara yang ekonominya membentuk 60 peratus daripada nilai ekonomi TPP. Berdasarkan situasi di atas, Suruhanjaya akan meneruskan pemantauan terhadap isu ini, khususnya mengenai sama ada 11 buah negara anggota tersebut akan meneruskan perjanjian ini tanpa Amerika Syarikat.

2. TINDAKAN SUSULAN INKUIRI NASIONAL TERHADAP HAK TANAH ORANG ASAL

Pada 3 Jun, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Hak Tanah Adat yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri untuk menangani, memantau, dan melaksanakan hasil dapatan di dalam laporan Pasukan Petugas Khas Kerajaan. Peranan Jawatankuasa Kabinet akan merangkumi peranan sebagai Suruhanjaya Kebangsaan bebas, seperti yang disyorkan oleh

Suruhanjaya di dalam laporan Inkuiri Nasional.

Pada 7 April mesyuarat ulung Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, telah diadakan. Di dalam mesyuarat tersebut, syor-syor berikut telah dibuat:

- i) Setiap Kerajaan Negeri perlu melaporkan secara berkala mengenai status kawasan yang diwartakan untuk Orang Asli di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954;
- ii) Berpandukan prinsip pendekatan berasaskan prinsip persetujuan awal, bebas, dan termaklum (FPIC), seperti yang dibayangkan oleh Perisytiharan PBB Mengenai Hak Orang Asal, JAKOA dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak akan merangka garis panduan untuk memastikan penyertaan Orang Asal dalam agenda pembangunan negara/negeri-negeri tersebut, terutamanya di kawasan-kawasan yang akan mempunyai kesan langsung ke atas mereka;
- iii) Cadangan penstrukturan semula oleh JAKOA akan dihantar ke Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah (KKLW) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan;
- iv) Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan JAKOA akan membina modul latihan untuk kakitangan dan pegawai yang terlibat dalam pentadbiran tanah adat dan Orang Asal;
- v) Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri akan menjalankan kajian mengenai konsep hak tanah adat;
- vi) Objektif Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YGBK) akan dipinda untuk meluaskan mandatnya bagi membolehkan yayasan tersebut mewakili Orang Asli dalam kes-kes berkenaan tanah, serta untuk meningkatkan kapasiti ahlinya dalam menguruskan kes tanah adat; dan
- vii) Tiga jawatan tambahan di dalam Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) akan diwujudkan supaya BITU dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai urusetia Jawatankuasa Kabinet tersebut dengan berkesan.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya amat bimbang dengan kelengahan Kerajaan dalam mengambil tindakan-tindakan tersebut, yang telah pun menyebabkan pencabulan hak asasi Orang Asli, terutama sekali pencerobohan terhadap tanah adat untuk kegunaan pembangunan yang masih berlaku sehingga hari ini. Sebagai contoh, pada tahun ini, Suruhanjaya menerima 41 aduan mengenai hak tanah adat. Walaupun Kerajaan telah memberikan komitmen kepada isu ini, pencerobohan tanah Orang Asli untuk tujuan pembalakan, pertanian, dan penggalian masih berlaku. Suruhanjaya percaya bahawa Kerajaan boleh mengambil pendekatan yang sama dengan pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, yang telah mengeluarkan perintah moratorium terhadap pembangunan projek

empangan hidroelektrik baru di Sarawak. Khususnya, Suruhanjaya meminta Kerajaan untuk mengeluarkan perintah moratorium atau perintah larangan sementara ke atas semua pembangunan yang melibatkan hak tanah adat, sementara menantikan pelaksanaan syor yang telah diberikan.

3. PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN HAK ASASI MANUSIA (NHRAP)

Sebagai penerusan peranan Suruhanjaya di dalam Jawatankuasa Pemandu NHRAP, mesyuarat susulan bersama konsultan yang telah dilantik iaitu Hazizah and Co telah diadakan pada 9 Ogos untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan kerja merangka NHRAP.

Dalam mesyuarat tersebut, pihak konsultan telah memaklumkan bahawa sebanyak 36 Kementerian dan Jabatan telah ditemu bual dan dijangka sebanyak 15 lagi agensi akan ditemu bual. Selain itu, pihak konsultan turut menjalankan tinjauan atas talian tentang persepsi umum mengenai hak asasi manusia. Seramai 3,000 responden dari Malaysia telah turut serta di dalam tinjauan ini.

Selain itu, Suruhanjaya telah mendapat jaminan bahawa draf NHRAP akan tersedia pada bulan November atau Disember. Setelah draf tersebut siap, konsultasi yang seterusnya akan diadakan bersama pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas mengenai draf tersebut. Suruhanjaya amat menantikan proses kerjasama dengan pihak konsultan dan BHEUU mengenai perkara ini. Suruhanjaya beriltizam untuk merealisasikan NHRAP dan oleh itu akan terus membantu bila diperlukan. Suruhanjaya ingin mengulangi syor-syor yang telah dikemukakannya, dan menggesa Kerajaan untuk memastikan perangkaan NHRAP oleh pihak konsultan adalah mengikut garis masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 18 bulan (November 2015 hingga April 2017), demi mengelakkan kelewatan lanjut.

4. KAJIAN MENGENAI KOMUNITI TRANSGENDER

Pada tahun ini, Suruhanjaya bersetuju untuk menjalankan kajian asas untuk mendapatkan maklumat mengenai diskriminasi yang dihadapi oleh komuniti transgender di negara ini. Fokus kajian adalah untuk mendapatkan maklumat secara langsung mengenai diskriminasi yang dihadapi oleh golongan transgender. Sesi temu bual berstruktur telah diadakan, di mana responden diminta memberi maklumat terperinci mengenai aspek-aspek demografi mereka, serta mengenai hak-hak kepada pekerjaan, penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan, dan maruah diri. Di dalam bahagian berkenaan maruah diri, soalan telah ditanyakan berkenaan penderaan atau keganasan yang dilakukan oleh pelbagai pihak seperti pihak berkuasa semasa tangkapan

dan tahanan, ahli-ahli keluarga, dan masyarakat. Suruhanjaya telah menemu bual 100 orang responden termasuk 'transwomen' dan 'transmen'. Suruhanjaya telah melantik penyelidik luar untuk membantu menganalisis data yang diperolehi daripada temu bual. Kajian tersebut akan siap pada tahun hadapan.

5. HAK ORANG KURANG UPAYA

a) Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak yang Bermasalah Pendidikan

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah melancarkan laporan mengenai "The Right to Education for Children with Learning Disabilities (CWLD): Focusing on Primary Education". Seiring dengan itu, satu PMB mengenai hasil dapatan laporan tersebut telah diadakan bersama agensi Kerajaan dan NGO. Suruhanjaya telah bersetuju untuk berkongsi hasil dapatan laporan tersebut dengan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, oleh itu permohonan telah dibuat kepada majlis tersebut untuk sesi makluman.

Semasa mesyuarat ke-3 Majlis yang telah diadakan pada 28 November, Pesuruhjaya Francis Johnen telah dijemput oleh pihak Majlis untuk membentangkan laporan tersebut bagi pihak Suruhanjaya. Mesyuarat Majlis telah dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, dan dihadiri oleh ahli-ahlinya yang terdiri daripada para pegawai dari agensi Kerajaan⁴ dan individu yang mempunyai pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan mengenai masalah dan isu-isu orang kurang upaya (OKU).

Berikut merupakan rumusan pemerhatian dan syor-syor oleh Suruhanjaya di dalam mesyuarat tersebut:

- i) Gambaran keseluruhan isu-isu yang berkaitan dengan rangka kerja undang-undang dan dasar Kerajaan, halangan kepada pendidikan untuk CWLD, cabaran dalam persekitaran sekolah, pelajaran dan aktiviti Program Pendidikan Khas Bersepadu (SEIP), dan lain-lain.
- ii) Cadangan untuk penubuhan sebuah pangkalan data bersepadu yang memuatkan statistik mengenai kanak-kanak kurang upaya; untuk melanjutkan SEIP dan pendidikan inklusif kepada semua sekolah; untuk meningkatkan sumber manusia (sebagai contoh dengan mengambil lebih ramai guru pendidikan khas, memastikan penempatan yang betul bagi guru-guru pendidikan khas, dan lain-lain); untuk meluluskan dengan serta-merta peruntukan dana bagi sekolah-sekolah yang memerlukan perhatian segera; untuk menjalin kerjasama pintar/strategik dengan syarikat-syarikat swasta, dan lain-lain.

⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Kebajikan Sosial (JKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan, dsb.

Sebagai maklum balas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan mesyuarat seperti berikut:

- i) KPM telah mengeluarkan arahan yang CWLD akan menjalani tempoh percubaan selama tiga bulan dan, berdasarkan kesesuaian, mereka akan ditempatkan sama ada dalam program pendidikan khas, SEIP, atau program pendidikan inklusif. Kanak-kanak ini tidak patut dipinggirkan daripada sistem persekolahan.
- ii) KPM telah menjalankan program kesedaran mengenai masalah pembelajaran kepada orang ramai di peringkat negeri dan juga merancang untuk mewujudkan kesedaran tentang masalah pembelajaran melalui penyiaran media.
- iii) Terdapat kempen advokasi dalam bentuk “inclusive walk” yang akan diadakan awal tahun depan bagi menggalakkan kesedaran tentang OKU.
- iv) Kelas-kelas untuk SEIP di sekolah-sekolah Kerajaan akan dipertingkatkan secara beransur-ansur.
- v) KPM telah menjalankan satu projek kerjasama dengan RHB Foundation - satu inisiatif untuk membina kemudahan mesra OKU di sekolah-sekolah iaitu tandas, rel tangan, dan laluan khas untuk kanak-kanak kurang upaya. Pada masa ini, inisiatif ini hanya dijalankan di Kuala Lumpur.

Memandangkan kepentingan isu ini, Suruhanjaya akan terus memantau pelaksanaan cadangannya serta komitmen yang telah dibuat oleh Kerajaan, dengan matlamat untuk memastikan akses kepada pendidikan untuk setiap kanak-kanak di Malaysia tanpa diskriminasi.

6. HAK ASASI MANUSIA DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)

Pada 1 Januari, 17 SDG, di bawah Agenda Pembangunan Lestari 2030, yang telah diterima oleh pemimpin-pemimpin dunia pada bulan September 2015 di Persidangan PBB yang bersejarah telah berkuat kuasa secara rasmi. Selama 15 tahun yang akan datang, dengan matlamat sejagat baru yang terpakai kepada semua, Negara-negara Anggota akan menggerakkan usaha untuk menamatkan semua bentuk kemiskinan, melawan ketidaksaksamaan, dan menangani perubahan iklim, di samping memastikan bahawa tidak ada yang ketinggalan⁵. Walaupun SDG tidak mengikat dari segi undang-undang, Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama untuk membuat tindakan susulan dan menilai kemajuan di dalam pelaksanaan 17 Matlamat tersebut. Tindakan

⁵ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, “Agenda Pembangunan Lestari”, <<http://www.un.org/sustainabledevelopment/development-agenda/>>

susunan dan penilaian peringkat serantau adalah berasaskan kepada analisis peringkat nasional, dan seterusnya dituruti oleh penilaian di peringkat global.

Pada bulan Oktober 2015, Persidangan Antarabangsa Ke-12 Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa Institusi Kebangsaan bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC) telah dianjurkan di Merida, Yucatan, Mexico, dengan fokus terhadap “Matlamat Pembangunan Lestari: Apakah Peranan Institusi Hak Asasi Manusia?” Persidangan itu, yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Mexico (CNDH) dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan ICC, telah membuat kesimpulan untuk menerima pakai Deklarasi Merida, dokumen bersejarah yang menggalakkan semua Institusi Hak Asasi Manusia (NHRI), sejajar dengan mandat mereka di bawah Prinsip-prinsip Paris, untuk bekerjasama dalam pembinaan keupayaan bersama dan perkongsian pengalaman untuk menyumbang kepada pendekatan yang berasaskan hak asasi manusia untuk pelaksanaan Agenda 2030 Pembangunan Lestari.

Deklarasi Merida⁶ menggariskan beberapa peranan NHRI yang boleh diambil:

- i) Menasihati kerajaan persekutuan dan tempatan, pemegang hak, dan pihak lain untuk menggalakkan pendekatan berasaskan hak asasi manusia dalam melaksanakan dan membuat penilaian terhadap SDG, termasuk menilai kesan perundangan, dasar, program, rancangan pembangunan negara, amalan pentadbiran, dan belanjawan bagi merealisasikan konsep hak asasi manusia untuk semua.
- ii) Membina dan mengukuhkan perkongsian untuk tujuan pelaksanaan dengan mempromosikan proses yang telus dan inklusif untuk penyertaan dan rundingan dengan pemegang hak dan masyarakat awam di semua peringkat pelaksanaan SDG.
- iii) Melibatkan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran dan membina kepercayaan, serta menggalakkan dialog dan usaha bersepadu untuk pendekatan berasaskan hak asasi manusia bagi pelaksanaan dan pemantauan SDG.

Pada tahun ini, Suruhanjaya sangat aktif dalam menghadiri program SDG yang dianjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). Suruhanjaya memuji inisiatif Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu SDG yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah EPU, dan yang keanggotaannya akan terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi Kerajaan dan CSO. Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Pemandu ini dengan menjadi salah satu ahli jawatankuasa, demi berkongsi pandangan dan kepakaran mengenai perkara ini.

⁶ Perikatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI), “Persidangan Antarabangsa Ke-12”, <<http://nhri.ohchr.org/EN/ICC/InternationalConference/12IC/Background%20Information/Merida%20Declaration%20FINAL.pdf>>

7. HARAPAN MASA DEPAN

Bahagian Dasar akan meneruskan pemantauan ke atas tindakan Kerajaan berhubung syor-syor Suruhanjaya, dan juga akan mengenalpasti bidang advokasi seterusnya. Oleh itu, Bahagian Dasar akan bekerjasama dengan lebih erat bersama pihak-pihak berkepentingan termasuklah entiti perniagaan, pihak CSO, dan media untuk mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

II. BAHAGIAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI

Sepanjang tahun 2016, isu-isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan kanak-kanak, wanita, OKU, Orang Asli/Asal dan kerajaan telah dipaparkan secara jelas di dalam media dan diperjuangkan secara berterusan oleh CSO. Perhatian yang diberikan terhadap isu-isu ini adalah satu tanda positif bahawa orang ramai telah menyedari kepentingan menegakkan hak asasi manusia dan telah mengambil peranan yang aktif untuk memajukan hak-hak tersebut. Bahagian Pembaharuan Undang-undang dan Triti (LRTD) menyedari bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan bukan sahaja hanya berkaitan dengan hak-hak yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia, tetapi juga berkaitan dengan pelaksanaan obligasi yang telah dipersetujui oleh Malaysia di bawah norma dan triti antarabangsa.

Dalam usaha Suruhanjaya untuk memajukan lagi isu-isu ini dengan pihak berkepentingan, LRTD telah mengambil langkah-langkah aktif untuk meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan menganjurkan pelbagai perbincangan, mesyuarat, dan kerjasama dengan mereka. Suruhanjaya melalui LRTD akan meningkatkan usahanya di dalam dan luar negara demi memastikan bahawa rungutan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang terkesan akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan.

1. TRITI ANTARABANGSA

(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

Malaysia telah meratifikasi CEDAW pada bulan Ogos 1995 dengan reservasi terhadap beberapa Artikel⁷. Seterusnya, beberapa reservasi telah ditarik balik pada tahun 1998 dan 2010⁸. Sehingga hari ini, Malaysia masih mengekalkan reservasi berkenaan kewarganegaraan (Artikel 9(2)) serta perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan hubungan kekeluargaan (Artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g)) dan Kerajaan telah memaklumkan bahawa Malaysia tidak berniat untuk menarik balik reservasi yang masih ada.

Suruhanjaya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas penyerahan Laporan Negara CEDAW kepada Jawatankuasa CEDAW baru-baru ini di Geneva pada bulan September 2016. Laporan tersebut menggabungkan Laporan Negara ke-3, ke-4 dan ke-5.

⁷ Reservasi awal adalah pada Artikel 2(f), 5(a), 7(b), 9 dan 16.

⁸ Pada tahun 1998, Malaysia telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 2(f), 9(1), 16(1)(b), 16(1)(d), 16(1)(e) dan 16(1)(h) dan pada tahun 2010, Malaysia telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 5(a), 7(b) dan 16(2).

Laporan Bebas ke Jawatankuasa CEDAW

Suruhanjaya telah mengadakan dua PMB pada bulan April 2014 dan Februari 2015, khusus untuk membincangkan kemungkinan penarikan balik reservasi yang masih ada. Berdasarkan PMB tersebut, Suruhanjaya mendapati majoriti peserta bersetuju bahawa sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji semula pendiriannya terhadap reservasi yang masih ada.

Suruhanjaya berpendapat bahawa pembangunan dan penyertaan wanita dalam bidang perundangan, sosial, dan ekonomi di Malaysia adalah penting untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan juga sebahagian daripada agenda dalam SDG untuk mengurangkan ketidaksaksamaan. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa penambahbaikan dalam bidang kesihatan, pendidikan, dan ekonomi dapat meningkatkan lagi kualiti hidup dan mengurangkan ketidaksaksamaan⁹. Matlamat untuk mengurangkan ketidaksaksamaan telah menjadi salah satu tujuan utama SDG¹⁰ dan adalah penting bagi Suruhanjaya, agensi Kerajaan, dan masyarakat awam untuk bekerjasama bagi menambahbaik dan memajukan pelbagai aspek dalam pembangunan wanita demi mencapai nilai yang lebih tinggi.

Oleh itu, Suruhanjaya telah menganjurkan PMB berkenaan CEDAW bersama pelbagai agensi Kerajaan dan NGO pada 12 Oktober 2016 untuk mendapatkan pandangan dan maklumat daripada mereka mengenai perkembangan isu-isu berkaitan wanita. Maklumat yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam Laporan Bebas Suruhanjaya ke Jawatankuasa CEDAW.

Objektif PMB tersebut adalah seperti berikut:

- i) Untuk berhubung dan bertukar pandangan mengenai perkembangan isu-isu berkaitan wanita di Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan;
- ii) Untuk mendapatkan maklumat, data, dan maklum balas lanjut terhadap pencapaian mengenai kesaksamaan gender di Malaysia; dan
- iii) Untuk mendapatkan maklum balas berkenaan isu-isu yang berkaitan wanita dari sudut dasar dan undang-undang.

Empat isu utama telah dibincangkan dalam PMB tersebut, iaitu:

- i) Akses kepada sokongan undang-undang dan keadilan;
- ii) Kesihatan, kebajikan, dan pendidikan;

⁹ UNDP Malaysia, "Agenda Pembangunan Lestari 2030", <<http://www.my.undp.org/content/malaysia/en/home/post-2015/sdg-overview.html>>

¹⁰ Ibid

- iii) Peluang pekerjaan; dan
- iv) Langkah-langkah khas/perlindungan.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya masih menghadapi cabaran dalam mendapatkan maklumat bagi tujuan penyediaan Laporan Bebas. Maklumat yang diperolehi dari PMB ini mungkin tidak mencukupi untuk membantu Suruhanjaya dalam menyediakan laporan tersebut. Ini kerana terdapat beberapa isu, seperti pembangunan ekonomi untuk wanita di kawasan luar bandar, yang bukan di bawah bidang kuasa langsung KPWK. Walaupun terdapat wakil dari jabatan-jabatan berkaitan, maklumat komprehensif mengenai pencapaian rancangan ekonomi tersebut tidak disampaikan sepenuhnya di dalam mesyuarat. Ini menyukarkan Suruhanjaya dalam memproses maklumat dan memahami isu yang dibangkitkan.

Suruhanjaya juga mengambil maklum berkenaan pendirian Kerajaan ke atas reservasi yang masih dikekalkan. Walau bagaimanapun, ia tidak seharusnya menghalang perbincangan mengenai keperluan untuk menyemak semula undang-undang yang berkaitan secara berterusan demi memastikan ia selaras dengan situasi semasa dan norma antarabangsa.

Suruhanjaya kini sedang di dalam proses penyediaan Laporan Bebasnya berikutan penyerahan Laporan Negara Malaysia dan berharap agar Kerajaan akan mengekalkan penglibatan yang berterusan dengan Jawatankuasa CEDAW demi manfaat dan pembangunan hak-hak wanita di Malaysia.

Syor

Suruhanjaya menegaskan bahawa Kerajaan perlu sentiasa berusaha untuk menambahbaik hak-hak wanita di Malaysia. **Isu-isu seperti pemerolehan kewarganegaraan bagi anak dan amalan perkahwinan poligami telah menjejaskan golongan wanita di Malaysia selama bertahun-bertahun, dan masih terus berlaku.** Sudah tiba masanya bagi Kerajaan dan agensi-agensinya berkaitan untuk membincangkan secara serius penyelesaian bagi cabaran-cabaran tersebut.

(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)

Pihak Kerajaan hanya menyerahkan Laporan Negaranya yang pertama pada tahun 2006, dan telah lewat dalam menyerahkan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 ke Jawatankuasa CRC. Suruhanjaya telah menekankan bahawa Laporan Negara telah lama tertangguh dalam Laporan Tahunan

Suruhanjaya 2015¹¹; namun, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang salinan draf Laporan Negara yang dicadangkan. Suruhanjaya difahamkan bahawa ketika laporan ini ditulis, draf Laporan Negara tersebut sedang dikaji semula oleh Jabatan Peguam Negara.

Berikutan dengan cadangan Suruhanjaya di dalam PMB mengenai CRC terdahulu yang telah diadakan pada 18 Jun 2014 dan 12 Februari 2015¹², Suruhanjaya memuji pindaan terkini terhadap Akta Kanak-kanak 2001¹³ khususnya pemansuhan Seksyen 91(1)(g) yang menghapuskan kuasa yang diberikan kepada Mahkamah untuk memerintahkan hukuman rotan ke atas kanak-kanak. Perintah khidmat masyarakat yang baru diperkenalkan amat dialu-alukan oleh Suruhanjaya dan ia adalah selaras dengan objektif dan prinsip CRC. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya masih bimbang kerana hukuman rotan masih dibenarkan dan diamalkan di sekolah-sekolah serta di rumah oleh sesetengah ibu bapa.

Cadangan Suruhanjaya mengenai skop Seksyen 17(2) Akta Kanak-kanak 2001, yang perlu diperluaskan untuk merangkumi sebarang bentuk penderaan fizikal, emosi, dan seksual kanak-kanak, masih belum diterimapakai, dan syor Suruhanjaya untuk memasukkan peruntukan khas yang secara nyata memberi Akta Kanak-kanak 2001 keutamaan berbanding undang-undang lain dalam hal yang melibatkan kanak-kanak, juga belum diterima oleh pihak Kerajaan.

Laporan Bebas ke Jawatankuasa CRC

Sebagai mendahului penyerahan Laporan Negara ke Jawatankuasa CRC dan bagi tujuan rundingan, Suruhanjaya telah mengadakan PMB pada 13 Oktober 2016 di pejabatnya di Kuala Lumpur dengan pihak berkepentingan dari agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat sivil untuk membincangkan baki reservasi Malaysia kepada CRC, pindaan baru kepada Akta Kanak-kanak 2001, serta isu-isu yang berkaitan, antara lain pornografi kanak-kanak; pedofilia; perkahwinan kanak-kanak; kanak-kanak dalam tahanan; kanak-kanak pelarian, tiada dokumen, dan tidak bernegara; serta pemerdagangan kanak-kanak.

PMB tersebut diadakan dengan tujuan menyediakan ruang terbuka kepada semua peserta untuk meluahkan dan menghuraikan pandangan mereka berkenaan dengan:

- i) Reservasi-reservasi yang masih dikekalkan terhadap Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC; dan

¹¹ Laporan Tahunan SUHAKAM 2015, ms 46-47

¹² Laporan Tahunan SUHAKAM 2015, ms 47-48

¹³ Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016

- ii) Pindaan baru kepada Akta Kanak-kanak 2001 dan ketiadaan undang-undang berkaitan pornografi kanak-kanak; pedofilia; perkahwinan kanak-kanak; kanak-kanak dalam tahanan; dan kanak-kanak pelarian, tiada dokumen dan tidak bernegara.

PMB tersebut telah dihadiri oleh CSO, agensi-agensi Kerajaan, Kesatuan Sekerja dan ahli-ahli akademik seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Kanak-kanak Majlis Peguam Malaysia;
- ii) PS The Children;
- iii) Yayasan Chow Kit;
- iv) Childline Malaysia;
- v) UNICEF Malaysia;
- vi) SUKA Society;
- vii) PT Foundation;
- viii) Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- ix) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- x) PDRM;
- xi) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM);
- xii) Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP);
- xiii) Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO);
- xiv) KLN;
- xv) Jabatan Peguam Negara;
- xvi) KPWKM;
- xvii) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS);
- xviii) Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM);
- xix) Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM);
- xx) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- xxi) Universiti Teknologi MARA (UiTM); dan
- xxii) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam PMB tersebut adalah:

- i) Antara masalah yang dihadapi di Malaysia dalam menangani jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak adalah ketiadaan undang-undang dapat menangani cabaran baru berikutan perkembangan teknologi yang pesat. Oleh itu, tujuan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak yang dicadangkan

oleh Kerajaan adalah untuk mewujudkan satu Akta yang boleh menangani isu-isu yang lebih baru berkenaan pornografi, “sexual grooming”, dan jenayah seksual internet serta jenayah seksual fizikal, di samping meperluaskan definisi rogol dalam undang-undang domestik yang sedia ada;

- ii) Merujuk kepada isu kanak-kanak dalam tahanan, para peserta menekankan bahawa tiada pendidikan disediakan untuk kanak-kanak yang berada di pusat tahanan dan menegaskan bahawa kanak-kanak tidak sepatutnya ditempatkan di pusat tahanan. Dalam pada itu, pusat tahanan yang berasingan untuk kanak-kanak tidak akan menyelesaikan masalah berkenaan. Sebaliknya, kanak-kanak dalam tahanan perlu ditempatkan di pusat perlindungan NGO di bawah inisiatif Alternatif Kepada Penahanan (ATD) yang terus-menerus diperjuangkan oleh Suruhanjaya;
- iii) Berhubung dengan reservasi yang diletakkan ke atas Artikel 7 CRC, ditekankan ketika PMB tersebut bahawa Artikel 7 hanya menyatakan “kewarganegaraan” dan bukan kewarganegaraan khusus Negara itu sendiri. Oleh itu, Malaysia tidak mempunyai kewajiban untuk memberi kanak-kanak kewarganegaraan Malaysia selagi kanak-kanak itu berhak kepada kewarganegaraan mana-mana negara lain. Maka, tidak ada sebab atau keperluan bagi reservasi ke atas Artikel 7 CRC;
- iv) Para peserta menimbulkan kebimbangan mengenai keberkesanan mewujudkan sebuah daftar pelaku jenayah seksual terhadap kanak-kanak, kerana kadar sabitan pesalah jenayah seksual di Malaysia sangat rendah dan ia tidak akan menyediakan senarai komprehensif pesalah yang telah disabitkan dan individu yang berkemungkinan melakukan jenayah tersebut;
- v) Kekurangan akses untuk pendaftaran kelahiran anak juga telah dibangkitkan oleh peserta. Ramai ibu bapa, terutamanya yang tidak berpendidikan dan dari kawasan luar bandar mendapati proses pendaftaran kelahiran sangat mengelirukan dan sukar kerana terdapat banyak keperluan pentadbiran dan prosedur. Di samping itu, ramai Orang Asli/Asal masih melahirkan anak di rumah dan bukan di hospital, dan oleh sebab proses pendaftaran yang rumit, ramai kanak-kanak tidak didaftarkan ketika lahir, seterusnya membawa kepada masalah lain yang berkaitan kerana mereka tidak memiliki kad MyKID;
- vi) Para peserta bersetuju bahawa kanak-kanak perlu diperkasakan. Walaupun Malaysia mempunyai Majlis Kanak-kanak di bawah KPWKM, kebimbangan telah dibangkitkan mengenai komposisi sebenar majlis tersebut, proses pemilihan wakil kanak-kanak serta

fungsi mereka, dan sama ada majlis ini dapat mewakili suara kanak-kanak dari pelbagai latar belakang melalui dua orang wakil kanak-kanak yang duduk di dalamnya;

- vii) Mengenai isu perkahwinan kanak-kanak, peserta-peserta menyokong penyeragaman usia perkahwinan kepada 18 tahun; dan
- viii) Berkenaan kemungkinan reservasi kepada CRC ditarik balik, telah ditegaskan bahawa pendirian Kerajaan adalah untuk memastikan semua undang-undang dan dasar-dasar domestik memenuhi kehendak CRC sebelum ia menarik balik apa-apa reservasi.

Syor-syor

(i) Pembaharuan Undang-undang

Suruhanjaya mencadangkan supaya undang-undang jenayah yang berkaitan dengan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan definisi rogol dipinda untuk menangani keadaan yang lebih baru, dan supaya segala usaha diambil oleh Kerajaan serta semua pihak berkepentingan yang berkaitan bagi mempercepatkan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak yang dicadangkan itu diluluskan. Di samping itu, Kerajaan juga perlu memastikan bahawa semua mekanisme undang-undang dilaksanakan dengan baik dan sistem keadilan diperkasa demi memastikan semua kes penderaan seksual dilaporkan dan didakwa secara berkesan¹⁴.

Oleh kerana Suruhanjaya tidak dijemput ke perbincangan pasukan petugas berkaitan dengan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak, Suruhanjaya berharap bahawa ia akan dirunding dalam proses penggubalan Rang Undang-undang tersebut agar Suruhanjaya dapat memberi apa-apa bentuk bantuan dari perspektif hak asasi manusia.

Suruhanjaya mengulangi bahawa setelah menandatangani CRC, Malaysia perlu berusaha untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk eksploitasi seksual dan penderaan seksual, termasuk penggunaan kanak-kanak di dalam bahan-bahan pornografi. Malangnya, perundangan khas masih belum digubal untuk melarang kesalahan khusus seperti pemilikan pornografi kanak-kanak dan aktiviti yang berkaitan dengan pembuatan atau penyebaran bahan-bahan pornografi kanak-kanak. Suruhanjaya mencadangkan peruntukan khusus digubal untuk menjadikan tindakan pedofilia; serta penerbitan, pemilikan dan pengedaran pornografi kanak-kanak sebagai satu jenayah¹⁵.

¹⁴ Kenyataan Media Suruhanjaya No.27 (15 November 2016); < <http://www.suhakam.org.my/press-statement-no-27-of-2016-sexual-offences-against-children/>>

¹⁵ Kenyataan Media Suruhanjaya No.27 (15 November 2016); < <http://www.suhakam.org.my/press-statement-no-27-of-2016-sexual-offences-against-children/>>

Berhubung dengan usia perkahwinan, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa usia perkahwinan perlu dipinda kepada 18 tahun bagi kedua-dua lelaki dan perempuan. Suruhanjaya juga menegaskan bahawa mengakhiri perkahwinan kanak-kanak menjelang tahun 2030 juga merupakan antara sasaran yang telah ditetapkan di dalam SDG, yang telah menerima komitmen penuh dari Malaysia untuk menyokong dan melaksanakannya¹⁶.

(ii) Kanak-kanak dalam Tahanan

Suruhanjaya berpendirian bahawa kanak-kanak, tanpa mengira status undang-undang atau kewarganegaraan, tidak patut ditempatkan di pusat-pusat tahanan. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan alternatif terhadap penahanan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat-pusat tahanan.

(iii) Pendaftaran dan Kewarganegaraan Kanak-kanak

Suruhanjaya mencadangkan bahawa perlu ada satu prosedur operasi standard untuk memastikan bahawa proses pendaftaran adalah mudah dan senang diakses bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam kategori berikut:

- Kanak-kanak yang lahir dari ibu bapa warganegara Malaysia;
- Kanak-kanak yang lahir dari ibu atau bapa warganegara Malaysia;
- Kanak-kanak yang lahir di Malaysia tetapi tidak mempunyai dokumen peribadi;
- Kanak-kanak sebagaimana diklasifikasikan menurut agama, iaitu kanak-kanak Islam dan bukan Islam;
- Kanak-kanak yang lahir dari warga asing atau bukan warganegara; dan
- Anak angkat.

Ini akan memastikan bahawa kanak-kanak tersebut tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan pendidikan, perubatan, dan lain-lain kemudahan yang penting demi memastikan hak mereka dilindungi.

(iv) Penarikan balik Reservasi CRC

Suruhanjaya berpendapat bahawa dengan menarik balik reservasi

[offences-against-children/>](#)

¹⁶ Kenyataan Media Suruhanjaya No.29 (20 November 2016); < <http://www.suhakam.org.my/press-statement-no-29-of-2016-universal-childrens-day/>>

yang masih ada, pihak Kerajaan secara efektif akan berjanji untuk memastikan bahawa hak kanak-kanak dilindungi sepenuhnya, dan bahawa segala usaha akan diambil demi menjamin penggubalan undang-undang domestik yang dapat membantu dalam merealisasikan hak-hak tersebut.

(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)

Kerajaan masih belum menyerahkan Laporan Negaranya, yang patut dikemukakan pada tahun 2012, kepada Jawatankuasa CRPD. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya difahamkan bahawa ketika laporan ini ditulis, draf Laporan Negara tersebut sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara.

Suruhanjaya amat bimbang dengan perlindungan yang tidak mencukupi terhadap hak-hak OKU, termasuk isu penguatkuasaan Akta Orang Kurang Upaya 2010. Ketiadaan peruntukan khusus yang mengenakan penalti ke atas individu dan/atau organisasi yang gagal mematuhi Akta ini telah merencatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan penuh Akta ini. Akta ini juga tidak memperuntukkan sebarang bentuk remedi kepada OKU yang telah dinafikan haknya. Seterusnya, Seksyen 41 Akta ini memberikan imuniti kepada Kerajaan dan agensinya yang berkaitan daripada sebarang bentuk tindakan undang-undang yang terbit daripada pelaksanaan Akta ini, yang mana menimbulkan isu kebertanggungjawaban Negara di bawah CRPD.

Justeru itu, Suruhanjaya mencadangkan supaya Kerajaan menyemak semula Akta ini bagi mengukuhkan pelaksanaannya dan keberkesanannya dengan memastikan peruntukan berhubung penguatkuasaan, penalti, serta remedi dinyatakan dengan jelas supaya kes-kes ketidakpatuhan terhadap peruntukan Akta ini dapat ditangani dengan baik.

Suruhanjaya berharap supaya Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menarik balik reservasi yang telah diletakkan demi memenuhi tanggungjawabnya di bawah CRPD¹⁷. Kini, tiba masanya bagi Kerajaan untuk menarik balik reservasi-reservasi tersebut kerana ia akan membolehkan semua objektif yang terkandung di dalam CRPD dicapai sepenuhnya, demi melindungi hak-hak OKU di Malaysia.

(d) Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi (ICERD)

Suruhanjaya berpendapat bahawa memandangkan kepelbagaian latar belakang kaum, etnik, dan asal usul rakyat Malaysia, adalah penting bahawa setiap rakyat Malaysia boleh menikmati dan mengamalkan hak serta kebebasan asasi mereka secara saksama di dalam bidang

¹⁷ Malaysia meletakkan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18 CRPD.

politik, sosial, kebudayaan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia masih terpecah dan identiti kaum masih berakar umbi di sebalik keharmonian kaum di Malaysia. Perpecahan ini dianggap berpunca dari undang-undang dan dasar yang diamalkan oleh Kerajaan, dan oleh itu Kerajaan perlu diyakinkan untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang dan dasar yang selaras dengan ICERD.

Suruhanjaya dengan kerjasama Pusat KOMAS telah mengadakan PMB dan bengkel mengenai ICERD bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak sebagai satu langkah untuk mewujudkan rasa peka pegawai Kerajaan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ICERD. Objektif PMB ini adalah untuk mengurangkan perbezaan pendapat di antara pihak-pihak berkepentingan dan untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai agenda dan dasar antidiskriminasi Kerajaan tempatan. Bengkel untuk pegawai Kerajaan tempatan tersebut telah dirangka khusus untuk mewujudkan kesedaran mengenai hak-hak asasi manusia dan standard antidiskriminasi seperti yang terkandung di dalam ICERD.

Sarawak dilihat sebagai contoh yang baik kerana penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dapat hidup secara harmoni. Suruhanjaya mendapati bahawa satu ciri unik yang menyumbang kepada hubungan yang sihat di kalangan rakyat Sarawak adalah penerimaan serta sikap saling menghormati antara rakyatnya terhadap kepercayaan dan hak masing-masing, dan bukan sekadar sikap toleransi terhadap kewujudan kumpulan etnik lain. Ciri asas ini membolehkan rakyat Sarawak untuk mendokong konsep antidiskriminasi dan membolehkan 27 kumpulan etnik utama hidup secara aman bersama-sama¹⁸.

2. PERANAN SURUHANJAYA DI MAHKAMAH

(a) Mahkamah Sivil

Dalam sistem perundangan yang ideal, pengiktirafan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa adalah penting bagi menegakkan hak-hak asas sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya amat percaya bahawa sistem kehakiman merupakan satu organ Negara yang sangat penting untuk memelihara dan untuk menyediakan fungsi semak dan imbang terhadap hak-hak tersebut. Selain itu, Suruhanjaya, sebagaimana diperuntukkan oleh Akta

¹⁸ Portal 1 Klik, "Portal Negeri Sarawak", <<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/9043-profil-negeri-sarawak.html>>

penubuhannya¹⁹ dan dengan sokongan daripada badan Kehakiman, telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan “watching brief” di dalam prosiding mahkamah yang melibatkan isu-isu hak asasi manusia. Suruhanjaya akan mengemukakan prinsip-prinsip dan standard yang berkaitan sepertimana yang terkandung di bawah triti antarabangsa, dan akan menggariskan obligasi Negara di bawah dokumen serta triti hak asasi manusia antarabangsa untuk rujukan Mahkamah. Bagi tahun 2016, Suruhanjaya telah menjalankan “watching brief” di Mahkamah Kanak-kanak, Mahkamah Koroner, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Tinggi di dalam kes-kes berikut:

- i) *Pendakwa Raya Iwn Lena Hendry*: mengenai kebebasan meluahkan pendapat;
- ii) *Pendakwa Raya Iwn Azmi Sharom*: mengenai kebebasan meluahkan pendapat dan bersuara;
- iii) *Shashikumar A/L Selvam*: mengenai kematian dalam tahanan;
- iv) *Rosliza binti Ibrahim Iwn State Government of Selangor*: mengenai kebebasan beragama;
- v) *Yayasan Chow Kit Iwn Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat*: mengenai permohonan bagi hak penjagaan yang sah bagi kanak-kanak yang tiada kerakyatan; dan
- vi) *Pendakwa Raya Iwn Janine Lasimbang*: mengenai kebebasan berhimpun secara aman.

Bagi tujuan “watching brief” tersebut, Suruhanjaya telah diwakili oleh beberapa peguam dari Majlis Peguam Malaysia iaitu Puan Sharifah Norafisah Syaid Abas Al-Juffrie, Encik Mansoor Saat dan Encik George John. Perwakilan ini telah dibuat secara pro bono.

Sepanjang “watching brief” yang dilakukan oleh Suruhanjaya, dapat diperhatikan bahawa penyertaan Suruhanjaya diterima baik oleh pihak Mahkamah. Suruhanjaya ingin merakamkan penghargaannya atas keizinan yang telah diberikan dan berharap agar amalan ini dapat diteruskan kerana ia amat bermanfaat demi perlindungan serta pembangunan hak asasi manusia di Malaysia. Suruhanjaya berharap untuk meluaskan penglibatannya dan memainkan peranan yang lebih aktif di dalam kes-kes mahkamah dalam kapasiti sebagai rakan kepada Mahkamah (*amicus curiae*). Inisiatif ini masih sedang dikaji dan Suruhanjaya berharap untuk melaksanakannya pada tahun 2017.

¹⁹ Seksyen 4(2) Akta SUHAKAM menyatakan bahawa “bagi maksud melaksanakan fungsinya, Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa yang berikut: f. untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain

(b) Mahkamah Syariah

(i) Bengkel bersama Hakim Syariah Selangor berkenaan Instrumen Hak Asasi Manusia Antarabangsa

Sejak tahun 2014, Suruhanjaya komited dalam meluaskan usahanya untuk melaksanakan “watching brief” dalam kes-kes yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia di Mahkamah Syariah, dan bagi tujuan itu, Suruhanjaya telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama JAKESS, JKSM, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), dan Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) sepanjang tahun 2015.



Bengkel yang diadakan untuk Pegawai Sulh Mahkamah Syariah Selangor

Lanjutan daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut, pada bulan April 2016, Suruhanjaya telah mengendalikan satu bengkel pengenalan berkenaan triti hak asasi manusia antarabangsa khususnya UDHR, CRC, CEDAW, dan Deklarasi Kaherah untuk Hakim-hakim dan Pegawai Sulh Mahkamah Syariah Selangor di UKM. Suruhanjaya telah menjemput tiga orang pakar bagi memberikan maklumat serta berkongsi pengalaman berhubung isu-isu yang melibatkan kanak-kanak dan wanita. Mereka adalah Prof Datin Dr Raihanah Hj Abdullah, Pensyarah Kanan Undang-undang dan Syariah di Universiti Malaya (UM); Prof Dr Najibah Mohd Zain, Pensyarah Kanan Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Antarabangsa) UKM. Bengkel tersebut turut dihadiri oleh Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM dan YAA Dato' Dr Hj Mohd Na'im Hj Mokhtar, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Selangor.

Objektif bengkel ini adalah seperti berikut:

- i) Untuk memberi pendedahan serta penjelasan lanjut berhubung prinsip-prinsip dan standard yang termaktub di dalam triti-triti antarabangsa (UDHR, Deklarasi Kaherah, CEDAW, dan CRC) kepada para peserta;
- ii) Untuk mempertingkatkan kesedaran para hakim dan pegawai sulh Selangor berhubung hak wanita dan kanak-kanak sepertimana yang terkandung di dalam triti-triti antarabangsa (UDHR, Deklarasi Kaherah, CEDAW, dan CRC) supaya ia boleh disesuaikan dan digunakan sebagai rujukan dalam menyelesaikan kes-kes Syariah; dan
- iii) Untuk menyediakan satu platform yang terbuka kepada para peserta bagi membincangkan secara mendalam serta berkongsi pendapat mengenai elemen-elemen yang terdapat di dalam triti-triti antarabangsa (UDHR, Deklarasi Kaherah, CEDAW dan CRC) serta hubungkaitnya dengan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Sepanjang bengkel tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan termasuk seperti berikut:

- i) Para peserta ingin tahu mengenai jumlah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya yang berkaitan dengan hal-hal Syariah dan yang melibatkan Mahkamah Syariah. Mereka telah dimaklumkan bahawa peratusan aduan yang melibatkan Mahkamah Syariah masih rendah. Antara aduan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah mengenai isu-isu pertukaran agama dan hak penjagaan anak;
- ii) Para peserta mengambil maklum akan pengenalan mahkamah bergerak. Mereka juga diberitahu bahawa mahkamah bergerak digunakan untuk Orang Asli di Selangor dalam membantu mereka memohon kebenaran untuk berkahwin serta memohon kebenaran daripada wali Raja²⁰ bagi individu yang telah memeluk Islam atau lahir di luar perkahwinan. Dicadangkan supaya kaedah ini dipanjangkan kepada penjara bagi membantu kes-kes seperti banduan wanita yang ditinggalkan oleh suami mereka;
- iii) Berhubung dengan publisiti negatif akibat daripada paparan yang negatif oleh pihak media berkenaan Mahkamah Syariah, misalnya dalam menjatuhkan hukuman kepada wanita atas kesalahan menghina mahkamah, para peserta mengesyorkan supaya

20 Seksyen 2(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 mendefinisi 'wali Raja' sebagai seorang 'wali' yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dalam hal Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak, atau oleh Raja, dalam hal sesuatu Negeri lain, untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

pihak media menjalankan tugas mereka dalam menyampaikan dan melaporkan isu-isu ini secara bijak dan bukan secara sensasi kerana ia akan mempengaruhi tanggapan masyarakat;

- iv) Dicadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menambahbaik dan memperkasakan Mahkamah Syariah. Penambahbaikan ini hendaklah meliputi semua aspek termasuk bidang kuasa, tenaga kerja, serta kemudahan-kemudahan;
- v) Berhubung isu perwarisan harta, dinyatakan oleh para peserta bahawa perundangan Islam (faraid) adalah penyelesaian terbaik. Namun, realitinya, pelaksanaan faraid tidak dilakukan mengikut ajaran Islam yang sepatutnya dan telah membawa kepada diskriminasi terhadap wanita;
- vi) Berkaitan isu poligami, dicadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu mekanisme yang berkesan bagi memastikan dan menjamin hak para isteri dan anak-anak dilindungi di dalam kes di mana suami mengamalkan poligami;
- vii) Disyorkan bahawa semua pihak yang berkaitan mempertimbang dan menyemak semula seluruh aspek undang-undang termasuk prosedur, sistem sokongan, serta sumber kepakaran dalam memastikan semua hak dapat dinikmati secara sama rata oleh setiap pihak;
- viii) Berhubung dengan hak kepada pendidikan, hak ini tidak terhad kepada pembangunan sekolah atau penempatan sekolah di hospital dan penjara; ia merangkumi aspek yang luas terutamanya akses kepada sekolah. Sekolah hendaklah dibina dengan kemudahan yang mesra OKU;
- ix) Sebagai respon kepada isu konflik di antara Akta Kanak-kanak 2001 dan Enakmen Negeri-negeri, dinyatakan bahawa pindaan serta penyesuaian boleh dilakukan. Enakmen Negeri-negeri boleh menerima pakai mana-mana peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Kanak-kanak yang akan mengukuhkan penguatkuasaan Enakmen-enakmen tersebut; dan
- x) Berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah yang bertindan, jika tiada peruntukan jelas berkenaan mana-mana perkara yang sepatutnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah; perkara tersebut boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Sivil. Contohnya, kes-kes yang melibatkan anak tidak sah taraf boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Sivil.

Suruhanjaya mendapati bahawa perkongsian pandangan, pendapat, serta pengetahuan di antara para peserta, penganjur,

dan ahli panel telah diterima baik oleh JAKESS dan adalah diharapkan supaya kerjasama dan hubungan baik di antara Suruhanjaya dan JAKESS dalam mempromosi dan memberi pendidikan hak asasi manusia, selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, dapat diteruskan.

(ii) Bengkel bersama Peguam Syarie berkenaan Instrumen Antarabangsa Hak Asasi Manusia

Pada 8 April 2016, Suruhanjaya telah mengajurkan satu bengkel pengenalan kepada instrumen hak asasi manusia antarabangsa iaitu Deklarasi Kaherah, UDHR, CEDAW, dan CRC kepada ahli-ahli PGSM sebagai persediaan untuk mereka mewakili Suruhanjaya di Mahkamah Syariah. Bengkel ini telah disertai oleh 27 orang ahli PGSM.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh mantan Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam. Tan Sri Hasmy Agam menyangkal tanggapan oleh segelintir peguam Syarie yang menyatakan bahawa hak asasi manusia adalah agenda Barat dan tidak selari dengan ajaran Islam. Beliau kemudian menegaskan bahawa hak asasi manusia boleh diserasikan dengan ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis, dan sebagai pegawai mahkamah, peguam Syarie perlu bertindak sebagai saluran untuk membetulkan salah faham ini dan mendidik pengamal undang-undang Syarie berkenaan keserasian hak asasi manusia dan Islam.

Bengkel ini dibahagikan kepada tiga sesi. Prof Dato' Dr Aishah Bidin memulakan sesi pengenalan berkaitan Suruhanjaya dan memberi penerangan berkenaan UDHR dan Deklarasi Kaherah, manakala Prof Dr Najibah Mohd Zain dari UIAM pula mengendalikan sesi berkenaan CEDAW dan CRC.

Peguam-peguam Syarie berbincang bersama penceramah mengenai pelbagai perkara dari isu yang lazim seperti hak penjagaan anak dan perceraian kepada perkara-perkara yang lebih kontroversi seperti keluar dari Islam (murtad).

Suruhanjaya berpendapat walaupun terdapat ramai pengamal Syarie yang masih konservatif dan enggan menangani isu-isu yang provokatif, masih terdapat beberapa peguam Syarie yang bersedia untuk berhadapan dengan isu-isu kontroversi. Suruhanjaya melihat perkara ini sebagai perkembangan yang sihat, di mana peguam Syarie terbuka kepada perbincangan, kerana agama Islam itu sendiri menggalakkan umatnya untuk menimba ilmu dan menerima kepelbagaian pendapat.

3. ANTI HUKUMAN MATI

Pada bulan Jun 2016, Suruhanjaya telah dijemput oleh Ensemble Contre La Peine De Mort (ECPM) untuk turut serta di dalam 6th World Congress Against the Death Penalty yang diadakan di Oslo, Norway. Kongres Dunia itu telah diadakan dari 21-23 Jun 2016 dan dihadiri oleh pakar-pakar dan aktor-aktor penting dari pelbagai negara yang berjuang untuk pemansuhan hukuman mati, termasuklah peguam-peguam terkemuka, wartawan-wartawan, pakar-pakar perubatan, aktor-aktor masyarakat sivil antarabangsa, wakil-wakil kepimpinan tertinggi politik serta NHRI.

Sepanjang kongres tersebut, Suruhanjaya didedahkan kepada pelbagai cabaran dan pengalaman yang telah dilalui oleh para penceramah dan pihak-pihak yang terjejas dalam usaha mereka untuk memansuhkan hukuman mati. Para peserta juga mempelajari amalan terbaik dan kaedah-kaedah yang strategik daripada pakar-pakar bagi menggalakkan Kerajaan mereka untuk mengkaji semula pendirian mereka terhadap pemakaian hukuman mati di negara mereka.

Selain dari Kongres itu, pada 5 September 2016, Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Pertama Jawatankuasa bagi Membincangkan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia yang diadakan di Parlimen Malaysia. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk wakil-wakil dari Pejabat Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri (KDN), MKN, Jabatan Penjara Malaysia, PDRM, Majlis Peguam Malaysia, Amnesty International Malaysia, serta ahli-ahli Parlimen dan beberapa ahli akademik.

Tujuan mesyuarat tersebut adalah untuk berkongsi maklumat terkini berhubung kertas yang telah dibentangkan di Kabinet mengenai pemansuhan hukuman mati, dan juga bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan mengenai isu ini. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Pejabat Perdana Menteri.

Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan pemansuhan hukuman mati mandatori bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. **Suruhanjaya berpendapat bahawa sebagai langkah seterusnya, Kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk mengembalikan kuasa budi bicara kepada para hakim dan untuk menyemak semula keberkesanan serta kerelevanan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang lain.** Ini adalah selari dengan seruan Suruhanjaya terhadap pemansuhan hukuman mati kerana ia merupakan hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan, dan menjatuhkan maruah, serta bertentangan dengan hak seseorang terhadap nyawa dan keselamatan.

4. HARAPAN MASA DEPAN

Walaupun tindakan yang diambil oleh Kerajaan telah menunjukkan peningkatan dalam usahanya untuk menangani isu-isu hak asasi manusia yang serius seperti jenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak, masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia di kalangan ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai utama Kerajaan dalam menegakkan hak-hak kumpulan rentan dan kebebasan asasi sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. LRTD akan meneruskan penglibatannya dengan Kerajaan bagi meyakinkan mereka untuk menterjemah undang-undang domestik supaya ianya selari dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia, serta untuk menggubal undang-undang yang menegakkan dan mengukuhkan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

III. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 879 aduan, memantau empat perhimpunan awam, menjalankan sembilan lawatan bagi memantau keadaan tempat-tempat tahanan dan menjalankan 26 siasatan lapangan terhadap aduan yang diterima. Suruhanjaya juga telah bekerjasama dengan beberapa agensi lain untuk menyiasat aduan yang turut berada dibawah bidang kuasa agensi-agensi berkenaan. Pada 22 Ogos, Suruhanjaya bersama-sama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) telah mengadakan lawatan ke Depot Tahanan Imigresen Juru bagi menyiasat satu kes kematian dalam tahanan. Suruhanjaya juga telah bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk mengadakan siasatan bersama terhadap sebuah pusat pemulihan dadah swasta pada 8 Disember setelah aduan dibuat kepada Suruhanjaya berhubung dakwaan penderaan dan penahanan salah ke atas penghuni di pusat tersebut.

Dalam bulan April, Suruhanjaya melancarkan dua laporan tematik iaitu "Kematian Dalam Tahanan Polis: Kajian Mengenai Keadaan Lokap Dan Faktor Yang Menyumbang Kepada Kematian" serta "Penjagaan Kesihatan Di Penjara Malaysia: Hasil Laporan Dan Tinjauan Seluruh Negara". Laporan tersebut, yang mengandungi syor-syor yang dibuat berdasarkan kepada dapatan kajian, adalah bertujuan untuk membantu dua agensi utama yang berkenaan mengatasi masalah serius di tempat-tempat tahanan. Perbincangan meja bulat berdasarkan kepada dua laporan tersebut akan diadakan pada tahun hadapan sebagai tindakan susulan terhadap hasil laporan tersebut.

Walaupun cadangan Suruhanjaya berkenaan mekanisma pelaksanaan 'Alternatif Kepada Penahanan (ATD) Kanak-Kanak Di Pusat Tahanan Imigresen' telah ditolak oleh Kumpulan Kerja ATD berasaskan kepada pandangan perundangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya telah dijemput pada bulan Ogos untuk membentangkan model ATD kepada ahli-ahli Pasukan Petugas Khas yang baru dibentuk bagi menambahbaik pengurusan kanak-kanak di pusat-pusat tahanan di Malaysia, dalam sebuah mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low. Hasil mesyuarat Pasukan Petugas Khas tersebut adalah memberangsangkan dan memberi harapan kepada kanak-kanak yang masih berada di pusat-pusat tahanan.

Pengurangan peruntukan ke atas belanjawan Suruhanjaya telah memberi kesan terhadap aktiviti Bahagian Aduan dan Pemantauan di mana bilangan lawatan ke pusat tahanan telah dikurangkan serta berlaku kelewatan dalam pencetakan laporan tematik. Namun begitu, Bahagian Aduan dan Pemantauan mengisi kekosongan tersebut dengan aktiviti yang tidak memerlukan belanja yang tinggi, seperti mengadakan perbincangan bersama pihak Kerajaan dan swasta bagi menangani aduan yang diterima.

Jadual 1: Senarai Mesyuarat Untuk Menyelesaikan Aduan, 2016

NO.	PIHAK YANG TERLIBAT DAN TUJUAN MESYUARAT	TARIKH
1.	Perbincangan bersama PROLINTAS mengenai aduan terhadap pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH).	14 Januari
2.	Perbincangan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengenai aduan berkenaan dakwaan pelaksanaan tindakan tatatertib yang tidak adil ke atas mahasiswa.	22 Februari
3.	Perbincangan bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengenai aduan berkenaan hak kewarganegaraan.	1 Mac
4.	Perbincangan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengenai aduan dan hasil dapatan lawatan Suruhanjaya ke pusat-pusat tahanan Imigresen.	4 Mac
5.	Perbincangan bersama Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai aduan berkenaan perkhidmatan perbankan yang tidak mesra golongan orang kurang upaya (OKU).	14 Mac
6.	Perbincangan bersama Jabatan Agama Negeri Selangor mengenai aduan berkenaan kebebasan beragama.	15 April
7.	Perbincangan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai isu pelarian di Malaysia.	19 April
8.	Perbincangan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai persiapan menghadapi perhimpunan aman BERSIH 5.0 serta aduan berkenaan arca Puncak Purnama.	16 November
9.	Perbincangan bersama Jabatan Penjara Malaysia mengenai aduan melibatkan layanan terhadap banduan.	21 Disember

Selain itu, atas jemputan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Pasukan Teknikal bagiewartakan lokap SPRM di Selangor pada 25 Ogos, untuk memberikan sudut pandang hak asasi manusia.




Mesyuarat Bersama Jabatan Penjara Malaysia untuk membentangkan hasil dapatan kajian "Penjagaan Kesihatan Di Penjara Malaysia: Hasil Laporan Dan Tinjauan Seluruh Negara" di Pejabat Suruhanjaya, Kuala Lumpur.

Dalam tahun ini, Suruhanjaya menerima dua permohonan bantuan daripada institusi hak asasi manusia kebangsaan Filipina dan Ukraine, di mana mereka meminta Suruhanjaya meneliti keadaan warganegara mereka di tempat tahanan di Malaysia bagi memastikan hak mereka dilindungi. Kedua-dua permohonan tersebut telah dipenuhi oleh Suruhanjaya dan Suruhanjaya telah menyampaikan maklumat yang berkaitan kepada kedua-dua institusi hak asasi manusia kebangsaan berkenaan. Pada bulan November, Suruhanjaya telah menerima lawatan sambil belajar selama lima hari daripada delegasi institusi hak asasi manusia kebangsaan Myanmar untuk berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pandangan berkenaan prosedur dan pengurusan aduan dengan Suruhanjaya. Lawatan sambil belajar ini merupakan sebahagian daripada program pembangunan kapasiti untuk institusi hak asasi manusia kebangsaan Myanmar dengan kerjasama daripada Institut Raoul Wallenberg (RWI).

1. PENYELESAIAN ADUAN


Terdapat peningkatan dalam jumlah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya, di mana sebanyak 395 aduan telah diterima di Pejabat Kuala Lumpur, 468 aduan telah diterima di Pejabat Sabah, dan 16 aduan telah diterima di Pejabat Sarawak dalam tahun 2016, yang mana 23 daripadanya adalah dalam bentuk memorandum. Setiap aduan tersebut ditangani berpandukan kepada Manual Pengurusan Aduan Suruhanjaya. Selain daripada aduan yang diterima secara rasmi, Suruhanjaya turut memberikan nasihat dari perspektif hak asasi manusia kepada mana-mana individu yang meminta pandangan Suruhanjaya mengenai hak mereka.

Rajah 1: Jumlah Aduan Yang Diterima, 2012-2016



Setelah penilaian dibuat, Suruhanjaya memutuskan bahawa 350 aduan adalah di luar bidang kuasanya, dan berikutan itu Suruhanjaya telah menyalurkan aduan tersebut kepada agensi yang relevan atau memaklumkan kepada pengadu berkenaan tindakan lain yang dapat diambil oleh pengadu terhadap aduan mereka. Daripada 529 aduan yang diterima, Suruhanjaya telah menyelesaikan sebanyak 322 kes manakala selebihnya masih lagi dalam siasatan.

Rajah 2: Jumlah Kes Selesai Dan Dalam Siasatan, 2016



Rajah 2: Pecahan Aduan Hak Asasi Manusia, 2016

NO.	HAK ASASI TERLIBAT/ JENIS PELANGGARAN HAK	KL	SABAH	SARAWAK
1.	Maruah diri	1	0	0
2.	Kesaksamaan/diskriminasi (atas asas bangsa, agama, jantina, ketidakupayaan, politik dan lain-lain)	6	0	2
3.	Hak kepada nyawa	3	0	1
4.	Kebebasan dan keselamatan diri	11	1	0
5.	Pemerdagangan/penyeludupan orang	7	0	0
6.	Layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan, atau menjatuhkan maruah	33	3	0
7.	Tangkapan, penahanan, atau pembuangan daerah secara sewenang-wenangnya	29	37	0

NO.	HAK ASASI TERLIBAT/ JENIS PELANGGARAN HAK	KL	SABAH	SARAWAK
8.	Kesaksamaan di sisi undang-undang/ hak kepada perbicaraan yang adil dan terbuka	8	0	1
9.	Hak kepada privasi	1	1	0
10.	Kebebasan bergerak	1	1	0
11.	Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian	45	0	0
12.	Hak kepada kewarganegaraan	7	161	3
13.	Hak kepada pemilikan harta	2	11	3
14.	Kebebasan berfikir, menentukan salah benar, dan beragama	4	0	0
15.	Kebebasan berpendapat dan bersuara	1	0	0
16.	Kebebasan berhimpun secara aman	3	0	0
17.	Kebebasan berpersatuan	0	0	0
18.	Hak untuk mengambil bahagian di dalam kerajaan/hak sebagai pengundi	1	0	0
19.	Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran	10	7	1
20.	Hak untuk berehat dan menikmati masa lapang	1	0	0
21.	Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan)	18	4	0
22.	Hak kepada pendidikan	8	7	0
23.	Hak untuk menyertai kegiatan kebudayaan masyarakat	1	0	0
24.	Hak alam sekitar	2	3	1
25.	Hak tanah adat Anak Negeri	28	32	1
26.	Hak kanak-kanak	0	1	0
27.	Lain-lain	8	8	0
JUMLAH		239	277	13

2. SIASATAN ADUAN

(a) Penahanan Di Bawah Akta-Akta Pencegahan

Perkara 9 dan 10 UDHR menjamin bahawa tidak ada sesiapa yang boleh dikenakan tangkapan, tahanan, atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya dan setiap orang mempunyai hak sama rata untuk dibicarakan secara adil dan terbuka atas sebarang tuduhan jenayah oleh suatu tribunal yang bebas dan saksama. Sepanjang tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 25 aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), tujuh aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta Dadah), dan tiga aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA). Setakat 31 Disember, terdapat 432 orang yang ditahan di bawah POCA di Penjara Pokok Sena, Penjara Bentong, Penjara Kluang, Penjara Simpang Renggam, dan Penjara Bintulu; 1428 orang yang ditahan di bawah penahanan pencegahan Akta Dadah di Penjara Batu Gajah, Penjara Muar, Penjara Simpang Renggam, dan Penjara Machang; dan 16 orang yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) di Penjara Simpang Renggam dan Penjara Machang²¹.

Di samping aduan berkenaan penahanan tanpa bicara di bawah undang-undang tersebut, Suruhanjaya turut menerima aduan berkaitan layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah semasa proses siasatan; penafian hak kepada peguam sepanjang tempoh penahanan; penahanan kanak-kanak di bawah akta-akta berkenaan; dan penggunaan undang-undang untuk menahan individu tertentu tanpa batasan dan/atau alasan munasabah disebabkan ketiadaan pemantauan kehakiman. Suruhanjaya mengetengahkan di sini beberapa kes yang telah diterima dan disiasat oleh Suruhanjaya sepanjang tahun ini:

- i) Seorang bapa memaklumkan Suruhanjaya bahawa anaknya yang berusia 17 tahun serta dua orang rakannya telah ditahan oleh Polis pada 15 September 2015 semasa melakukan percubaan untuk mencuri empat buah motosikal di Kuala Terengganu. Selepas 14 hari di bawah reman, Polis membebaskan anaknya tersebut tanpa dikenakan sebarang pertuduhan. Pengadu menyangka yang tiada sebarang tindakan akan dikenakan ke atas anaknya, dan dia mendakwa bahawa sejak kejadian tersebut, anaknya telah insaf dan membayar pampasan kepada pemilik motosikal terbabit. Anaknya kemudian tinggal dan bekerja bersama ayah saudaranya di sebuah stesen pam minyak di Hulu Terengganu. Walau bagaimanapun, pada 24 April, Polis mengarahkan pengadu untuk membawa anaknya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu dan apabila sampai di sana,

21 Maklumat disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada Suruhanjaya.

anaknya telah ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Selepas 59 hari ditahan, anaknya dikenakan perintah sekatan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan diletakkan dibawah pemantauan Polis.

- ii) Seorang pengadu yang dikehendaki untuk tinggal di Kuala Berang, Kuala Terengganu di bawah perintah pengawasan Polis yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah mengadu kepada Suruhanjaya bahawa dia sukar mendapat pekerjaan dan tempat tinggal di dalam kawasan sekatan tersebut. Pengadu telah ditahan oleh Polis di Jasin pada 1 November 2015. Dia telah direman selama 35 hari di beberapa daerah. Selepas direman, pengadu ditahan di bawah POCA selama 59 hari sebelum dipakaikan alat pemantauan elektronik di kakinya serta dikenakan perintah sekatan di Kuala Berang, Terengganu selama dua tahun. Pengadu merayu agar dipindahkan ke Kluang, Johor atas alasan dia tidak dapat meneruskan kehidupan di Kuala Berang kerana kesukaran mendapatkan pekerjaan. Susulan daripada kes ini, Suruhanjaya telah menulis kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengetengahkan kesukaran yang dihadapi pengadu, kerana situasi tersebut boleh mendorong seseorang individu melakukan apa sahaja termasuklah perbuatan yang menyalahi undang-undang untuk menyara hidup.
- iii) Pada 11 Julai, Pengerusi Pasukan Bertindak Pemantau Jenayah Malaysia (MyWatch), Dato' R Sri Sanjeevan, telah ditahan di bawah POCA selepas beberapa hari direman bagi membantu siasatan berhubung melakukan ugutan jenayah dan memeras ugut. Suruhanjaya telah melawat tahanan pada 15 Julai selepas menerima aduan daripada isteri dan ahli keluarganya yang bimbang akan keselamatannya oleh kerana pihak Polis telah melarang sebarang lawatan oleh ahli keluarga dan peguamnya sepanjang tempoh penahanan. Walau bagaimanapun, pada 26 Julai, Mahkamah Tinggi telah memutuskan agar tahanan dibebaskan daripada POCA selepas membenarkan permohonan habeas corpus yang dibuat disebabkan perintah penahanan yang tidak sah.
- iv) Pada 18 November, Pengerusi BERSIH, Maria Chin Abdullah telah ditahan sehari sebelum perhimpunan BERSIH 5.0. Dia telah ditahan di bawah SOSMA bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 124C Kanun Keseksan atas dakwaan menggugat amalan demokrasi berparlimen, khususnya menerima dana asing daripada Open Society Foundation (OSF). Suruhanjaya telah melawat tahanan pada 22 November bagi melihat sel pengasingan²² di mana dia ditempatkan.

22 Penahanan asing (solitary confinement) didefinisikan oleh Istanbul Statement on the Use and Effects of Solitary Confinement 2007 sebagai pengasingan fizikal terhadap individu yang dihadkan kepada sel mereka untuk tempoh 22 sehingga 24 jam sehari. Dalam banyak bidang kuasa, banduan dibenarkan keluar daripada sel mereka untuk sejam bagi melakukan riadah berseorangan.

Dia kemudiannya dibebaskan setelah 10 hari ditahan dan sehingga kini, tiada sebarang pertuduhan dikenakan ke atasnya oleh pihak berkuasa.

Dalam sesetengah kes yang melibatkan penahanan di bawah POCA, Suruhanjaya telah melawat dan menemu bual tahanan bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung dakwaan layanan buruk dalam tempoh penahanan. Bagi sesetengah kes yang lain pula, Suruhanjaya telah menulis kepada KDN untuk memanjangkan rayuan tahanan atau ahli keluarga mereka berkenaan isu penahanan serta menekankan pendirian Suruhanjaya terhadap undang-undang pencegahan. **Suruhanjaya ingin menjelaskan di sini bahawa tindakan Suruhanjaya menulis kepada KDN bagi memanjangkan rayuan-rayuan dan mengemukakan syor-syor Suruhanjaya tidak harus dianggap sebagai 'representasi' bagi pihak banduan di bawah Seksyen 19A(4) POCA²³ sepertimana yang dinyatakan oleh KDN di dalam maklum balas mereka kepada Suruhanjaya.** Pada bulan Julai, Suruhanjaya memohon untuk mengadakan perjumpaan bersama urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah di KDN untuk memahami cara POCA digunakan dan menekankan kebimbangan dan syor-syor Suruhanjaya berhubung penggunaan POCA. Walau bagaimanapun, setakat ini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada KDN.

Suruhanjaya telah bekerjasama dengan SIAP bagi menyiasat dakwaan layanan buruk dan penderaan yang dikenakan ke atas tahanan SOSMA²⁴. Berdasarkan keterangan yang telah direkodkan, lapan daripada sembilan banduan yang ditemu bual menjelaskan bahawa mereka telah disiksa, dinafikan hak untuk diwakili peguam, dilayan secara tidak berperikemanusiaan dan didera secara mental sepanjang tempoh 28 hari mereka ditahan di bawah SOSMA. Pada bulan Oktober, Polis memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa Jabatan Peguam Negara telah memutuskan bahawa empat laporan Polis yang dibuat oleh tahanan SOSMA, di mana kes mereka telah disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksan²⁵, telah diklasifikasikan sebagai "Tiada Tindakan Lanjut" (No Further Action (NFA)) disebabkan oleh kekurangan bukti dan kegagalan membuat laporan Polis sebaik sahaja kejadian tersebut berlaku. Suruhanjaya, walau bagaimanapun, sedang dalam proses untuk menemu bual Pegawai Penyiasat yang terlibat dan akan menanyakan berkenaan rakaman video proses siasatan yang telah dijalankan di Pusat Reman Polis. Pusat tersebut merupakan

Perhubungan yang bermakna dengan orang lain dikurangkan kepada tahap yang cukup minimum. Pengurangan tersebut bukan sahaja dari segi kuantiti malah kualiti juga. Perhubungan sosial dan stimulus yang ada biasanya tidak dapat dipilih secara bebas, bersifat sehalu, dan tidak mempunyai ciri empati.

23 Seksyen 19A(4) POCA: Sesalinal perintah penahanan yang dibuat oleh Lembaga di bawah Seksyen kecil (1) hendaklah secepat mungkin selepas membuat perintah tersebut dikemukakan kepada orang yang berkaitan, dan orang tersebut layak membuat representasi kepada Lembaga Penasihat yang dibentuk mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Klausa (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

24 Maklumat lanjut berkenaan dakwaan tersebut terdapat di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2015, mukasurat 103-104.

25 Seksyen 323 Kanun Keseksan: Sesiapa, kecuali sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 334, secara sukarela menyebabkan kecederaan, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan sehingga tempoh satu tahun atau dengan denda sehingga dua ribu ringgit atau kedua-dua sekali.

sebuah pusat reman yang baru, moden, dan mempunyai kemudahan yang lengkap. Semasa lawatan ke Pusat Reman Polis pada 15 Julai, Suruhanjaya juga telah dimaklumkan bahawa kamera litar tertutup dipasang di setiap sudut pusat reman tersebut.

Tanpa berkompromi terhadap pendirian Suruhanjaya yang menentang penahanan tanpa bicara, Suruhanjaya mengesyorkan supaya setiap proses soal siasat ke atas tahanan undang-undang pencegahan diwajibkan dirakam secara video bagi memastikan tidak berlakunya penderaan fizikal dan mental ke atas tahanan dan juga untuk melindungi Polis dari sebarang dakwaan palsu. Suruhanjaya turut menggesa pihak berkuasa agar mengehadkan penggunaan sel pengasingan kepada kes-kes yang tertentu sahaja, bagi tempoh masa sesingkat mungkin, dan hanya dilakukan sebagai jalan penyelesaian terakhir. Pengasingan sel ke atas tahanan dalam tempoh yang lama boleh dikira sebagai layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan, dan menjatuhkan maruah dan, dalam keadaan tertentu, ianya boleh dikira sebagai siksaan ke atas banduan.

Strategi Memerangi Keganasan Global PBB telah menunjukkan bahawa hak asasi manusia dan langkah-langkah memerangi keganasan adalah selari dan saling melengkapi. Suruhanjaya menyokong sepenuhnya langkah-langkah yang dibuat oleh pihak berkuasa bagi menangani masalah jenayah dan memerangi keganasan, namun begitu langkah-langkah yang diambil tidak harus menyetepikan hak asasi manusia mana-mana pihak.

(b) Pemerdagangan Orang

Perkara 4 UDHR memeruntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh diperhamba atau diperabdikan; keabdian dan pemerdagangan orang hendaklah dilarang dalam semua bentuknya. Konvensyen Menentang Jenayah Terancang Transnasional dan Protokol Berkenaan (Konvensyen dan Protokol Palermo) kemudian telah menggariskan tanggungjawab setiap Negara untuk memerangi pemerdagangan manusia dan melindungi mangsa pemerdagangan. Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima tujuh aduan berhubung dakwaan berlakunya aktiviti pemerdagangan manusia. Walau bagaimanapun, tidak semua aduan yang diterima telah disalurkan kepada pihak berkuasa berkaitan disebabkan pengadu tidak memberikan maklumat yang mencukupi dan/atau pengadu kurang memberikan kerjasama bagi memberikan maklumat lanjut berkenaan aduan mereka.

Kajian penyelidikan Suruhanjaya berkenaan insiden penemuan kubur besar di Wang Kelian telah memasuki fasa baru selepas Suruhanjaya menemubual 19 mangsa yang terselamat daripada 'kem maut' tersebut.

17 daripada mangsa menyatakan bahawa mereka pada mulanya telah berurusan dengan sindiket pemerdagangan orang yang terdiri daripada warganegara Myanmar dan Thailand untuk membantu mereka melepaskan diri dari penganiayaan yang berlaku di Myanmar dan bertemu semula dengan ahli keluarga/kenalan mereka di Malaysia. Sementara itu, dua lagi mangsa menyatakan bahawa mereka telah diculik oleh sindiket tersebut. Kesemua mangsa menceritakan kepada Suruhanjaya bahawa mereka telah didera secara fizikal sepanjang tempoh tahanan kerana gagal membayar tebusan yang diminta oleh sindiket tersebut. Mereka turut menyaksikan beberapa mangsa lain meninggal dunia kerana kebuluran atau didera, sama ada di 'kem maut' Wang Kelian atau semasa di dalam perjalanan laut. Mereka hanya dibebaskan setelah ahli keluarga masing-masing membayar wang tebusan berjumlah sekitar RM4,000–RM15,000 bagi setiap orang kepada sindiket. Sebilangan daripada mereka mendakwa telah dibawa dari tempat ketibaan ke kem pemerdagangan manusia tersebut melalui teksi yang dipandu oleh seorang lelaki berbangsa India. Dijangkakan lebih ramai saksi akan ditemu bual di masa hadapan dengan bantuan daripada komuniti pelarian dan organisasi bukan kerajaan antarabangsa. Permohonan Suruhanjaya untuk mendapatkan sesalinan laporan forensik mayat mangsa pemerdagangan manusia yang ditemui di kubur besar Wang Kelian ditolak oleh pihak Polis atas alasan bahawa Suruhanjaya terhalang daripada menjalankan siasatan berdasarkan kepada Seksyen 12(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Suruhanjaya mengambil maklum akan usaha Kerajaan untuk membawa suspek yang terlibat dalam insiden 'kem maut' Wang Kelian ke muka pengadilan, termasuk dengan mendakwa empat orang individu serta memohon Kerajaan Thailand untuk mengekstradisi 11 suspek bagi menghadapi pertuduhan di Malaysia. Kajian yang dibuat Suruhanjaya ini bertujuan untuk menyediakan syor-syor kepada Kerajaan bagi menangani masalah pemerdagangan manusia melalui pendekatan berasaskan hak asasi manusia.

Di dalam maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2015, dinyatakan bahawa daripada 1,107 orang migran yang telah tiba di Malaysia melalui bot pada tahun lepas, 718 orang merupakan warganegara Bangladesh dan mereka telah dihantar pulang ke Bangladesh. 389 orang pula telah dikenal pasti sebagai etnik Rohingya, yang mana 36 daripada mereka telah diterima untuk penempatan semula di Amerika Syarikat. Sebagai tindakan susulan bagi kes ini, Suruhanjaya telah menulis kepada KDN untuk mendapatkan maklum balas berkenaan status bagi pelarian Rohingya yang selebihnya. Sehingga kini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada KDN berhubung permohonan tersebut.

(c) Hak Orang Asal



Masyarakat Orang Asli Kelantan menyerahkan memorandum aduan kepada Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Razali Ismail sambil diperhatikan oleh Pesuruhjaya Encik Jerald Joseph dan Setiausaha Suruhanjaya, Puan Rodziah Abdul.

Perkara 8(2)(b) UNDRIP mempertanggungjawabkan setiap Negara untuk menghalang sebarang tindakan yang tujuannya atau kesannya adalah Orang Asli akan kehilangan hak kepada tanah, kawasan, atau sumber-sumber mereka. Sepanjang tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima 74 aduan daripada Orang Asli. Peningkatan jumlah aduan ini berkemungkinan didorong oleh sikap komuniti Orang Asli yang sudah tidak dapat bersabar dengan kelewatan pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya yang dibuat menerusi laporan Inkuiri Nasional pada tahun 2013, serta melalui penyertaan Suruhanjaya di dalam program jerayawara yang dianjurkan oleh beberapa agensi berkepentingan dan organisasi masyarakat sivil di Gua Musang pada 30 Oktober. Aduan-aduan yang diterima adalah seperti berikut:

- i) Pencerobohan tanah adat Orang Asli bagi tujuan pembalakan, perlombongan, dan pertanian tanpa menghormati prinsip izin berasaskan FPIC;
- ii) Dakwaan pencemaran sungai dan kepupusan hutan secara giat, kesan daripada aktiviti pembalakan yang berleluasa;
- iii) Keperluan untuk menyediakan kemudahan awam kepada Orang Asli, seperti bekalan elektrik dan air serta rumah kos rendah; dan
- iv) Kelemahan-kelemahan di dalam perkhidmatan pendidikan yang diberikan kepada Orang Asli, contohnya kekurangan minat di kalangan guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli.

Suruhanjaya telah menerima aduan yang berulang daripada Orang Asli di Kelantan mengenai pencerobohan tanah adat Orang Asli yang dilakukan oleh syarikat pembalakan yang telah diberikan lesen oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membalak di dalam Hutan Simpan Balah. Kebergantungan Kerajaan Negeri Kelantan kepada hasil daripada pembalakan membawa kepada aktiviti pembalakan yang berleluasa di kawasan rizab hutan di Gua Musang, yang kebanyakannya didiami oleh Orang Asli sejak turun-temurun.

Selepas beberapa bantahan yang dibuat oleh Orang Asli terhadap aktiviti-aktiviti pembalakan tidak diendahkan oleh Kerajaan Negeri, mereka mendirikan beberapa sekatan pada laluan masuk ke dalam hutan sebagai usaha terakhir untuk menghentikan aktiviti pembalakan. Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke perkampungan Orang Asli di Gua Musang sebanyak dua kali pada tahun ini untuk memantau keadaan di sana. Susulan daripada lawatan tersebut, Suruhanjaya telah membuat empat permohonan bertulis kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk berjumpa dan berbincang berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Orang Asli, namun sehingga laporan ini ditulis, Kerajaan Negeri masih belum mengemukakan maklum balas terhadap permohonan Suruhanjaya. Pada 29 November, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah mengambil tindakan tegas dengan merobohkan sekatan yang telah dibuat oleh Orang Asli dan menahan kira-kira 41 Orang Asli. Mereka kemudiannya dibebaskan dalam tempoh 24 jam selepas penangkapan.

Suruhanjaya amat kecewa dengan tindakan yang diambil pihak berkuasa berkenaan sekatan yang dibuat oleh Orang Asli terhadap aktiviti pembalakan tersebut dan sikap memandang ringan permohonan Suruhanjaya yang berulang-ulang kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan perbincangan mengenai isu tersebut. **Suruhanjaya mengulangi syor Inkuiri Nasional supaya pihak berkuasa mengguna pakai prinsip pendekatan berasaskan hak asasi manusia (PBHAM) di dalam aktiviti pembangunan, dan Prinsip Izin Berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMBAT) bagi mendapatkan kebenaran daripada Orang Asli mengenai mana-mana program yang berkemungkinan memberi kesan kepada komuniti tersebut.** Suruhanjaya juga ingin mengingatkan pihak Kerajaan tentang tanggungjawab untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Lestari PBB, yang mana salah satunya termasuk pengurusan hutan secara mampan. Dalam hal ini, Suruhanjaya menyeru JPNK dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk meneliti secara menyeluruh dan mengkaji kesan perlesenan pembalakan terhadap penebangan hutan dan pencemaran alam sekitar di Gua Musang seperti yang didakwa oleh Orang Asli.

Walaupun isu Orang Asli di Kelantan menjadi perhatian pada tahun ini, Suruhanjaya juga mengambil maklum dengan kebimbangan tentang aduan yang serupa, iaitu mengenai pencerobohan tanah adat Orang Asli, yang juga diterima daripada Orang Asli di Pahang, Perak, dan Johor. Suruhanjaya akan berusaha untuk mengadakan perjumpaan dengan Kerajaan Negeri berkaitan untuk menyelesaikan aduan yang diterima.

(d) Diskriminasi

Pada tahun ini, Suruhanjaya menerima lapan aduan tentang diskriminasi, berdasarkan ketidakupayaan, bangsa, dan jantina. Salah satu daripada aduan yang diterima oleh Suruhanjaya ialah daripada pengadu cacat penglihatan yang mendakwa bahawa sebuah pembekal perkhidmatan kewangan (PPK) mengamalkan dasar diskriminasi terhadap orang cacat penglihatan dengan mengenakan syarat-syarat tambahan seperti keperluan kehadiran orang kedua untuk menerima dan/atau mengaktifkan kad mesin juruwang automatik (ATM)/kad kredit, dan keperluan untuk membuka akaun simpanan/semasa bersama orang lain. Suruhanjaya telah bertemu dengan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 14 Mac untuk membincangkan isu tersebut dan pihak BNM mengakui bahawa sesetengah PPK mengenakan syarat tambahan untuk golongan orang yang cacat penglihatan bagi melindungi pihak bank dan juga golongan OKU daripada sebarang risiko. BNM, bagaimanapun, memaklumkan bahawa mereka mengambil pendekatan pendidikan dan bukannya pendekatan kawal selia dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh PPK mesra OKU. Oleh itu, BNM secara aktif menyediakan latihan kepada kakitangan PPK untuk memberi kesedaran tentang CRPD. Selain itu, BNM memaklumkan kepada Suruhanjaya dua strategi yang terdapat di dalam Pelan Kebangsaan Terhadap Orang Kurang Upaya 2016-2022 yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi golongan OKU dengan memastikan perkhidmatan perbankan seperti perkhidmatan ATM dan pembukaan akaun simpanan adalah mesra OKU, dan memastikan penyediaan perkhidmatan perlindungan insurans kepada golongan OKU adalah adil dan sama dengan yang disediakan untuk golongan bukan OKU.

Dalam hal ini, Suruhanjaya menyeru semua PPK untuk memastikan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada orang cacat penglihatan adalah sama seperti perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada individu lain tanpa sebarang diskriminasi. Adalah juga menjadi sebahagian daripada tanggungjawab korporat untuk menghormati hak asasi manusia seperti yang digariskan di bawah Prinsip 12 Prinsip Panduan PBB Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. **Walaupun Suruhanjaya memuji usaha yang dilaksanakan BNM dalam menjalankan program pendidikan mengenai CRPD kepada PPK, Suruhanjaya juga mencadangkan agar garis panduan prosedur bagi kemudahan perbankan untuk golongan orang cacat penglihatan digubal dengan konsultasi bersama persatuan-persatuan OKU, selaras dengan Perkara 5 CRPD mengenai kesaksamaan dan ketiadaan diskriminasi.** Dalam hal ini, Suruhanjaya akan mengambil peluang atas penglibatannya berkaitan agenda perniagaan dan hak asasi manusia dengan Persatuan

Bank-Bank di Malaysia (ABM) serta Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) untuk mempromosi hak-hak OKU.

Selain daripada itu, Suruhanjaya turut menerima aduan mengenai penafian hak individu cacat pendengaran untuk membawa jurubahasa semasa ujian memandu; penamatan kontrak mengajar kerana penyakit mental; dan dakwaan pertukaran tempat kerja bagi penjawat awam yang berbau diskriminasi dari segi bangsa dan jantina.

Berkaitan dengan aduan-aduan tersebut, Suruhanjaya telah pun memperolehi maklum balas, dan/atau telah mengemukakan isu tersebut kepada agensi dan Kementerian yang berkaitan. Suruhanjaya menghargai maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan oleh agensi dan Kementerian yang berkaitan, yang ada kalanya diberikan dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya masih menantikan maklumat mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap guru-guru di bawah Perkara 21(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sebagaimana yang diminta dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tahun lepas. Dalam maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2015, telah dinyatakan bahawa Kementerian sedang mengambil tindakan yang perlu berhubung permohonan Suruhanjaya tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga laporan ini ditulis, maklumat tersebut masih belum diberikan kepada Suruhanjaya.

(e) Siksaan, Serta Layanan Tidak Berperikemanusiaan Dan Menjatuhkan Maruah Di Pusat Tahanan

Perkara 5 UDHR menjamin bahawa tiada sesiapa pun boleh dikenakan siksaan atau layanan kejam, tidak berperikemanusiaan, atau menjatuhkan maruah. Pada tahun ini, 36 aduan telah dibuat kepada Suruhanjaya berkenaan pelanggaran terhadap peruntukan tersebut. Suruhanjaya mengetengahkan di sini dua aduan serta siasatan Suruhanjaya terhadap aduan tersebut:

- i) Pada 28 Oktober 2015, keluarga Kamal Hisham Ja'afar, seorang banduan reman di Penjara Reman Ayer Molek, Johor Bahru telah membuat aduan mengenai dakwaan layanan buruk semasa dia ditahan di Lokap Cawangan Khas Johor Bahru Utara. Suruhanjaya telah melawatnya di penjara pada 25 November 2015 dan dia memaklumkan bahawa semasa di dalam lokap dia hanya dibenarkan berseluar dalam dan hanya diberikan sehelai selimut yang kotor dan busuk selepas dia memohon untuk bersolat; air minuman tidak diberikan kepadanya, menyebabkan dia terpaksa meminum air paip; dan dia terpaksa berulang kali memanggil anggota Polis yang bertugas setiap kali hendak ke tandas kerana ketiadaan tandas di

dalam lokap tersebut. Suruhanjaya telah mengemukakan dakwaan tersebut kepada pihak Polis dan pihak Polis menyatakan bahawa tahanan tidak dibenarkan untuk memakai pakaian di dalam lokap kerana terdapat satu peristiwa di mana pakaian digunakan oleh tahanan untuk menggantung diri; terdapat sebuah bilik khas yang disediakan untuk bersolat dan tahanan sepatutnya memohon untuk menggunakannya; dan pembinaan lokap tersebut tanpa tandas adalah keputusan Jabatan Kerja Raya dan pihak Polis tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan. Susulan itu, Suruhanjaya mengemukakan syor balas kepada Polis pada 11 Mac dengan mengingatkan mereka agar mematuhi Kaedah-kaedah Lokap 1953 dari sudut penyediaan pakaian dan barang-barang keperluan seperti tilam kepada semua tahanan, dan juga menegaskan yang hak individu termasuk tahanan untuk mengamalkan agama perlu dihormati seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

- ii) Pada 31 Mac, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada seorang bekas banduan wanita berkenaan dakwaan layanan buruk terhadap banduan wanita di Penjara Wanita Alor Setar. Aduan itu mendakwa bahawa pada bulan Oktober 2015, kira-kira 65 tahanan dipaksa untuk bertelanjang di tengah-tengah padang di dalam kawasan penjara bagi tujuan pemeriksaan badan; seorang banduan wanita yang ditangkap mempunyai tatu di badannya telah dipukul semasa soal siasat oleh dua kakitangan lelaki; dan beberapa orang tahanan lain telah dilayan dengan buruk oleh pegawai Penjara. Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke Kedah pada 17-18 Mei untuk menyiasat aduan tersebut. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama pengadu; lapan orang banduan wanita di Penjara; dan empat orang kakitangan Penjara, Suruhanjaya mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia yang didakwa tersebut mungkin terjadi disebabkan oleh syak wasangka kakitangan Penjara bahawa terdapat banduan wanita yang terlibat dalam hubungan sejenis. Suruhanjaya mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada KDN dan Jabatan Penjara pada 12 Oktober dengan mengesyorkan supaya siasatan dalaman oleh pihak berkecuali dimulakan dengan segera selaras dengan Peraturan 57(3) Peraturan Minimum Standard Bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela), dan tindakan undang-undang yang sewajarnya harus diambil terhadap kakitangan Penjara yang didapati melanggar Peraturan Penjara. Selain daripada itu, Suruhanjaya mengingatkan Jabatan Penjara untuk memastikan bahawa banduan wanita sentiasa di bawah penyeliaan kakitangan penjara wanita, termasuk semasa disoal siasat, dan untuk menyediakan lebih banyak latihan kepada kakitangan

Penjara tentang Peraturan Penjara serta standard antarabangsa berkaitan layanan terhadap banduan.

Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke lokap di Balai Polis Tanjung Kupang pada 24 Ogos setelah menerima aduan berkenaan layanan buruk terhadap tahanan di lokap. Suruhanjaya terkejut apabila mendapati bahawa semua tahanan lelaki hanya berseluar dalam di dalam lokap. Lebih mengejutkan lagi, **Suruhanjaya dimaklumkan oleh pihak Polis bahawa amalan melarang tahanan daripada memakai pakaian di dalam lokap sebenarnya telah dinyatakan di dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Balai. Suruhanjaya menggesa pihak Polis untuk menghentikan amalan ini dan membatalkan perintah tersebut, yang keterlaluan dan jelas bertentangan dengan Kaedah-kaedah Lokap 1953.**

Suruhanjaya mengambil maklum dan memuji penambahbaikan yang telah banyak dilaksanakan ke atas kemudahan fizikal, terutamanya bagi tempat-tempat tahanan yang baru dibina. Walau bagaimanapun, perhatian juga perlu diberikan terhadap perkembangan sikap dan pendekatan pegawai penguatkuasa dan kakitangan pusat tahanan supaya selaras dengan standard antarabangsa. Walaupun penting untuk menekankan aspek keselamatan, pengetepian hak asasi manusia dalam pengurusan tempat tahanan mungkin sekali menjadi punca utama bagi pencabulan hak tahanan secara berterusan.

(f) Hak-hak Kebudayaan

Perkara 15(1)(c) ICESCR menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk mendapat manfaat daripada perlindungan kepentingan-kepentingan moral dan hasil material dari sebarang penghasilan saintifik, kesusasteraan, atau kesenian yang telah dihasilkan oleh mereka. Perkara 15 ICESCR adalah selaras dengan Perkara 27(2) UDHR. Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSOC) menerusi Ulasan Umum No. 17 (2005) menganggap bahawa “penghasilan sastera dan seni” adalah termasuk arca.

Pada 16 Ogos, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada Jawatankuasa Deklarasi Puncak Purnama mengenai perobohan arca Puncak Purnama pada 1 Julai oleh DBKL. Arca ini telah dibina pada tahun 1986 oleh Seniman Negara, Allahyarham Datuk Syed Ahmad Jamal atas tempahan United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC), dan telah diserahkan kepada DBKL untuk ditempatkan di kawasan awam bagi dinikmati orang ramai. Jawatankuasa tersebut sekeras-kerasnya membantah perobohan arca Puncak Purnama tanpa makluman terlebih dahulu kepada keluarga seniman, dan menganggap ia sebagai satu penghinaan terhadap karya seni tersebut. Mereka menuntut, antara

lain, supaya hak artis dan karya mereka dihargai oleh pihak berkuasa dan penggubal undang-undang; supaya Kerajaan Malaysia meratifikasi ICESCR; supaya Balai Seni Visual Negara dihormati sebagai penaung seni di negara ini dan dijadikan rujukan dalam membuat keputusan mengenai hal yang melibatkan karya seni; dan supaya DBKL dan mana-mana pihak berkuasa tempatan melantik lembaga penasihat khas berkenaan seni, yang terdiri daripada wakil dari Balai Seni Visual Negara, artis dan pereka tersohor, pelopor budaya, dan ahli akademik untuk bekerjasama dalam perancangan masa depan yang melibatkan seni dan budaya.

Suruhanjaya telah menulis kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dan DBKL pada 23 September untuk mengetengahkan aduan dan permohonan pengadu. Di samping itu, Suruhanjaya mengingatkan pihak berkuasa tentang tanggungjawab Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran, belanjawan, kehakiman, promosi, dan lain-lain yang sesuai ke arah pelaksanaan Perkara 15(1)(c) seperti yang ditekankan oleh ECOSOC di dalam Ulasan Umum mereka tersebut. MOTAC, dalam maklum balasnya kepada Suruhanjaya, menyatakan kesediaan terhadap cadangan untuk membentuk lembaga penasihat yang terdiri daripada individu dan pihak-pihak yang berkenaan untuk memberikan nasihat kepada pihak berkuasa dalam memelihara karya seni dan budaya yang ada di negara ini. Walaupun Malaysia masih belum meratifikasi ICESCR, MOTAC turut memohon kepada Suruhanjaya agar mempromosikan hak-hak kebudayaan seperti yang termaktub di dalam ICESCR kepada rakyat Malaysia. Suruhanjaya memandang baik permohonan tersebut, dan akan melaksanakannya sewajarnya. Suruhanjaya mengalu-alukan pendirian terbuka yang ditunjukkan oleh MOTAC dalam hal ini.

(g) Kematian Di Tempat Tahanan

Antara semua hak, hak kepada nyawa adalah hak yang paling asas dan tidak boleh dikompromi. Pada tahun ini, dua aduan mengenai isu kematian di tempat tahanan telah diterima. Dalam kes pertama, Suruhanjaya telah menerima aduan mengenai kematian seorang banduan, Azri Mohamed, 27 tahun, di Penjara Pengkalan Chepa. Keluarga si mati tidak berpuas hati dengan keputusan bedah siasat yang mendapati bahawa si mati meninggal dunia akibat jangkitan pada usus, dan pihak keluarga berjaya mendapatkan perintah mahkamah untuk bedah siasat kali kedua yang telah dijalankan di Hospital Kuala Lumpur pada bulan Oktober. Bagi tujuan siasatan mengenai aduan tersebut, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke Kelantan pada 20-22 September di mana Suruhanjaya telah bertemu dengan Pengarah dan pegawai-pegawai Penjara Pengkalan Chepa; pasukan perubatan dalaman Penjara dan beberapa orang tahanan; Pegawai Penyiasat Polis; Pengarah dan pegawai perubatan

Hospital Raja Perempuan Zainab II; serta keluarga si mati. Berdasarkan kepada hasil siasatan tersebut, pada 7 Oktober Suruhanjaya mengesyorkan kepada Penjara, antara lain, untuk menangani masalah kesesakan dan makanan yang tidak bersih di Penjara Pengkalan Chepa kerana kedua-dua perkara tersebut mungkin menjadi faktor yang telah memburukkan lagi kesihatan si mati ditambah dengan kelewatan dalam pemberian rawatan perubatan yang sesuai kepada si mati. Dalam hal ini, Prinsip Asas PBB Bagi Layanan Banduan 1990 menyatakan bahawa “banduan hendaklah mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang ada di sesebuah negara tanpa diskriminasi disebabkan status mereka dari sudut undang-undang”. Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa agar melaksanakan syor-syor Suruhanjaya sebagaimana digariskan di dalam kajiannya yang bertajuk “Penjagaan Kesihatan Di Penjara Malaysia: Hasil Laporan Dan Tinjauan Seluruh Negara”.

Pada 15 Ogos, Cambodia Daily melaporkan bahawa dua wanita Kemboja mendakwa bahawa mereka telah dipukul oleh kakitangan pusat tahanan semasa mereka ditahan di Pusat Tahanan Imigresen Juru²⁶. Mereka juga mendakwa telah menyaksikan beberapa tahanan lain mati di pusat tahanan tersebut akibat penderaan fizikal yang dikenakan ke atas mereka. Susulan daripada itu, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan bersama dengan SIAP ke Pusat Tahanan Juru pada 22 Ogos untuk menyiasat dakwaan tersebut. **Walaupun siasatan itu tidak menemukan sebarang bukti berlakunya penderaan, Suruhanjaya bagaimanapun mengesyorkan pihak Imigresen supaya mempercepatkan dan memberi keutamaan terhadap pembinaan pusat tahanan baru bagi menggantikan Pusat Tahanan Imigresen Juru memandangkan keadaan pusat tahanan yang agak teruk; supaya memperbaiki keadaan pusat tahanan tersebut selama ia masih digunakan, khususnya meningkatkan kebersihan blok-blok untuk tahanan lelaki; supaya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan Pegawai Perubatan ditempatkan di semua pusat tahanan Imigresen, dan kemudahan perubatan termasuk ubat-ubatan dibekalkan secukupnya ke pusat tahanan; supaya menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) pusat tahanan Imigresen bagi memastikan bahawa ia sekurang-kurangnya selaras dengan Peraturan Nelson Mandela dan Kaedah-kaedah Lokap 1953; dan supaya mencontohi sistem penjara dengan memperkenalkan Hakim Pelawat bagi memantau keadaan pusat tahanan Imigresen.**

Pada tahun lepas, Suruhanjaya telah membuat permohonan bagi beberapa set maklumat termasuk statistik kematian dalam lokap, penjara, dan pusat tahanan. Suruhanjaya juga telah membuat permohonan yang

26 Diakses di <https://www.cambodiadaily.com/news/maids-claim-fatal-abuse-malaysian-depot-116653/>

sama kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut bagi tahun ini. Sehingga laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima statistik untuk tahun 2016 dari pihak Polis.

Jadual 3: Bilangan Kematian Dalam Tahanan Pada Tahun 2015 Dan 2016

TEMPAT/TAHUN	2015	2016
Penjara ²⁷	252 ²⁸	269 ²⁹
Pusat Tahanan Imigresen ³⁰	82	35
Lokap Polis ³¹	12	-

Walaupun sebab kematian kebanyakannya berkaitan dengan penyakit (dan, menurut pihak Imigresen, tahanan-tahanan warganegara asing telah menghadapi penyakit-penyakit tersebut sebelum mereka ditahan) Suruhanjaya agak khuatir dengan bilangan kematian yang tinggi di tempat tahanan. Hal ini memerlukan perhatian segera dari pihak Kerajaan, terutamanya dari segi memperbaiki keadaan dan sistem penjagaan kesihatan di tempat-tempat tahanan.

3. PEMANTAUAN PERHIMPUNAN AWAM DAN RAPAT UMUM



Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai berbincang dengan pegawai Polis semasa pemantauan perhimpunan 'Tangkap MO1' di Kuala Lumpur.

27 Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

28 Daripada 252 kes, hanya 3 orang yang mati sama ada di dalam penjara atau rumah transit parol, manakala 249 lagi mati di hospital/klinik semasa menerima rawatan.

29 Daripada 269 kes, hanya 5 orang yang mati sama ada di dalam penjara atau rumah transit parol, manakala 264 lagi mati di hospital/klinik semasa menerima rawatan.

30 Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia

31 Sumber: Polis Diraja Malaysia

Suruhanjaya telah memantau empat perhimpunan pada tahun ini. Walaupun perhimpunan yang dipantau berjalan dengan lancar, Suruhanjaya menyedari bahawa terdapat juga ugutan yang tidak munasabah dilakukan oleh pihak berkuasa dan juga kumpulan lawan bertujuan mengelakkan orang ramai untuk menyertai perhimpunan yang membantah Kerajaan. Suruhanjaya berpandangan bahawa penahanan yang dibuat oleh Polis sebelum dan selepas perhimpunan BERSIH 5.0, serta tindakan disiplin oleh beberapa Universiti terhadap pelajar-pelajar yang menyertai perhimpunan 'Tangkap MO1', adalah tidak wajar.

Jadual 4: Pemantauan Perhimpunan dan Rapat Umum 2016

NO.	PERHIMPUNAN	TARIKH
1.	Bantah TPPA	23 Januari
2.	Tangkap MO1	27 Ogos
3.	Konvoi Bersih Sekinchan-Kuala Selangor	15 Oktober
4.	BERSIH 5	19 November

Berikut adalah pemerhatian dan syor-syor berdasarkan pemantauan Suruhanjaya ke atas empat perhimpunan pada tahun ini:

(a) Kebebasan Berhimpun

Tujuan dan juga hasrat PAA adalah untuk membolehkan orang ramai berhimpun secara aman dan untuk pihak berkuasa memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam memastikan keselamatan dan perlindungan bagi setiap orang termasuk peserta perhimpunan. Walau bagaimanapun, beberapa peruntukan di dalam Akta ini seolah-olah mengehadkan hak untuk berhimpun secara aman, dan/atau membenarkan penafsiran sedemikian, khususnya peruntukan yang melarang bantahan jalanan dan penganjuran perhimpunan oleh seseorang yang berumur di bawah 21 tahun; keperluan ketat untuk pemakluman 10 hari sebelum perhimpunan; dan tempat-tempat larangan perhimpunan dalam Jadual Ketiga. Adalah disyorkan supaya peruntukan-peruntukan ini dikaji semula bagi memastikan hak untuk berhimpun secara aman dapat dinikmati oleh semua orang.

(b) Penglibatan Kanak-kanak

Berhubung dengan penglibatan kanak-kanak di dalam perhimpunan aman, Suruhanjaya menekankan bahawa Artikel 15(1) CRC menjamin hak kanak-kanak untuk berhimpun secara aman. Walaupun dinyatakan bahawa hak untuk berhimpun boleh dihadkan oleh undang-undang domestik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 15(2) CRC, Suruhanjaya mengesyorkan agar peruntukan di bawah Seksyen 2(e) dan (f) Akta Perhimpunan Aman, yang menyekat kanak-kanak daripada mengambil bahagian atau turut serta dalam perhimpunan aman, selain

perhimpunan agama, perarakan pengebumian, perhimpunan yang berkaitan dengan adat, dan perhimpunan yang diluluskan oleh Menteri³², dikaji semula. Peruntukan-peruntukan tersebut seharusnya tidak terlalu menyekat hak setiap kanak-kanak untuk berhimpun secara aman bagi menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap apa-apa isu atau perkara yang boleh memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap diri mereka, selaras dengan hak semua rakyat untuk berhimpun secara aman tanpa senjata di bawah Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.

(c) Kebebasan Bersuara

Suruhanjaya menekankan bahawa kebebasan bersuara adalah penting dalam masyarakat dan hak setiap rakyat kepada kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan tidak sewajarnya disekat. Sebarang sekatan mesti memberi tumpuan kepada agenda atau objektif ucapan tersebut. Walau bagaimanapun, kebebasan bercakap dan bersuara tidak boleh dibuat dalam bentuk ucapan kebencian sepertimana yang telah ditakrifkan di bawah Perkara 20(2) ICCPR sebagai penyuaan sokongan terhadap kebencian kepada negara, bangsa, atau agama yang terjumlah kepada hasutan ke arah diskriminasi, permusuhan, atau keganasan.

(d) Kepercayaan Dan Keyakinan Orang Ramai

Suruhanjaya mendapati bahawa semasa perhimpunan dijalankan, banyak kedai di sekitar kawasan perhimpunan masih dibuka sepanjang tempoh perhimpunan berlangsung dan banyak pelancong juga dilihat berada di kalangan peserta perhimpunan. Ini menunjukkan bahawa orang ramai yakin terhadap tugas penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa, dan terhadap disiplin yang tinggi di kalangan peserta perhimpunan. Oleh itu, adalah disyorkan supaya pihak penguatkuasa undang-undang memastikan yang langkah-langkah sewajarnya diambil dalam mana-mana perhimpunan aman untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai, dan supaya mereka bertindak sebagai pemudah cara dalam mana-mana perhimpunan yang dijalankan.

(e) Garis Panduan Larangan

Suruhanjaya menekankan pendiriannya bahawa melalui PAA, semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, termasuk penjawat awam, pelajar universiti, ahli akademik, dan guru-guru, dan ia merupakan pelanggaran kepada Perkara 10(1)

³² Jadual Kedua, Akta Perhimpunan Aman 2012

Perlembagaan Persekutuan sekiranya hak kepada kebebasan berhimpun secara aman disekat melalui pekelling atau arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Universiti dan/atau Jabatan Kerajaan.

(f) Tangkapan Sebelum Dan Selepas Perhimpunan

Suruhanjaya mengesyorkan agar tangkapan mana-mana individu berkaitan sesuatu perhimpunan aman sebelum dan selepas perhimpunan tersebut haruslah munasabah, dan kesalahan yang telah dilakukan serta sebab-sebab tangkapan hendaklah dinyatakan dengan jelas. Di dalam hal ini, Suruhanjaya mengekalkan pendiriannya bahawa sebarang penahanan tidak boleh dilakukan tanpa pengawasan kehakiman.

(g) Kawalan Perhimpunan

Walaupun Polis berjaya memastikan tiada pertembungan antara kumpulan-kumpulan saingan, dan perhimpunan berlaku secara aman, namun penahanan individu sebelum, semasa, dan selepas perhimpunan dan juga sekatan jalan secara besar-besaran di Kuala Lumpur pada hari tersebut dilihat sebagai satu percubaan untuk menggagalkan perhimpunan aman. Tindakan tersebut juga memberi kesan kepada anggota Polis yang bertugas kerana mereka perlu menjaga sekatan-sekatan tersebut untuk tempoh yang lama dalam keadaan yang panas, dan perkara itu telah diketengahkan oleh Suruhanjaya dalam siasatan awam terdahulu sebagai salah satu faktor yang mencetuskan tindak balas melampau oleh anggota Polis kepada peserta perhimpunan. Di dalam hal ini, adalah disyorkan agar pihak Polis menjalankan peranan sebagai pemudah cara dan bukannya penyekat dalam menangani perhimpunan aman.

4. LAWATAN KE TEMPAT-TEMPAT TAHANAN

Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menjalankan 26 lawatan ke tempat-tempat tahanan, iaitu sembilan lawatan berkala dan 17 lawatan kes aduan.

Jadual 5: Lawatan Berkala Ke Tempat Tahanan Pada Tahun 2016

NO.	TARIKH	TEMPAT-TEMPAT TAHANAN
1.	3 Mac	Penjara Sungai Buloh, Selangor
2.	26 September	Penjara Sungai Udang, Melaka
3.	27 September	Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, Johor
4.	27 September	Lokap Balai Polis Tampoi, Johor
5.	27 September	Lokap Balai Polis Taman Ungku Tun Aminah, Johor
6.	28 September	Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Johor
7.	28 September	Lokap Balai Polis Kelapa Sawit, Johor

NO.	TARIKH	TEMPAT-TEMPAT TAHANAN
8.	28 September	Lokap Balai Polis Air Bemban, Johor
9.	29 September	Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Johor

Jadual 6: Lawatan Ke Tempat Tahanan Untuk Siasatan Aduan Pada Tahun 2016

NO.	TARIKH	TEMPAT-TEMPAT TAHANAN
1.	21 Mac	Penjara Sungai Buloh, Selangor
2.	21 April	Penjara Kajang, Selangor
3.	16 Mei	Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang
4.	18 Mei	Penjara Alor Setar, Kedah
5.	30 Jun	Balai Polis Pudu, Kuala Lumpur
6.	15 Julai	Pusat Reman Polis Kampung Batu, Kuala Lumpur
7.	22 Ogos	Depot Tahanan Imigresen Juru, Pulau Pinang
8.	23 Ogos	Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka
9.	24 Ogos	Balai Polis Tanjung Kupang, Johor
10.	10 Oktober	Penjara Kajang, Selangor
11.	13 Oktober	Penjara Pokok Sena, Kedah
12.	17 Oktober	Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol, Negeri Sembilan
13.	17 Oktober	Pusat Koreksional Johor Bahru, Johor
14.	18 Oktober	Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Johor
15.	19 Oktober	Penjara Kluang, Johor
16.	8 November	Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang
17.	29 Disember	Penjara Sungai Buloh, Selangor

Penambahbaikan sesebuah tempat tahanan bukanlah semata-mata tanggungjawab pihak berkuasa yang menjaga tempat-tempat tahanan tersebut, sebaliknya Suruhanjaya berpendapat bahawa Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain juga perlu menjalankan peranan mereka. Sebagai contoh, kekurangan peruntukan belanjawan dan ketiadaan pegawai perubatan telah menyebabkan keperluan asas dan rawatan perubatan tidak dapat dibekalkan kepada tahanan semasa penahanan mereka. Oleh itu, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa pihak berkuasa yang menjaga tempat tahanan disediakan dengan peruntukan kewangan dan penempatan pegawai perubatan yang mencukupi. Pemerhatian berikut dibuat berdasarkan lawatan berkala Suruhanjaya dan ia juga merangkumi beberapa pemerhatian yang dibuat semasa lawatan untuk siasatan. Walaupun pemerhatian ini dibuat berkaitan dengan tempat lawatan yang dinyatakan, Suruhanjaya percaya bahawa isu ini juga mungkin wujud di tempat-tempat tahanan yang lain.

(a) Populasi Di Penjara Dan Pusat Tahanan Imigresen

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah melawat dua buah penjara iaitu Penjara Sungai Buloh dan Penjara Sungai Udang. Pada hari lawatan, Penjara Sungai Buloh sedang menempatkan 5,209 orang banduan, melebihi kapasitinya yang diwartakan iaitu 3,000 orang, dengan kadar lebih daripada 50%. Sementara itu, bagi Penjara Sungai Udang, pada hari lawatan terdapat seramai 2,898 banduan, di bawah kapasitinya yang diwartakan iaitu 3,000 orang penghuni. Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Pengkalan Chepa pada 21 September untuk menyiasat aduan kematian dalam tahanan, penjara tersebut menempatkan seramai 2,500 banduan, melebihi kapasitinya diwartakan iaitu 1,500 orang penghuni.

Walaupun Suruhanjaya bimbang dengan kesesakan yang dihadapi oleh Penjara Sungai Buloh, ia juga mengambil maklum bahawa penjara tersebut menempatkan dua kategori penghuni iaitu banduan reman atau dalam perbicaraan, dan banduan sabitan. Kesesakan diperhatikan berlaku di bahagian reman kerana populasi banduan reman sentiasa berubah berdasarkan kekerapan kes yang didengari dan diselesaikan oleh mahkamah.

Lawatan Suruhanjaya ke sebilangan lokap Polis mendapati bahawa kebanyakan lokap tidak digunakan sepenuhnya, atau tidak digunakan langsung di kawasan yang mempunyai lokap berpusat. Adalah diperhatikan juga bahawa di kawasan yang tiada lokap berpusat, amalan sekarang ialah untuk menahan suspek di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah dan bukannya di lokap-lokap balai polis. Suruhanjaya difahamkan bahawa tindakan ini diambil kerana keadaan sel-sel di balai-balai Polis adalah usang, dan maklumat ini didapati benar berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya.

Berhubung dengan pusat-pusat tahanan Imigresen, semasa lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Suruhanjaya mendapati bahawa jumlah tahanan ialah seramai 1,023 orang, iaitu di bawah kapasitinya yang diwartakan iaitu 1,500 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa pada waktu-waktu tertentu jumlah tahanan adalah melebihi kapasiti terutamanya semasa Kerajaan menjalankan serbuan terhadap migran tanpa dokumen.

Kesesakan di mana-mana tempat tahanan akan membawa kepada keadaan hidup yang tidak tertahan, yang tidak menghiraukan maruah asasi seseorang tahanan sebagai manusia. Kesesakan bukan sahaja menyebabkan ruang tempat tinggal yang terhad dan tidak mencukupi tetapi turut memberi kesan kepada kualiti nutrisi, kebersihan, aktiviti penghuni, dan juga kesihatan mental serta fizikal mereka. Pejabat PBB Berkenaan Jenayah Dan Dadah (UNODC) telah menerbitkan sebuah

buku panduan tentang strategi-strategi untuk mengurangkan kesesakan di penjara. Satu cadangan yang signifikan ialah untuk memperkenalkan alternatif kepada pemenjaraan dengan memasukkan langkah-langkah dan arahan yang bukan berbentuk penahanan di dalam undang-undang dan peraturan, seterusnya membolehkan mahkamah menggunakan budi bicaranya. Di samping itu, adalah dicadangkan agar pihak Polis dan pendakwa raya diberikan budi bicara untuk membawa kes-kes kecil dan tanpa keganasan keluar daripada sistem pengadilan jenayah.

Walaupun Suruhanjaya mendapati bahawa cadangan di atas adalah wajar dan boleh diterima, Suruhanjaya sedar bahawa cadangan tersebut perlu dipertimbangkan dan dinilai secara berhati-hati untuk memastikan ia boleh diguna pakai di dalam sistem perundangan Malaysia.

(b) Kebersihan Diri

Peraturan Minimum Standard Bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela)³³ memerlukan pihak berkuasa yang menahan supaya memastikan semua orang di bawah tahanan mereka dibekalkan dengan air dan alat-alatan tandas yang perlu untuk kesihatan dan kebersihan.

Banduan di Penjara Sungai Udang dibekalkan dengan alatan kebersihan sekali sahaja ketika kemasukan. Begitu juga yang diamalkan di Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas. Selepas kemasukan, penghuni perlu membeli sendiri alatan mandian. Suruhanjaya juga memerhatikan bahawa sebahagian lokap Polis turut mengambil inisiatif untuk memastikan keperluan mandian asas disediakan kepada tahanan walaupun ada aduan bahawa ia tidak mencukupi.

Suruhanjaya mendapati bahawa dari masa ke semasa terdapat gangguan bekalan air di tingkat atas bangunan penjara di Penjara Sungai Udang. Air adalah perlu untuk memastikan kebersihan banduan dan dengan itu Suruhanjaya menggesa pihak berkuasa yang berkenaan, termasuklah agensi yang bertanggungjawab, untuk bekerjasama bagi memastikan bekalan air yang mencukupi di kawasan tersebut.

(c) Pakaian Dan Tempat Tidur

Tidak seperti di pusat-pusat tahanan Imigresen, mereka yang ditahan di penjara dan lokap Polis dibekalkan dengan pakaian oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah mendapati bahawa terdapat juga tahanan di lokap Polis yang tidak berpakaian dengan sesuai, dan ada juga yang hanya memakai seluar dalam.

Berkenaan dengan tempat tidur, Suruhanjaya memerhatikan bahawa

³³ Peraturan 18 Peraturan Minimum Standard PBB Bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela)

penghuni di Penjara Sungai Buloh dan Pusat Tahanan Pekan Nenas dibekalkan dengan tilam untuk tidur. Sebaliknya, Suruhanjaya mendapati bahawa mereka yang ditahan di Penjara Sungai Udang dan lokap-lokap Polis tidak diberikan tilam, kecuali dalam kes-kes yang melibatkan kesihatan di mana terdapat syor daripada pegawai perubatan. Pihak Polis, dalam menjelaskan sebab-sebab penafian kemudahan tersebut kepada orang tahanan, mengatakan bahawa ia adalah perlu untuk mengelakkan tindakan bunuh diri oleh tahanan. Sungguhpun ada kekhawatiran tersebut, Suruhanjaya ingin merujuk kepada Peraturan 13 Kaedah-kaedah Lokap 1953³⁴ yang mewajibkan pihak Polis membekalkan tilam kepada tahanan.

Berkenaan isu kecenderungan untuk membunuh diri, Suruhanjaya berpandangan bahawa sebagai tambahan kepada prosedur penerimaan dan pendaftaran yang sedia ada, penilaian awal risiko patut dijalankan apabila suspek dibawa ke lokap Polis³⁵. Bahkan, prosedur yang dicadangkan ini wajar terpakai di semua tempat-tempat tahanan.

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat, ketidakupayaan pihak berkuasa untuk menyediakan keperluan-keperluan asas seperti alatan mandian dan tilam adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa terdapat penjara yang menyediakan hanya sepasang pakaian sahaja kepada banduan sepanjang tempoh penahanan. Oleh itu, adalah tidak mengejutkan apabila didapati bahawa penyakit kulit merebak secara berleluasa di penjara.

(d) Makanan

Peraturan 22(1) Peraturan Nelson Mandela memerlukan pihak berkuasa memastikan setiap banduan disediakan dengan makanan dengan nutrisi yang mencukupi untuk kesihatan dan daya tahan badan. Selain itu, Peraturan Penjara menetapkan bahawa makanan untuk banduan haruslah mematuhi diet pemakanan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan³⁶.

Berasaskan prinsip di atas, Suruhanjaya memerhatikan bahawa di Penjara Sungai Udang, makanan yang disediakan adalah tidak mencukupi dan kekurangan nutrisi. Selanjutnya, makanan tersebut disediakan di dalam bekas makanan yang tidak dibersihkan dengan sempurna. Begitu juga, makanan yang disediakan di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara adalah sedikit dan tidak mencukupi.

Sementara itu, di Depot Tahanan Pekan Nenas, walaupun tiada masalah

³⁴ Peraturan 13, Kaedah-kaedah Lokap 1953 menyatakan bahawa "Setiap banduan hendaklah dibekalkan dengan tilam yang perlu ditukar sekerap yang diperlukan tetapi tidak kurang daripada sekali sebulan."

³⁵ Lihat laporan Inkuiri Awam Suruhanjaya Berkenaan Kematian dalam Tahanan S. Hendry 2006

³⁶ Peraturan 16, Peraturan Penjara Malaysia.

dari segi makanan, namun Suruhanjaya mendapati kakitangan di dapur tidak memakai apron, sarung tangan dan/atau penutup kepala semasa menyediakan makanan, sekaligus melanggar standard keselamatan makanan antarabangsa.

(e) Akses Kepada Air Minuman

Suruhanjaya memerhatikan bahawa bekalan air minuman kepada banduan di Penjara Sungai Udang adalah terhad, di mana mereka dibekalkan dengan air minuman hanya semasa waktu makan. Suruhanjaya juga mengamati bahawa tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru menggunakan beg plastik untuk menyimpan bekalan air minuman mereka.

Dalam hal ini, Suruhanjaya menegaskan bahawa Peraturan Nelson Mandela telah menjelaskan bahawa air minuman mencukupi hendaklah disediakan untuk setiap banduan bila mana diperlukannya (Artikel 20(2))³⁷.

(f) Persekitaran Bangunan

Daripada lawatan ke pusat tahanan Imigresen, Suruhanjaya telah mengambil maklum berkenaan keadaan usang Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas dan Pusat Tahanan Imigresen Juru. Jabatan Kerja Raya telah mengesahkan bahawa tiga blok Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas, iaitu blok wanita, mahkamah, dan kuarters kakitangan adalah tidak sesuai dan tidak selamat untuk didiami manakala bahagian atas dua blok lelaki di Pusat Tahanan Imigresen Juru juga tidak sesuai dan tidak selamat untuk didiami. Keadaan bangunan di pusat tahanan yang tidak sesuai dan tidak selamat ini bukan sahaja akan mendatangkan kesan kesihatan dan keselamatan kepada tahanan semata-mata, tetapi kepada orang awam secara amnya.

Di samping itu, penyeliaan bangunan berkenaan juga akan memakan kos tambahan dan ini mungkin tidak praktikal memandangkan wujudnya rancangan untuk menggantikan pusat tahanan Imigresen tersebut, dan rancangan ini seharusnya disegerakan dan diberikan keutamaan.

Berkenaan dengan lokap Polis pula, Suruhanjaya mengambil maklum betapa pentingnya memastikan bahawa sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang berfungsi dengan baik.

Persekitaran bangunan di Penjara Sungai Udang, iaitu salah sebuah penjara yang baru dibina, adalah memuaskan dan di dalam keadaan yang baik. Suruhanjaya memerhatikan bahawa penjara ini mempunyai pencahayaan semuajadi yang memadai dan pengudaraan yang baik, selari dengan peruntukan di bawah Peraturan Nelson Mandela.

³⁷ https://www.unodc.org/pdf/criminal_justice/UN_Standard_Minimum_Rules_for_the_Treatment_of_Prisoners.pdf diakses pada 23/2/16

(g) Penjagaan Kesihatan

Mengimbas semula syor-syor Suruhanjaya di dalam laporan tahunan yang lepas berhubung isu kesihatan, didapati bahawa telah terdapat kemajuan yang beransur-ansur dan berterusan dalam usaha pihak berkuasa untuk memastikan setiap banduan menerima penjagaan kesihatan pada taraf yang sama dengan perkhidmatan yang disediakan di dalam komuniti awam, tanpa sebarang diskriminasi berdasarkan status perundangan mereka.

Pada masa ini, ada pegawai perubatan yang ditempatkan di beberapa buah penjara di Malaysia. Suruhanjaya memerhatikan bahawa di Penjara Sungai Udang, terdapat dua orang pegawai perubatan, seorang lelaki dan seorang wanita, untuk memberi khidmat kesihatan kepada banduan. Begitu juga di Penjara Sungai Buloh dan Penjara Pengkalan Chepa dimana Suruhanjaya mendapati adanya pegawai perubatan. Walaupun terdapat kekurangan dalam peralatan perubatan yang diperlukan, kehadiran pegawai perubatan ini adalah selari dengan Peraturan 24 Peraturan Nelson Mandela³⁸. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa banduan yang menghidapi penyakit berjangkit di dalam penjara, seperti HIV/AIDS, jangkitan kulit (kurap, tinea, dan kudis buta), tuberkulosis, leptospirosis dan lain-lain penyakit berjangkit, telah ditempatkan di dalam sel asingan. **Semasa mesyuarat bersama Jabatan Penjara Malaysia pada 22 Disember, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh Penjara untuk menangani isu masalah kesihatan di penjara iaitu: kesesakan di penjara sehingga meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit; ketiadaan pegawai perubatan yang tetap di sesetengah penjara; dan kekurangan peralatan perubatan di klinik penjara. Suruhanjaya juga dimaklumkan bahawa Penjara telah membentangkan cadangan mereka kepada Kerajaan iaitu bagi mewujudkan satu 'medical wing' di penjara, tetapi cadangan tersebut masih belum mendapat kelulusan Kerajaan.**

Sementara itu, di pusat tahanan Imigresen, dengan ketiadaan pegawai perubatan, pembantu perubatan telah ditempatkan di pusat tahanan sebagai ganti. Bagi kes yang lebih serius, tahanan akan dirujuk ke klinik atau hospital Kerajaan yang berdekatan.

Selari dengan Kaedah-kaedah Lokap 1953, Suruhanjaya menekankan kepentingan menjalankan saringan kesihatan fizikal dan mental bagi semua individu sebelum mereka ditempatkan di lokap. KDN dan Kementerian Kesihatan Malaysia harus membantu pihak Polis dengan memastikan

³⁸ Peraturan 24(2), Peraturan Nelson Mandela: Perkhidmatan penjagaan kesihatan hendaklah mempunyai pasukan pelbagai disiplin dengan kakitangan berkeelayakan yang mencukupi berkerja dalam bidang klinikal secara bebas sepenuhnya dan perlu merangkumi pakar-pakar dalam psikologi dan psikiatri yang mencukupi. Perkhidmatan doktor gigi berkeelayakan mestilah disediakan kepada setiap banduan.

jumlah pegawai perubatan yang mencukupi disediakan bagi tujuan ini. Ini adalah penting untuk membolehkan pihak Polis mengenalpasti apa-apa langkah khas yang perlu diambil, bukan sahaja untuk memastikan keselamatan orang tahanan, tetapi juga supaya anggota Polis boleh melindungi diri mereka daripada penularan penyakit berjangkit dan juga kemungkinan serangan oleh orang tahanan yang agresif terutamanya mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental.

(h) **Penyeludupan Bahan Larangan**

Suruhanjaya mendapati bahawa aktiviti penyeludupan bahan larangan seperti dadah di dalam pusat tahanan merupakan masalah yang serius. Ianya merupakan perniagaan haram yang menguntungkan yang berlaku di tempat tahanan. Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Sungai Buloh, pegawai perubatan yang bertugas di penjara memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa penyeludupan dadah di penjara telah menyebabkan program pemulihan dadah di penjara gagal.

Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Alor Setar, banduan dan kakitangan penjara yang telah ditemubual mendedahkan kepada Suruhanjaya bahawa terdapat kakitangan penjara yang terlibat dengan kegiatan penyeludupan dadah. Suruhanjaya mengambil maklum mengenai langkah yang telah diambil oleh Penjara untuk menangani kegiatan penyeludupan dadah, tetapi aktiviti tersebut masih berlarutan. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mengesyorkan supaya usaha bersepadu melibatkan pihak Penjara dan agensi lain seperti PDRM dan SPRM mesti dijalankan bersama untuk membasmi kegiatan penyeludupan barang larangan ke dalam tempat tahanan.

5. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN KANAK-KANAK (ATD)

Suruhanjaya masih tekal dengan gesaan supaya Kerajaan menamatkan penahanan imigresen terhadap kanak-kanak. Diakui bahawa terdapat keadaan luarbiasa di mana status imigresen kanak-kanak perlu ditentukan dan sementara menunggu pengesahan tersebut, kanak-kanak yang terlibat perlu dilindungi dan ditempatkan di suatu tempat. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa amalan Kerajaan pada masa ini adalah untuk menempatkan kanak-kanak sebegini, termasuklah kanak-kanak yang tiada penjaga atau yang terpisah (UASC), di dalam pusat tahanan Imigresen. Dibimbangi bahawa tindakan sedemikian adalah bertentangan dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, dan kesahan penahanan kanak-kanak tersebut dari segi undang-undang juga boleh dipersoalkan. Suruhanjaya dan pertubuhan masyarakat sivil telah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memastikan bahawa UASC diletakkan di tempat yang mempunyai persekitaran yang

konduif bagi pembangunan dan pertumbuhan mereka, dan mereka tidak seharusnya ditempatkan dan dikurung di dalam pusat tahanan Imigresen. Ini adalah selari dengan tanggungjawab Kerajaan di bawah Perkara 3³⁹ dan 22⁴⁰ CRC.

Di tahun-tahun sebelum ini, Suruhanjaya telah melaporkan mengenai usaha bersepadu yang dijalankan bersama dengan pertubuhan masyarakat sivil bagi menerokai ATD⁴¹ untuk kanak-kanak di pusat tahanan Imigresen di Malaysia. Inisiatif ini bermula pada tahun 2012 dan pada tahun 2014, Menteri Dalam Negeri telah bersetuju untuk mewujudkan Kumpulan Kerja berhubung ATD yang terdiri daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Kementerian Dalam Negeri; Suruhanjaya; dan anggota masyarakat sivil termasuk SUKA Society, International Detention Coalition, dan Yayasan Chow Kit, bagi mencari jalan untuk melaksanakan ATD. Walaupun Suruhanjaya memuji kesungguhan dan iltizam oleh ahli Kumpulan Kerja ini dalam melaksanakan ATD, Suruhanjaya memahami kebimbangan mereka, terutamanya agensi Kerajaan, berhubung keperluan untuk memastikan pelaksanaan ATD adalah dibolehkan dalam rangka perundangan yang sedia ada.

Oleh itu, seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan 2015, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas cadangan tentang bagaimana untuk melaksanakan ATD untuk kanak-kanak yang tiada penjaga atau yang terpisah (UASC) yang berada di dalam tahanan Imigresen berdasarkan tafsiran rangka perundangan yang sedia ada. Secara ringkasnya, Suruhanjaya mencadangkan supaya Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia menggunakan budi bicaranya di bawah Seksyen 27(1)(ii) Akta Imigresen 1959/1963 untuk meletakkan, dengan beberapa syarat, UASC di bawah jagaan NGO yang berdaftar. Juga dicadangkan supaya Menteri yang bertanggungjawab ke atas Imigresen, iaitu Menteri Dalam Negeri di Malaysia, menggunakan budi bicaranya di bawah Seksyen 55 Akta Imigresen untuk mengecualikan semua UASC daripada Akta Imigresen dan sebaliknya menempatkan kanak-kanak ini di bawah jagaan NGO yang berdaftar untuk pengurusan kes yang sesuai dan penyelesaian yang terbaik. Suruhanjaya juga menyatakan dengan jelas bahawa cadangan tersebut perlu dibaca bersama dengan peruntukan yang sedia ada di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Cadangan di atas telah dimajukan kepada Pejabat Peguam Negara melalui Kumpulan Kerja Alternatif Kepada Penahanan Kanak-kanak Bagi UASC Dalam Tahanan Imigresen pada bulan September 2015.

39 Artikel 3 memerlukan supaya Negara menegakkan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak itu.

40 Artikel 22 mengenakan kewajiban ke atas Negara bagi memastikan perlindungan yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang mencari perlindungan atau suaka.

41 Alternatif kepada penahanan merujuk kepada sebarang undang-undang, dasar atau amalan di mana orang tidak ditahan dengan sebab berhubung kepada status imigresennya. Ianya juga merujuk kepada cara untuk membolehkan orang, dalam kes ini UASC untuk disokong dan diuruskan dalam komuniti, tanpa keperluan kepada penahanan, sementara status imigresen mereka diselesaikan.

Pada bulan Februari, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Pejabat Peguam Negara berpendapat bahawa cadangan Suruhanjaya mungkin tidak boleh dilaksanakan. Bagi membincangkan asas kepada pendapat tersebut dengan lebih mendalam, Suruhanjaya telah menghadiri mesyuarat pada bulan Mei yang telah dipengerusikan oleh Jabatan Imigresen. Dalam mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah difahamkan bahawa tindakan Ketua Pengarah untuk mengenakan keperluan dan standard tertentu kepada NGO sebagai syarat untuk meletakkan UASC di bawah jagaan mereka adalah di luar bidang kuasanya kerana tindakan tersebut adalah bercanggah dengan kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diperuntukkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sebagai alternatif, Pejabat Peguam Negara mencadangkan seperti berikut:

- i) Untuk meletakkan penjagaan UASC di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bukan NGO;
- ii) Untuk melantik NGO sebagai pelindung dan mewartakan premis mereka sebagai tempat perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001; atau
- iii) Untuk menetapkan satu premis di bawah Seksyen 51A⁴² Akta Imigresen untuk menempatkan semua kanak-kanak yang tertakluk kepada penahanan Imigresen.

Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum tentang kekangan undang-undang yang sedia ada, Suruhanjaya tetap percaya bahawa kekangan ini boleh diatasi dengan mudah dengan arahan dasar yang jelas oleh Kerajaan dan koordinasi yang lebih baik antara agensi terutamanya Jabatan Imigresen dan JKM. Selanjutnya, dengan penggubalan Seksyen 53A⁴³ Akta Kanak-kanak, Suruhanjaya percaya bahawa peluang untuk mewujudkan kerjasama atau usaha sama antara NGO dan agensi Kerajaan yang berkenaan untuk memudahkan pelaksanaan ATD untuk UASC adalah lebih cerah.

Bersama-sama dengan Kumpulan Kerja, Suruhanjaya dan pertubuhan masyarakat sivil akan meneruskan usaha menggalakkan perbincangan mengenai ATD melalui pejabat Menteri Senator Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Komitmen Senator Datuk Paul Low berhubung tujuan ini dapat dilihat dengan jelas apabila beliau menyelaraskan lawatan bersama dengan Datuk Seri Hajjah Nancy Shukri, seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Pusat Tahanan Imigresen Langkap pada 21 April. Berikutan lawatan tersebut, pada bulan Jun, Menteri-menteri tersebut telah memberikan kertas laporan kepada Kabinet bagi mengetengahkan pemerhatian mereka dan kebimbangan terhadap keadaan tempat tahanan terutamanya yang melibatkan kanak-kanak. Berdasarkan kertas laporan tersebut, Kabinet telah

⁴² Seksyen 51A – "Ketua Pengarah boleh menetapkan mana-mana tempat sebagai depot imigresen untuk pemeriksaan, penyiasatan atau penahanan orang-orang di bawah Akta ini."

⁴³ Seksyen 53A – "Menteri boleh meluluskan mana-mana pusat menjadi suatu tempat bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Akta ini."

bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Menteri untuk menangani isu kanak-kanak di dalam pusat tahanan di Malaysia. Pasukan Petugas ini dipengerusikan oleh Senator Datuk Paul Low dan terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan yang relevan seperti Pejabat Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, dan Jabatan Imigresen.

Pada 26 Ogos, Pasukan Petugas telah mengadakan mesyuarat pertamanya dan di dalam mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah mengulangi syor-syornya untuk ATD dan mencadangkan model ATD yang boleh dirujuk oleh Kerajaan. Suruhanjaya memerhatikan bahawa Kerajaan menyokong prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dan penahanan UASC adalah bercanggah dengan prinsip tersebut. Atas dasar itu, Suruhanjaya memuji komitmen semua agensi yang hadir dalam mesyuarat tersebut untuk melaksanakan ATD. Bagi mencapainya, agensi yang berkenaan diminta untuk mengkaji beberapa aspek yang telah dikenal pasti termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, (i) mengenal pasti rumah perlindungan NGO yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai rumah perlindungan ATD; (ii) membangunkan satu prosedur standard bagi memindahkan UASC daripada pusat tahanan Imigresen ke rumah perlindungan NGO yang berdaftar untuk pengurusan kes; dan (iii) menangani jurang antara perundangan sedia ada dan rangka kerja polisi bagi melaksanakan ATD.

Meskipun usaha pelaksanaan ATD berjalan dengan perlahan serta menghadapi banyak rintangan, Suruhanjaya percaya adalah penting untuk memastikan Kerajaan sentiasa menangani isu kanak-kanak di pusat tahanan imigresen. **Suruhanjaya menumpukan sokongannya terhadap usaha Kerajaan dalam mencapai ATD dan mengakhiri penahanan imigresen terhadap kanak-kanak. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya supaya ATD untuk UASC akan dirintis seawal tahun 2017 dan dilaksanakan sepenuhnya untuk semua kanak-kanak dalam tahanan Imigresen untuk tahun yang mendatang.**

6. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun 2017, Suruhanjaya akan meneruskan siasatannya terhadap aduan yang masih belum selesai pada tahun ini. Sungguhpun harapan orang ramai terhadap Suruhanjaya semakin meningkat, memandangkan kepada peningkatan jumlah aduan, namun kuasa dan sumber Suruhanjaya adalah terhad. Walau bagaimanapun, dengan semangat dan kepercayaan terhadap hak asasi yang tertanam dalam diri kakitangan Bahagian Aduan dan Pemantauan Suruhanjaya, sokongan daripada orang ramai dan Kerajaan, serta kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil, Suruhanjaya percaya bahawa hak-hak semua orang di Malaysia akan kekal terpelihara.

LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI



2



Berditi (dari kiri):

Pn. Fatimah Abd Wahab, En. Abdul Rahman Abdullah, En. Mohd Tan'im Tajuddin, En. Wan Kasim Wan Kadir, Cik Chua Yen Sin, En. Muhammad Syafiq Ikhwan Ghazali, En. Nyak Baqi Kamaruddin

Duduk (dari kiri):

Cik Syairin Adirah Abd Rahman, Pn. Noor Maslina Mahdan, Pn. Lee Pei Hsi, En. Simon Karunagaram (Timbalan Setiausaha), Pn. Jesina Kaur Grewal, Cik Wan Norhafzah Junid, Pn. Siti Rahayu Mohamed Noor

Tiada Dalam Gambar:

En. Mohamad Taufiq Nadzri, Pn. Hasmah Abdul Manaf, En. Syahrizal Bakar, En. Ahmad Afiff Ramli, Pn. Elza Nadiyah Shaik Sulaiman

Bab 2

LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI

I. BAHAGIAN PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Bab ini memberikan rumusan mengenai pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan peranannya bagi mempromosi kesedaran berhubung hak asasi manusia. Aktiviti tersebut merangkumi kempen hak asasi manusia, pembangunan peralatan hak asasi manusia, program kemasyarakatan, program kesedaran hak asasi manusia bagi pelajar universiti tempatan, dan kerjasama dengan pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa.

Bab ini juga mengetengahkan cabaran yang dihadapi dan kemajuan yang dicapai oleh Suruhanjaya dalam menjalankan aktivitinya di lapangan, beserta beberapa syor untuk mengatasi jurang yang telah dikenal pasti.

1. KEMPEN BERSAMA MENGENAI PENYERTAAN MALAYSIA KEPADA KONVENSYEN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENENTANG PENYEKSAAN DAN HUKUMAN ATAU LAYANAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN, ATAU MENJATUHKAN MARUAH (CAT)

Pada tahun ini, Suruhanjaya dan rakan kempenya iaitu Amnesty International Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Majlis Peguam Malaysia, dan Lawyers for Liberty telah mempergiatkan lagi kempen bersama untuk menyeru penyertaan Malaysia kepada CAT melalui beberapa siri aktiviti seperti yang dirumuskan dibawah:

Jadual 7: Aktiviti Kempen CAT

TARIKH	AKTIVITI	BUTIRAN
2-3 April	Pameran tentang CAT dan pencegahan penyeksaan.	Diadakan bersempena acara Art for Grabs.
12 April	a) Perkongsian pengalaman oleh keluarga Norazmi Jalani yang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA). b) Perkongsian pengalaman oleh keluarga arwah Sharam Hassan, tahanan yang mati dalam tahanan Polis. c) Perbincangan panel mengenai penyeksaan dan CAT. d) Pameran berkenaan peralatan seksaan. e) Gerai maklumat berkenaan kempen ini dan CAT.	Aktiviti-aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Pasukan Petugas Pulau Pinang mengenai Kematian Dalam Tahanan Polis yang dipengerusikan oleh YB Prof Dr Ramasamy Palanisamy, Timbalan Menteri Besar II Pulau Pinang.

TARIKH	AKTIVITI	BUTIRAN
20-21 Ogos	a) Tayangan "Stories from My Father" – filem dokumentari berkenaan pengalaman yang dilalui oleh seorang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). b) Perbincangan panel bertajuk "Do Malaysians Condone Torture?" c) Permainan 'Roda Seksaan' – sebuah permainan yang memerlukan peserta membuat putaran roda dan memilih soalan secara rawak berkenaan penyeksaan atau CAT untuk dijawab. d) Gerai maklumat berkenaan kempen ini dan CAT. e) Petisyen menyeru penyertaan Malaysia terhadap CAT.	Aktiviti-aktiviti ini diadakan bersempena Freedom Film Fest (FFF) anjuran Pusat KOMAS 2016.
24-25 September	a) Forum bertajuk "Suffer for My Safety?" b) Permainan "Roda Seksaan". c) Pameran berkenaan peralatan seksaan serta maklumat mengenai CAT dan pencegahan penyeksaan. d) Petisyen menyeru penyertaan Malaysia terhadap CAT.	Aktiviti-aktiviti ini diadakan bersempena acara Art for Grabs.

Aktiviti kempen tersebut telah menarik perhatian orang awam daripada pelbagai kumpulan umur, terutamanya belia dan pelajar universiti yang telah menunjukkan minat untuk mendapatkan lebih maklumat berkenaan kempen ini dan CAT. Suruhanjaya juga menghargai penyertaan wakil agensi Kerajaan, terutamanya daripada Kementerian Dalam Negeri, semasa perbincangan panel dan forum yang telah diadakan pada 20 Ogos dan 24 September.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan ketika perbincangan panel bertajuk "Do Malaysians Condone Torture?" adalah seperti berikut:

- i) Definisi penyeksaan dalam konteks Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) serta dalam konteks CAT.
- ii) Keperluan untuk mendokumentasikan insiden penyeksaan di tempat-tempat tahanan.
- iii) Keperluan untuk meneliti semula undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan seksaan dan untuk menilai sama ada wujudnya perlindungan yang cukup untuk mencegah penyalahgunaan undang-undang ini.
- iv) Keperluan untuk kerjasama di antara pelbagai pihak berkepentingan untuk menyeru penyertaan Malaysia kepada CAT.
- v) Keengganan Kerajaan untuk menyertai CAT.
- vi) Keperluan untuk mempromosikan kesedaran ke arah mengubah sikap toleransi masyarakat sivil terhadap penyeksaan.

Forum bertajuk “Suffer for My Safety?” memberi penekanan terhadap kebimbangan penggunaan seksaan ke atas suspek pengganas, terutamanya sama ada tindakan sedemikian benar-benar berkesan dalam melindungi negara daripada pengganas. Perkara lain yang dibincangkan semasa forum tersebut adalah seperti berikut:

- i) Dapatan kajian tematik bertajuk “Kematian Dalam Tahanan Polis: Satu Kaji Selidik Mengenai Keadaan Lokap Dan Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kematian” yang dijalankan oleh Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat 255 kes kematian yang dilaporkan dari tahun 2000-2014. Dua daripadanya adalah disebabkan salah laku Polis manakala kes selainnya adalah berpunca daripada pelbagai sebab termasuk isu kesihatan dan bunuh diri.
- ii) Keengganan Kerajaan Malaysia untuk menyertai CAT kerana pada masa ini masih terdapat pelaksanaan hukuman sebatan oleh pihak berkuasa dan hukuman rotan di sekolah, yang dianggap sebagai suatu bentuk layanan buruk di bawah Konvensyen tersebut.
- iii) Keperluan bagi pihak berkuasa di Malaysia untuk beralih daripada kaedah bersifat hukuman seperti sebatan dan merotan kepada pendekatan lebih bersifat pemulihan untuk mengawal jenayah.
- iv) Keperluan untuk meminda undang-undang keselamatan domestik sekiranya Malaysia menyertai CAT memandangkan undang-undang ini membenarkan pihak berkuasa untuk menggunakan apa cara sekalipun untuk mendapatkan maklumat daripada tahanan.
- v) Suruhanjaya dan SIAP menyediakan dua saluran penting bagi orang awam untuk membuat aduan berkenaan dakwaan pelanggaran hak atau salah laku pihak berkuasa.
- vi) Keperluan bagi Malaysia mewujudkan budaya hak asasi manusia untuk semua, termasuk kumpulan minoriti, agar tidak memberi ruang untuk kewujudan elemen pelampau.

Meskipun kempen bersama ini telah mula mendapat perhatian di kalangan orang awam (berbanding tempoh awal selepas ianya dilancarkan pada bulan Jun 2015), kempen ini secara keseluruhan masih belum mencapai matlamatnya dalam menyeru penyertaan Malaysia kepada CAT, ke arah mempromosikan negara yang bebas dari seksaan. Ternyata banyak pihak berkepentingan di dalam negara masih tidak tahu tentang Konvensyen ini, serta peranan mereka dalam mencegah perlakuan seksaan atau layanan buruk. Ini telah mendorong Suruhanjaya dan rakan kempenya untuk mengadakan satu sesi strategi pada 22 Ogos untuk mengkaji semula strategi kempen dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan kempen.

Sesi strategi yang dikendalikan oleh Cik Shazeera Zawawi dari Association for the Prevention of Torture (APT) telah mengenal pasti beberapa langkah utama ke arah pembaharuan, contohnya menterjemahkan CAT kepada bahasa tempatan bagi menggalakkan pemahaman yang lebih baik di kalangan semua kumpulan terhadap Konvensyen tersebut; menghasilkan mesej utama untuk menyampaikan fokus kempen; memperkukuhkan koordinasi dan kerjasama; meningkatkan identiti dan keterlihatan kempen melalui penjenamaan semula dan publisiti yang lebih berkesan; serta menjalankan penglibatan strategik dengan kumpulan sasaran. Suruhanjaya dan rakan kempenya yakin bahawa pendekatan baru ini akan membantu meningkatkan kesedaran di kalangan pelbagai pihak berkepentingan berkenaan kepentingan menyertai CAT ke arah menghapuskan dan mencegah perlakuan seksaan atau hukuman atau layanan lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan, atau menjatuhkan maruah di Malaysia.

Pada masa ini, 160 daripada 193 Negara Anggota PBB telah meratifikasi CAT dan 10 Negara Anggota telah menandatangani Konvensyen tersebut, manakala 27 Negara Anggota termasuk Malaysia masih belum menyertainya.

Meskipun di dalam UPR yang lalu telah terdapat beberapa syor bagi Malaysia untuk menyertai CAT, Kerajaan menjelaskan bahawa ia belum bersedia untuk menandatangani dan meratifikasi Konvensyen tersebut buat masa ini. Suruhanjaya juga sedar akan kebimbangan beberapa agensi Kerajaan bahawa terdapat beberapa peruntukan di dalam CAT yang tidak bersesuaian dengan undang-undang, dasar, dan amalan negara. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa perkara ini tidak seharusnya dilihat sebagai halangan bagi Malaysia untuk meratifikasi atau menyertai Konvensyen ini. Suruhanjaya bersetuju dengan pandangan Claudio Grossman, mantan Pengerusi Jawatankuasa PBB Menentang Penyeksaan:

Negara-negara perlu memandang ratifikasi sebagai permulaan kepada suatu proses yang sedikit demi sedikit akan membawa mereka kepada pematuhan obligasi, melalui mekanisma yang dinyatakan di dalam Konvensyen.

Oleh itu, Kerajaan seharusnya memandang ratifikasi atau penyertaan sebagai asas untuk mencapai penambahbaikan di dalam perundangan dan dasar secara berperingkat ke arah mempamerkan komitmen negara untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di peringkat domestik. Suruhanjaya yakin bahawa Kerajaan dapat mengatasi halangan terhadap ratifikasi dengan sokongan daripada Suruhanjaya, masyarakat sivil, serta komuniti antarabangsa terutamanya Convention Against Torture Initiative (CTI), inisiatif global yang diterajui oleh Kerajaan Chile, Denmark, Ghana, Indonesia, dan Morocco untuk membantu negara-negara mengenai perkara berkaitan ratifikasi dan pelaksanaan CAT serta Protokol Pilihannya.

Tiada negara patut membiarkan perlakuan seksaan atau layanan buruk. Matlamat utama CAT adalah untuk melindungi individu daripada kemudaratan yang disebabkan oleh sesebuah Negara atau agennya, termasuk penguatkuasa undang-undang. Untuk mengelakkan sebarang pandangan negatif terhadap kesungguhan Malaysia dalam menentang penyeksaan, terutamanya berikutan kes kematian dalam tahanan di Malaysia, Suruhanjaya berpendapat adalah perlu bagi Malaysia untuk membuktikan melalui teladan, menerusi penyertaannya kepada CAT, bahawa ia bersungguh-sungguh dalam menghapuskan jenayah kemanusiaan, seperti seksaan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan dan/atau menjerumuskan maruah; serta dalam mencegah perlakuan sedemikian melalui kaedah perundangan, pentadbiran, kehakiman, atau mana-mana kaedah lain yang berkesan.

2. HAK ASASI MANUSIA DAN TEKNOLOGI

Suruhanjaya dan School of Information Technology (SIT), Universiti Monash Malaysia meneruskan kerjasama untuk mempromosikan hak asasi manusia melalui teknologi seperti yang digariskan di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada 20 Oktober 2015. Kedua-dua belah pihak meneruskan usahanya dalam tiga projek bersama yang sedang berjalan iaitu pembangunan aplikasi mudah alih hak asasi manusia (mobile app), pembangunan video animasi hak asasi manusia, serta penggunaan robot sebagai aktivis hak asasi manusia, yang mana kesemuanya melibatkan bantuan teknikal daripada pelajar SIT, Universiti Monash Malaysia yang dipilih sebagai ahli kumpulan dalam projek ini.

(a) Aplikasi Mudah Alih Hak Asasi Manusia

Aplikasi mudah alih 'Fair and Square' ini merupakan aplikasi Android yang mengandungi tiga permainan berasaskan pendidikan yang berkisar kepada tiga tema: Keadilan, Diskriminasi, dan Buli. Setiap tema mempunyai jenis permainan yang berbeza-beza dan di akhir setiap permainan, nilai-nilai moral akan dipaparkan kepada pemain. Setiap projek dinyatakan seperti berikut:

(b) Animasi

Animasi berjudul "Kejayaan Pelajar OKU Dalam Bidang Sukan" ini telah dibangunkan berdasarkan salah sebuah cerita di dalam komik hak asasi manusia yang diterbitkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2015.

(c) Aktivis Robot NAO

Projek aktivis Robot NAO mengguna pakai robot NAO yang dibangunkan oleh Aldebaran Robotics sebagai medium komunikasi yang interaktif untuk memperkenalkan Suruhanjaya dan CRC. Robot NAO telah diprogramkan

dengan fungsi untuk bercakap dan mampu mengendalikan kuiz ringkas dengan pesertanya.

Peralatan digital hak asasi manusia ini telah dilancarkan dengan rasminya pada 8 Disember bersempena dengan Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa. Pelancaran peralatan digital hak asasi manusia ini menandakan pencapaian yang penting dalam usaha Suruhanjaya mempromosi hak asasi manusia melalui inovasi teknologi. Satu hasil jelas yang diperolehi daripada kerjasama dengan Universiti Monash Malaysia adalah peningkatan pengetahuan dan kesedaran mengenai hak asasi manusia di kalangan pelajar yang terlibat dalam membangunkan peralatan digital hak asasi manusia ini. Ini selaras dengan salah satu matlamat utama projek ini iaitu untuk mempromosikan hak asasi manusia di dalam proses pembelajaran para pelajar.

Suruhanjaya menjangkakan peralatan digital yang boleh didapati secara percuma dari domain awam ini akan dapat membantu meningkatkan pemahaman pelbagai jenis bakal pengguna, terutamanya kanak-kanak dan guru-guru serta ibu bapa, mengenai prinsip-prinsip teras yang terkandung di dalam CRC, menerusi suatu pendekatan alternatif dari pendekatan bilik darjah atau pendekatan lazim yang lain.

Memandangkan peralatan digital tersebut masih baru diperkenalkan, Suruhanjaya akan mempergiatkan usahanya untuk menggalakkan penggunaan yang lebih meluas di kalangan semua bakal pengguna melalui platform media sosial serta program kemasyarakatan dan program pendidikannya di masa hadapan.

3. SAMBUTAN BERSAMA HARI HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Persatuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (UNAM), dengan kerjasama Suruhanjaya, Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (UNCT), serta Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), telah menganjurkan Perbincangan Panel pada 8 Disember untuk merasmikan Hari Hak Asasi Manusia yang jatuh pada tanggal 10 Disember setiap tahun.

Perbincangan panel tersebut memfokuskan kepada dua topik iaitu "Accession to Core International Human Rights Treaties: Where Do We Move From Here?" serta "Human Rights in Malaysia: Towards a Developed Nation Status". Sesi pertama dimudahcarakan oleh Prof Emeritus Dato' CP Ramachandran, Naib Presiden UNAM. Beliau disertai oleh ahli-ahli panel terhormat iaitu Tan Sri Hasmy Agam, mantan Pengerusi Suruhanjaya; Encik Andrew Khoo Chin Hock, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam Negara; dan Encik Daniel Lo Soo Jeng, Pegawai Khas Hak Asasi Manusia di Pejabat YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sesi

kedua dimudahcarakan oleh Dato' M Santhanaban, Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia UNAM. Beliau disertai oleh tiga ahli panel iaitu Encik Richard Towle, Wakil Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian; Prof Dr Jomo Kwame Sundaram, penyandang Kerusi Tun Hussein Onn bagi Kajian Antarabangsa di ISIS Malaysia; and Cik Zainah Anwar, Pengarah MUSAWAH.

Antara perkara-perkara yang diketengahkan dalam perbincangan panel tersebut adalah:

- i) Terdapat keperluan yang mendesak bagi Malaysia untuk menyertai baki enam daripada sembilan triti teras hak asasi manusia antarabangsa tanpa berlengah lagi agar setanding dengan negara maju lain menjelang 2020.
- ii) Meskipun negara maju yang lain mempunyai kelemahan tersendiri, Malaysia tidak seharusnya menjadikan perkara tersebut sebagai alasan untuk tidak memperbaiki rekod dan prestasinya sendiri apabila ianya berkaitan dengan hak asasi manusia, selaku sebuah negara.
- iii) Meskipun terdapat sesetengah kementerian yang lebih cenderung untuk menyokong penyertaan triti-triti berbanding dengan kementerian yang lain, Kerajaan Malaysia seharusnya bertindak sebagai sebuah entiti untuk bergerak maju di bawah agenda untuk memegang norma dan piawaian hak asasi manusia yang sama dengan negara-negara lain di dunia.
- iv) Terdapat keperluan untuk satu pendekatan yang pragmatik di mana Malaysia boleh bermula dengan menyertai instrumen hak asasi manusia yang kurang "bermasalah", sambil berusaha secara serius terhadap sebilangan kecil instrumen lain yang akan mengambil lebih masa untuk dipersetujui oleh majoriti rakyat.
- v) Terdapat satu cadangan supaya aktor bukan Kerajaan menggunakan pendekatan strategik untuk melibatkan Kerajaan dalam isu khusus hak asasi manusia demi mencapai manfaat sistemik. Salah satu cadangan adalah untuk bekerjasama dengan pejabat YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkenaan penyertaan kepada ICESCR dan CAT – yang mana kedua-duanya disokong oleh ramai menteri.
- vi) Terdapat keperluan bagi Malaysia untuk memperakui hubungkait di antara hak ekonomi, sosial, kebudayaan, sivil, dan politik demi mencapai matlamat dan sasaran dalam Agenda Matlamat Pembangunan Lestari 2030, yang dikenali sebagai SDG.
- vii) Pembangunan lestari bergantung kepada keterangkuman dan penyertaan semua golongan termasuk komuniti terpinggir, dan tidak hanya kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, memandangkan kedua-dua aspek tersebut adalah penting dalam melaksanakan perubahan dan mempromosi SDG.

- viii) Pandangan yang lebih luas mengenai kemanusiaan dan sifat pembangunan lestari perlu dipertimbangkan sejajar dengan peranan agama dalam undang-undang.
- ix) Kesaksamaan gender adalah amat penting dalam mencapai status negara maju dan Malaysia perlu merealisasikan komitmen antarabangsa, obligasi triti, dan tanggungjawabnya dalam mempromosikan SDG ke arah mengurangkan diskriminasi gender.
- x) Keperluan untuk sokongan yang lebih teguh daripada kedua-dua pihak Kerajaan dan pihak bukan Kerajaan kepada golongan wanita dalam perkara-perkara seperti penjagaan anak, waktu kerja fleksibel, dan perkongsian kerja.

Pada asasnya, perbincangan tersebut menekankan tentang keperluan Malaysia untuk bergerak lebih pantas dalam arena hak asasi manusia, terutamanya dalam menjadi pihak kepada instrumen teras hak asasi manusia yang masih belum disertai, serta kepentingan untuk menerima pakai pendekatan berasaskan hak asasi manusia terhadap pembangunan, yang berpandukan kepada beberapa prinsip utama iaitu tiada diskriminasi, kesaksamaan, penyertaan, kebertanggungjawaban, dan ketelusan - yang mana kesemuanya penting untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang.



Sesi Panel yang diadakan pada 8 Disember bersempena dengan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia 2016 di IDFR

4. PROGRAM KEMASYARAKATAN

Suruhanjaya terus mendekati masyarakat akar umbi menerusi program kemasyarakatannya iaitu 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' (sesi bertemu masyarakat), satu siri jerayawara dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat akar umbi mengenai fungsi dan kerja Suruhanjaya serta menyediakan satu platform kepada mereka untuk

menyuarakan kebimbangan terhadap isu tempatan berkaitan hak asasi manusia. Sesi yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- i) Pulau Pinang (13 April)
- ii) Kuala Kubu Bharu, Selangor (23 April)
- iii) Gua Musang, Kelantan (1 September)

Suruhanjaya juga telah mengadakan gerai pameran bersempena dengan jerayawara yang dijalankannya serta beberapa acara yang telah dianjurkan oleh organisasi dan agensi lain seperti:

- i) Jabatan Penerangan Malaysia (JPEN) Kuala Lumpur, 5 Mac
- ii) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sungai Buloh, 31 Mei - 2 Jun
- iii) Kolej INTI, Nilai, Negeri Sembilan, 16 Jun
- iv) Universiti Selangor, 20 Julai
- v) Gua Musang, Kelantan, 30 Oktober

Program kemasyarakatan merupakan satu usaha berterusan Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, adalah didapati bahawa majoriti orang awam tidak mempunyai pemahaman yang jelas tentang fungsi Suruhanjaya. **Kebanyakan mereka menganggap Suruhanjaya sebagai sebuah badan bukan Kerajaan, dan bukannya sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.**

Meskipun Suruhanjaya telah menganjurkan lebih daripada 120 sesi jerayawara di seluruh Semenanjung, Sabah, dan Sarawak sejak tahun 2001 hingga kini, persepsi sedemikian masih kekal di kalangan orang awam dan sesetengah agensi Kerajaan. Suruhanjaya amat menitikberatkan tanggungjawabnya berkenaan pendidikan dan promosi dan akan terus berusaha untuk mengatasi cabaran tersebut. Suruhanjaya berhasrat untuk mempergiatkan kerjasamanya dengan pelbagai kumpulan dalam masyarakat bagi menggalakkan pemahaman yang lebih tinggi di kalangan mereka mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya juga berpendapat bahawa adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan kaedah dan pendekatannya dalam menjalin hubungan dengan orang awam di seluruh pelusuk negara ini.



Sesi jerayawara 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' yang diadakan di Pulau Pinang pada 13 April.

5. PROGRAM KAMPUS

Suruhanjaya telah memperkenalkan program kampus 'SUHAKAM Bersama Mahasiswa' (SUHAKAM dan pelajar universiti) dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar universiti berkenaan Suruhanjaya dan hak asasi manusia. Sebanyak tujuh program kampus telah dijalankan oleh Suruhanjaya di universiti-universiti berikut:

- i. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 26 Mac
- ii. Universiti HELP, 18 Mei
- iii. Universiti Selangor (UNISEL), 20 Julai
- iv. Universiti Malaya, 5 November
- v. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 7 November
- vi. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 15 November
- vii. Universiti Multimedia Malaysia (MMU), 5 Disember

Walaupun program sedemikian agak baru bagi mereka yang telah hadir, Suruhanjaya mendapati para peserta secara amnya menerima baik pengetahuan hak asasi manusia yang telah disampaikan kepada mereka dan mengambil bahagian secara aktif di dalam program, semasa sesi soal jawab, serta perbincangan secara berkumpulan. Suruhanjaya juga amat kagum dengan persembahan berkumpulan oleh para pelajar, yang mencerminkan keupayaan mereka untuk mengaitkan rangka kerja hak asasi manusia antarabangsa dengan situasi tempatan.

Antara soalan-soalan umum yang dibangkitkan oleh peserta adalah yang melibatkan kerja-kerja Suruhanjaya serta peranan Suruhanjaya dalam menangani isu-isu hak asasi manusia di negara ini.

Suruhanjaya juga berpuas hati dengan maklum balas positif daripada kedua-dua pihak pensyarah dan pelajar yang mengambil bahagian dalam program ini. Berikut adalah testimoni daripada seorang pensyarah yang menghadiri program ini:

Perkara yang paling menarik mengenai program ini adalah kajian kes. Kajian kes ini telah mendedahkan kepada para pelajar spektrum sebenar seksaan dan layanan buruk yang mungkin terjadi dalam konteks Malaysia. Para pelajar kini sedar tentang rasional dan prinsip undang-undang yang berkaitan yang menjadi asas kepada CAT, serta tahu bagaimana untuk mengguna pakai prinsip undang-undang ini dalam mana-mana kes sebenar yang melibatkan seksaan dan layanan buruk.



Program 'SUHAKAM Bersama Mahasiswa' yang dihadiri oleh pelajar MMU, kampus Melaka.

Suruhanjaya berharap untuk mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan institusi-institusi ini serta universiti-universiti lain melalui pelbagai program kerjasama seperti kerja lapangan yang bertujuan untuk meningkatkan kepekaan remaja terhadap hak asasi manusia serta menggalakkan mereka untuk mendedikasikan pekerjaan mereka di masa akan datang kepada mempromosi dan melindungi hak orang lain dan komuniti mereka.

6. PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

(a) Lawatan Oleh Delegasi Tempatan Dan Luar Negara

Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menerima 16 delegasi tempatan dan luar negara daripada NGO, agensi Kerajaan, agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan universiti. Antara lawatan yang utama adalah seperti berikut:

Jadual 8: Lawatan Delegasi Tempatan dan Luar Negara

TARIKH	BUTIRAN LAWATAN
6 Januari	Suruhanjaya menerima delegasi dari OrphanCARE Foundation untuk membincangkan kemungkinan kerjasama antara kedua-dua organisasi untuk memajukan wanita dan kanak-kanak di Malaysia.
22 Mac	Suruhanjaya mengalu-alukan lawatan oleh Cik Anjolie Schut dari DEAL Foundation. Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan tentang kerja Suruhanjaya berhubung hak ibu tunggal di Malaysia serta projek yang dilaksanakan oleh DEAL Foundation dalam bidang ini.
24 Mac	Suruhanjaya menerima lawatan sambil belajar delegasi dari Kesatuan Pelajar Undang-undang Malaysia di United Kingdom dan Eire (KPUM) dan pelajar undang-undang dari universiti tempatan. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk memahami lebih lanjut tentang fungsi dan kerja Suruhanjaya dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.
29 Jun	Suruhanjaya mengalu-alukan lawatan oleh wakil dari Transparency International Malaysia (TI-M). Objektif lawatan ini adalah untuk membincangkan kemungkinan kerjasama di antara Suruhanjaya dan TI-M, khususnya berkenaan integriti.
8 Ogos	Suruhanjaya menerima delegasi dari Majlis Peguam Malaysia bagi membincangkan beberapa isu hak asasi manusia termasuk kebebasan berhimpun, memorandum berkenaan kem kematian, pendatang asing, pelarian dan individu tidak bernegara, pemerdagangan manusia, kempen mengenai pemansuhan hukuman mati, serta kematian dalam tahanan.
10 September	Suruhanjaya mengalu-alukan lawatan oleh Cik Marianne Clark Hattingh, Wakil UNICEF ke Malaysia. Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk membincangkan kemungkinan kerjasama di antara kedua-dua organisasi dalam mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak di Malaysia.
21 September	Suruhanjaya menerima delegasi dari SIAP. Objektif mesyuarat ini adalah untuk bertukar pandangan mengenai bidang kerja kedua-dua Suruhanjaya.



Kunjungan hormat oleh delegasi SIAP pada 21 September di Pejabat Suruhanjaya di Kuala Lumpur

Walaupun tujuan utama lawatan oleh delegasi luar adalah untuk bertukar pandangan dan amalan terbaik mengenai isu hak asasi manusia, serta berkongsi tentang kerja Suruhanjaya sebagai sebuah NHRI, Suruhanjaya amat sukacita bahawa beberapa lawatan ini telah membawa kepada kerjasama susulan di antara Suruhanjaya dan organisasi yang terlibat seperti TI-M dan UNICEF Malaysia. Antara dapatan utama termasuk:

- i) Satu sesi latihan dalaman mengenai "Rasuah, Ketelusan, Integriti Dan Tadbir Urus Yang Baik" yang telah dijalankan oleh TI-M kepada kakitangan Suruhanjaya pada 7 Oktober.
- ii) Pertukaran bahan promosi antara Suruhanjaya dan TI-M berkenaan isu yang diperjuangkan oleh organisasi masing-masing.
- iii) Pengenalpastian beberapa bidang kerjasama antara Suruhanjaya dan UNICEF Malaysia dalam mempromosikan dan melindungi hak kanak-kanak di Malaysia.
- iv) Lawatan bersama oleh Suruhanjaya dan SIAP ke pusat-pusat tahanan pada 22 September.
- v) Rancangan untuk menjalankan siasatan bersama dengan SIAP mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

(b) Mesyuarat Kerja Dengan Pihak Berkepentingan Utama

Suruhanjaya juga terus membina hubungan dengan pihak berkepentingan yang utama, khususnya Kementerian-kementerian dan Parlimen, melalui mesyuarat kerja yang bertujuan untuk membincangkan pelbagai isu tematik hak asasi manusia. Antara mesyuarat yang utama adalah seperti berikut:

Jadual 9: Mesyuarat Kerja

TARIKH	BUTIRAN MESYUARAT
10 Ogos	Suruhanjaya bertemu dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi Tadbir Urus, Integriti Dan Hak Asasi Manusia, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan untuk membincangkan beberapa perkara penting di bawah bidang kuasa Menteri termasuk ATD bagi kanak-kanak di pusat tahanan Imigresen, NHRAP, dan tindakan susulan Kerajaan terhadap syor-syor di dalam laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya.
11 Ogos	Suruhanjaya mengadakan mesyuarat kerja dengan Peguam Negara, Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali. Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan undang-undang keselamatan di Malaysia, pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang, ATD, serta pindaan kepada akta penubuhan Suruhanjaya.
25 Ogos	Suruhanjaya melawat pejabat Naib Canselor UNISEL. Objektif mesyuarat ini adalah untuk meneroka cadangan berkenaan pengenalan mata pelajaran hak asasi manusia di UNISEL.
15 September	Suruhanjaya mengadakan mesyuarat dengan Presiden Dewan Negara Malaysia, YB Senator Dato' Sri SA Vigneswaran. Ini adalah untuk membincangkan cadangan penubuhan PSC Mengenai Hak Asasi Manusia dan Kaukus Ahli Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia.

Suruhanjaya amat berterima kasih diatas sokongan YB Senator Datuk Paul Low atas usahanya yang berterusan untuk membawa agenda hak asasi manusia ke hadapan. Satu keputusan yang ketara adalah penubuhan Pasukan Petugas Mengenai Alternatif Kepada Tahanan oleh Kabinet yang bertujuan untuk menangani isu berkaitan kanak-kanak di pusat tahanan.

Suruhanjaya juga berharap untuk bekerjasama rapat dengan Parlimen terutama sekali Pejabat Presiden Dewan Negara dalam tiga bidang kerjasama yang dicadangkan, iaitu seperti berikut:

- i) Pengagihan laporan tahunan Suruhanjaya kepada ahli Dewan Negara.
- ii) Hubungan kerjasama yang lebih erat dengan Majlis Senator Malaysia (MSM) untuk bertukar pandangan dan maklum balas mengenai isu hak asasi manusia yang penting khususnya aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia.
- iii) Menganjurkan program pendidikan dan latihan hak asasi manusia kepada pegawai di Pejabat Senator.

Walaupun terdapat kemajuan dalam aspek hubungan kerjasama Suruhanjaya dengan beberapa pihak berkepentingan yang utama, dapat diperhatikan bahawa tidak semua mesyuarat yang diadakan atas nama hubungan kerjasama membawa hasil yang diinginkan. Masih terdapat isu hak asasi manusia yang serius yang tidak mungkin dapat ditangani oleh Suruhanjaya bersendirian tanpa kesungguhan politik serta sokongan penuh daripada pembuat dasar dan ahli badan perundangan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Salah satu

daripada isu yang mendesak adalah hak tanah Orang Asli/Asal di Malaysia yang telah lama diperjuangkan oleh Suruhanjaya dan pihak berkepentingan yang lain. Perkara ini merupakan perkara yang harus ditangani dengan segera demi kesejahteraan komuniti Orang Asli/Asal.

Sebagai sebuah badan kebangsaan yang diwujudkan melalui Akta Parlimen, adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar Kerajaan dan Parlimen akan melihat Suruhanjaya sebagai rakan utama dan sekutu mereka dalam usaha mempromosi dan menegakkan standard hak asasi manusia di negara ini.

7. HARAPAN MASA DEPAN

Bagi tahun seterusnya, Suruhanjaya akan mempergiatkan usahanya untuk membuka mata masyarakat terhadap Suruhanjaya serta menggalakkan pemahaman hak asasi manusia yang lebih baik di dalam semua bidang. Bagi mencapai maksud ini, Suruhanjaya memperakui keperluan untuk memperkukuhkan kerjasama strategik dan penglibatan dengan pelbagai pihak berkepentingan seluruh negara serta keperluan untuk menjalankan kerja-kerja yang memberi kesan yang lebih besar yang memperkasakan masyarakat untuk menyedari akan hak asasi dan kebebasan mereka dengan lebih berkesan.

II. BAHAGIAN MEDIA

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan menyedarkan semua pihak berkepentingan tentang isu hak asasi manusia, Bahagian Media terus berfungsi sebagai tulang utama Suruhanjaya untuk semua komunikasi media.

1. KENYATAAN AKHBAR

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, di bawah Seksyen 4(2), memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengeluarkan kenyataan awam mengenai hak asasi manusia. Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya mengeluarkan 32 kenyataan akhbar mengenai pelbagai isu hak asasi manusia termasuk perhimpunan awam, SOSMA, kesalahan seksual terhadap kanak-kanak, buruh kanak-kanak, Orang Asli, hukuman mati, hukuman rotan, CEDAW, rasuah, serta kebebasan beragama.

Walaupun Suruhanjaya, sejak penubuhannya, giat mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai pelbagai isu hak asasi manusia, adalah didapati bahawa liputan media tempatan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia masih agak terbatas.

Walaupun kebanyakan portal berita dalam talian sangat reseptif terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, perkara yang sebaliknya berlaku bagi media arus perdana. Malah, laporan media juga tidak memberikan gambaran sepenuhnya akan kandungan kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Tidak dinafikan bahawa salah satu daripada sebab utama kekurangan liputan mengenai isu-isu hak asasi manusia adalah ilmu dan pemahaman hak asasi manusia yang terhad di kalangan pengamal media di negara ini.

Walau berdepan dengan pelbagai kekangan, Suruhanjaya menaruh harapan tinggi bahawa media akan terus menyokong dalam menarik perhatian orang ramai kepada isu hak asasi manusia, dan yang paling penting untuk menyampaikan maklumat yang lengkap, adil, dan tepat mengenai isu-isu hak asasi manusia kepada masyarakat awam dalam usaha untuk mengakhiri persepsi negatif bahawa hak asasi manusia adalah agenda Barat.

2. SIDANG MEDIA DAN WAWANCARA

Pada tahun 2016, Suruhanjaya menerusi Bahagian Media telah mengadakan dua sidang media, salah satunya untuk memperkenalkan barisan Pesuruhjaya yang baru bagi penggal 2016-2019. Suruhanjaya turut menghadiri enam wawancara media pada tahun yang sama.

Bermula Oktober tahun ini, Suruhanjaya juga telah mengadakan pertemuan bulanan bersama sekumpulan pengamal media profesional yang

berpengalaman. Objektif utama sesi ini adalah untuk Suruhanjaya melibatkan diri secara proaktif dengan media, untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai kerja-kerja yang dijalankan secara berterusan oleh Suruhanjaya mengenai isu-isu berkaitan hak asasi manusia, dan juga untuk berkongsi amalan terbaik di kalangan pengamal media. Sehingga 31 Disember, Suruhanjaya telah mengadakan tiga sesi seumpamanya bersama media.

Suruhanjaya juga mula meneroka strategi baru bagi mendapatkan laman atau kolum khusus mengenai hak asasi manusia di akhbar-akhbar terpilih sebagai cara yang berkesan untuk mendekati masyarakat umum.

3. MEDIA SOSIAL

Sejajar dengan perkembangan pantas teknologi komunikasi, Suruhanjaya sentiasa aktif dalam mengoptimumkan penggunaan media sosial iaitu Facebook dan Twitter, untuk menyalurkan maklumat secara langsung dan juga untuk meningkatkan akses orang ramai kepada isu-isu semasa hak asasi manusia.

Menerusi platform ini, Suruhanjaya juga secara aktif memantau acara berkaitan hak asasi manusia semasa; ini dapat dilihat melalui kemas kini langsung akaun Facebook dan Twitter Suruhanjaya semasa perhimpunan BERSIH 5.0 yang baru-baru ini diadakan pada 19 November.

Suruhanjaya akan terus menggunakan media sosial untuk mempromosi hak asasi manusia dengan lebih baik, terutamanya melalui akaun Facebook dan Twitter Suruhanjaya, kepada orang ramai.

4. ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA

Tahun ini, Suruhanjaya sekali lagi mengiktiraf dan meraikan individu, organisasi, agensi, dan entiti perniagaan yang telah mencapai kejayaan luar biasa dalam mengamal dan memajukan hak asasi manusia, sama ada berkaitan kumpulan rentan tertentu atau masyarakat umum di Malaysia. Kesemua individu dan kumpulan ini telah dianugerahkan dengan Anugerah Hak Asasi Manusia di dalam majlis yang diadakan pada 8 Disember di IDFR, Kuala Lumpur.

Terdapat enam penerima bagi lima kategori anugerah yang diberi penghormatan pada tahun ini. Kategori anugerah termasuklah Anugerah Individu, Anugerah Organisasi Sivil, Anugerah Media, Anugerah Kerajaan dan Anugerah Entiti Perniagaan. Penerima anugerah dipilih daripada senarai 51 pencalonan yang diterima berikutan iklan Suruhanjaya untuk mendapatkan pencalonan, di samping banyak calon lain yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya melalui kajiannya sendiri.

Penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2016 bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

i. Anugerah Individu

Anugerah Individu ini diberikan kepada individu yang telah menunjukkan pencapaian yang signifikan dalam memperjuangkan hak asasi manusia di kalangan masyarakat secara *pro bono*.

Tahun ini, Anugerah Individu diberikan kepada Dr Madhusudhan Shammugam, seorang pengamal perubatan yang menyediakan rawatan perubatan di jalan-jalan sekitar Kuala Lumpur pada waktu malam secara percuma kepada golongan gelandangan dan mereka yang memerlukan. Perkhidmatan yang diberikannya membolehkan ramai orang gelandangan dan golongan miskin bandar menikmati hak mereka untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Doktor ini, yang berusia 34 tahun dan bekerja di klinik beliau di Cheras pada siang hari, memulakan kerja amal beliau sebagai pengasas bersama Yayasan Genie, membantu kanak-kanak dan anak-anak yatim, serta warga tua di pusat-pusat penjagaan. Beliau kemudiannya menyertai organisasi sukarelawan Kechara Soup Kitchen untuk menyediakan makanan dan rawatan perubatan percuma kepada golongan gelandangan. Melangkah setapak ke hadapan, Dr Madhusudhan yang juga dikenali sebagai 'Teddy Bear Doctor', menubuhkan Klinik Bergerak Teddy yang didedikasikan untuk menyediakan rawatan perubatan secara percuma kepada gelandangan dan golongan miskin bandar.

ii. Anugerah Organisasi/Kumpulan

Anugerah Organisasi/Kumpulan bertujuan untuk memberi penghormatan kepada organisasi yang tidak berasaskan keuntungan yang telah menunjukkan pencapaian signifikan dalam memperjuangkan hak asasi manusia di kalangan masyarakat secara *pro bono*.

Anugerah Organisasi/Kumpulan 2016 telah diberikan kepada Pusat Alam Sekitar, Teknologi, dan Pembangunan Malaysia (CETDEM) di atas usaha mereka yang tidak mengenal erti penat lelah dalam menambahbaik kualiti alam sekitar, dan seterusnya menyokong hak asasi manusia kepada alam sekitar yang bersih dan selamat.

CETDEM, yang ditubuhkan pada 25 April 1985, menangani pelbagai isu alam sekitar seperti kesan jangka panjang perubahan iklim ke atas masyarakat Malaysia, sumber tenaga lestari, pengangkutan mampan, pertanian organik, dan pembangunan lestari. CETDEM bukan hanya aktif di dalam negara, tetapi juga di peringkat antarabangsa dan mewakili negara di pelbagai forum antarabangsa seperti Persidangan PBB

Mengenai Alam Sekitar Dan Pembangunan di Rio, Konvensyen Rangka Kerja PBB Mengenai Perubahan Iklim dan banyak lagi.

iii. Anugerah Media

Anugerah Media diberikan kepada individu dan/atau agensi daripada media cetak, dalam talian, dan penyiaran di Malaysia bagi mengiktiraf program dan laporan/dokumentari hak asasi manusia yang efektif dan signifikan.

Tahun ini, Suruhanjaya menyampaikan anugerah ini kepada dua orang penerima. Penerima pertama ialah Cik Boo Su-Lyn yang diberikan anugerah tersebut di atas penulisan yang telus dan kritikal berkaitan dengan halangan terhadap pelbagai pencapaian hak asasi manusia di Malaysia. Cik Su-Lyn memulakan kerjayanya sebagai wartawan pada tahun 2010 di *The Malaysian Insider*, dan pada tahun 2013, dia membuat keputusan untuk menyertai *Malay Mail Online*, sebuah akhbar dalam talian, di mana beliau sekarang ini merupakan seorang editor. Selain melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk memperkasakan kebebasan media di Malaysia, penglibatannya sebagai pekerja sosial di dalam *All Women's Action Society (AWAM)* telah membolehkan beliau mengembangkan lagi minatnya dalam hak asasi manusia, terutamanya hak wanita. Sepanjang kerjayanya sebagai seorang penulis, Su-Lyn telah menulis banyak rencana yang menyentuh pelbagai isu hak asasi manusia seperti kebebasan beragama, hak kanak-kanak, perkahwinan kanak-kanak, kebebasan berhimpun, kebebasan untuk mendapatkan maklumat, dan banyak lagi.

Penerima kedua Anugerah Media adalah Encik Stephen Then Vui Fah, yang kini merupakan Penulis Kanan di *Star Publications (Malaysia) Berhad* di bawah akhbar *The Star*. Beliau diberikan anugerah ini berdasarkan penulisan beliau yang sangat meluas di akhbar cetak dan dalam talian berkenaan dengan hak dan kesengsaraan golongan rentan di seluruh negara, terutamanya di Sarawak. Minat wartawan kelahiran Miri ini untuk menulis mengenai isu-isu yang berkaitan hak asasi manusia mula timbul semasa perjalanan dan lawatan beliau ke kawasan pedalaman di Sarawak ketika bertugas dengan Jabatan Perangkaan selama dua tahun. Ini telah mendorong beliau untuk menulis pelbagai pendedahan mengenai perkara-perkara yang menjejaskan kumpulan rentan seperti hak Orang Asal/Asli kepada tanah, hak kepada keselamatan, hak orang kurang upaya, kebebasan beragama, dan hak pekerja.

iv. Anugerah Agensi Kerajaan

Anugerah ini diberikan kepada Agensi Kerajaan Malaysia atau badan berkanun yang telah mempamerkan amalan terbaik hak asasi manusia semasa melaksanakan polisi, peraturan, program, dan perkhidmatan mereka.

Tahun ini, anugerah ini diberikan kepada Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang merupakan inisiatif Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Inisiatif ini, yang diilhamkan daripada program 'Satu Kampung satu Produk' (OVOP) dari Jepun, bermula dengan 20 projek perintis melibatkan 10 negeri di Malaysia. Inisiatif ini berhasrat untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat melalui produk tempatan bagi menjana pendapatan mampan. Di samping itu, program ini bertujuan untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan masyarakat seperti pengeluaran bahan-bahan mentah, pemprosesan produk, dan logistik. Suruhanjaya memberikan Anugerah ini kepada Program tersebut memandangkan ianya berpotensi untuk memajukan hak kepada standard kehidupan yang mencukupi, terutamanya bagi komuniti miskin di kawasan pedalaman termasuklah Orang Asal/Asli.

v. Anugerah Entiti Perniagaan

Anugerah Entiti Perniagaan diberikan kepada perusahaan perniagaan yang telah menunjukkan contoh amalan terbaik hak asasi manusia dalam memberikan perkhidmatan dan mengendalikan perniagaan mereka.

Tahun ini, melalui Anugerah ini Suruhanjaya memberi penghormatan kepada Mydin Mohamed Holdings Berhad di atas usaha berterusan mereka dalam melatih dan menggaji OKU, seterusnya membantu meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini dan mengelakkan mereka dari terus dipinggirkan dari segi pekerjaan dan ekonomi. Program OKU yang diambil bekerja oleh Mydin Mohamed Holdings telah diperkasakan, hasil kejayaan program Job Coach kendalian JKM pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, inisiatif untuk menggaji OKU sebenarnya telah dimulakan lebih awal oleh Mydin Mohamed Holdings Berhad. Bagi memperkukuhkan lagi Program OKU, Mydin Mohamed Holdings Berhad telah mewujudkan pelan tindakan untuk latihan dan pengambilan pekerja OKU.

Di samping penerima anugerah di atas, tahun ini Suruhanjaya memberikan penghargaan istimewa kepada YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Tadbir Urus, Integriti dan Hak Asasi Manusia. Pengiktirafan khas ini diberikan kepada Senator di atas usaha beliau dalam menyokong wacana hak asasi manusia dalam Kerajaan.



Ahli Suruhanjaya bersama penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2016

5. HARAPAN MASA DEPAN

Bahagian Media akan terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia di kalangan semua pihak berkepentingan dan menghentikan persepsi negatif masyarakat terhadap hak asasi manusia menerusi penglibatan dan kerjasama aktif bersama media.

III. BAHAGIAN LATIHAN

Bahagian Latihan terus mengorak langkah dengan penuh optimistik untuk mempromosikan dan mendidik masyarakat tentang hak asasi manusia. Pada tahun ini, Bahagian Pendidikan dan Latihan menerima lebih banyak undangan bagi menyampaikan ceramah berkenaan hak asasi manusia termasuk daripada Jabatan Perhutanan, Bursa Malaysia Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan (KPDNKK). Selain itu, tahap penerimaan orang ramai terhadap Suruhanjaya telah semakin meningkat dan kerjasama yang diterima daripada agensi Kerajaan yang berkaitan sangat memuaskan. Walau bagaimanapun, sepanjang usaha yang dijalankan, Suruhanjaya terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran, contohnya persepsi daripada orang ramai yang menganggap Suruhanjaya adalah sebuah NGO dan bukan badan berkanun, anggapan masyarakat yang mengaitkan hak asasi manusia sebagai agenda Barat dan lain-lain lagi. Namun begitu, halangan-halangan yang dihadapi tidak mematahkan semangat Suruhanjaya untuk terus berusaha keras bagi mempromosikan hak asasi manusia kepada masyarakat.

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Latihan telah menjalankan pelbagai aktiviti bersama sekolah-sekolah, masyarakat Orang Asli, guru-guru, institusi pengajian tinggi (IPT), dan badan penguatkuasaan undang-undang.

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)

Sehingga hari ini, program ATHAM telah melibatkan sebanyak 222 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dalam proses untuk mengembangkan ATHAM ke sebanyak sekolah yang mungkin pada tahun 2017 setelah melihat kesan penggandaan program ini. Suruhanjaya mengakui bahawa kita mempunyai hubungan kerja yang sangat baik dengan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian yang menguruskan program ini bagi pihak KPM.

Suruhanjaya telah melawat 16 buah sekolah sahaja pada tahun 2016. Kebanyakan sekolah yang dilawati telah berjaya melaksanakan program ini dalam aktiviti-aktiviti di sekolah mereka kecuali SK RPS Banun yang kelihatannya seolah-olah menghadapi masalah untuk berbuat demikian. Sekolah ini menghadapi sedikit masalah pengurusan dan guru yang bertanggungjawab telah dipindahkan pada awal tahun 2016. Suruhanjaya agak khawatir bahawa pegawai yang menguruskan ATHAM di daerah Gerik dan pegawai yang bertanggungjawab di peringkat negeri telah terlepas pandang masalah-masalah di sekolah tersebut. Suruhanjaya

agak khawatir bahawa pegawai yang menguruskan ATHAM di daerah Gerik dan pegawai yang bertugas di peringkat Negeri telah terlepas pandang masalah-masalah di sekolah tersebut. Pertukaran guru besar yang terlalu kerap juga telah diperhatikan, di mana terdapat pertukaran tiga orang guru besar dalam tempoh empat tahun. Pertukaran pentadbir yang terlalu kerap akan memberi kesan terhadap kelancaran pengurusan sesebuah institusi dan boleh mengakibatkan kegagalan komunikasi, percanggahan komunikasi, dan laporan kepada pengurusan baru seperti yang berlaku di SK RPS Banun.

Suruhanjaya sangat berbangga dengan kejayaan negeri Pahang, Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, dan Perlis menganjurkan bengkel latihan semula untuk guru-guru yang menguruskan ATHAM. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melatih para pelatih tentang cara untuk melaksanakan program ATHAM, dan ia telah dihadiri oleh guru-guru yang bertanggungjawab dari setiap negeri yang telah dinyatakan di atas. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri yang membuat permohonan khas untuk melibatkan 11 buah Sekolah Agama Negeri ke dalam program ATHAM. Walau bagaimanapun, atas sebab peruntukan yang terhad, Suruhanjaya tidak dapat melawat sekolah-sekolah tersebut tahun ini.

Untuk pertama kalinya sejak diperkenalkan pada tahun 2009, program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian telah menganjurkan pertandingan peringkat kebangsaan. Antara objektif pertandingan ini adalah untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap hak asasi manusia dan hak kanak-kanak di kalangan pihak yang terbabit, di samping memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam program tersebut. Suruhanjaya berharap pertandingan ini akan membawa kepada pembangunan polisi baru dan perubahan pertauran yang berkaitan dengan hak kanak-kanak terhadap pendidikan, perlindungan, dan juga penglibatan kanak-kanak. Suruhanjaya turut berharap kanak-kanak akan mengamalkan hak-hak mereka dengan tanggungjawab dan penuh hormat.

**Jadual 10: Senarai Pemenang Pertandingan ATHAM Peringkat
Kebangsaan 2016**

NO.	SEKOLAH	NEGERI	TEMPAT
1.	SK Pos Menson (Sekolah Orang Asli)	Pahang	Pertama
2.	SMK Batu Muda	Wilayah Persekutuan (KL)	Kedua
3.	SMK Syed Sirajuddin	Perlis	Ketiga
4.	SK Pos Musuh LZ (Sekolah Orang Asli)	Perak	Keempat
5.	SMK Putrajaya	Putrajaya	Kelima

Menurut laporan oleh pejabat yang menguruskan di peringkat Negeri dan guru-guru yang menguruskan di peringkat sekolah, terdapat peningkatan yang memberangsangkan dari segi disiplin, sikap dan pengetahuan mengenai hak asasi manusia terutamanya hak kanak-kanak di kalangan para pelajar. Malah, terdapat sesetengah sekolah yang melibatkan para pelajar sebagai sebahagian ahli jawatankuasa program ATHAM mereka, di mana para pelajar dibenarkan untuk menjalankan aktiviti kelolaan mereka sendiri di bawah pemerhatian guru ATHAM yang bertugas.



Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan ATHAM peringkat Kebangsaan di Institut Aminuddin Baki, Jitra, Kedah.

(b) Sekolah Kanak-kanak Orang Asli

Seperti yang telah dilaporkan sebelum ini, tidak banyak isu yang telah dilaporkan dalam laporan tahunan terdahulu telah dapat diselesaikan oleh agensi bertanggungjawab yang terlibat. Isu seperti bantuan kewangan untuk orang miskin (KWAPM), pengangkutan, serta sikap dan pendekatan para guru terhadap kanak-kanak Orang Asli masih merupakan antara isu biasa yang kerap dilaporkan oleh ibu bapa. Kehadiran pelajar dan keguguran dari sekolah juga adalah antara isu yang masih belum dapat diselesaikan.

Suruhanjaya berpendapat bahawa KPM perlu memberi perhatian yang serius terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Orang Asli dan Pengetahuan Asal, seperti yang termaktub dalam Perkara 14 dan Perkara 15 UNDRIP.

Suruhanjaya juga berpendirian teguh bahawa JAKOA dan KPM mesti memberi perhatian yang serius bagi mewujudkan Sekolah Komuniti dalam lingkungan kawasan yang tidak mempunyai sekolah. Sekolah-sekolah ini akan mengajar membaca dan mengira disamping pendidikan seni dan kebudayaan termasuklah Bahasa OA bagi kaum tersebut. Suruhanjaya juga mencadangkan sekolah-sekolah terbabit untuk menggunakan khidmat komuniti sekitar bagi menguruskan sekolah dengan bantuan agensi yang bersesuaian.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah melawat SK RPS Banun di Gerik, Perak yang merupakan salah sebuah daripada empat buah sekolah yang telah dipilih oleh KPM dalam pelaksanaan program K9. K9 merupakan sebuah program di mana kanak-kanak OA akan belajar di sekolah selama sembilan tahun, dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 3. Suatu subjek khas yang dinamakan agrikultur ditawarkan kepada pelajar-pelajar peringkat menengah. Pada akhir Tingkatan 3, pelajar perlu memperoleh sijil Kemahiran Hidup. Namun begitu, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa terdapat 35 buah kelas Tingkatan 3 yang terlibat dengan program ini yang telah gagal untuk memperoleh sijil Kemahiran Hidup tersebut, yang ditauliahkan oleh Kementerian Sumber Manusia, atas sebab kegagalan KPM untuk memenuhi kriteria asas yang telah disyaratkan oleh Kementerian tersebut.

Suruhanjaya kekal dengan pendirian bahawa Sekolah Orang Asli yang dikenal pasti mempunyai masalah kehadiran dan kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (3R) perlu mempunyai kurikulum yang ditambah baik untuk menangani isu ini. Suruhanjaya mengesyorkan KPM untuk menerima pakai Kelas Agama Petang (KAP) yang telah dibangunkan sebagai kurikulum alternatif. Suruhanjaya turut mencadangkan agar KPM menggunakan pakai langkah-langkah untuk menambah baik kandungan dan pelaksanaan KAP.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Salah satu cadangan daripada bengkel yang telah dijalankan pada tahun 2014 dan 2015 adalah untuk meningkatkan bilangan bengkel yang dijalankan kerana para peserta merasakan adalah sangat mustahak untuk mereka mempunyai kesedaran terhadap hak asasi manusia dan kanak-kanak dan juga amalan terbaik hak asasi manusia di sekolah.

Suruhanjaya juga telah melawat tiga buah sekolah di mana Suruhanjaya mendapati pelbagai isu yang telah dilaporkan pada tahun 2015 masih belum diselesaikan. Sebagai contoh, seorang guru yang mengajar di sebuah SAR di bawah seliaan Majlis Agama Negeri Pahang telah tidak menerima sebarang kenaikan gaji sejak tahun 1998. Selain itu, oleh kerana gaji mereka dibayar dalam bentuk elaun bulanan, mereka tidak layak untuk menerima faedah seperti yang diterima oleh pekerja Kerajaan walaupun pada hakikatnya, menurut pemerhatian Suruhanjaya, guru-guru ini menjalankan tugas yang sama seperti guru-guru sekolah Kerajaan yang lain.

Seperkara lagi yang belum dapat diatasi adalah sebilangan sekolah tidak mempunyai tempat yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti rekreasi dan sukan. Sama seperti sekolah Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), aktiviti sukan dan rekreasi bukan merupakan keutamaan di SAR. Perkara ini berlaku khususnya untuk pelajar-pelajar yang tinggal di asrama. Suruhanjaya berpendapat para pelajar perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian dan bersosial melalui sukan dan rekreasi. Ini adalah sangat penting dalam proses pembinaan jati diri, keperibadian, dan keyakinan diri pelajar. Disebabkan kebanyakan guru kurang mendapat latihan pembangunan profesional yang berterusan, mereka tidak dapat melatih atau membantu para pelajar melalui aktiviti ko-kurikulum.

(e) Program Kesedaran Bahaya Buli

Menurut maklum balas daripada Kementerian Pendidikan di Parlimen, sebanyak 14,072 kes buli di sekolah telah direkodkan sepanjang tempoh empat tahun, dari 2012 sehingga 2015⁴⁴. Ini menunjukkan bahawa gejala buli merupakan satu lagi isu hak asasi manusia yang memberi kesan negatif kepada para pelajar di sekolah.

44 <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/10/20/14072-cases-of-school-bullying-recorded-over-four-year-period/>

Jadual 11: Jumlah Kes Dari Tahun 2012-2015

NO.	TAHUN	BILANGAN KES
1.	2012	4159
2.	2013	4120
3.	2014	2825
4.	2015	2968

Jadual 11 memperlihatkan suatu perkembangan yang positif apabila bilangan kes buli telah menurun hampir 50% pada tahun 2014 dan 2015 (berbanding tahun 2012 dan 2013). Walau bagaimanapun, jumlahnya masih dikategorikan sebagai agak besar. Oleh sebab itu, Suruhanjaya telah melancarkan sebuah program baru yang berfokus terhadap isu buli. Sebagai permulaan, Suruhanjaya memilih untuk menumpukan usaha kepada sekolah berasrama sahaja. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telah dipilih sebagai projek permulaan.

Suruhanjaya telah melawat sejumlah 14 buah MRSM sehingga hari ini. Pada mulanya, Suruhanjaya mensasarkan untuk melawat sekurang-kurangnya 20 buah MRSM pada tahun 2016, namun disebabkan beberapa halangan yang dihadapi, rancangan terpaksa diubah mengikut kesesuaian. Antaranya:

- i) Hanya beberapa sekolah memberi maklum balas dan menetapkan tarikh ceramah.
- ii) Beberapa sekolah menolak untuk memberikan tarikh, dan terdapat sebuah sekolah yang menolak untuk dilawat.

Perkara utama semasa lawatan diadakan adalah sesi ceramah selama dua jam bersama para pelajar. Antara topik yang disampaikan semasa ceramah adalah:

- i) Pengenalan tentang tugas, fungsi, dan kuasa Suruhanjaya
- ii) Konsep asas hak asasi manusia dan hak kanak-kanak
- iii) Definisi buli
- iv) Jenis-jenis kelakuan membuli
- v) Kesan buli dan cara mengatasinya

Jumlah pelajar yang menghadiri ceramah ini sekitar 500 ke 1000 orang bagi setiap sekolah, bergantung kepada jumlah pelajar di sekolah tersebut dan kelapangan mereka. Terdapat sesetengah sekolah yang tidak dapat menghimpunkan semua pelajar mereka disebabkan pertembungan jadual dengan kerja rumah atau aktiviti lain.

Ceramah telah diadakan di MRSM Kuala Kubu Bharu, Kuala Klawang, Alor Gajah, Parit, Johor Bahru, Kuantan, Felda, Tun Ghazali Shafie (Kuala Lipis), PDRM Kulim, Muadzam Shah, Kepala Batas, Taiping, Gerik, dan Pendang.

Suruhanjaya menyedari akan hakikat bahawa terdapat beberapa MRSM yang keberatan untuk bekerjasama. Atas sebab itu, Suruhanjaya membuat keputusan untuk turut menjalankan ceramah di sekolah-sekolah lain. Pada bulan Jun, program ini telah mula dikembangkan ke sekolah selain MRSM seperti Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor dan Sekolah Menengah Agama Slim River. Suruhanjaya turut melawat Asrama 1Malaysia di Kuala Lumpur.

Suruhanjaya berpendapat sekiranya program ini dijalankan di MRSM dan sekolah selain MRSM, kita akan dapat membuat perbandingan dan mengkaji bagaimana isu buli memberi impak kepada sekolah yang berbeza. Berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya, kebanyakan pelajar tidak mempunyai kesedaran tentang hak asasi manusia, manakala sebahagian yang lain mempunyai pengetahuan asas yang sangat cetek tentang hak asasi manusia. Mereka juga tidak menyedari tentang kewujudan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Walau bagaimanapun, para pelajar kelihatan begitu berminat tentang hak asasi manusia, terutamanya apabila disoal pada awal sesi ceramah tentang pengetahuan sedia ada mereka mengenai hak asasi manusia.

Semua pelajar sedar tentang gejala buli yang berlaku di sekolah mereka. Namun begitu, mereka tidak begitu jelas tentang jenis-jenis kelakuan membuli. Kebanyakannya beranggapan bahawa buli cuma melibatkan aspek fizikal. Menerusi ceramah yang disampaikan, para pelajar mula memahami bahawa buli turut merangkumi aspek bukan fizikal, termasuk juga di alam siber. Suruhanjaya menerima pelbagai aduan daripada para pelajar tentang insiden buli yang telah berlaku kepada mereka seperti panggilan nama yang tidak sopan, usikan, dan komen yang menyakitkan.

Sebilangan pelajar telah disuruh membuat mee segera untuk para senior, membeli makanan di kafeteria, mengutip baju di pusat dobi, dan lain-lain. Selain itu, ada pelajar yang disisihkan dari sesetengah kumpulan tertentu dan mengalami penyebaran khabar angin tentang mereka. Semua perkara ini dikategorikan sebagai kes buli, yang mana hakikat ini tidak disedari oleh sesetengah pelajar. Terdahulu, jenis-jenis kelakuan buli seperti ini biasanya berlaku kepada para pelajar perempuan, tetapi ia mula menular kepada pelajar lelaki sejak akhir-akhir ini. Secara keseluruhannya, ceramah ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang isu buli dan bagaimana untuk mengatasinya sekiranya ia berlaku kepada mereka.

Di sebilangan sekolah, Suruhanjaya berpeluang untuk berbincang bersama

kaunselor atau pun pengetua sekolah tersebut. Agak mengecewakan apabila ada yang beranggapan bahawa gejala buli adalah suatu fenomena biasa yang berlaku di sekolah asrama. Bagi mereka, gejala buli adalah satu perkara yang membentuk jati diri pelajar dan membuatkan pelajar lebih berdikari dan lebih kuat pada masa akan datang. Maklum balas seperti ini menunjukkan bahawa guru-guru sendiri pun tidak menyedari akan bahaya gejala buli dan kesan jangka panjangnya terhadap pelajar.

Terdapat beberapa sekolah yang amat menyokong usaha Suruhanjaya dan menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan program ini. Sekolah-sekolah ini sangat berminat untuk menjemput Suruhanjaya datang ke sekolah mereka bagi menjalankan program susulan.



Sesi ceramah Kesedaran Bahaya Buli di MRSM Pendang, Kedah.

2. INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

(a) Kerjasama Dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Suruhanjaya dan UPSI telah menandatangani MoU pada 22 Februari untuk meningkatkan, menggalakkan, dan membangunkan kerjasama berkaitan hak asasi manusia, yang melibatkan pendidikan, kajian, dan khidmat masyarakat bagi kepentingan bersama.

Beberapa aktiviti akan dijalankan sepanjang tempoh kerjasama ini. Selain itu, Suruhanjaya akan turut dijemput untuk menjalankan ceramah tentang hak asasi manusia bagi para pelajar, untuk menambah minat mereka tentang isu hak asasi manusia dan membantu mereka untuk lebih memahami konsep dan prinsip utama hak asasi manusia.



Majlis menandatangani MoU antara Suruhanjaya dan UPSI di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

(b) Kerjasama Dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pada tahun 2011, MoU pertama antara Suruhanjaya dan UKM telah ditandatangani. Salah satu matlamat utama adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan hak asasi manusia di kalangan pelajar dan para pendidik. Pada 11 April, Suruhanjaya dan UKM telah memperbaharui MoU tersebut dalam sebuah majlis yang telah diadakan di Bangunan Canseleri, UKM. Objektif pembaharuan MoU ini adalah untuk meningkatkan, menggalakkan, dan menmbangunkan kerjasama berkaitan hak asasi manusia, yang melibatkan pendidikan, kajian, latihan industri pelajar, dan pembentukan suatu unit hak asasi manusia.

Salah satu hasil positif daripada kerjasama ini adalah pembentukan sebuah Unit Hak Asasi Manusia yang diuruskan oleh Pusat Undang-undang Antarabangsa dan Siyar (CILAS), Fakulti Undang-undang, UKM. Antara fungsi unit ini adalah untuk menganjurkan program dan menjalankan kajian yang berkaitan hak asasi manusia. Menerusi penubuhan unit ini, objektif lebih besar yang ingin dicapai adalah supaya unit ini boleh dibangunkan dan ditransformasi kepada sebuah Pusat Hak Asasi Manusia pada masa akan datang. Setakat ini, Unit Hak Asasi Manusia tersebut mempunyai beberapa pecahan yang diletakkan di bawah seliaan CILAS, antaranya:

- i) Keadilan jenayah
- ii) Orang Asli
- iii) Perniagaan dan hak asasi manusia
- iv) Islam dan hak asasi manusia
- v) Hak kanak-kanak dan wanita



Majlis menandatangani MoU antara Suruhanjaya dan UKM di Universiti Kebangsaan Malaysia.

(c) Kerjasama Dengan Universiti Selangor (UNISEL)

Suruhanjaya telah menghadiri sebuah mesyuarat bersama UNISEL pada 25 Ogos untuk mencadangkan pelaksanaan jurusan hak asasi manusia di UNISEL. Mereka bersikap terbuka dan menerima baik cadangan yang dibawa oleh Suruhanjaya dan mengusulkan supaya kerjasama rasmi antara kedua belah pihak dimeterai.

Dokumen untuk kerjasama ini sedang dalam proses penyediaan dan majlis menandatangani akan diadakan dalam masa terdekat.

3. LATIHAN UNTUK AGENSI PENGUATKUASAAN

Suruhanjaya menganjurkan program latihan hak asasi manusia untuk badan penguatkuasaan undang-undang setiap tahun. Walau bagaimanapun, tahap keberkesanan program ini telah dipersoalkan kerana pelanggaran hak masih berlaku. Salah satu isu yang dibangkitkan adalah sama ada pegawai penguatkuasa undang-undang mengguna pakai prinsip hak asasi manusia dalam tugas harian mereka. Program latihan oleh Suruhanjaya menerangkan instrumen-instrumen utama hak asasi manusia antarabangsa – UDHR, ICCPR, CAT, CRC, CEDAW dan SMRTP – yang mana kesemuanya bersangkut paut dengan tugas pegawai penguatkuasa undang-undang. Namun, disebabkan Kerajaan masih belum mengesahkan kebanyakan perjanjian tersebut, agak sukar untuk pengendali latihan meyakinkan para peserta untuk menggunakan prinsip-prinsip yang diperkenalkan. Tetapi, Suruhanjaya menegaskan bahawa para peserta boleh mengguna pakai prinsip-prinsip asas tersebut dalam kehidupan dan tugas harian mereka.

(a) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Suruhanjaya terus menerima jemputan daripada Pusat Latihan Polis bagi menyampaikan ceramah yang berkaitan dengan isu hak asasi manusia. Antara topik yang dibentangkan adalah definisi dan konsep hak asasi manusia, mekanisme hak asasi manusia antarabangsa dan pelbagai isu seperti kematian dalam tahanan, penggunaan kuasa secara berlebihan oleh pegawai penguatkuasa sewaktu berhadapan dengan orang ramai, isu yang biasa berlaku semasa perhimpunan awam, dan lain-lain.

(b) Pihak Berkuasa Tempatan

Pada tahun ini, Suruhanjaya meneruskan kursus hak asasi manusia untuk pegawai penguatkuasa bagi semua majlis tempatan di Selangor. Tujuannya adalah untuk memberi kesedaran kepada para pegawai supaya mengguna pakai hak asasi manusia dalam tugas seharian mereka. Antara topik yang dibentangkan adalah pengenalan kepada Suruhanjaya, hak asasi manusia dan penguatkuasaan undang-undang, dan beberapa kajian kes yang berkaitan dengan isu hak asasi manusia. Pada masa hadapan, Suruhanjaya berharap untuk bekerja dengan lebih dekat bersama majlis tempatan dari negeri-negeri lain dalam memberi pendedahan dan pendidikan tentang hak asasi manusia. Program-program ini telah berjaya mencetuskan idea tentang bagaimana para penguatkuasa tempatan boleh menerapkan dan mengguna pakai hak asasi manusia semasa menjalankan tugas harian mereka.

4. HARAPAN MASA DEPAN

Suruhanjaya akan menghasilkan tiga modul hak asasi manusia yang akan digunakan oleh PDRM, Jabatan Penjara, dan kakitangan awam. Setelah itu, Suruhanjaya mensasarkan untuk menandatangani MoU bersama agensi-agensinya tersebut bagi mengesahkan kerjasama rasmi untuk mempromosikan pendidikan hak asasi manusia. Suruhanjaya turut berharap agar KPM akan meningkatkan lagi jumlah sekolah yang mengambil bahagian dalam program ATHAM. Suruhanjaya merancang untuk menghasilkan alat bantuan pendidikan untuk sekolah-sekolah, yang akan digunakan untuk mengajar murid-murid tentang hak asasi manusia semasa aktiviti ko-kurikulum dan dalam tempoh selepas tamat peperiksaan. Suruhanjaya berharap agar pihak KPM melibatkan Suruhanjaya di dalam perbincangan semasa penilaian pertengahan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

IV. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

Suruhanjaya terus memberikan keutamaan kepada penglibatan dengan badan-badan hak asasi manusia di peringkat serantau dan antarabangsa. Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya dalam konteks ini termasuk interaksi dan kerjasama dengan Perikatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, Majlis Hak Asasi Manusia, Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, Penilaian Penggalan Sejagat, Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan dan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia.

1. PERIKATAN GLOBAL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (GANHRI)

GANHRI merupakan rangkaian NHRI antarabangsa yang utama dan dianggotai lebih daripada seratus institusi dari seluruh dunia. Suruhanjaya merupakan ahli GANHRI sejak tahun 2002 dan telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti GANHRI termasuk Mesyuarat Agung Tahunan GANHRI yang diadakan di Pejabat PBB di Geneva, Switzerland.

Pada bulan Mac, Naib Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Dr Khaw Lake Tee telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan GANHRI bagi tahun ini, di mana isu-isu tematik berikut telah dibincangkan:

- i) Peranan NHRI dalam situasi konflik dan pasca konflik;
- ii) Pelarian, pencari suaka, migran, orang yang terpaksa berpindah, serta peranan NHRI; dan
- iii) Penerimapaakaian pendekatan berasaskan hak asasi manusia dalam menghadapi pelanggaran hak asasi manusia dengan memberi fokus kepada sikap tiada toleransi, perkauman, dan xenofobia.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan GANHRI, syor Jawatankuasa Kecil Pentauliahan GANHRI (SCA) untuk mengekalkan status 'A' Suruhanjaya berikutan sesi pentauliahan semula pada bulan November 2015 telah diterima pakai oleh Biro GANHRI. Keputusan ini mengesahkan status Suruhanjaya sebagai sebuah NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris, sehingga sesi pentauliahan semula yang seterusnya pada tahun 2020.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan untuk mengekalkan status 'A' Suruhanjaya, Suruhanjaya mengambil berat tentang kebimbangan yang ditimbulkan dalam laporan SCA mengenai pentauliahan semula Suruhanjaya, yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- i) Pemilihan dan pelantikan Pesuruhjaya;
- ii) Pelantikan Pesuruhjaya sepenuh masa;

- iii) Dana yang mencukupi;
- iv) Kerjasama dengan badan hak asasi manusia lain;
- v) Laporan tahunan dan laporan khas; dan
- vi) Jaminan perjawatan.

Suruhanjaya telah membawa perkara-perkara tersebut ke perhatian Kerajaan, khususnya kepada YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi hak asasi manusia, YB Puan Hajjah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal undang-undang, dan YBhg Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Walaupun Suruhanjaya masih ada empat tahun sebelum sesi pentauliah semula Suruhanjaya yang seterusnya, adalah amat penting bagi Suruhanjaya untuk menangani kebimbangan yang dibangkitkan oleh SCA terutamanya dengan menyeru agar Kerajaan meminda undang-undang penubuhan Suruhanjaya sepertimana yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2013. Suruhanjaya percaya bahawa hampir kesemua kebimbangan SCA akan dapat diatasi sekiranya pindaan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya diterima pakai oleh Kerajaan. Sehubungan itu, **Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama juga dengan Parlimen bagi mengkaji semula Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) untuk memasukkan pindaan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya**, dengan harapan untuk mengekalkan status 'A' Suruhanjaya pada sesi pentauliah semula yang seterusnya.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)

Sebagai badan utama PBB berkenaan dengan promosi dan perlindungan hak asasi manusia, HRC akan mengadakan tiga sesi setiap tahun untuk membincangkan pelbagai isu dan topik hak asasi manusia. Selaku sebuah badan PBB, aktor utama HRC adalah Negara-negara Anggota. Namun begitu, pihak berkepentingan lain termasuk NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan HRC. NHRI berstatus 'A' boleh menyumbang kepada perbincangan HRC dengan, antara lainnya, menyampaikan kenyataan lisan semasa panel perbincangan atau mengemukakan laporan bebas atau kenyataan bertulis.

Suruhanjaya menyedari kepentingan dan kebergunaan mengambil bahagian dalam sesi HRC dan oleh itu Suruhanjaya mengambil kesempatan untuk menyumbang kepada sesi HRC yang berkenaan. Pada Sesi Tetap Ke-31 HRC, yang telah diadakan pada bulan Mac, Suruhanjaya telah menyampaikan kenyataan-kenyataan berikut:

- i. Kenyataan Video Tentang Promosi Dan Perlindungan Hak Asasi Manusia Dan Kebebasan Asasi Semasa Membanteras Keganasan; dan

- ii. Kenyataan Lisan Bersempena Panel Peringkat Tinggi Tentang Ulang Tahun Ke-50 Kovenan-kovenan Hak Asasi Manusia.

Pada Sesi Ke-33 HRC pada bulan September, HRC telah menerima pakai tanpa undi satu resolusi mengenai NHRI. Resolusi tersebut, yang telah diusulkan oleh Australia, digubal berdasarkan resolusi-resolusi HRC mengenai NHRI yang terdahulu dan bertujuan, secara dasarnya, untuk menegaskan semula pengiktirafan HRC terhadap peranan NHRI yang semakin penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Resolusi tersebut, antara lainnya, juga mengalu-alukan dan menggalakkan kerjasama NHRI dengan mekanisme PBB seperti Penilaian Penggalan Sejahtera, badan-badan triti, dan prosedur khas. Suruhanjaya percaya bahawa penerimaan Resolusi ini, dengan tajaan bersama oleh sebanyak mungkin Negara Anggota PBB, adalah amat penting bagi menjana sokongan yang lebih padu oleh Kerajaan-kerajaan dan komuniti antarabangsa terhadap kerja NHRI, dan boleh menjadi pemangkin bagi penubuhan lebih banyak NHRI di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan Malaysia menaja bersama Resolusi tersebut bagi menunjukkan sokongan padu terhadapnya. Malangnya, Kerajaan, seperti tahun-tahun terdahulu, telah memutuskan untuk tidak menaja bersama Resolusi tersebut tetapi menyertai konsensus bagi menerima pakai Resolusi tersebut. Kerajaan mengekalkan pendiriannya bahawa menyertai konsensus mencerminkan sokongan dan persetujuannya terhadap Resolusi tersebut. Di samping itu, Kerajaan, melalui Kementerian Luar Negeri, telah menyatakan bahawa dalam mempertimbangkan penajaan bersama bagi mana-mana Resolusi, agensi Kerajaan berkaitan yang lain perlu dirujuk untuk mengambil kira undang-undang, dasar dan komitmen negara yang sedia ada. Walaupun Suruhanjaya tidak mempertikaikan hujah-hujah tersebut, Suruhanjaya berpendapat bahawa menaja bersama Resolusi tersebut adalah pendirian yang lebih baik bagi Malaysia, kerana ini akan meningkatkan kepentingan dan nilai Resolusi tersebut. Tambahan pula, penajaan bersama terhadap Resolusi tersebut oleh Kerajaan Malaysia akan memberi gambaran yang baik terhadap Malaysia terutamanya dengan niat Malaysia untuk memohon pelantikan semula sebagai ahli HRC bagi tempoh 2018-2020.

3. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (CFNHRI)

Suruhanjaya juga merupakan ahli CFNHRI, yang merupakan satu lagi rangkaian antarabangsa NHRI yang terdiri daripada NHRI dari Negara Anggota Komanwel. Salah satu objektif utama CFNHRI adalah untuk menggalakkan perkongsian maklumat, pengalaman dan amalan terbaik antara institusi. Pada bulan Mac, Mesyuarat Tahunan CFNHRI telah diadakan di Geneva, bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan GANHRI. Pelan Strategik CFNHRI 2016-2019, yang

dihasilkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Ireland Utara, selaku Pengerusi CFNHRI, telah dilancarkan semasa Mesyuarat Tahunan CFNHRI. Pelan Strategik CFNHRI 2016-2019 telah menyenaraikan lapan keutamaan tematik, iaitu:

- i) Perkahwinan awal dan paksaan dan perkahwinan kanak-kanak;
- ii) Keadilan iklim;
- iii) Kebebasan bersuara, berpersatuan, dan berhimpun secara aman;
- iv) Migrasi;
- v) Pasca konflik, perdamaian, dan hak asasi manusia;
- vi) Proses Penilaian Penggalan Sejagat;
- vii) Pendekatan berasaskan hak asasi manusia untuk tadbir urus yang baik; dan
- viii) Hak asasi manusia dan perniagaan.



Perjumpaan dengan Setiausaha Agung Komanwel pada bulan Ogos di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan Rt Hon Patricia Scotland QC, Setiausaha Agung Komanwel semasa lawatan rasmi beliau ke Malaysia. Pada perjumpaan tersebut, Setiausaha Agung Komanwel telah memaklumkan tentang rancangan Sekretariat Komanwel untuk mengumpulkan amalan terbaik NHRI dalam menangani pelbagai isu hak asasi manusia. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif untuk menyediakan dan berkongsi kompilasi amalan baik NHRI ini, Suruhanjaya berharap agar Sekretariat Komanwel juga boleh memainkan peranan yang lebih aktif dalam memujuk kerajaan-kerajaan Komanwel untuk mengambil pendirian yang lebih progresif berkenaan dengan promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Suruhanjaya percaya bahawa peranan Setiausaha Agung Komanwel sedemikian amat sesuai memandangkan beliau mempunyai akses kepada pucuk pimpinan negara-negara Komanwel.

4. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Suruhanjaya memperakui potensi besar mekanisme UPR untuk membawa perubahan positif dan penambahbaikan terhadap keadaan hak asasi manusia di negara ini. Memandangkan NHRI mempunyai peranan yang penting dalam mekanisme UPR, Suruhanjaya meneruskan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan mencapai hasil terbaik bagi UPR Malaysia.

Sebagai usaha untuk memastikan pelaksanaan berkesan 150 syor yang diterima oleh Malaysia semasa UPR keduanya, Suruhanjaya sekali lagi telah menjalankan satu siri konsultasi di seluruh negara yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil. Ia bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan dengan status pelaksanaan syor-syor yang diterima dan meningkatkan lagi kesedaran serta pemahaman tentang proses UPR. Siri konsultasi ini dimulakan dengan satu sesi di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2015. Sesi-sesi seterusnya telah diadakan pada bulan Januari di Kota Kinabalu, Kuching, Melaka, Kuala Terengganu dan Pulau Pinang. Daripada konsultasi yang diadakan di peringkat negeri, Suruhanjaya mendapati bahawa kesedaran dan pemahaman tentang proses UPR di kalangan pegawai Kerajaan serta wakil-wakil CSO masih rendah walaupun Malaysia telah mengambil bahagian dalam proses UPR sejak tahun 2008. Suruhanjaya turut mendapati bahawa penglibatan Kerajaan Negeri (kecuali Sarawak) dan pihak berkuasa tempatan dalam proses UPR juga amat rendah. Selain itu, CSO yang beroperasi di peringkat negeri, secara amnya, juga kurang aktif dalam menyokong pelaksanaan syor-syor UPR.

Semasa konsultasi tersebut, ramai di kalangan wakil agensi Kerajaan Negeri berpandangan bahawa Kementerian Luar Negeri (KLN), selaku agensi penyelaras bagi UPR Malaysia, seharusnya memberikan taklimat kepada agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan agensi Kerajaan Negeri maklum tentang komitmen UPR Malaysia. Mereka juga berpendapat bahawa KLN juga perlu bekerjasama rapat dengan agensi Kerajaan Negeri ke arah memenuhi komitmen tersebut. Oleh yang demikian, Suruhanjaya telah mengesyorkan agar KLN bekerjasama dengan Kerajaan dan agensi Negeri supaya mereka turut sama memainkan peranan dalam proses UPR terutamanya dalam fasa pelaksanaan kitaran UPR. Suruhanjaya percaya bahawa peranan aktif yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan syor-syor UPR sangat penting untuk mencapai hasil UPR yang diinginkan, iaitu bagi menambah baik keadaan hak asasi manusia di lapangan. Sehubungan itu, **Suruhanjaya berharap untuk mengadakan perbincangan dengan Parlimen dan KLN bagi mencari jalan untuk memastikan penglibatan aktif Kerajaan-kerajaan Negeri dalam UPR.** Adalah amat penting bagi Parlimen mengambil maklum mengenai perkembangan-perkembangan berkaitan UPR Malaysia supaya langkah-langkah sewajarnya boleh diambil untuk memastikan komitmen-komitmen UPR Malaysia dipenuhi.

Suruhanjaya sebagai sebuah NHRI berstatus 'A' telah menyerahkan Laporan Separuh Penggal untuk UPR Malaysia Kedua kepada Sesi Ke-32 HRC pada bulan Jun. Walaupun penyerahan laporan separuh penggal ini tidak diwajibkan di bawah proses UPR, namun negara yang dinilai dan NHRI amat digalakkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia untuk melakukan sedemikian. Suruhanjaya telah mengesyorkan agar Kerajaan menyerahkan laporan separuh penggal kepada HRC. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah difahamkan oleh KLN bahawa Kerajaan tidak akan menyerahkan laporan separuh penggal buat kali ini tetapi akan mempertimbangkan untuk berbuat demikian semasa kitaran ketiga UPR Malaysia.

Laporan Separuh Penggal Suruhanjaya adalah berdasarkan pemantauan Suruhanjaya terhadap UPR kedua Malaysia sehingga bulan April 2017. Ia mencerminkan pandangan dan dapatan Suruhanjaya mengenai pelaksanaan 150 syor yang diterima oleh Malaysia. Dalam Laporan Separuh Penggal ini, Suruhanjaya menggariskan pemerhatian berikut:

- i) Secara keseluruhannya, Kerajaan telah mencapai peningkatan yang lebih banyak dalam memenuhi syor-syor berkaitan hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan berbanding dengan syor-syor mengenai hak politik dan sivil. Suruhanjaya turut mengambil maklum bahawa pelbagai program dan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan dalam mempromosi hak-hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan kebanyakannya ditujukan kepada rakyat Malaysia sahaja. Kesannya, golongan rentan yang bukan rakyat Malaysia seperti pekerja migran, pelarian, pencari suka dan orang tanpa kerakyatan terus dikecualikan dan kekal sebagai kumpulan yang paling mudah terdedah kepada pencabulan hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan mengambil pendirian dan pendekatan yang lebih terbuka dalam menangani hak golongan rentan, yang mana jumlah populasi mereka agak besar di Malaysia. Kerajaan boleh membantu golongan ini dengan memberikan kepada mereka akses kepada program-program serta perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dengan objektif memenuhi hak asasi mereka termasuk hak kepada pendidikan formal dan penjagaan kesihatan serta hak untuk kehidupan yang memuaskan yang bebas daripada kemiskinan dan diskriminasi.
- ii) **Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan syor-syor yang tidak diterima oleh Malaysia dan melaksanakan mana-mana yang relevan.** Suruhanjaya percaya bahawa pelaksanaan syor-syor tersebut akan membawa kepada penambahbaikan yang besar terhadap keadaan hak asasi manusia di negara ini.
- iii) Suruhanjaya mengambil maklum dan menghargai penerimaan pemimpin-pemimpin dunia terhadap Agenda Pembangunan Lestari 2030 yang

mengandungi 17 SDG. Sehubungan itu, Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan melaksanakan syor-syor UPR yang seiring dengan SDG.

Pada 27 Jun, Suruhanjaya menyertai sesi taklimat mengenai UPR yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di Kuching, Sarawak. Semasa sesi tersebut, Suruhanjaya menyampaikan satu pembentangan mengenai pengalamannya dalam proses UPR. Suruhanjaya memuji tindakan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menganjurkan sesi tersebut, yang telah melibatkan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan organisasi-organisasi masyarakat sivil yang beroperasi di Sarawak. Suruhanjaya berpandangan bahawa inisiatif tersebut oleh Kerajaan Negeri adalah penting bagi memastikan penglibatan aktif jentera Kerajaan Negeri dalam proses UPR Malaysia. Selain itu, ia mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam proses UPR. **Suruhanjaya berharap agar Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain dapat mencontohi amalan baik Kerajaan Negeri Sarawak dalam hal ini.**

Dengan bermulanya kitaran ketiga UPR, Suruhanjaya berharap agar penambahbaikan akan berlaku terhadap mekanisme UPR. Suruhanjaya berasa agak kecewa kerana kebanyakan syor-syor yang diberikan oleh Negara Anggota PBB kepada Malaysia semasa kedua-dua kitaran UPR sebelum ini agak lemah kerana syor-syor tersebut tidak memenuhi kriteria tertentu seperti syor yang betul-betul spesifik, boleh diukur pencapaiannya, dan menetapkan jangkamasa tertentu (S.M.A.R.T). Tambahan pula, syor-syor yang memenuhi kriteria S.M.A.R.T ini selalunya ditolak oleh Malaysia. Keadaan sebegini berkemungkinan besar akan membawa kepada suatu situasi di mana Kerajaan boleh mengakui, secara sah, bahawa syor-syor yang diterima telah dilaksanakan sepenuhnya, tetapi sebenarnya usaha ini gagal menangani isu-isu penting hak asasi manusia, dan tidak memberikan impak yang besar di lapangan. Oleh itu, syor-syor yang diberikan kepada negara yang dinilai mestilah spesifik dan mempunyai matlamat yang khusus. Namun demikian, Suruhanjaya percaya bahawa mekanisme UPR akan ditambah baik seiring dengan peredaran masa, dan berharap untuk melihat lebih banyak syor yang lebih bermakna diberikan oleh Negara-negara Anggota PBB semasa UPR Malaysia ketiga pada tahun 2018, dengan harapan yang Malaysia akan menerima syor-syor tersebut dan melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh.

5. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (APF)

APF merupakan satu daripada empat rangkaian serantau NHRI yang diiktiraf oleh sistem PBB. Ia terdiri daripada 22 anggota dari rantau Asia Pasifik termasuk Suruhanjaya. APF menganjurkan pembangunan kapasiti anggota-anggotanya dengan, antara lainnya, menjalankan program-program latihan dan menerbitkan buku panduan berkenaan dengan pelbagai isu hak asasi manusia.

Pada bulan Oktober, Suruhanjaya menyertai Mesyuarat Tahunan APF Ke-21 di Bangkok. Suruhanjaya telah diwakili oleh Pengerusi Tan Sri Razali Ismail, Setiausaha Rodziah Abdul, dan pegawai Wan Kasim. Pada Mesyuarat Tahunan tersebut, anggota-anggota APF membincangkan, antara lainnya, hukuman mati serta bidang-bidang keutamaan anggota APF masing-masing. NHRI Bahrain dan Iraq juga telah diterima sebagai Anggota Bersekutu APF. Anggota-anggota juga telah mengadakan sesi dialog dengan wakil-wakil Asian NGO Network on NHRIs (ANNI), di mana perlindungan terhadap pembela hak asasi manusia telah dibincangkan.

APF juga telah menganjurkan satu Dialog Peringkat Tinggi yang melibatkan anggota dan juga pegawai kanan Suruhanjaya di Kuala Lumpur pada 9-10 November. Antara isu-isu yang telah dibincangkan semasa Dialog Peringkat Tinggi tersebut adalah Prinsip-prinsip Paris dan ciri-ciri unik NHRI, objektif dan keutamaan Suruhanjaya, serta hal ehwal tadbir urus. Pengendali Dialog Peringkat Tinggi tersebut terdiri daripada Pn Rosslyn Noonan, mantan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia New Zealand, Prof Chris Sidoti, mantan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia, dan En Ahmed Tholal, mantan Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Maldives. Suruhanjaya mendapati bahawa Dialog Peringkat Tinggi itu bermanfaat kerana peserta telah membincangkan cara-cara bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya dalam melaksanakan tugas dan mandatnya.

6. FORUM INSTITUSI-INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA ASIA TENGGARA (SEANF)

SEANF merupakan sebuah badan subwilayah yang terdiri daripada enam NHRI dari Asia Tenggara iaitu NHRI dari Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, dan Timor Leste. Tujuan utama penubuhan SEANF adalah bagi menyediakan platform bagi anggotanya berkongsi amalan-amalan terbaik, dan bekerjasama dalam isu-isu hak asasi manusia yang menjadi kebimbangan bersama. Suruhanjaya, sebagai salah satu daripada empat anggota pengasas SEANF, terlibat secara aktif dalam SEANF terutamanya melalui mesyuarat-mesyuaratnya.

Suruhanjaya telah menghadiri dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) yang kedua-duanya diadakan di Yangon pada bulan Januari dan bulan Jun 2016. Suruhanjaya juga menyertai Mesyuarat Khas SEANF di Jakarta pada bulan Ogos 2016 untuk membincangkan dengan lebih lanjut penubuhan Urusetia Tetap SEANF.

Pada bulan September, Suruhanjaya menyertai Mesyuarat Tahunan SEANF Ke-13 yang diadakan di Nay Pyi Taw, Myanmar. Suruhanjaya juga menghadiri Seminar SEANF mengenai Hubungan NHRI Dengan Badan Perundangan, Badan Eksekutif Dan Badan Kehakiman yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak

Asasi Manusia Myanmar bersempena dengan Mesyuarat Tahunan SEANF. Salah satu daripada sorotan utama Mesyuarat Tahunan tersebut adalah penerimaan Pelan Strategik SEANF 2017-2021. Dalam Pelan Strategik ini, anggota SEANF telah menyenaraikan bidang-bidang keutamaan berikut:

- i) Pergerakan orang, termasuk pekerja migran, pemerdagangan orang, pelarian, dan pencari suaka;
- ii) Hak asasi manusia dan perniagaan;
- iii) Alam sekitar dan hak asasi manusia, termasuklah keadilan iklim;
- iv) Keganasan dan faham pelampau;
- v) Hak-hak golongan rentan; dan
- vi) Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Semasa Mesyuarat Tahunannya, SEANF turut mengeluarkan satu kenyataan berkaitan dengan hak warga emas, yang menyeru kerajaan negara SEANF supaya aktif menangani isu-isu yang melibatkan warga emas dan memastikan bahawa promosi serta perlindungan hak mereka turut terkandung dalam dasar pembangunan negara. Kenyataan tersebut juga menggalakkan mekanisme hak asasi manusia ASEAN seperti Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) dan Suruhanjaya ASEAN Mengenai Promosi Dan Perlindungan Hak Asasi Wanita Dan Kanak-Kanak (ACWC) untuk mengintegrasikan hak-hak warga emas dalam pelan kerja mereka.



Mesyuarat Tahunan SEANF ke-13 pada bulan September di Nay Pyi Taw, Myanmar

Suruhanjaya berasa gembira kerana ahli-ahli SEANF bersetuju semasa Mesyuarat Tahunan SEANF untuk bekerjasama dengan lebih rapat lagi antara satu sama lain dalam menangani isu-isu hak asasi manusia rentas sempadan seperti pemerdagangan orang, hak pekerja migran, dan hak-hak yang terjejas akibat jerebu. Globalisasi yang pesat menjadikan kerjasama sebegini penting untuk

meningkatkan lagi perlindungan hak asasi manusia di rantau Asia Tenggara khususnya apabila melibatkan isu-isu hak asasi manusia rentas sempadan.

Pada bulan April, Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Mengenai Penubuhan NHRI Di Negara-negara Asia Tenggara. Perbincangan Meja Bulat ini melibatkan wakil-wakil dari kedutaan negara-negara Asia Tenggara di Malaysia dan wakil-wakil dari agensi Kerajaan berkaitan. Perbincangan Meja Bulat ini merupakan sebahagian daripada usaha Suruhanjaya dalam mempromosi penubuhan NHRI di semua negara ASEAN. Pada ketika ini, hanya lima Negara Anggota ASEAN mempunyai NHRI iaitu Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, dan Thailand. Objektif utama Perbincangan Meja Bulat ini adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan pemahaman mengenai peranan dan fungsi sesebuah NHRI;
- ii) Menggariskan pentingnya penubuhan NHRI di negara-negara ASEAN; dan
- iii) Menyeru agar NHRI yang sedia ada diperkukuhkan selari dengan Prinsip-prinsip Paris.

Semasa Perbincangan Meja Bulat tersebut, wakil dari kedutaan negara ASEAN yang masih belum mempunyai NHRI menyatakan bahawa mereka akan membawa perkara ini ke perhatian dan pertimbangan kerajaan masing-masing.

7. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)

Suruhanjaya mengalu-alukan pelantikan En Edmund Bon Tai Soon sebagai Wakil Malaysia ke AICHR pada bulan April dan menghargai hubungan kerjasama antara Suruhanjaya dengan beliau. Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dengan beliau sebanyak dua kali pada tahun ini, dan telah bekerjasama dengan beliau untuk menganjurkan Forum Serantau AICHR Mengenai Media Dan Hak Asasi Manusia pada bulan Mei, serta Debat Belia AICHR Mengenai Hak Asasi Manusia: Merealisasikan Agenda 2030 Bagi Pembangunan Lestari Dalam Konteks Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN pada bulan September. Forum Serantau ASEAN Mengenai Media dan Hak Asasi Manusia tersebut telah membuahkan sebuah Dokumen Hasil yang bertujuan mempromosi, dengan penglibatan media, kenikmatan hak kepada kebebasan berpendapat, bersuara, dan maklumat yang lebih baik di negara-negara ASEAN.

AICHR, selaku mekanisme hak asasi manusia utama ASEAN, mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk mempromosi dan melindungi

hak asasi manusia di ASEAN. Sejak beberapa tahun yang lepas, AICHR telah mempertingkatkan usahanya untuk mempromosi hak asasi manusia, terutamanya dengan menganjurkan seminar dan forum tentang pelbagai isu hak asasi manusia. Acara-acara tersebut lazimnya melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti wakil-wakil agensi kerajaan, NHRI serta organisasi masyarakat sivil. Walaupun ini adalah inisiatif yang terpuji dan akan menyumbangkan kepada perbincangan yang lebih bermakna mengenai hak asasi manusia di rantau ini, AICHR perlu mengkaji semula mandatnya berkaitan perlindungan hak asasi manusia bagi membolehkannya mempertimbangkan aduan mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, terutamanya apabila ianya melibatkan lebih daripada satu Negara Anggota, seperti kes-kes berkaitan dengan pelarian, pekerja migran, pemerdagangan orang serta alam sekitar dan perubahan iklim. Suruhanjaya berpandangan bahawa AICHR, sama ada dengan meminda atau mentafsirkan secara kreatif Terma Rujukan AICHR yang sedia ada, perlu memperkukuhkan mandat perlindungannya supaya kes-kes pelanggaran hak asasi manusia tertentu, khususnya kes-kes rentas sempadan, dapat ditangani oleh AICHR.

8. HARAPAN MASA DEPAN

Pada ketika dunia menjadi semakin global, dan menyedari bahawa kejadian global pasti mempunyai impak terhadap perkara yang memberikan kesan ke atas kehidupan penduduk di Malaysia, termasuk isu berkaitan hak asasi manusia, Suruhanjaya berasa terpanggil untuk memberikan tumpuan yang lebih besar kepada dimensi antarabangsa kerjanya. Oleh itu, Suruhanjaya beriltizam untuk meningkatkan usaha bagi bekerjasama dengan lebih aktif dengan badan hak asasi manusia di peringkat serantau dan antarabangsa, serta dengan komuniti antarabangsa, dengan niat menyumbang dengan lebih berkesan kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia.



LAPORAN PEJABAT
SABAH



3



Berdiri (dari kiri):

Pn. Nur Shahmimie Yusop, Pn. Daisy Masiram, Pn. Jonima Ligon, Pn. Lewina Sigisimon, En. Sofyan Md Kusin
Duduk (dari kiri): En. Jasmih Slammat, Datuk Godfrey Gregory Jojol (Pesuruhjaya), En. Heffin Ak Dino @ Affin
Zaim Dino Abdullah

Bab 3

LAPORAN PEJABAT SABAH

Cabaran utama Suruhanjaya adalah untuk memenuhi harapan tinggi orang awam dalam menyelesaikan rungutan mereka. Para pengadu memerlukan bantuan dalam pelbagai isu seperti isu permohonan tanah, kewarganegaraan, dan dokumen pengenalan diri. Kebanyakan mereka ini adalah pengadu yang sering kali berurusan dengan agensi Kerajaan Negeri atau Persekutuan sekiranya permohonan mereka tidak diluluskan atau permasalahan mereka tidak selesai. Apabila permasalahan mereka tidak dapat diselesaikan untuk satu tempoh masa yang lama, mereka datang ke Suruhanjaya untuk mendapatkan bantuan.

Dalam menangani aduan seperti ini, prosedur operasi standard (SOP) Suruhanjaya adalah untuk menghantar surat kepada Jabatan atau agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas, sebagai contoh tentang status tanah yang dipertikaikan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menguatkuasakan hasil dapatan ataupun keputusan tersebut. Suruhanjaya hanya boleh membuat syor-syor kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Cabaran kedua adalah untuk meminimumkan persepsi negatif ataupun menghapuskan salah tanggapan mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya. Walaupun dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran, Suruhanjaya masih lagi dianggap sebagai sebuah NGO atau sebuah agensi PBB. Tanggapan lain adalah Suruhanjaya adalah pro-Kerajaan, pro-pembangkang atau pro-NGO. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus menegaskan bahawa ianya adalah sebuah badan yang bebas dan berkecuali dalam isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

Suruhanjaya akan terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti yang dijalankan dengan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO. Program dan aktiviti seperti ini bukan sahaja bagi mencapai kepentingan bersama dalam mendidik dan memupuk kefahaman hak asasi manusia malahan juga bagi mengeratkan kerjasama di antara Suruhanjaya dengan agensi Kerajaan dan NGO. Sepanjang tahun lalu, terdapat peningkatan sambutan daripada orang awam terhadap program-program yang telah dianjurkan oleh Suruhanjaya. Program sebegini berjaya meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia serta peranan dan fungsi Suruhanjaya, terutamanya di kalangan komuniti masyarakat pedalaman di Sabah.

1. PENGENALAN

(a) Penyelesaian Aduan

Pejabat Suruhanjaya di Sabah telah menerima sejumlah 468 aduan sepanjang tahun 2016. 277 daripadanya adalah aduan melibatkan hak asasi manusia. Aduan terbanyak yang diterima adalah aduan berkenaan dokumen pengenalan diri, iaitu sejumlah 161 aduan seperti dalam Jadual 12.

Jadual 12: Aduan Hak Asasi Manusia Yang Diterima Oleh Pejabat Suruhanjaya Di Sabah, 2016

NO.	KATEGORI ADUAN	BILANGAN KES
1.	Hak kepada kewarganegaraan	161
2.	Hak kepada tanah adat orang asal	35
3.	Penahanan arbitrari	37
4.	Hak perumahan wajar dan mencukupi	4
5.	Hak privasi individu	1
6.	Hak untuk bekerja/pekerjaan dan hak pekerja migran	8
7.	Hak kepada harta/aset	8
8.	Hak kepada pendidikan	7
9.	Hak kepada alam sekitar	3
10.	Lain-Lain	13
	Jumlah	277

(b) Isu Aduan

(i) Kewarganegaraan

Aduan yang diterima adalah berkaitan dengan permohonan untuk kewarganegaraan, kegagalan bagi mendapatkan MyKad, dan pembatalan taraf kewarganegaraan. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan memuatkan Perkara-perkara yang berkaitan dengan kewarganegaraan dan turut mengandungi tiga Bab mengenai pemerolehan dan perlucutan kewarganegaraan. Perundangan yang mengawal selia kewarganegaraan adalah Peraturan Kewarganegaraan (Citizenship Rules) 1964.

Perlucutan kewarganegaraan adalah satu isu yang kompleks yang boleh memberikan kesan yang mendalam terhadap masa depan individu yang berkenaan. Individu yang dinafikan taraf kewarganegaraan akan menjadi individu tidak bernegara sekiranya negara-negara lain tidak mengiktiraf individu tersebut sebagai warganegara mereka. Aduan berkenaan taraf kewarganegaraan

akan dirujuk kepada JPN Negeri Sabah dan KDN bagi tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada pihak berkenaan adalah kebanyakan kes masih lagi dalam proses siasatan seperti di dalam dua contoh kes di bawah.

Dalam kes yang pertama, seorang pengadu berketurunan Filipina yang dahulunya pernah ditahan dibawah ISA 1960 mendakwa bahawa MyKad milik beliau dan isteri beliau telah sedia untuk diambil, namun demikian kad pengenalan mereka telah ditahan oleh JPN. Maklum balas daripada JPN adalah MyKad tersebut masih berstatus dalam siasatan.

Dalam kes kedua, seorang lelaki berketurunan Filipina dan tiga orang anak beliau telah pun memiliki MyKad. Aduan beliau adalah berkenaan isteri beliau dan baki lima orang anak mereka yang lain yang belum lagi mendapat kad pengenalan walaupun permohonan telah pun dihantar. Jabatan yang berkaitan masih belum memberikan maklum balas berkenaan kes tersebut.

(ii) Tanah

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, isu tanah masih kekal antara perkara aduan utama yang diterima oleh Suruhanjaya. Aduan mengenai hal tersebut melibatkan empat kategori tanah.

(a) Tanah Negeri

Aduan yang diterima selalunya datang dari penduduk kampung yang tinggal di kawasan pedalaman. Dakwaan mereka adalah berkenaan dengan permohonan tanah negeri yang tidak dipertimbangkan, tidak dipedulikan, atau ditolak. Mereka turut mendakwa bahawa permohonan tanah diutamakan kepada pemohon baru yang memiliki kedudukan serta pengaruh, atau mempunyai hubungan rapat dengan pembuat keputusan.

Syor

Permohonan yang bertindan ke atas tanah yang sama tidak seharusnya dilayan. Permohonan tanah yang terdahulu seharusnya diambil kira terlebih dahulu. Sekiranya permohonan tersebut ditolak, pemohon haruslah dimaklumkan terlebih dahulu sebab-sebab penolakan. Sepatutnya ada ketelusan dalam prosedur dan kriteria bagi meluluskan permohonan tanah. Pejabat tanah sepatutnya tidak bertoleransi terhadap rasuah dan hendaklah memastikan proses tersebut telus dan boleh dipercayai. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah haruslah menganjurkan program kesedaran bagi mendidik orang kampung berkenaan polisi tanah, prosedur, pemprosesan, dan kriteria yang terlibat dalam permohonan tanah.

Ordinan Tanah Sabah (Sabah Cap. 68) seharusnya disemak dan dipinda mengikut kesesuaian bagi mengelakkan kekeliruan. Satu bengkel boleh diadakan bersama dengan pakar, wakil pengadu, dan juga pihak berkepentingan bagi membincangkan perkara yang memerlukan perubahan.

(b) Hutan Simpan

Pengadu membuat aduan bahawa mereka telah diusir dari kampung yang telah mereka duduki sejak bergenerasi dengan bukti pendudukan seperti kawasan perkuburan lama, pokok buah-buahan, dan lain-lain tanaman komersil yang ditanam oleh penduduk kampung. Mereka turut mengadu bahawa mereka telah tinggal di kawasan hutan simpan tersebut sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan.

Syor

Sekiranya penduduk kampung telah menduduki sesebuah kawasan sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan, kawasan yang diduduki tersebut haruslah dikecualikan dari status hutan simpan dengan serta merta.

Dalam berhadapan dengan penduduk yang didapati mencerooh ke kawasan hutan simpan, Kerajaan Negeri seharusnya mengendalikan kes sedemikian dengan mengambil kira tempoh masa mereka telah menetap di kawasan tersebut.

Penguatkuasa seharusnya mengambil tindakan yang pantas serta cekap dalam menangani penduduk kampung yang digelar sebagai 'setinggian' di kawasan hutan simpan ini. Mereka tidak harus membiarkan kawasan tersebut lama dihuni dan kemudian baru mengusir ataupun menghalau para penghuni tersebut. Pihak berkuasa seharusnya sentiasa memantau situasi semasa dan memaklumkan kepada masyarakat kampung sekiranya mereka telah mencerooh kawasan hutan simpan.

(c) Tanah Adat

Pengadu membuat aduan bahawa Kerajaan Negeri tidak menghormati hak tanah adat mereka. Aduan ini adalah hampir sama dengan aduan berkenaan tanah milik Kerajaan Negeri, cuma tanah adat melibatkan kumpulan masyarakat Orang Asal.

Syor

Pelbagai garis panduan dan mekanisme antarabangsa boleh dijadikan rujukan berguna bagi mengelakkan kehilangan hak kepada tanah adat. Antaranya adalah seperti UNDRIP, Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169 (ILO), serta Program Penempatan Manusia PBB –

Nota Garis Panduan Bagi Para Pengamal Berkenaan Konflik Dan Tanah. Garis panduan yang melibatkan hak asasi manusia dan perniagaan haruslah diambil kira bagi membolehkan pihak perniagaan swasta dan Kerajaan menjaga serta menjamin kelangsungan tanah adat.

(d) Warta Kampung

Aduan telah diterima bahawa sesetengah tanah yang telah diduduki oleh penduduk kampung telah diberikan hak milik kepada pihak ketiga. Perkara ini berlaku memandangkan kebanyakan tanah yang diduduki oleh penduduk kampung di Sabah belum diwartakan.

Syor

Tindakan patut diambil bagi mempercepatkan proses pewartaan tanah yang telah diduduki oleh penduduk kampung sebagai warta kampung.

2. CERAMAH DAN PAMERAN

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah menganjurkan dua sesi 'SUHAKAM Bersama Masyarakat'. Sesi tersebut telah diadakan di Kampung Boribi pada 20 Januari dan Kampung Rokum Ulu pada 27 Januari.

(a) Kampung Boribi, Kanibongan

Seramai 300 orang penduduk kampung telah hadir di pusat komuniti kampung tersebut. Program ini turut disertai oleh mantan Pesuruhjaya SUHAKAM Sabah Nordin Madating. Pegawai Daerah Pitas telah menyampaikan ucapan alu-aluan dan turut memberi maklum balas kepada isu-isu, permasalahan, dan persoalan yang dikemukakan oleh peserta. Antaranya isu mengenai kurangnya maklum balas bagi kes permohonan tanah, masalah isu bekalan elektrik dan air yang kurang memuaskan serta keadaan jalan raya yang teruk di kampung tersebut.

(b) Kampung Rokum Ulu, Pitas

Seramai 250 orang peserta telah hadir di pusat komuniti kampung tersebut. Ketua Kampung telah menyampaikan ucapan alu-aluan dan Pejabat Suruhanjaya di Sabah telah diwakili oleh Pesuruhjaya yang baru dilantik sesi 2016-2019 iaitu Datuk Godfrey Gregory. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah berkenaan permohonan tanah, serta aduan bahawa tanah yang diduduki oleh penduduk kampung telah diberi hak milik kepada pihak lain. Perkara ini boleh berlaku memandangkan kebanyakan tanah di Sabah masih belum diwartakan sebagai warta kampung. Pesuruhjaya Datuk Godfrey turut menasihati penduduk kampung tersebut agar merujuk perkara itu kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah untuk tindakan selanjutnya.



Sesi 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' di Kampung Rokum Ulu, Pitas.

Suruhanjaya akan terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti yang dijalankan bersama dengan agensi Kerajaan dan NGO. Program dan aktiviti seperti ini bukan sahaja bagi mencapai kepentingan bersama dalam mendidik dan memupuk kefahaman hak asasi manusia, malahan juga bagi mengeratkan kerjasama di antara Suruhanjaya dengan Jabatan Kerajaan dan NGO.

3. PEMANTAUAN PERHIMPUNAN AMAN

Jadual 13: Pemantauan Perhimpunan Aman Tahun 2016

NO.	PERHIMPUNAN	TARIKH
1.	Tangkap MO1	27 Ogos 2016
2.	BERSIH 5.0	19 November 2016

Kebebasan untuk berhimpun secara aman telah dijamin dalam Perkara 10(1) (b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20(1) UDHR. Berdasarkan kepada Perkara-perkara tersebut, Suruhanjaya mengekalkan pendiriannya berkenaan hak untuk orang awam berkumpul dan meluahkan pandangan melalui cara yang aman. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menekankan bahawa hak-hak ini seharusnya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Tahun ini, Suruhanjaya telah memantau dua perhimpunan aman. Perhimpunan yang pertama adalah 'Tangkap Malaysian Official One' yang berhasrat meminta pihak berkuasa bertindak dalam kes berkenaan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sambil melaungkan 'Tangkap MO1'. Kumpulan tersebut berarak di sekitar Taman Awan berhampiran Kompleks Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Ketua perhimpunan tersebut telah diberikan masa selama 10 minit

untuk berucap selepas pihak Polis membenarkan mereka berbuat demikian. Pasukan pemantau Suruhanjaya turut berada di kawasan sekitar untuk memantau pergerakan peserta perhimpunan aman tersebut. Hampir 40 orang telah menyertai perhimpunan aman ini.



Perhimpunan aman BERSIH 5.0 di Taman Rimba.

Perhimpunan aman BERSIH 5.0 di Kota Kinabalu bermula di tiga lokasi di mana kesemua peserta perhimpunan telah berkumpul sebelum berarak ke lokasi utama di Taman Rimba. Pihak berkuasa seperti PDRM, dan penguatkuasa daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah ditempatkan di sepanjang jalan menuju ke Taman Rimba. Dianggarkan seramai 200 sehingga 300 orang peserta menyertai perhimpunan BERSIH 5.0 tahun ini di Kota Kinabalu.

4. LAIN-LAIN AKTIVITI

(a) Pendidikan Hak Asasi Manusia

Suruhanjaya telah menganjurkan latihan dan ceramah hak asasi manusia kepada peserta Angkatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan mereka. Sesi ini telah memberi peluang kepada para peserta untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya. Sesi ini dilihat sebagai satu pentas yang penting dalam pendidikan hak asasi manusia. Tahun lalu seramai 320 orang peserta telah menghadiri latihan pada 3 Februari dan 280 orang peserta telah menghadiri latihan pada 7 Mac.

(b) Dialog Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Tahun 2016, Suruhanjaya telah menyertai bengkel Konvensyen Hak Kanak-kanak yang dianjurkan oleh UNICEF Malaysia. Antara yang dibincangkan adalah isu yang menjejaskan kanak-kanak di Sabah, yang berkaitan

dengan Konvensyen Hak Kanak-kanak. Bengkel ini telah dianjurkan pada 22-23 Februari dan bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu. Seramai 50 orang peserta daripada agensi Kerajaan, terutamanya dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, turut terlibat dalam bengkel ini.

Suruhanjaya turut menghadiri mesyuarat bersama UNICEF pada 4 Ogos 2016 bertempat di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kota Kinabalu. Mesyuarat ini memfokuskan mengenai penilaian pertengahan tahun bagi pelan kerja UNICEF 2016.

Suruhanjaya telah menghadiri forum 'Promoting Greater Police Accountability in Malaysia' yang dianjurkan oleh Persatuan Undang-undang Sabah (SLA) dan Majlis Peguam pada 4 September 2016. Objektif forum ini adalah untuk mendidik dan memupuk kesedaran di antara orang awam mengenai isu yang berkaitan dengan PDRM.

(c) Lawatan Oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, Gareth Pidgeon telah melakukan lawatan kerja ke Pejabat Suruhanjaya di Sabah pada 28 November. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan isu-isu hak asasi manusia di Sabah seperti isu hak pelarian, hak Orang Asal, dan hak tanah adat.

(d) Lawatan Kerja Pengerusi Suruhanjaya Ke Sabah

Pengerusi Suruhanjaya Tan Sri Razali Ismail telah melakukan lawatan kerja ke Sabah pada 2-3 November. Tan Sri Razali telah menyampaikan ucapan alu-aluan untuk program 'Human Rights and Agribusiness in South East Asia' yang dianjurkan oleh 'Forest Peoples Programme' (FPP) dengan kerjasama Jaringan Orang Asal Se-Malaysia (JOAS). Seramai 120 orang peserta dari dalam dan luar negara telah menyertai persidangan ini.

Tan Sri Razali turut melakukan lawatan kerja kepada Profesor Datuk Dr Harun Abdullah, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS). Tujuan lawatan itu adalah bagi mengeratkan dan mengukuhkan hubungan bilateral di antara Suruhanjaya dan pihak universiti secara amnya.

Tan Sri Razali Ismail turut menyampaikan siri syarahan di dewan utama universiti tersebut, yang dihadiri oleh seramai 1,500 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai agensi Kerajaan, wakil NGO, dan para penuntut universiti.

5. HARAPAN MASA DEPAN

Suruhanjaya akan terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti yang dijalankan bersama dengan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta NGO. Program dan aktiviti seperti ini bukan sahaja bagi mencapai objektif untuk meningkatkan hak asasi manusia, malahan bagi mengeratkan lagi kerjasama di antara pelbagai pihak yang berkepentingan. Oleh yang demikian, Suruhanjaya akan sentiasa berusaha mengekalkan kerjasama dan bantuan daripada masyarakat setempat termasuk media bagi mempromosi hak asasi di negeri ini.

Suruhanjaya menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai pihak termasuk agensi sepanjang tahun 2016. Tanpa kerjasama dan komitmen daripada agensi Kerajaan, perlindungan dan usaha untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia mungkin sulit untuk dicapai.

LAPORAN PEJABAT
SARAWAK



4



Berdiri (dari kiri):

Pn. Linya Subach, En. Mohamad Mail, Cik Vivien Marcus

Duduk (dari kiri):

En. Alfonso Min, En. Francis Johen Anck Adam (Pesuruhjaya), En. Sophian Osman

Bab 4

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Pejabat Suruhanjaya di Sarawak percaya bahawa adalah penting untuk melindungi dan membangunkan hak asasi manusia serta polisi yang berkaitan dengan prosedur hak asasi manusia di Sarawak, demi mewujudkan kehidupan yang didasari oleh sifat saling hormat, saksama, pelbagai, serta inklusif. Pada tahun 2016, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak telah memberikan tumpuan terhadap aktiviti yang bermatlamat untuk mendorong kesedaran dan pendidikan hak asasi manusia, selain cuba untuk menangani isu-isu hak asasi manusia yang timbul di Sarawak. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun ini seperti ceramah dan jerayawara serta siasatan terhadap dakwaan pelanggaran hak asasi manusia di negeri ini. Hak tanah adat orang asal (NCR) merupakan subjek utama di dalam kebanyakan aduan yang diterima.

1. PENYELESAIAN ADUAN

Pada tahun 2016, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak telah menerima 23 aduan (Jadual 14), di mana lapan daripadanya tidak berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia. Satu aduan telah berjaya diselesaikan manakala aduan lain masih tidak berjaya diselesaikan memandangkan belum ada lagi sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang berkaitan. Pecahan aduan adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 14.

**Jadual 14: Aduan Hak Asasi Manusia Yang Diterima
Oleh Pejabat Suruhanjaya Di Sarawak, 2016**

BIL.	SUBJEK ADUAN	JUMLAH KES
1.	Hak untuk memiliki harta	3
2.	Hak kepada kewarganegaraan	3
3.	Kesaksamaan/diskriminasi (atas dasar bangsa, agama, jantina, kurang upaya, fahaman politik)	2
4.	Hak kepada kehidupan	1
5.	Kesamarataan di sisi undang-undang / hak untuk perbicaraan yang adil dan pendengaran awam	1
6.	Hak untuk kerja / pekerjaan dan hak-hak pekerja asing	1
7.	Hak alam sekitar	1
8.	Hak kepada tanah adat	1
Jumlah		13

(b) Isu-isu Yang Timbul Di Dalam Aduan

Masalah Tanah

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, masalah membabitkan tanah masih lagi menjadi isu yang utama di dalam aduan-aduan yang diterima oleh Pejabat Suruhanjaya di Sarawak.

(i) Hak Tanah Adat

Para pengadu, yang biasanya dari kalangan penduduk kampung di kawasan luar bandar, mendakwa bahawa permohonan mereka untuk tanah NCR tidak dipertimbangkan, lambat diproses, diabaikan, atau telah ditolak. Dalam beberapa kes, pengadu hanya diberitahu oleh Jabatan Tanah dan Ukur bahawa rekod permohonan tanah mereka tidak wujud.

(ii) Kelewatan di dalam Proses Mengukur Tanah Adat Anak Negeri

Pengukuran tanah adalah merupakan perkara utama di dalam mendapatkan pengiktirafan tanah NCR. Seksyen 5(2)(i) yang dibaca bersama Seksyen 28 Kanun Tanah Sarawak memberikan gambaran yang jelas bahawa pengukuran tanah adalah prasyarat untuk membolehkan pelaksanaan aktiviti pindah milik tanah.

Syor

Dalam hal ini, Kerajaan digesa untuk mematuhi peruntukan undang-undang mengenai tanah NCR. Di samping itu, Kerajaan harus mempercepatkan proses pengukuran tanah, apatah lagi sekiranya ia dituntut sebagai tanah NCR.

Isu-isu Kewarganegaraan

Satu lagi perkara utama di dalam aduan-aduan yang diterima adalah masalah berkaitan kewarganegaraan, terutamanya kewarganegaraan kanak-kanak, termasuklah isu pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan bagi penduduk di kawasan luar bandar, serta kanak-kanak yang ibunya adalah warga asing iaitu ibu tunggal, atau di mana perkahwinan antara wanita asing dan lelaki tempatan tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Aduan berkaitan kewarganegaraan telah dirujuk kepada agensi-agensinya yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

2. PENGLIBATAN DENGAN ORANG AWAM

Pada tahun 2016, walaupun dengan kekangan kewangan, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak telah meneruskan strategi jangkauannya untuk melibatkan diri dengan orang ramai di peringkat akar umbi, terutama sekali di kawasan pedalaman. Selain itu, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak juga telah menjalankan konsultasi berkenaan UPR sebagai sebahagian

daripada program jangkauannya sepanjang tahun tersebut. Objektif program jangkauan Pejabat Suruhanjaya di Sarawak adalah seperti berikut:

- i) Untuk membina hubungan rangkaian yang produktif dengan organisasi masyarakat sivil serta ahli-ahli jawatankuasanya;
- ii) Untuk menyediakan ruang yang membolehkan organisasi masyarakat sivil dan ahli-ahli jawatankuasanya menyuarakan pendapat mereka dan memberi respon terhadap isu-isu berkaitan; dan
- iii) Untuk memenangi hati dan minda orang ramai sebagai sebahagian daripada strategi diplomasi awam Pejabat Suruhanjaya di Sarawak.

Jadual 15: Sesi Program Jangkauan bagi tahun 2016

NO.	TARIKH	PROGRAM	LOKASI
1.	24 Mac	Perbincangan Meja Bulat Tentang Transgender di Sarawak	Kuching
2.	8 April	Konsultasi Penilaian Penggalan Sejahtera (Universal Periodic Review)	Kuching

3. MESYUARAT DENGAN AGENSI KERAJAAN

Pada tahun 2016, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak telah mengadakan pertemuan dengan beberapa agensi Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas dan tindak balas mereka mengenai Laporan Tahunan 2015 Suruhanjaya. Mesyuarat yang telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya di Sarawak pada 5 Februari tersebut dihadiri oleh lapan orang wakil dari empat agensi Kerajaan, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar (KPSAS), Jabatan Pendidikan Negeri, dan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri.

Antara isu utama yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perkara-perkara membabitkan tanah terutamanya yang berkaitan dengan tanah NCR;
- ii) Hak kepada pendidikan untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran;
- iii) Perkhidmatan penjagaan dan sokongan untuk warga tua serta sokongan untuk penjaga; dan
- iv) Kemudahan pemantauan, terutamanya untuk sekolah-sekolah pendidikan khas serta pusat-pusat pemulihan dalam komuniti.

4. LAWATAN KERJA

Laporan ini tidak akan lengkap tanpa menyebut lawatan kerja oleh Suruhanjaya kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem (kini Allahyarham) pada 24 November 2016. Suruhanjaya juga telah mengadakan lawatan kerja kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani pada 23 November 2016, dan juga melaksanakan lawatan kerja kepada Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Bahagian Alumni Hal Ehwal Pelajar), Universiti Malaysia Sarawak pada 23 November 2016. Antara yang menyertai lawatan-lawatan kerja tersebut termasuklah Pengerusi Suruhanjaya, YBhg Tan Sri Razali Ismail; Setiausaha Suruhanjaya, Rodziah Abdul; Pesuruhjaya Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Francis John Adam; Penolong Kanan Setiausaha Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Sophian Osman; Penolong Setiausaha Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Alfonso Min; Pegawai Khas kepada Pengerusi, Asrul Mohamad; serta Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Linya Subah.

Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah:

- i) Kerjasama pada masa hadapan antara Suruhanjaya dan pihak yang dikunjungi; dan
- ii) Isu-isu hak asasi manusia yang berbangkit di Sarawak khususnya, dan Malaysia amnya.

Selain itu, Suruhanjaya juga telah melakukan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak pada 1 September 2016. Pejabat Suruhanjaya di Sarawak turut mengadakan lawatan kerja kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada 5 September 2016. Antara yang terlibat di dalam lawatan-lawatan kerja tersebut termasuklah Pesuruhjaya Francis John Adam, Sophian Osman, Alfonso Min, dan Linya Subah.

Semasa lawatan-lawatan tersebut, delegasi Suruhanjaya telah menjelaskan peranan dan fungsi Suruhanjaya, memberikan maklumat terkini tentang aktiviti-aktivitinya, dan mencari jalan untuk meningkatkan kerjasama di dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bersama antara kedua-dua pihak.

Isu-isu berikut telah diutarakan oleh delegasi Suruhanjaya:

- i) Isu pendidikan, terutamanya yang berkaitan dengan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah seperti kemajuan pendidikan dan kebajikan umum kanak-kanak yang terjejas oleh masalah pembelajaran, kursus latihan guru khusus untuk OKU serta prestasi pelajar di sekolah.
- ii) Isu kewarganegaraan, terutamanya yang berkaitan dengan taraf kewarganegaraan kanak-kanak; dan

- iii) Pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri (ID) seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan terutamanya bagi penduduk di kawasan pedalaman, termasuklah kanak-kanak yang ibunya merupakan warganegara asing (iaitu ibu tunggal, atau di mana perkahwinan antara wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia tidak berdaftar dengan JPN). Tanpa dokumen pengenalan diri, kanak-kanak ini bakal berhadapan dengan situasi yang sukar seperti masalah dalam mendapatkan pendidikan serta penjagaan kesihatan. Situasi ini secara tidak langsung akan melanggar hak kanak-kanak sepertimana yang termaktub di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang telah pun disertai oleh Malaysia. Tanpa status kewarganegaraan yang pasti, meskipun kanak-kanak tersebut boleh mendapat akses kepada penjagaan kesihatan, mereka tetap akan dikenakan bayaran pada kadar yang sama dengan pesakit yang bukan warganegara Malaysia⁴⁵.

5. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun 2016, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak menghadapi dua cabaran utama yang berterusan. Cabaran pertama adalah kekangan kewangan telah menjejaskan aktivitinya sepanjang tahun 2016 yang mengakibatkan kesukaran dalam perlindungan, promosi, pembaharuan, dan pengukuhan hak asasi manusia di kalangan masyarakat sivil. Cabaran kedua pula ialah kekurangan tekad politik di kalangan ahli-ahli politik untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak akan mengambil langkah-langkah proaktif seperti mengukuhkan hubungan dengan Kerajaan Negeri, badan bukan kerajaan, dan masyarakat umum serta meningkatkan kesedaran hak asasi manusia melalui jerayawara, seminar, dan perbincangan meja bulat. Pejabat Suruhanjaya di Sarawak akan menjadi pemudah cara dalam memastikan penglibatan semua pihak berkepentingan di dalam proses ini iaitu Kerajaan, pihak berkuasa awam, masyarakat sivil, dan institusi-institusi pendidikan, penyelidikan, dan budaya.

Selain itu, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak juga beriltizam untuk memastikan bahawa hak asasi manusia diamalkan di dalam kehidupan seharian dan tidaklah menjadi sekadar teori semata-mata demi meneruskan agenda pembangunan hak asasi manusia di Sarawak. Pada masa akan datang, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak juga akan terus mengadakan perbincangan berkaitan hak asasi manusia dengan Kerajaan Negeri Sarawak, dengan mengambil kira ruang lingkup undang-undang negeri ini serta komitmen Kerajaan Negeri. Suruhanjaya mengambil maklum di sini bahawa adalah perlu untuk melaksanakan langkah-langkah yang kompleks dan sistematik dengan matlamat untuk menghentikan dan menghapuskan semua bentuk pencabulan hak asasi manusia di Sarawak.

⁴⁵ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Report on Human Rights and Access to Equitable Healthcare (2011) ms. 28.

LAPORAN KUMPULAN
KHIDMAT KORPORAT



5



Berdiri (dari kiri):

En. Mohd Norismadi Ismail, En. Mohd Shafik Shariff, Cik Noor Azlina Abd Jalil, En. Syazli Mohd Nor, En. Mohammad Asrul Mohamad, Cik Wan Nurul Ain Junid, En. Mohd Nizam Jaafar, En. Syamsul Azhar Zamani, En. Ahmad Firdaus Abd Shukur, Pn. Myzatul Akmanizam Abdul Kadir, En. Zharif Mohamed Zaabdh, En. Roslan Mohd Ali, En. Mohd Hafiz Abd Latif, En. Mohd Ariff Saifullah Abd Rahman

Duduk (dari kiri):

Pn. Maznah Munjaini, Pn. Aida Suraya Haron, Pn. Fara Suhaida Shariff, Pn. Rafidah Yahya (Timbalan Setiausaha), Pn. Nurulhidayati Masdin, Pn. Nur Mariah Abdullah, Pn. Nurulhuda Rahim

Tiada Dalam Gambar:

En. Muhammad Razif Abdul Aziz, Pn. Nur Suhaida Norwi, En. Razali Mohd Sharife, En. Mohd Shahrudin Mehaza Ahmad, En. Khairul Fadzi Rosli, Cik Nor Hafzah Aziz, Pn. Awatif Ahmad

Bab 5

LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT

1. KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT

Kumpulan Khidmat Korporat yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pengurusan dan Kewangan telah ditubuhkan selaras dengan penstrukturan semula organisasi pada tahun 2015 yang lalu dan telah bergerak dengan lebih berkesan pada tahun ini sebagai kumpulan yang menguruskan unit-unit guna sama berkaitan pentadbiran, kewangan, sumber manusia serta pengurusan maklumat seperti ICT, penerbitan dan perpustakaan. Pada tahun ini, kumpulan ini telah berjaya menjalankan beberapa program dan aktiviti yang merangkumi aspek-aspek pembangunan kapasiti dan kemahiran, pembangunan struktur pelaporan organisasi terbaharu selaras dengan perantikan Ahli Suruhanjaya yang baharu, pelan kerja tahunan Suruhanjaya, sistem repositori maklumat dalaman bagi kegunaan pegawai dan kakitangan dan sebagainya.

2. PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KEMAHIRAN

Unit Sumber Manusia (USM) meneruskan peranannya untuk menyediakan pelbagai latihan dan kursus sebagai usaha meningkatkan kapasiti dan kemahiran pegawai dan kakitangan Suruhanjaya dari segi teknikal juga hak asasi manusia. Latihan dan kursus berterusan sebegini bukan sahaja penting untuk memastikan Suruhanjaya dapat melaksanakan fungsi dan kuasanya dengan lebih efektif dan efisien tetapi juga berguna untuk meningkatkan pengetahuan, perkembangan kemahiran mengenai subjek-subjek hak asasi manusia, kerjaya, kebajikan pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.

Butiran latihan dalaman yang telah dijalankan pada tahun ini adalah seperti berikut:

Jadual 16: Senarai Latihan Dalaman Suruhanjaya Tahun 2016

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH
1.	26 Februari	Taklimat Berhubung Fungsi dan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreativiti (KIK) Siri Ke-2	Encik Asmawadi Mohamed - Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
2.	28 April	Taklimat Asas Perancangan Persaraan/Kewangan KWSP	Encik Shazril Amri Taufik - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

NO.	TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH
3.	20 Mei	Sesi Perkongsian Ilmu - <i>Human Rights-based Approach to Combat Trafficking in Persons, Especially Women and Children</i>	Encik Shahzad Sulaiman - Ketua Bahagian Aduan dan Pemantauan
4.	3 Jun	Taklimat Berhubung Fungsi dan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreativiti (KIK) Siri Ke-3	Encik Asmawadi Mohamed - Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
5.	2 Jun	Orang Asli & Budaya Mereka	Puan Lee Pei Hsi - Ketua Bahagian Promosi dan Perhubungan Awam
6.	6 Jun	Saya & Hak Asasi Manusia	Encik Abdul Rahman Abdullah - Ketua Bahagian Latihan
7.	9 Jun	Adakah kita suka mendiskriminasi?	Encik Wan Kasim Wan Kadir - Ketua Bahagian Koordinasi Antarabangsa
8.	14 Jun	Hak Kanak-Kanak – Mengapa Penting?	Puan Hasmah Abd Manaf - Pegawai Bahagian Latihan
9.	16 Jun	Hak Saya & Kuasa Polis	Encik Simon Karunagaram - Ketua Kumpulan Komunikasi
10.	29 Julai	Pengenalan dan Fungsi Serta Perkhidmatan AKPK	Cik Noor Aziera Ezurien A.Aziz - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
11.	23 September	Sesi Perkongsian Ilmu - <i>Training For NHRIs On International Human Rights Mechanisms</i>	Puan Siti Zaihan Zulkarnain dan Encik Tan'im Tajuddin Pegawai Bahagian Dasar dan Bahagian Koordinasi Antarabangsa
12.	7 Oktober	<i>Corruption, Transparency, Integrity and Good Governance</i>	Dr. Pola Singh - Transparency International - Malaysia

Selain latihan dalaman di atas, Suruhanjaya berusaha mendapatkan latihan dan kursus-kursus di dalam negara sama ada percuma atau dengan kos yang minima yang dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan ataupun syarikat swasta. Bilangan latihan yang dihadiri oleh para pegawai adalah seperti berikut:

Jadual 17: Senarai Penganjur Latihan Dalam Anjuran Agensi Kerajaan & Syarikat Swasta Tahun 2016

BIL.	PENGANJUR	BILANGAN
1.	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	21
2.	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	2
3.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	3
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1
6.	Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)	1
7.	Syarikat Swasta	2

Pegawai Suruhanjaya juga berpeluang menyertai latihan dan kursus berkaitan hak asasi manusia di luar negara. Butiran latihannya bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jadual 18: Senarai Latihan & Kursus Hak Asasi Manusia Di Luar Negara Tahun 2016

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENGANJUR
1.	25 - 29 April	<i>APF Communications Network Collaboration Workshop</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
2.	2-6 Mei	<i>2016 Training For NHRIs On International Human Rights Mechanisms</i>	<i>International Coordinating Committee (ICC) dan Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR)</i>
3.	25 Apr - 20 Mei	<i>Blended Learning Course On Investigating Allegations Of Torture (secara talian)</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
4.	6 - 10 Jun	<i>Blended Learning Course On Investigating Allegations Of Torture</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
5.		<i>RWI Regional Blended Learning Course On Human Rights And The Environment 2016 (secara talian)</i>	<i>Raoul Wallenberg Institute (RWI)</i>
6.	11-15 Julai	<i>RWI Regional Blended Learning Course On Human Rights And The Environment 2016</i>	<i>Raoul Wallenberg Institute (RWI)</i>
7.	28 September - 6 Oktober	<i>APF Follow-Up Training Course on Monitoring Immigration Detention (secara talian)</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
8.	31 Okt - 3 Nov	<i>APF Follow-Up Training Course on Monitoring Immigration Detention</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENGANJUR
9.	1 - 26 Ogos	<i>APF Rights Education Blended Learning Course (secara talian)</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
10.	26 - 30 September	<i>APF Rights Education Blended Learning Course</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
11.	21 Okt - 4 Nov	<i>Enhancing Human Security in the Asia Pacific Region: Identification, Assistance and Sustainable Protection of Victims of Trafficking</i>	CIFAL JEJU, Korea
12.	7 Nov - 2 Dis	<i>APF Blended Learning Course On Sexual Orientation, Gender Identity and Sex Characteristics (SOGISC) (secara talian)</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>
13.	21 Nov - 16 Dis	<i>APF Blended Learning Course On Monitoring Economics, Social and Cultural Rights (ESCR) (secara talian)</i>	<i>The Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions (APF)</i>

Kekangan kewangan Suruhanjaya pada tahun ini telah mendorong Suruhanjaya untuk mencari alternatif kreatif bagi memastikan kakitangannya mendapat latihan hak asasi manusia yang berterusan. Pada masa yang sama, keadaan ini memperlihatkan keperluan untuk menambah dan mempelbagaikan pendidikan, latihan, dan kursus hak asasi manusia di Malaysia yang juga perlu ditawarkan kepada masyarakat umum. Melalui Kumpulan Komunikasi, Suruhanjaya memainkan peranannya untuk menyediakan latihan dan program promosi mengenai hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat peranan ini juga harus dipanjangkan kepada institusi pendidikan sektor awam dan swasta di semua peringkat. Khususnya, institut-institut pengajian tinggi, pusat-pusat latihan Kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara dan Pusat Latihan Polis dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan bagi memperkasakan hak asasi manusia di negara ini.

3. PENSTRUKTURAN ORGANISASI/STRUKTUR PELAPORAN

Pada tahun ini, dengan lantikan Ahli Pesuruhjaya yang baharu, Suruhanjaya telah mengatur semula struktur pelaporan bagi memastikan koordinasi program dan isu secara efektif. Secara khususnya, ia dapat memastikan setiap Kumpulan dan Bahagian melaporkan aktiviti masing-masing kepada anggota Suruhanjaya secara teratur berdasarkan fungsi dan isu tematik ataupun keduanya sekali seperti berikut:

Jadual 19: Struktur pelaporan berdasarkan mandat/fungsi

NO.	MANDAT/FUNGSI	KUMPULAN	PESURUHJAYA
1.	Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang Hak Asasi Manusia	Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Razali Ismail Datuk Lok Yim Pheng Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh Encik Jerald Joseph
2.	Menasihati dalam Aspek Perundangan dan Triti	Dasar, Perundangan & Aduan	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin Dato' Mah Weng Kwai Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
3.	Aduan, Lawatan dan Pemantauan (<i>selain yang berkenaan dengan aduan</i>)	Dasar, Perundangan & Aduan	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin Datuk Godfrey Gregory Joitol Dato' Mah Weng Kwai Datuk Lok Yim Pheng Encik Francis Johen Encik Jerald Joseph
4.	Koordinasi Antarabangsa	Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Razali Ismail Encik Jerald Joseph
5.	Khidmat Korporat (Jawatankuasa Sebutharga, Isu Berkaitan Polisi, Pelaburan serta perkara lain yang berkaitan)	Khidmat Korporat	Nama Pesuruhjaya yang terlibat akan ditentukan berdasarkan projek dan aktiviti terbabit.
6.	Pejabat Sabah	Pejabat Sabah	Datuk Godfrey Gregory Joitol
7.	Pejabat Sarawak	Pejabat Sarawak	Encik Francis Johen

Jadual 20: Struktur pelaporan berdasarkan isu tematik

BIL	PORTFOLIO / ISU TEMATIK	PESURUHJAYA
1.	Kanak – kanak	<ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Razali Ismail Datuk Godfrey Gregory Joitol Dato' Mah Weng Kwai
2.	Wanita	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
3.	Orang Kurang Upaya	Encik Francis Johen
4.	Orang Asal/Asli	<ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Razali Ismail Datuk Godfrey Gregory Joitol Encik Francis Johen Encik Jerald Joseph
5.	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> Datuk Godfrey Gregory Joitol Datuk Lok Yim Pheng Encik Francis Johen

BIL	PORTFOLIO / ISU TEMATIK	PESURUHJAYA
6.	Hak Asasi Manusia dan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin • Dato' Mah Weng Kwai • Encik Jerald Joseph
7.	Hak Asasi Manusia dan Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin • Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
8.	Anti Pemerdagangan Orang	<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Mah Weng Kwai • Datuk Lok Yim Pheng
9.	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Razali Ismail • Datuk Lok Yim Pheng

4. PELAN KERJA TAHUNAN

Pada tahun ini, Kumpulan Khidmat Korporat sekali lagi bertindak sebagai Urusetia untuk membangunkan Pelan Kerja Tahunan Suruhanjaya untuk 2017 yang bertujuan menggariskan senarai tema, program, dan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya dalam tahun 2017.

Pelan Kerja 2017 telah dibangunkan dengan mengambil pertimbangan dengan hakikat bahawa selain daripada keperluan untuk menangani isu-isu hak asasi manusia semasa dan yang dibangkitkan di Malaysia, Suruhanjaya juga perlu menyetepikan sebahagian daripada masa dan sumber untuk melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk mencapai visi yang menyeluruh iaitu "Memastikan masyarakat di mana Hak Asasi Manusia dihormati sepenuhnya, dilindungi dan dinikmati secara sama rata oleh semua".

Proses seterusnya bagi Pelan Kerja Tahunan Suruhanjaya 2017 bermula dengan sesi pra-perbincangan dan konsultasi di kalangan kakitangan di setiap peringkat Bahagian, Kumpulan dan Pejabat Cawangan sebagai permulaan dalam mengenal pasti bidang tugas berdasarkan fungsi-fungsi bagi setiap Kumpulan/Bahagian/Pejabat Cawangan yang akan dipertimbangkan pada tahun 2017. Ini diikuti dengan sesi konsultasi Pesuruhjaya yang diadakan pada 19 Disember untuk membincangkan lebih lanjut hala tuju Suruhanjaya serta pelbagai jenis bidang hak asasi manusia yang akan dipertimbangkan dalam Pelan Kerja 2017 itu. Kemuncaknya, sesi Percambahan Minda (Brainstorming Session) Pelan Kerja diadakan pada 4 – 5 Januari 2017 yang melibatkan Pesuruhjaya, Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Ketua-ketua Bahagian dan Pegawai Kanan termasuk di ibu pejabat serta Pejabat SUHAKAM Sabah dan Sarawak. Semasa sesi tersebut, kandungan Pelan Kerja dirangka berdasarkan input daripada perbincangan / konsultasi sebelumnya.

Selain daripada input yang telah dikumpul semasa sesi pra-perbincangan di kalangan kakitangan dan sesi konsultasi Pesuruhjaya, Pelan Strategik 5 Tahun Suruhanjaya 2012 – 2016 dengan visi "Memastikan masyarakat di mana hak asasi manusia dihormati sepenuhnya, dilindungi dan dinikmati secara sama

rata oleh semua”, merupakan dokumen asas panduan. Di samping itu, sesi percambahan minda juga akan mempertimbangkan Laporan mengenai Mesyuarat bersama CSO yang dijalankan pada 5 September di mana wakil-wakil CSO membincangkan dan mencadangkan pelbagai perkara hak asasi manusia untuk perhatian dan tindakan Suruhanjaya.

Dalam memuktamadkan Pelan Kerja tersebut, Suruhanjaya akan berusaha untuk mengimbangkan cadangan-cadangan yang telah diterima dengan kapasiti Suruhanjaya dari segi kewangan dan sumber manusia.

Adalah diharapkan Pelan Kerja ini akan membawa nilai tambah untuk memperbaiki peranan Suruhanjaya dalam meningkatkan kesedaran dan amalan hak asasi manusia di Malaysia serta mengangkat Suruhanjaya sebagai imej institusi hak asasi manusia nasional yang berwibawa di peringkat antarabangsa.

5. SISTEM REPOSITORI MAKLUMAT DALAMAN

Pada tahun ini, Kumpulan Khidmat Korporat membangunkan satu sistem repositori dalaman menggunakan platform Google Drive secara percuma untuk menyimpan semua maklumat mengenai aktiviti Suruhanjaya, termasuk laporan, penyelidikan, gambar dan data lain. Sistem repositori ini merupakan tempat simpanan untuk mengekalkan memori institusi Suruhanjaya dalam sistem penyimpanan berpusat. Sistem ini dapat membantu Suruhanjaya dalam masa akan datang untuk mengambil apa-apa maklumat masa lalu mengenai keputusan dan aktiviti Suruhanjaya.

Lanjutan daripada perkara di atas, Suruhanjaya juga merancang untuk mempunyai Sistem Pengurusan Pengetahuan sendiri di mana pelbagai bahan hak asasi manusia akan dapat diakses bukan sahaja secara dalaman tetapi juga untuk orang awam. Sistem yang dirancang ini merupakan satu lagi inisiatif Suruhanjaya untuk memperbaiki akses bahan-bahan hak asasi manusia dan meningkatkan kesedaran awam mengenai hak asasi manusia di kalangan orang awam.

6. ANALISA KEWANGAN SURUHANJAYA 2016

6.1 ANALISA KEWANGAN SURUHANJAYA

Pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan pihak Kerajaan secara tahunan kepada Suruhanjaya, pendapatan berbentuk hibah dan faedah daripada simpanan tetap Suruhanjaya dan pendapatan lain termasuk dana projek yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia.

Di antara sumber pendapatan yang disenaraikan di atas, Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan secara tahunan oleh pihak Kerajaan kepada Suruhanjaya melalui Jabatan Perdana Menteri, merupakan sumber dana utama bagi menjalankan operasi di Suruhanjaya.

Seksyen 19(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) memperuntukkan bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan bagi Suruhanjaya, dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah Akta ini. Bagi tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima Peruntukan Geran Mengurus dari Kerajaan berjumlah RM5,953,930 berbanding perbelanjaan mengurus pada tahun sama iaitu RM10,034,682.


Peruntukan Geran Mengurus dari Kerajaan bagi tahun 2016 disalurkan secara berkala seperti berikut:

Jadual 21: Peruntukan Geran Mengurus Dari Kerajaan, 2016

BIL.	AGIHAN GERAN PERUNTUKAN	JUMLAH PENERIMAAN (RM)
1	Suku Tahun Pertama (Jan- Mac)	1,308,483
2	Suku Tahun Kedua (Apr-Jun)	1,308,483
3	Suku Tahun Ketiga (Jul- Sep)	1,308,482
4	Suku Tahun Keempat (Okt- Dis)	1,583,952
5	Peruntukan Geran Tambahan	444,530
Jumlah Geran Peruntukan Diterima		5,953,930

Rajah 3 menunjukkan jumlah Peruntukan Geran Mengurus yang telah disalurkan kepada Suruhanjaya oleh Kerajaan dari tahun 2012 sehingga 2016.

Rajah 3: Peruntukan Geran Mengurus Diterima SUHAKAM, 2012-2016



Sekiranya melihat trend penyaluran Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada Suruhanjaya oleh Pihak Kerajaan, didapati jumlah Geran yang diterima Suruhanjaya berkurangan dari tahun ke setahun.

Sebaliknya, keperluan perbelanjaan Suruhanjaya meningkat dari tahun ke setahun, sejajar dengan tuntutan masyarakat awam terhadap SUHAKAM untuk menangani lebih banyak isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

Perbelanjaan Suruhanjaya terdiri daripada perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan perbelanjaan aset. Perbelanjaan emolumen merangkumi pembayaran gaji dan upahan, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa dan faedah kewangan lain bagi 80 perjawatan yang diisi bagi tahun 2016.

Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan terdiri dari perbelanjaan perjalanan sara hidup, perhubungan dan utiliti, sewaan, bekalan, penyelenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti. Kos-kos ini perbelanjaan-perbelanjaan untuk menjalankan pelbagai program hak asasi manusia seperti kajian dan siasatan lapangan, program meningkatkan kesedaran, lawatan ke tempat-tempat tahanan dan lain-lain lagi.

Perbelanjaan aset Suruhanjaya bagi tahun ini adalah pembelian komputer, peralatan dan mesin fax.


Perbelanjaan Suruhanjaya bagi tahun 2016, tidak mengambil kira surutnilai aset, adalah seperti berikut:

Jadual 22: Perbelanjaan Suruhanjaya, 2016

PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Emolumen	5,117,404	52.05
Perkhidmatan dan Bekalan	4,688,245	47.68
Ganjaran & lain-Lain Perbelanjaan	6,930	0.07
Aset	19,570	0.20
Jumlah Keseluruhan	9,832,150	100.00

Rajah 4 menunjukkan jumlah perbelanjaan Suruhanjaya, yang mengambilkira susutnilai aset, dari tahun 2012 sehingga 2016.

Rajah 4: Jumlah Perbelanjaan SUHAKAM, 2012-2016



Susulan pengurangan Peruntukan Geran Mengurus yang diterima dari tahun ke setahun, Suruhanjaya telah mempergiatkan lagi usaha perbelanjaan berhemat bagi memastikan keadaan kewangan tersebut tidak membawa Suruhanjaya kepada keadaan keberhutangan. Salah satu langkah yang telah diambil termasuklah menerimapakai Pekeliling Perbendaharaan (P.P) 3.3 mengenai Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan bagi menggalakkan penjimatan dalam, antara lain, perbelanjaan-perbelanjaan utiliti, kerja lebih masa, perjalanan domestik dan antarabangsa untuk menghadiri mesyuarat dan latihan, sewaan dan lain-lain.

Bagi menampung perbelanjaan yang termasuk susutnilai aset Suruhanjaya pada tahun ini berjumlah RM10,034.682, Suruhanjaya telah menggunakan lebihan terkumpul peruntukan geran susulan langkah penjimatan Suruhanjaya dari tahun-tahun sebelumnya bagi menampung perbezaan jumlah geran dan jumlah perbelanjaan bagi tahun 2016.

6.2 PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA, 2012-2016

Berikut adalah Penyata Kewangan Suruhanjaya termasuk Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan SUHAKAM dari 2012 hingga 2016.

Jadual 23: Penyata Pendapatan Bagi Tahun 2012 - 2016

PENYATA PENDAPATAN	2012	2013	2014	2015	2016
PENDAPATAN					
Geran Kerajaan	11,264,500	10,600,000	10,469,700	8,898,822	5,953,930
Pendapatan Lain	20,106	-	-	292,138	67,687
Perbelanjaan Pengurusan	(10,033,371)	(9,983,039)	(10,604,764)	(11,400,262)	(10,034,682)
Pendapatan Kewangan	108,678	159,575	166,242	170,748	87,832
LEBIHAN/ (KURANGAN) PADA TAHUN SEMASA	1,359,913	776,536	31,178	(2,038,554)	(3,925,233)

Jadual 24: Penyata Kedudukan Kewangan Bagi Tahun 2012 - 2016

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	2012	2013	2014	2015	2016
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	971,584	813,752	659,861	734,670	532,137
Jumlah Aset Bukan Semasa	971,584	813,752	659,861	734,670	532,137
ASET SEMASA					
Faedah Terakru	4,989	13,890	10,075	15,347	1,121
Deposit dan Prabayar	785,895	788,865	625,229	792,943	636,246
Simpanan Tetap	4,533,000	4,544,418	4,533,000	3,733,000	400,000
Tunai dan Baki di Bank	1,281,080	2,349,765	2,434,363	1,126,100	590,712
Jumlah Aset Semasa	6,604,964	7,696,938	7,602,667	5,667,390	1,628,079
Jumlah Aset	7,576,548	8,510,690	8,262,528	6,402,060	2,160,216
EKUITI					
Lebihan/ (Kurangan) terkumpul	5,823,459	7,167,767	7,944,303	7,975,481	5,936,927
Lebihan/ (Kurangan) terkumpul tahun semasa bawa hadapan	1,344,308	776,536	31,178	(2,038,554)	(3,925,233)
Jumlah Ekuiti	7,167,767	7,944,303	7,975,481	5,936,927	2,011,694
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	408,791	566,387	454,761	297,419	148,522
Jumlah Liabiliti Semasa	408,791	566,387	454,761	297,419	148,522
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	7,576,558	8,510,690	8,430,242	6,234,346	2,160,216

Jadual 25: Nisbah Kewangan Suruhanjaya Bagi Tahun 2012 - 2016

NISBAH KEWANGAN	2012	2013	2014	2015	2016
Nisbah semasa	16.16	13.59	17.09	18.49	10.96
Nisbah kecairan	14.22	12.17	15.32	16.34	6.67
Nisbah hutang	0.05	0.07	0.05	0.05	0.07
Nisbah pemilikan	17.53	14.03	17.54	19.96	13.54
Nisbah modal	7.38	9.76	12.09	8.08	3.78
Nisbah Operasi	0.88	0.93	1.00	1.22	1.64
Pusing Ganti Aset Tetap	11.73	13.22	16.12	12.74	11.48
Pusing Ganti Aset	1.50	1.26	1.26	1.50	2.83

7. HARAPAN MASA DEPAN

Cabaran utama yang dihadapi oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan mandat pada tahun ini adalah kekangan kewangan. Sebaliknya, Suruhanjaya sedar bahawa pengurangan geran Kerajaan yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya adalah disebabkan oleh harga minyak global yang tidak stabil yang telah memberi kesan kepada pendapatan Kerajaan.

Secara umumnya, Suruhanjaya telah mengambil pelbagai langkah untuk meringankan situasi ini termasuk dengan mengguna pakai dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 yang berkaitan dengan garis panduan mengenai langkah-langkah untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan yang mewajibkan agensi-agensi mengurangkan perbelanjaan utiliti, perjalanan, khidmat luaran, kerja lebih masa dan lain-lain. Di samping itu, Suruhanjaya menyemak semula Pelan Kerja 2016 dan telah mengurangkan hampir 70% bilangan aktiviti hak asasi manusia. Untuk Kumpulan Khidmat Korporat, pengurangan ini termasuk menangguhkan beberapa perolehan termasuk pembelian sistem dan peralatan yang boleh mengukuhkan lagi operasi Suruhanjaya.

LAMPIRAN



Lampiran I

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2016

NO.	TARIKH	TAJUK
1.	27 Jan	"SUHAKAM Memuji Pihak Berkuasa dalam Mengendalikan Perhimpunan Awam Bantah TPPA"
2.	8 Mac	Hari Wanita Antarabangsa 2016: "Planet 50-50 Menjelang 2030: Melangkah Ke Arah Kesaksamaan Gender"
3.	21 Mac	"Hari Antarabangsa Bagi Penghapusan Diskriminasi Kaum Adalah Peluang Menyatakan Komitmen Bagi Mewujudkan Negara Yang Saksama; Bebas Daripada Perkauman Dan Diskriminasi Kaum"
4.	24 Mac	"SUHAKAM Memperoleh Status 'A' Dalam Proses Pentauliahkan Semula Di Bawah Prinsip-Prinsip Paris"
5.	25 Mac	"SUHAKAM Mengalu-alukan Pemberhentian Projek Empangan Hidroelektrik Baram"
6.	29 Mac	"Hukuman Mati Melanggar Hak Untuk Hidup dan adalah Hukuman yang Paling Kejam, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah"
7.	30 Mac	"SUHAKAM Memuji Pengiktirafan Cuti Bersalin yang Dilanjutkan sebagai Obligasi Hak Asasi Manusia"
8.	18 Apr	"SUHAKAM Mengalu-alukan Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015"
9.	14 Mei	"SUHAKAM Melahirkan Kebimbangan Penggunaan Hukuman Dera terhadap Kanak-Kanak di Sekolah"
10.	3 Jun	"SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk Menambah Undang-Undang Jenayah yang Sedia Ada Mengenai Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak"
11.	11 Jun	"Hari Menentang Buruh Kanak-kanak Sedunia – Buruh Kanak-Kanak dan Rantaian Bekalan"
12.	19 Jun	" Hari Pelarian Sedunia – We Stand #With Refugees 2016"
13.	27 Jun	Kenyataan Akhbar Bersama oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Amnesty International Malaysia, Bar Council Malaysia, Suara Rakyat Malaysia dan Lawyers for Liberty Sempena Hari Menyokong Mangsa Penyeksaan Antarabangsa (<i>International Day In Support of Victims of Torture</i>)
14.	28 Jul	Akta Pencegahan Jenayah (POCA)
15.	3 Sept	"Lawatan SUHAKAM ke Pusat Tahanan Imigresen Juru"
16.	23 Sept	"Dakwaan Penderaan Terhadap Pelajar Orang Asli"

NO.	TARIKH	TAJUK
17.	30 Sept	"SUHAKAM Menyeru Pihak Berkuasa Menangani Dakwaan Keganasan Terhadap Orang Asli Di Gua Musang"
18.	12 Okt	"Pastikan Hak Kebebasan Berhimpun Secara Aman Dihormati"
19.	13 Okt	"Kebebasan Beragama Harus Dilindungi Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia"
20.	14 Okt	"SUHAKAM Menggesa Pelaksanaan Penuh Cedaw"
21.	14 Okt	"Hak Asasi Manusia Tidak Akan Dicapai Sekiranya Rasuah Diterima Sebagai Sebahagian Kehidupan"
22.	17 Okt	"SUHAKAM Mengutuk Serangan Ke Atas Wartawan"
23.	20 Okt	"SUHAKAM Menyeru Rakyat Malaysia Untuk Kekal Teguh Kepada Nilai Sebenar Rukun Negara Kita Dan Perlembagaan Persekutuan"
24.	8 Nov	Kenyataan Media No.26 Tahun 2016 (Kebebasan Berhimpun Secara Aman)
25.	15 Nov	Kenyataan Media No.27 (Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak)
26.	17 Nov	Kenyataan Media No.28 (Perhimpunan Awam)
27.	20 Nov	Kenyataan Media No.29 (Hari Kanak-Kanak Sedunia)
28.	20 Nov	Kenyataan Media No.30
29.	21 Nov	Kenyataan Media No.31 (Akta 2012 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA)
30.	23 Nov	Kenyataan Media No. 32 (Melawat Maria Chin 2016)
31.	6 Dis	Kenyataan Media No. 33 (Penukaran Sebelah Pihak)
32.	8 Dis	Kenyataan Media No. 34 (Anugerah Hak Asasi Manusia)
33.	10 Dis	Kenyataan Media No. 35 (Penandaan Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa 2016)



“SUHAKAM MEMUJI PIHAK BERKUASA DALAM MENGENDALIKAN PERHIMPUNAN AWAM BANTAH TPPA”

KUALA LUMPUR (27 JANUARI 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) telah memantau perhimpunan awam “Bantah TPPA” pada 23 Januari 2016. Berikut merupakan pandangan Suruhanjaya:

- (i) Suruhanjaya mendapati bahawa keseluruhan perhimpunan tersebut telah berlangsung secara aman.
- (ii) Suruhanjaya ingin memuji pihak berkuasa, khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana menghormati hak demokratik rakyat Malaysia untuk menyertai perhimpunan aman, serta kerjasama yang ditunjukkan dalam memudahkan perhimpunan tersebut.
- (iii) Suruhanjaya mengalu-alukan kemajuan pesat yang telah dicapai oleh pihak PDRM, walaupun dalam suatu tempoh masa yang singkat, berkenaan dengan pengawasan perhimpunan awam di Kuala Lumpur. Ini mesti dicontohi di seluruh Malaysia.
- (iv) Suruhanjaya mendapati terdapat perancangan yang teratur, struktur arahan yang jelas dan komunikasi yang baik antara anggota polis, pihak penganjur dan para peserta.
- (v) Suruhanjaya juga memuji pihak polis dalam mengurus dan mengekalkan aliran trafik sepanjang perhimpunan tersebut.
- (vi) Suruhanjaya mendapati bahawa peralatan rusuhan dan senjata tidak digunakan sebagai sebahagian daripada pendekatan pencegahan. Kehadiran Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di sekitar kawasan perhimpunan itu juga tidak kelihatan.
- (vii) Suruhanjaya mendapati kehadiran pegawai perhubungan polis, yang bertindak sebagai perantara dalam rundingan dengan pihak penganjur bagi memastikan kelancaran perhimpunan aman tersebut, dan memuji pihak polis atas kesabaran yang ditunjukkan, budi bicara dan diplomasi dalam memastikan perhimpunan berjalan dengan aman dan tanpa gangguan.

Suruhanjaya berpandangan bahawa semua yang dinyatakan seperti di atas menunjukkan kesediaan pihak berkuasa untuk mengiktiraf, menghormati dan memenuhi hak kebebasan berhimpun secara aman. Hal ini harus mendapat pujian dan diiktiraf sebagai amalan baik seterusnya sudah pasti akan memberikan kesan yang mendalam di peringkat antarabangsa di samping pengaruh positif ke atas negara-negara lain di rantau ini.

- TAMAT -

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 Januari 2016

LAMPIRAN I



HARI WANITA ANTARABANGSA 2016: "PLANET 50-50 MENJELANG 2030: MELANGKAH KE ARAH KESAKSAMAAN GENDER"

KUALA LUMPUR (8 MAC 2016) – Hari ini Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) bersama-sama dengan masyarakat global meraikan Hari Wanita Antarabangsa

2016. Pematuhan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu pada hari ini akan mencerminkan kaedah untuk mempercepatkan Agenda 2030 dalam membangunkan momentum bagi pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang berkesan. Tumpuan yang sama juga akan diberikan terhadap komitmen untuk inisiatif "*UN Women's Step It Up*".

Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan secara jelas menyenaraikan matlamat untuk mencapai kesaksamaan gender seperti yang dinyatakan dalam Matlamat 5. Antara sarannya adalah menamatkan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di mana-mana sahaja; penghapusan segala bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam sektor awam dan swasta, termasuk pemerdagangan dan segala bentuk eksploitasi termasuk seksual; dan penghapusan segala amalan yang berbahaya, seperti perkahwinan kanak-kanak, awal dan paksa, dan juga antara lain isu berkhatan bagi perempuan sehingga memudaratkan (*female genital mutilation*). Matlamat 5 juga menggesa Negara Ahli, termasuk Malaysia, untuk menerima pakai dasar yang kukuh dan menguatkuasakan undang-undang bagi menggalakkan kesaksamaan gender dan seterusnya memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan di semua peringkat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kebanyakan negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia, telah mencapai kemajuan yang cemerlang ke arah kesaksamaan gender terutamanya dalam bidang seperti pendidikan. Walau bagaimanapun di Malaysia, pandangan stereotaip dan peranan masih berlaku dan telah berakar umbi dalam masyarakat kita. Dalam hal ini Suruhanjaya berpandangan bahawa, keadaan ini akan memberi kesan kepada wanita dan kanak-kanak perempuan dari segi peluang samarata seperti yang dinikmati dalam pelbagai bidang oleh kaum lelaki. Oleh itu, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan mewujudkan undang-undang kesaksamaan

gender yang bertujuan untuk meningkatkan dan mempromosikan kesaksamaan bagi wanita dan lelaki.

Kesaksamaan dalam pekerjaan juga masih kekal menjadi isu yang dominan di tempat kerja. Dalam kes *Noorfadilla bt Ahmad Saikin v Chayed bin Basirun & Ors* [2012] 1 MLJ 832 yang mana pelantikan plaintif sebagai guru sandaran tidak terlatih telah dibatalkan kerana plaintif mengandung. Hakim perbicaraan telah merujuk peruntukan di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dalam menentukan bahawa berlakunya diskriminasi ke atas plaintif. Malangnya, ketika kes tersebut dilihat sebagai satu keputusan penting dan langkah positif dalam usaha menikmati hak-hak wanita di Malaysia, Suruhanjaya terkejut dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam bulan Februari untuk mengurangkan pampasan awal yang diputuskan daripada RM300,000 kepada RM30,000.

Perkahwinan kanak-kanak adalah satu lagi isu yang membimbangkan, walaupun setelah wujudnya sistem pendidikan negara yang baik dan kadar kemiskinan yang rendah. Suruhanjaya juga bimbang dengan amalan melangsungkan perkahwinan kanak-kanak perempuan yang menjadi mangsa rogol kepada perogol dalam usaha untuk menyelamatkan 'maruah' kanak-kanak tersebut, tanpa mengira perasaan mereka mengenai perkahwinan itu. Dalam hal ini, Suruhanjaya menyokong keputusan Mahkamah Perlembagaan Zimbabwe baru-baru ini yang telah mengharamkan perkahwinan kanak-kanak di negara itu.

Suruhanjaya berpandangan bahawa kesaksamaan gender bukan sahaja suatu hak asasi manusia, tetapi merupakan asas yang penting bagi sebuah negara yang aman, makmur dan suatu bangsa yang mampan. Perkara ini boleh dicapai apabila semua orang dapat mengakses dan menikmati ganjaran, sumber dan peluang yang sama tanpa mengira gender.

-TAMAT-

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 Mac 2016



"HARI ANTARABANGSA BAGI PENGHAPUSAN DISKRIMINASI KAUM ADALAH PELUANG MENYATAKAN KOMITMEN BAGI MEWUJUDKAN NEGARA YANG SAKSAMA; BEBAS DARIPADA PERKAUMAN DAN DISKRIMINASI KAUM"

KUALA LUMPUR (21 MAC 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) meraikan Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Diskriminasi Kaum 2016 yang disambut setiap tahun pada 21 Mac. Tema tahun ini ialah "*Cabaran dan Pencapaian Deklarasi Durban dan Program Tindakan – Selepas 15 tahun*".

Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) telah diterimapai dan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1965. ICERD menyatakan komitmen Negara-negara Anggota untuk menghapuskan diskriminasi kaum dan memupuk persefahaman di kalangan semua kaum. Konvensyen ini juga memerlukan Negara-negara Anggota untuk mengharamkan ucapan berunsur kebencian selaras dengan mukadimahnya yang menyatakan bahawa "tiada justifikasi untuk diskriminasi kaum, secara teori atau amalan." Sehingga Mac 2016, Malaysia masih belum menyertai Konvensyen tersebut yang ketika ini telah mempunyai 88 tandatangan dan penyertaan 177 buah Negara.

Situasi semasa membuktikan bahawa Malaysia terus berhadapan dan masih jauh dalam usaha merealisasikan matlamat untuk mewujudkan keharmonian antara etnik, kaum dan agama yang telah diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Baru-baru ini, satu kajian oleh *Centre for a Better Tomorrow (CENBET)* mendedahkan bahawa walaupun secara keseluruhan kajian menunjukkan responden menentang perkauman tetapi dapatan juga menyatakan bahawa 1 daripada 3 rakyat Malaysia tanpa disedari atau diakui mempunyai perasaan perkauman.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan boleh memberikan perlindungan berkaitan diskriminasi kaum kepada rakyat, Suruhanjaya menegaskan seruannya agar Kerajaan menyertai ICERD dalam memenuhi tanggungjawab Malaysia secepat mungkin bagi menghapuskan diskriminasi kaum dalam segala bentuk dan manifestasi. Ini juga bagi menjamin persefahaman dan menghormati

maruah sesama manusia dan tindakan ini seterusnya dapat menterjemahkan komitmennya kepada prinsip asas memartabatkan maruah setiap insan.

Sempena meraikan Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Diskriminasi Kaum, Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan untuk memenuhi janjinya dalam menggubal Akta Jenayah Kebencian Kaum dan Agama yang bertujuan untuk mengharamkan ucapan berunsur kebencian dan Akta Penyelarasan dan Keharmonian Nasional bertujuan melarang diskriminasi.

Suruhanjaya berpendapat bahawa mempromosikan sikap toleransi dan saling memahami bahawa semua orang adalah sama dari segi maruah dan hak-hak mereka akan memberi sumbangan besar kepada masyarakat yang lebih harmoni dan tenteram serta bebas daripada prasangka, sikap tidak bertoleransi dan stereotaip.

-TAMAT-

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Mac 2016



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

SUHAKAM MEMPEROLEH STATUS 'A' DALAM PROSES PENTAULIAHAN SEMULA DI BAWAH PRINSIP-PRINSIP PARIS

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) sukacita melaporkan bahawa Suruhanjaya telah diberikan pentauliah status 'A' di bawah Prinsip-prinsip Paris oleh Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC) pada Mesyuarat Tahunannya ke-29 yang telah diadakan pada 22

Mac di Geneva. Naib Pengerusi Suruhanjaya dan wakil ke Mesyuarat Tahunan tersebut, Datuk Dr Khaw Lake Tee, telah menerima sijil penganugerahan tersebut bagi pihak Suruhanjaya.

Suruhanjaya telah menjalani proses pentauliah semula pada bulan November 2015 dan telah dicadangkan agar mendapat status 'A' oleh Jawatankuasa Kecil Pentauliah ICC, yang mana cadangan ini telah diterima oleh Biro ICC. Pentauliah semula Suruhanjaya sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) berstatus 'A' bagi jangkamasa lima tahun bermula dari tahun 2016 hingga 2020 merupakan satu pengiktirafan oleh NHRI-NHRI lain atas sumbangan Suruhanjaya kepada perlindungan dan promosi hak asasi manusia di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dengan pentauliah semula ini, Suruhanjaya akan terus menjalankan mandat dan fungsinya dalam mempromosi, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia di negara ini dengan semangat dan keyakinan yang lebih tinggi, berlandaskan objektif utamanya iaitu bagi memastikan hak asasi manusia dinikmati oleh semua orang di negara ini atas dasar kesaksamaan tanpa diskriminasi. Suruhanjaya juga akan terus mengambil bahagian dalam forum-forum antarabangsa berkaitan isu-isu melibatkan kemanusiaan selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah NHRI berstatus 'A'.

-TAMAT-

DATUK DR KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Geneva (24 Mac 2016)



“SUHAKAM MENGALU-ALUKAN PEMBERHENTIAN PROJEK EMPANGAN HIDROELEKTRIK BARAM”

KUALA LUMPUR (25 MAC 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan dan memuji keputusan Kerajaan Negeri Sarawak secara rasmi membatalkan berkuat kuasa dari 14 Januari 2016, Hak Tanah Adat Orang Asal (No.39) Arahan 2013 Hak Tanah Adat Orang Asal (No.53) Arahan 2014, yang akan menghapuskan Hak Tanah Adat Orang Asal dalam dua kawasan yang ditetapkan sebagai tapak untuk Empangan Hidroelektrik Baram yang dicadangkan. Keputusan ini mencerminkan tindak balas Kerajaan Negeri kepada kebimbangan yang disuarakan oleh masyarakat pribumi yang akan terjejas oleh projek empangan tersebut.

Suruhanjaya menerima memorandum daripada masyarakat yang terjejas pada tahun 2012 yang telah membangkitkan kebimbangan terhadap pencabulan hak asasi manusia akibat daripada pembangunan yang dicadangkan dan pada bulan September 2015, melawat tapak untuk mengumpul maklum balas dan pandangan masyarakat. Suruhanjaya mendapati bahawa orang asal dari 10 buah kampung telah menolak projek itu diantaranya memberi kesan kepada tanah nenek moyang mereka. Suruhanjaya juga melihat bahawa projek yang dicadangkan akan menghalang aktiviti tradisional mereka dan menyebabkan penempatan besar semula masyarakat.

Memandangkan terdapat hubungan yang kritikal antara sokongan Malaysia terhadap Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) di peringkat antarabangsa dan permohonan di peringkat kebangsaan, terdapat keperluan segera bagi Kerajaan untuk meningkatkan usaha untuk memenuhi objektif UNDRIP ke arah memastikan memenuhi hak-hak orang asal di negara ini.

Antara lain, Suruhanjaya menasihatkan bahawa satu rangka kerja undang-undang yang mencukupi untuk pembangunan projek-projek hidro elektrik berskala besar mesti diletakkan termasuk perlindungan sosial dan alam sekitar yang kritikal untuk melindungi daripada kesan kepada bahaya terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia.

-TAMAT-

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

25 Mac 2016





"HUKUMAN MATI MELANGGAR HAK UNTUK HIDUP DAN ADALAH HUKUMAN YANG PALING KEJAM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN DAN MENJATUHKAN MARUAH"

KUALA LUMPUR (29 MAC 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) sedia maklum pelaksanaan hukuman mati ke atas Gunasegar Pitchaymuthu, Ramesh Jayakumar dan Sasivarnam Jayakumar pada 25 Mac 2016 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 34 undang-undang yang sama.

Suruhanjaya kesal dalam hal ini kerana pada bulan November 2015, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Hajah Nancy Shukri baharu sahaja mengumumkan bahawa Kerajaan sedang memuktamadkan pindaan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori dalam undang-undang yang berkaitan. Rang Undang-undang itu dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang sedang berlangsung ketika ini (Mac 2016). Kini, lebih dua pertiga daripada negara-negara di dunia telah memansuhkan hukuman mati dalam undang-undang atau amalannya.

Suruhanjaya juga bimbang kerana hukuman mati mandatori melanggar hak asasi untuk hidup, seperti yang termaktub dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa kerana ia merupakan suatu kehilangan sewenang-wenangnya hak untuk hidup, yang menafikan hakim dari menggunakan budi-bicara dan mempertimbangkan semua faktor kes, termasuk mengambil kira fakta kesalahan atau ciri-ciri setiap pesalah individu. Sebaliknya, setiap pesalah dihukum mati tanpa mengira faktor mitigasi yang dapat meringankan hukuman.

Sementara perbincangan sedang berjalan mengenai penghapusan hukuman mati mandatori dalam negara, Suruhanjaya mengingatkan bahawa sebarang kesilapan mahkamah atau kegagalan menegakkan keadilan dalam pelaksanaan hukuman mati tidak boleh diubah dan tidak boleh diperbaiki. Begitu juga, rasional bahawa hukuman mati bertindak sebagai penghalang telah beberapa kali diragui dan ditolak.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa satu moratorium ke atas hukuman mati dilaksanakan, sekurang-kurangnya bagi menunjukkan penghormatan terhadap maruah manusia dan juga demi peningkatan dan pembangunan progresif hak asasi manusia di Malaysia.

-TAMAT -

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

29 Mac 2016





"SUHAKAM MEMUJI PENGIKTIRAFAN CUTI BERSALIN YANG DILANJUTKAN SEBAGAI OBLIGASI HAK ASASI MANUSIA"

KUALA LUMPUR (30 MAC 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyambut baik pengumuman oleh Digi Telecommunications Sdn. Bhd. baru-baru ini untuk menerima pakai polisi cuti bersalin bergaji selama enam bulan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016 dalam menuju ke arah menjadi organisasi yang lebih mesra keluarga.

Suruhanjaya berpendapat langkah positif ini yang bermatlamat untuk mencapai keseimbangan gender di tempat kerja bukan sahaja akan mengiktiraf penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan, tetapi juga keperluan untuk mengintegrasikan gender dalam tanggungjawab korporat, sejajar dengan Prinsip Panduan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selain itu, selaras dengan saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu agar sistem sokongan dan polisi yang lebih baik untuk ibu bekerja bagi membolehkan mereka menyusukan bayi, dan sasaran Perhimpunan Kesihatan Sedunia terhadap nutrisi global pada tahun 2025 khususnya untuk meningkatkan sekurang-kurangnya 50 peratus kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif dalam tempoh enam bulan pertama, Suruhanjaya berpendapat cuti bersalin bergaji yang dilanjutkan oleh Digi akan memanfaatkan ibu bekerja semasa tempoh bersalin. Ini seterusnya akan meningkatkan daya kepuasan dalam pekerjaan dan kesetiaan kepada majikan.

Suruhanjaya juga memuji langkah positif dan sukarela ini yang akan meningkatkan penanda aras dari segi perlindungan hak asasi manusia oleh sektor swasta, serta mampu merangsang pembaharuan polisi dan undang-undang di peringkat Kerajaan.

Suruhanjaya berharap polisi-polisi berkenaan cuti bersalin dan penjagaan awal kanak-kanak dalam semua sektor akan dirangka melalui pendekatan yang mengintegrasikan hak kanak-kanak, kesaksamaan gender dan penyertaan sosial keluarga, seperti yang terkandung dalam Agenda 2030 Pembangunan Mampan.

-TAMAT -

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

30 Mac 2016





“SUHAKAM MENGALU-ALUKAN RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK (PINDAAN) 2015”

KUALA LUMPUR (18 APRIL 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan pindaan yang komprehensif kepada Akta Kanak-Kanak 2001 yang pada pandangan Suruhanjaya menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam melindungi hak kanak-kanak di negara ini. Walaupun Suruhanjaya mempunyai beberapa pandangan tentang pindaan tersebut yang akan dipanjangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Suruhanjaya ingin menekankan beberapa perkara penting berkenaan Rang Undang-undang tersebut.

Suruhanjaya juga memuji kemasukan dua wakil di kalangan kanak-kanak ke Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak yang dicadangkan, sekiranya benar-benar dilaksanakan akan menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam proses pembuatan keputusan dalam perkara-perkara yang melibatkan mereka. Suruhanjaya berharap bahawa walaupun kanak-kanak merupakan hanya dua daripada tujuh orang ahli Majlis, pandangan dan kebimbangan mereka akan diberi perhatian serius, selaras dengan Artikel 12 dan 13 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), iaitu adalah menjadi hak kanak-kanak untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka. Suruhanjaya juga berharap bahawa kuasa budi bicara Menteri untuk membatalkan keahlian daripada wakil kanak-kanak ditakrifkan dengan jelas bagi mengelakkan sebarang salah guna kuasa di bawah Fasal 4A(1) Rang Undang-Undang tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya bimbang ketiadaan mana-mana peruntukan khusus mengenai pornografi kanak-kanak. Ketika ini, tiada undang-undang jenayah tertentu di Malaysia untuk menampung secara holistik isu pornografi kanak-kanak. Dengan mengambil kira obligasi Malaysia di bawah CRC dan Protokol Pilihan kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak Terhadap Penjualan, Pelacuran dan Pornografi kanak-kanak 2000, Suruhanjaya menggesa Kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan peruntukan khusus di bawah Akta Kanak-kanak atau Kanun Keseksaan bagi menangani isu pornografi kanak-kanak.

Berkenaan dengan perkahwinan kanak-kanak, Suruhanjaya bimbang tiadanya peruntukan untuk melarang perkahwinan antara mana-mana orang di bawah

umur 18. Oleh itu, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk meminda semua undang-undang tempatan supaya menaikkan umur sah berkahwin untuk semua orang kepada 18 tahun, selaras dengan pematuhan Akta Kanak-kanak yang mentakrifkan kanak-kanak adalah di bawah usia 18 tahun.

Walaupun mengalu-alukan penggantian hukuman sebat terhadap kanak-kanak lelaki dengan khidmat masyarakat, Suruhanjaya bimbang bahawa Rang Undang-undang ini tidak menghapuskan hukuman rotan di sekolah rendah dan menengah. Suruhanjaya menyatakan bahawa hukuman sebat bukan sahaja merupakan hukuman yang kejam, tetapi juga melanggar hak kanak-kanak dan bercanggah dengan prinsip-prinsip CRC yang secara khusus memerlukan Negara Ahli untuk melindungi kanak-kanak dari layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

Walaupun Malaysia telah mencapai banyak kemajuan sejak menerima pakai CRC, Suruhanjaya menjelaskan bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak itu hendaklah diutamakan dalam semua keputusan mengenai kanak-kanak dan berharap syor-syor Suruhanjaya akan membantu untuk menyokong usaha-usaha Kerajaan demi menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak.

-TAMAT -

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

18 April 2016





“SUHAKAM MELAHIRKAN KEBIMBANGAN PENGGUNAAN HUKUMAN DERA TERHADAP KANAK-KANAK DI SEKOLAH”

KUALA LUMPUR (14 MEI 2016) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyambut baik cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini bahawa sekolah akan diberi lebih kuasa dalam mengurus dan menangani isu-isu disiplin di kalangan pelajar sebagai sebahagian daripada pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya amat bimbang bahawa kaedah itu akan termasuk hukuman dera terutamanya kerana Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 menggantikan hukuman sebat terhadap pesalah kanak-kanak lelaki dengan khidmat masyarakat.

Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat kepercayaan yang salah bukan sahaja oleh individu tetapi juga semua masyarakat dan disokong di peringkat Kerajaan bahawa hukuman sebat adalah bentuk yang berkesan untuk mendisiplinkan kanak-kanak. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa hukuman sebat di sekolah menyebabkan kanak-kanak hilang minat dalam pembelajaran dan boleh membawa kepada kerosakan psikologi sepanjang hayat.

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 1995 jelas memerlukan Negara untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan fizikal atau mental (Artikel 19) dan dari penyiksaan dan hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (Artikel 37). Lebih penting lagi, dalam Artikel 28 (2) CRC memerlukan disiplin sekolah ditadbir mengikut cara yang selaras dengan maruah kanak-kanak dan dengan mematuhi Konvensyen tersebut.

Di samping itu, Jawatankuasa Hak Kanak-kanak, dalam pemerhatian mereka pada tahun menyimpulkan menggesa Malaysia untuk melarang oleh undang-undang semua bentuk hukuman sebat di rumah, dan dengan segera menghapuskan semua bentuk kekejaman, tidak berperikemanusiaan atau hukuman yang menjatuhkan maruah termasuk hukuman rotan dan lain-lain bentuk hukuman yang dikenakan ke atas orang yang telah melakukan jenayah ketika berada di bawah umur 18 tahun dan antara lainya sebagai tindakan disiplin di institusi jenayah.

Selaras dengan cadangan Jawatankuasa, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk melindungi sepenuhnya dan mempertahankan hak-hak kanak-kanak untuk menolak apa-apa bentuk yang hukuman kepada kanak-kanak dan memberi penghormatan kepada maruah kanak-kanak; dan juga berusaha memenuhi obligasi hak asasi manusia antarabangsa selaras dengan CRC.

Suruhanjaya juga menasihatkan ibu bapa, guru dan penjaga untuk menggunakan strategi disiplin yang positif dalam didikan anak-anak mereka dengan menolak penggunaan hukuman dera dan / atau hukuman fizikal.

-TAMAT-

RODZIAH ABDUL

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

14 Mei 2016



**“SUHAKAM MENYERU KERAJAAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN
UNDANG-UNDANG JENAYAH YANG SEDIA ADA MENGENAI
KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK”**

KUALA LUMPUR (3 JUN 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) melahirkan rasa bimbang bahawa terdapat beratus-ratus kanak-kanak berusia antara enam bulan dan 12 tahun telah didera secara seksual, dirogol dan/atau serangan seksual di Malaysia oleh seorang pedofilia berketurunan British antara 2006 dan 2014 seperti yang dilaporkan oleh media.

Suruhanjaya telah berulang kali menggesa Kerajaan untuk meminda undang-undang sedia ada supaya menekankan semua bentuk kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan meskipun pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 baru-baru ini adalah positif, beberapa perkara penting masih menjadi keutamaan:

- (i) Setelah Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) diratifikasi, Malaysia mesti berjanji untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk eksploitasi seksual dan penderaan seksual yang merangkumi penggunaan eksploitasi kanak-kanak dalam persembahan dan bahan lucah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah perundangan tertentu belum diambil untuk menghalang memiliki pornografi dan aktiviti yang berkaitan dengan pembuatan atau penyebaran bahan lucah kanak-kanak. Suruhanjaya mengulangi peruntukan yang khusus perlu digubal untuk menjenayahkan tindakan pemangsa seksual kanak-kanak seperti pedofilia serta penerbitan, pemilikan dan pengedaran pornografi kanak-kanak.
- (ii) Malaysia mempunyai obligasi di bawah Artikel 3 Protokol Pilihan kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak pada Penjualan Kanak-Kanak, Pelacuran Kanak-Kanak dan Pornografi Kanak-Kanak 2000, semimumum untuk memastikan bahawa penjualan kanak-kanak, pelacuran kanak-kanak dan pornografi kanak-kanak dilindungi sepenuhnya di bawah undang-undang jenayah atau keseksaan sama ada kesalahan-kesalahan ini dilakukan secara domestik atau transnasional, atau dilakukan oleh individu atau dianjurkan.
- (iii) Walaupun kesalahan seksual tertentu terhadap kanak-kanak boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan kerana kesalahan luar tabii di bawah seksyen 377B dan 377C atau menghasut kanak-kanak untuk melakukan

perbuatan kelucuan melampau di bawah seksyen 377E, terdapat kekurangan peruntukan yang jelas mengenai pedofilia.

Oleh itu, tindakan yang sesuai dan yang perlu diambil di semua peringkat mesti dilaksanakan dengan segera untuk jenayah dan hukuman yang berkesan selaras dengan relevan dan mematuhi semua instrumen antarabangsa yang relevan dan terpakai terhadap segala bentuk eksploitasi seksual dan penderaan seksual kanak-kanak.

Suruhanjaya berharap bahawa undang-undang negara yang mantap dan khusus untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan dan penderaan seksual akan segera diutamakan termasuk undang-undang yang akan membantu polis, pendakwa dan agensi-agensi penguatkuasaan untuk melaksana, mengagalkan dan bawa ke muka pengadilan kepada mereka yang cuba melatih kanak-kanak secara seksual dalam talian.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

3 Jun 2016





“HARI MENENTANG BURUH KANAK-KANAK SEDUNIA – BURUH KANAK-KANAK DAN RANTAIAN BEKALAN”

KUALA LUMPUR (11 JUN 2016) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyertai masyarakat antarabangsa dalam memperingati Hari Menentang Buruh Kanak- Kanak Sedunia. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), terdapat kira-kira 168 juta kanak-kanak terlibat dalam buruh kanak-kanak. Walaupun kelazimannya buruh kanak-kanak telah menurun agak kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sebilangan besar kanak-kanak buruh yang masih wujud pada hari ini adalah sesuatu yang membimbangkan.

Buruh kanak-kanak menimbulkan ancaman yang serius untuk menikmati hak asasi manusia kanak-kanak termasuk hak mereka untuk kesihatan dan hak untuk pendidikan. Buruh kanak-kanak menafikan zaman kanak-kanak mereka dan mungkin akan menjejaskan fizikal, kesejahteraan psikologi dan emosi mereka yang menjadikan ia amat sukar bagi mereka untuk mencapai potensi.

Dengan pengiktirafan yang semakin meningkat keperluan bagi sektor korporat untuk menghormati hak-hak asasi manusia, Suruhanjaya mendapati tema Hari Menentang Buruh Kanak-Kanak Sedunia pada tahun ini yang memberi tumpuan kepada buruh kanak-kanak dan bekalan rantai sangat bersesuaian. Ia adalah penting bahawa entiti perniagaan sama ada syarikat multinasional atau perusahaan kecil dan sederhana memastikan operasi mereka sendiri tidak terlibat dalam buruh kanak-kanak dan bahawa pembekal dalam rangkaian bekalan mereka tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan buruh kanak-kanak. Rangkaian bekalan yang semakin kompleks dalam perniagaan hari ini yang sering melibatkan urus niaga merentas sempadan, membuat tugas ini sangat mencabar dan menuntut hak asasi manusia menjalankan usaha wajar yang lebih mantap oleh entiti perniagaan dan usaha-usaha yang lain. Begitu juga, agensi-agensi Kerajaan perlu memformalisasikan mekanisme untuk memastikan bahawa kontraktor dan pembekal yang dilantik untuk projek-projek mereka dan untuk tujuan perolehan serta rangkaian bekalan mereka tidak berada dalam apa jua cara yang melibatkan dalam buruh kanak-kanak.

Suruhanjaya berpendapat bahawa dalam menangani buruh kanak-kanak di negara ini, langkah-langkah konkrit perlu diambil untuk mendesak perniagaan untuk menghormati hak asasi manusia. Sehubungan dengan ini, Suruhanjaya

menegaskan kepentingan membangunkan pelan tindakan kebangsaan mengenai hak asasi manusia dan perniagaan yang merangkumi tiga tunggak Panduan Prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan iaitu kewajipan Negara untuk melindungi hak asasi manusia, tanggungjawab korporat untuk menghormati hak asasi manusia dan akses kepada remedi.

Suruhanjaya berharap Kerajaan akan membangunkan pelan tindakan kebangsaan sendiri mengenai hak asasi manusia dan perniagaan dalam rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti sektor korporat dan masyarakat awam. Suruhanjaya ingin menekankan bahawa Rangka Kerja Strategik Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia yang telah dirumuskan oleh Suruhanjaya dan telah dilancarkan pada Mac 2015, boleh dijadikan sebagai dokumen rujukan yang berguna untuk pembangunan pelan tindakan kebangsaan Malaysia mengenai hak asasi manusia dan perniagaan. Suruhanjaya percaya bahawa pelan itu akan membuka jalan bagi dasar dan langkah-langkah berkesan yang akan dapat menguruskan dan menangani kesan buruk aktiviti perniagaan terhadap hak asasi manusia termasuk yang berkaitan dengan buruh kanak-kanak.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

11 Jun 2016





“HARI PELARIAN SEDUNIA – WE STAND #WITHREFUGEES 2016”

KUALA LUMPUR (19 JUN 2016) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) dan badan-badan lain sepakat dalam menyuarakan kebimbangannya terhadap krisis pelarian global yang semakin teruk. Berikutan keganasan, kekacauan dan konflik bersenjata yang kian melanda sebahagian besar dunia, berjuta-juta orang, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, terjejas teruk dan menjadi pelarian. Mereka terpaksa meninggalkan rumah dan menyeberangi sempadan antarabangsa dan laut dalam, mempertaruhkan nyawa mereka demi keselamatan diri dan kelangsungan hidup. Akibatnya, ribuan orang kehilangan nyawa.

Dalam memperingati Hari Pelarian Sedunia yang jatuh pada 20 Jun, Suruhanjaya memberi penghormatan ke atas keberanian dan keazaman yang ditunjukkan oleh pelarian dan pencari suaka dari seluruh dunia. Segala dugaan dan kesengsaraan yang mereka alami untuk lari daripada penindasan dan situasi mengancam nyawa di tanah air mereka adalah sesuatu yang tidak boleh diungkapkan oleh kata-kata, bahkan kekuatan dan ketabahan mereka mengharungi situasi yang sangat sukar sememangnya wajar mendapat pengiktirafan. Namun begitu, pengiktirafan sahaja tidak memadai untuk memulihkan kesengsaraan pelarian. Tindakan-tindakan yang konkrit perlu diambil bukan hanya untuk mengurangkan kesengsaraan yang mereka hadapi tetapi juga untuk melindungi hak asasi mereka, serta menangani punca utama yang menyebabkan mereka berada dalam situasi yang tidak diinginkan ini.

Menurut Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR), terdapat 154,140 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia. Malaysia menyatakan bahawa 139,780 adalah dari Myanmar yang kebanyakannya terdiri daripada Rohingya dan Chin, manakala 14,370 adalah dari negara-negara lain termasuk Sri Lanka, Pakistan, Somalia, Syria, Yemen, Iraq, Afghanistan dan Palestin. Suruhanjaya memerhatikan bahawa pelarian dan pencari suaka adalah antara yang paling terdedah kepada pencabulan hak asasi manusia di negara ini. Mereka juga sentiasa berdepan dengan diskriminasi dan layanan buruk. Oleh kerana Malaysia bukan ahli kepada Konvensyen dan Protokol berkenaan Status Pelarian, Kerajaan tidak mengiktiraf pelarian secara rasmi, membiarkan mereka tanpa sebarang status yang sah. Akibatnya, pelarian dan pencari suaka terutamanya mereka yang masih belum berdaftar dengan UNHCR, terus terdedah kepada penahanan di atas

kesalahan imigresen dan mungkin tertakluk kepada penahanan dan sabitan kesalahan yang sama, yang boleh membawa kepada hukuman penjara dan/atau sebatan. Malah yang lebih membimbangkan adalah penahanan pelarian kanak-kanak, termasuk kanak-kanak bawah umur yang tidak ditemani di pusat tahanan imigresen. Tambahan lagi, hak mereka kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan pekerjaan sering terhalang, antaranya berikutan status mereka, mengakibatkan ramai dari kalangan mereka hidup melarat dan terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Sementara pelarian yang memegang kad UNHCR mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam, ramai antara mereka yang masih tidak mampu mendapatkan perkhidmatan tersebut memandangkan upah yang diterima rendah dan ada masanya, tidak menentu.

Suruhanjaya maklum akan beberapa langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu pelarian di negara ini termasuk perjanjian yang termeterai di antara Kerajaan dengan UNHCR, yang mana arahan telah dikeluarkan untuk memberi panduan kepada pihak berkuasa dalam mengendalikan pelarian di Malaysia. Pada tahun 2015, Kerajaan telah mengumumkan cadangannya untuk membenarkan pelarian Rohingya mencari pekerjaan melalui projek rintis, yang akan memfokuskan kepada sektor pekerjaan tertentu. Tambahan pula, pada bulan Disember 2015, Kerajaan turut mengumumkan bahawa ia akan menerima 3,000 pelarian Syria dalam tempoh 3 tahun dan menyediakan tempat tinggal, pekerjaan dan akses kepada pendidikan buat anak-anak pelarian tersebut sementara mereka menetap di Malaysia. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya akses kepada tempat tinggal, pekerjaan dan pendidikan tidak diberikan secara eksklusif kepada kumpulan pelarian tertentu sahaja, tetapi turut dipanjangkan kepada pelarian lain juga. Suruhanjaya menekankan bahawa Kerajaan perlu memberi penekanan yang lebih besar terhadap situasi pelarian di negara ini dan mengamalkan pendirian yang lebih terbuka bagi menjamin hak asasi pelarian dan pencari suaka dilindungi dan dipenuhi.

Sehingga kini, Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada Kerajaan untuk menyertai Konvensyen Pelarian PBB 1951.

Akhir sekali, dalam menyokong kempen UNHCR '*Stand #WithRefugees*', yang akan dilancarkan pada 20 Jun 2016, Suruhanjaya menggalakkan rakyat Malaysia untuk menandatangani petisyen *#WithRefugees*. Petisyen tersebut, yang akan diserahkan kepada Ibu pejabat UN di New York sebelum Mesyuarat

PBB mengenai Pelarian dan Migran pada 19 September, memohon kerajaan untuk:

- i. Memastikan setiap kanak-kanak pelarian mendapat pendidikan.
- ii. Memastikan setiap keluarga pelarian mempunyai tempat tinggal yang selamat.
- iii. Memastikan setiap pelarian boleh bekerja atau mempelajari kemahiran baru bagi memberi sumbangan positif kepada komuniti mereka.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

19 Jun 2016



Kenyataan Akhbar Bersama oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Amnesty International Malaysia, Bar Council Malaysia, Suara Rakyat Malaysia dan Lawyers for Liberty Sempena Hari Menyokong Mangsa Penyeksaan Antarabangsa (*International Day In Support of Victims of Torture*)

KUALA LUMPUR (27 JUN 2016) - Hampir dua dekad yang lalu pada 12 Disember 1997, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu berpandangan bahawa telah sampai masanya untuk mengisytiharkan 26 Jun sebagai Hari Menyokong Mangsa Penyeksaan Antarabangsa (*International Day in Support of Victims of Torture*) yang disambut secara tahunan. Penyeksaan, termasuk penderaan dan layanan buruk oleh kerajaan, telah menjadi kebimbangan antarabangsa. PBB berharap agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi menentang penyeksaan dengan menerima pakai Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, yang disebut sebagai Konvensyen Menentang Penyeksaan (UN CAT).

Pada 26 Jun 2015, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Bar Council Malaysia, Amnesty International Malaysia, Lawyers for Liberty dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) memulakan Kempen #ACT4CAT bertujuan untuk menyokong penyertaan Malaysia kepada UN CAT dan menggalakkan pemahaman dan penghayatan yang lebih baik berhubung keperluan untuk menghalang dan menghapuskan segala perlakuan penyeksaan dan hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan, atau menjatuhkan maruah di negara ini.

Bersempena dengan ulang tahun pertama Kempen #ACT4CAT, kami, rakan-rakan Kempen, memperbaharui komitmen kami untuk menjalankan usaha bersepadu ke arah mencapai matlamat Kempen, dan menyeru Kerajaan Malaysia kepada:

1. Penyertaan Kepada Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, Atau Menjatuhkan Maruah; dan

2. Mengambil langkah-langkah perundangan, dasar dan pentadbiran yang diperlukan untuk memastikan pencegahan yang berkesan ke atas mana-mana amalan yang boleh membawa kepada penyeksan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Bar Council Malaysia

Amnesty International Malaysia

SUARAM

Lawyers for Liberty

LAMPIRAN I



“AKTA PENCEGAHAN JANAYAH (POCA)”

KUALA LUMPUR (28 JULAI 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyatakan hasil positif permohonan *habeas corpus* oleh Dato' R. Sri Sanjeevan untuk mencabar penahanannya di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah (POCA). Dalam kes ini, Suruhanjaya memuji badan kehakiman untuk memainkan peranan penting dalam memastikan tahanan di bawah POCA mengikut proses.

POCA memperuntukkan penahanan tanpa bicara dan penafian hak individu untuk perwakilan perundangan yang melanggar hak asasi manusia seseorang dan melanggar standard antarabangsa hak asasi manusia yang diiktiraf. Walaupun Suruhanjaya mengakui keperluan untuk undang-undang yang berkesan dalam memerangi jenayah dan membawa penjenayah ke muka pengadilan, ia percaya bahawa undang-undang itu mesti disertakan dengan perlindungan yang mencukupi dan ketat terhadap potensi penyalahgunaan dan tidak boleh menghalang seseorang itu dari haknya untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah dan diberi perbicaraan yang bebas dan adil di hadapan mahkamah undang-undang.

Oleh itu, Suruhanjaya mengulangi saranannya kepada Kerajaan untuk mengkaji semula semua undang-undang yang memperuntukkan bagi penahanan tanpa bicara termasuk POCA dengan tujuan untuk menjadikan undang-undang tersebut selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Pengisytirahan Hak Asasi Manusia Sejagat. SUHAKAM bersedia untuk menyediakan formulasi yang membina untuk menangani secara berkesan dengan akauntabiliti dan untuk memastikan kebajikan dan maruah orang yang ditahan.

-TAMAT-

RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

28 Julai 2016



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

“LAWATAN SUHAKAM KE PUSAT TAHANAN IMIGRESEN JURU”

KUALA LUMPUR (3 SEPTEMBER 2016) – Pada 22 Ogos 2016, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) bersama-sama dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bersama mengadakan lawatan mengejut ke Pusat Tahanan Imigresen Juru di Pulau Pinang untuk menyiasat dakwaan penderaan fizikal oleh warden terhadap tahanan yang kononnya menyebabkan kematian lima tahanan rakyat Kemboja dan dua tahanan rakyat Vietnam awal tahun ini.

Semasa lawatan itu, Suruhanjaya dan SIAP telah dimaklumkan oleh Pegawai Imigresen yang dakwaan itu tidak berasas dan hanya satu tahanan daripada Pusat Tahanan Imigresen Juru telah meninggal dunia pada tahun 2016. Menurut Pegawai Imigresen tersebut, tahanan iaitu seorang wanita Kemboja yang dirawat untuk penyakit jantung di hospital telah meninggal dunia akibat serangan jantung pada Mei 2016. Mereka juga menunjukkan bahawa tiada bedah siasat telah dijalankan ke atas si mati kerana koroner berpendapat bahawa tiada disyaki perbuatan khianat. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa inkues termasuk pemeriksaan bedah siasat akan dijalankan berikutan semua kematian dalam tahanan perlu disahkan punca kematian.

Suruhanjaya menyatakan penghargaan kepada Komandan dan Pegawai-pegawai Pusat Tahanan Imigresen Juru atas kerjasama yang mereka telah diberikan kepada Suruhanjaya semasa lawatan itu dan berharap dapat bekerja lebih rapat dengan Jabatan Imigresen mengenai isu-isu hak asasi manusia yang melibatkan kepentingan bersama.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

3 September 2016



KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

“DAKWAAN PENDERAAN TERHADAP PELAJAR ORANG ASLI”

KUALA LUMPUR (23 SEPTEMBER 2016) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin merujuk kepada artikel berita Free Malaysia Today bertarikh 22 September 2016 bertajuk "Pendidikan anak-anak Orang Asli Diabaikan", yang menyebut tentang dakwaan penderaan oleh seorang guru terhadap pelajar Orang Asli yang dipaksa makan kaca sebagai hukuman kerana tidak sengaja memecahkan cermin tingkap sekolah.

Dakwaan itu dibangkitkan di bengkel anjuran Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS) di Pos Piah, Perak pada 28 Ogos 2016 di mana seorang wakil Suruhanjaya telah hadir. Suruhanjaya berpendapat dakwaan itu bertukar bimbang dan telah memulakan siasatan terhadap perkara itu untuk mengesahkan fakta kes itu. Hasil siasatan Suruhanjaya tersebut akan dibawa kepada perhatian pihak berkuasa yang berkaitan supaya tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mana-mana orang yang didapati bersalah.

-TAMAT-

LAMPIRAN I

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
23 September 2016



“SUHAKAM MENYERU PIHAK BERKUASA MENANGANI DAKWAAN KEGANASAN TERHADAP ORANG ASLI DI GUA MUSANG”

KUALA LUMPUR (30 SEPTEMBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merujuk kepada insiden dakwaan keganasan terhadap beberapa pemimpin Orang Asli, pendudukan haram serta aktiviti-aktiviti pembalakan di Gua Musang, Kelantan seperti yang dilaporkan oleh akhbar The Star pada 30 September 2016.

Suruhanjaya kesal dengan kejadian ini dan menyeru pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan untuk menamatkan pencabulan hak asasi manusia, menyiasat dan membawa penjenayah ke muka pengadilan.

Walaupun perlu diberi perhatian bahawa terdapat pengiktirafan oleh pihak berkuasa Kerajaan dan Negeri yang berkaitan dengan keperluan untuk melindungi hak-hak tanah Orang Asli, Suruhanjaya telah menerima satu memorandum oleh beberapa Rangkaian Orang Asli pada 20 September 2016 yang menegaskan bahawa pengiktirafan itu masih tidak mencukupi.

Seperti yang dinyatakan dalam Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya, pelanggaran hak-hak Orang Asli ke atas tanah, wilayah dan sumber telah meletakkan lebih banyak bilangan Orang Asli ke dalam keadaan yang mudah terdedah seperti kemiskinan dan eksploitasi. Oleh itu, dalam mengulangi pendirian, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan syor-syor pada tepat masanya dan berkesan seperti yang terkandung dalam Laporan dan juga Laporan Pasukan Petugas Khas yang telah diterima oleh Kerajaan.

Suruhanjaya mengesahkan bahawa orang asal/asli mempunyai hak untuk menikmati sepenuhnya, secara kolektif atau sebagai individu, semua hak-hak dan kebebasan asasi manusia termasuk hak mereka kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber yang mereka miliki secara tradisi, diduduki atau sebaliknya untuk digunakan atau diperolehi. Di samping itu,

Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi masyarakat orang asli dan ancaman dari orang lain daripada mendapatkan pemilikan, kepunyaan atau penggunaan tanah atau wilayah mereka.

Suruhanjaya menyeru semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan dan JAKOA untuk segera mengambil saranan untuk mencari penyelesaian berkekalan terhadap rintihan orang asli. Suruhanjaya bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan untuk tujuan ini. Suruhanjaya juga bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan untuk tujuan tersebut.

Suruhanjaya komited dan akan meneruskan usaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia orang asal/asli selaras dengan prinsip-prinsip dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal/Asli.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

30 September 2016





“PASTIKAN HAK KEBEBASAN BERHIMPUN SECARA AMAN DIHORMATI”

KUALA LUMPUR (12 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merujuk kepada siri jerayawara di merata negara yang mendahului kemuncak iaitu perhimpunan awam BERSIH 5.

Suruhanjaya bimbang terhadap insiden ancaman yang dibuat oleh ahli dan penyokong kumpulan Baju Merah terhadap penyokong BERSIH, yang telah membawa kepada kekerasan fizikal dan intimidasi yang menyalahi undang-undang.

Suruhanjaya mengutuk perbuatan tersebut, dan menekankan sekali lagi bahawa kebebasan berhimpun secara aman merupakan hak asasi setiap orang.

Sungguhpun penyertaan perhimpunan awam adalah satu hak yang dijamin oleh perundangan, peserta awam diingatkan bahawa perundangan hanya melindungi perhimpunan awam yang aman. Hak kebebasan berhimpun mempunyai sekatan perundangan, serupa dengan kuasa yang perlu berkisar dengan had-had tertentu. Oleh demikian, sekiranya penganjur telah menyatakan bahawa niat perhimpunan adalah aman, pihak berkuasa haruslah menganggap perhimpunan tersebut sebagai aman.

Pihak berkuasa, khususnya pihak polis, mempunyai obligasi untuk melindungi perhimpunan awam termasuk peserta individu dan kumpulan, serta ejen provokasi dan peserta penentang demonstrasi yang hadir untuk mencetus kekacauan kepada perhimpunan. Suruhanjaya menekankan bahawa obligasi tersebut bukan hanya tanggungjawab penganjur.

Suruhanjaya mengingatkan semua peserta perhimpunan untuk menghentikan tindakan ganas, ancaman atau intimidasi semasa berdemostrasi, termasuklah perlakuan yang menyalahi undang-undang dan konsep asas keadilan.

Suruhanjaya berharap agar semua insiden keganasan disiasat dan ditangani sewajarnya.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

12 Oktober 2016





**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**“KEBEBASAN BERAGAMA HARUS DILINDUNGI DALAM
MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA”**

KUALA LUMPUR (13 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merujuk kepada penahanan 50 warga Pakistan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang didakwa telah menyertai upacara keagamaan penganut Syiah.

Selaras dengan ekspektasi mandatnya, SUHAKAM kekal dengan pendirian bahawa setiap individu mempunyai hak kebebasan untuk berfikir, beragama dan nurani. Ini termasuklah hak untuk mempunyai dan memeluk agama atau kepercayaan yang dipilih sendiri, serta bebas untuk mengamalkan dan menyembah, sama ada secara bersendirian atau bersama komuniti dan secara peribadi atau terbuka. Tambahan pula, tiada sesiapa yang boleh didedahkan kepada paksaan sehingga menjejaskan kebebasannya untuk memeluk agama atau kepercayaan dengan kerelaan. Ini sejajar dengan piawaian antarabangsa seperti Deklarasi Hak Asasi Manusia Segajit (UDHR) dan Kovenan Antarabangsa berkenaan Hak Sivill and Politik (ICCPR).

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

13 Oktober 2016

LAMPIRAN I



“SUHAKAM MENGGESA PERLAKSANAAN PENUH CEDAW”

KUALA LUMPUR (14 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menganjurkan satu Perbincangan Meja Bulat mengenai Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW); yang merupakan instrumen utama antarabangsa yang bertujuan untuk memperkasa hak asasi wanita secara samarata.

Peserta Perbincangan tersebut telah mengutarakan kebimbangan terhadap kekurangan akses kepada bantuan guaman dan keadilan untuk menguatkuasa perintah mahkamah seperti yang berkaitan pembayaran nafkah dalam kes perceraian. Peserta juga membangkitkan isu-isu lain seperti diskriminasi yang dihadapi wanita yang berumur lebih 60 tahun untuk mendapatkan pekerjaan, serta kesan-kesan perkahwinan bawah umur.

SUHAKAM telah menzahirkan kebimbangannya terhadap kelemahan pelaksanaan perundangan dan polisi berkaitan hak-hak wanita. SUHAKAM ingin menekankan bahawa adalah penting bagi pihak Kerajaan untuk menarik balik semua reservasi peruntukan CEDAW bagi memastikan hak kesamarataan serta menghapus diskriminasi terhadap kaum wanita. Pada masa kini, Malaysia masih mengekalkan reservasi terhadap peruntukan berkaitan hak wanita untuk meletakkan kewarganegaraan anak mengikut kewarganegaraan ibu (art. 9(2)); kesamarataan hak untuk berkahwin (art.16(1)(a)); kesamarataan hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan atau semasa pembubaran perkahwinan (art.16(1)(c)); kesamarataan hak dan tanggungjawab penjagaan, pegangan amanah dan mengambil anak angkat (art.16(1)(f); dan kesamarataan hak peribadi dalam perkahwinan, seperti hak untuk memilih nama keluarga, memilih pekerjaan dan bidang pekerjaan (art.16(1)(g)).

Peserta perbincangan tersebut menggesa pihak SUHAKAM untuk menangani kelemahan penguatkuasaan CEDAW yang mungkin disebabkan oleh adat tradisi atau kepercayaan kebudayaan yang telah mengakibatkan wanita didiskriminasi.

Bagi memastikan wanita dapat menikmati dan mengamalkan hak-hak mereka sepenuhnya, SUHAKAM merayu agar pihak Kerajaan untuk menggunakan Protokol Pilihan kepada CEDAW.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

14 Oktober 2016

LAMPIRAN I



KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

**“HAK ASASI MANUSIA TIDAK AKAN DICAPAI SEKIRANYA RASUAH
DITERIMA SEBAGAI SEBAHAGIAN KEHIDUPAN”**

KUALA LUMPUR (14 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merujuk kepada penahanan Pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah baru-baru ini atas tuduhan rasuah, yang melibatkan dana rizab yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan yang sepatutnya digunakan untuk merealisasikan hak penduduk Sabah kepada bekalan air yang bersih.

SUHAKAM memuji tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandangkan penahanan tersebut bukan hanya mengukuhkan keyakinan masyarakat awam terhadap usaha negara untuk membanteras rasuah, tetapi juga dapat membantu membina kepercayaan masyarakat terhadap agensi penguatkuasaan kerajaan seperti SPRM untuk memerangi gejala rasuah.

Gejala rasuah merosakkan masyarakat dan institusi negara, dan SUHAKAM amat bimbang kejadian tersebut di Negara ini memberi gambaran bahawa persekitaran di Malaysia membolehkan gejala tersebut berlaku. Oleh demikian, terdapat keperluan untuk memastikan sistem pengurusan air perlu lengkap dengan mandat institusi yang boleh memastikan akauntabiliti.

SUHAKAM menekankan bahawa pembasmian rasuah membentuk asas kepada Matlamat 16 kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Akauntabiliti terhadap hak asasi manusia perlulah membentuk teras kepada SDG bagi memastikan komitmen antarabangsa yang dipersetujui oleh Malaysia dilaksanakan dengan benarnya.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

14 Oktober 2016



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

“SUHAKAM MENGUTUK SERANGAN KE ATAS WARTAWAN”

KUALA LUMPUR (17 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), selaras dengan mandat berkanunnya, telah memantau konvoi BERSIH 5 di Sekinchan dan Masjid Jamek, Kg. Permatang di Kuala Selangor pada 15 Oktober 2016.

SUHAKAM memuji Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai pengendalian secara profesional mereka dalam memudahkan konvoi tersebut dan memerhatikan bahawa PDRM telah menyediakan sumber kepolisan yang mencukupi untuk menampung dan memudahkan majlis itu yang mana menekankan kepentingan rundingan pra-acara dan dialog antara polis dan penganjur.

Walaupun SUHAKAM tidak melihat insiden gangguan semasa *roadshow* tersebut, ia telah membawa kepada perhatian SUHAKAM bahawa beberapa individu telah ditahan atas ugutan jenayah kerana didakwa menyerang dua wartawan. SUHAKAM berharap kejadian ini akan disiasat dengan segera dan pelaku dipertanggungjawabkan. Dalam hal ini, SUHAKAM menyatakan bahawa tiada seorang pun yang didakwa untuk serangan ke atas penyokong BERSIH di Sabak Bernam.

SUHAKAM mengingatkan bahawa serangan ke atas wartawan telah mengancam kebebasan media dan menyeru kepada ahli-ahli kumpulan Baju Merah untuk segera menghentikan serangan secara sengaja dan tidak terbukti ke atas wartawan serta peserta BERSIH 5.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 Oktober 2016



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**"SUHAKAM MENYERU RAKYAT MALAYSIA UNTUK KEKAL TEGUH
KEPADA NILAI SEBENAR RUKUN NEGARA DAN PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN"**

KUALA LUMPUR (20 OKTOBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyertai bantahan orang ramai terhadap intimidasi baru-baru ini dan gangguan yang bertambah buruk terhadap ancaman bunuh yang mengerikan dan ianya amat memalukan masyarakat kita.

Adalah menjadi tanggungjawab pihak polis untuk mengambil tindakan yang komprehensif dan segera memberkas mereka yang bertanggungjawab kerana ianya adalah perlu untuk tidak memburukkan lagi keadaan.

Dalam masyarakat kita yang sedang menghadapi peningkatan kebencian dan keganasan, SUHAKAM menyeru agar semua Rakyat Malaysia untuk kekal teguh kepada nilai sebenar Rukun Negara kita dan Perlembagaan Persekutuan.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Oktober 2016



“KEBEBASAN BERHIMPUN SECARA AMAN”

KUALA LUMPUR (8 NOVEMBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menegaskan bahawa Akta perhimpunan Aman 2012 telah digubal untuk memberikan hak kepada warganegara Malaysia untuk "berhimpun secara aman tanpa senjata", dan kerajaan telah komited untuk mempertahankan hak ini melalui pemansuhan seksyen 27 Akta Polis; walaupun pihak berkuasa negeri boleh mengenakan syarat-syarat tertentu dan sekatan ke atas pelaksanaan hak ini.

Seperti kebiasaannya, perhimpunan awam akan diadakan di tempat-tempat awam. Justeru, hak perlu diberikan untuk perhimpunan awam diadakan di tempat awam. SUHAKAM percaya bahawa ada suatu obligasi yang positif daripada pihak berkuasa untuk memastikan/memudahkan kelancaran perhimpunan aman dan kewajipan ini juga dilanjutkan kepada pihak berkuasa tempatan.

SUHAKAM berpendapat hak untuk perhimpunan balas seharusnya tidak menjadi sebuah akta ugutan yang mana menghalang dan menyekat hak orang lain untuk berhimpun, dan jika niat penganjur perhimpunan balas adalah untuk menghalang satu lagi perhimpunan daripada berlangsung atau bertujuan mengganggu, perhimpunan balas itu akan dihentikan bagi menghormati perlindungan yang diberikan melalui hak kebebasan berhimpun secara aman.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 November 2016



“KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK”

KUALA LUMPUR (15 NOVEMBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mendapati terdapat permasalahan dalam mekanisme perlindungan kanak-kanak di Malaysia yang mana mengakibatkan kegagalan dalam melindungi mereka daripada keganasan seksual dan penderaan, ke satu tahap di mana aduan yang diterima tidak semestinya membawa kepada pendakwaan yang berjaya, sebahagian besarnya disebabkan oleh kelemahan dalam undang-undang semasa.

Walaupun penderaan seksual kanak-kanak sebahagian besarnya merupakan jenayah tersembunyi, menurut laporan media, terdapat 2,987 kes-kes yang dilaporkan kepada polis antara Januari 2012 hingga Julai 2016, dan kes-kes yang telah dibukakan fail adalah sebanyak 2,189 kes. Agak memeranjatkan, hanya 140 kes sahaja sabitan dikenakan.

Agak memeranjatkan SUHAKAM bahawa Akta rahsia rasmi telah digunakan oleh polis sebagai alasan untuk tidak mengeluarkan (menerbitkan) data berkaitan penderaan seksual kanak-kanak di negara ini.

SUHAKAM menyokong sepenuhnya hasrat kerajaan untuk menggubal Akta Jenayah Seksual Kanak-Kanak untuk melindungi kanak-kanak daripada penderaan seksual, ia mengingatkan bahawa usaha-usaha tersebut akan gagal kecuali mekanisme perlindungan dilaksanakan dengan betul dan sistem keadilan berubah untuk memastikan kes-kes penderaan seksual dilaporkan secara berkesan dan pendakwaan dilaksanakan dengan teliti.

SUHAKAM menegaskan setelah meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Malaysia hendaklah melaksanakan aku janji yang dimeterai untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk pengeksploitasian dan penderaan seksual yang melibatkan penggunaan kanak-kanak dalam bahan-bahan lucah. Malangnya, langkah-langkah perundangan tertentu yang masih tidak kukuh untuk melarang antaranya milik pornografi kanak-kanak dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembuatan atau penyebaran bahan lucah kanak-kanak. SUHAKAM berpendapat bahawa peruntukan khusus perlu digubal untuk mengkategorikan tindakan Pedofilia sebagai satu jenayah; merangkumi penerbitan, pemilikan dan pengagihan pornografi kanak-kanak.

SUHAKAM berharap keseriusan kesalahan terhadap kanak-kanak hendaklah diakui sepenuhnya secara segera oleh kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

15 November 2016

LAMPIRAN I



“PERHIMPUNAN AWAM”

KUALA LUMPUR (17 NOVEMBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menegaskan bahawa berdasarkan Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA), semua rakyat Malaysia termasuklah penjawat awam, pelajar universiti, ahli akademik dan guru mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Adalah menyalahi Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan sekiranya hak kepada kebebasan berhimpun secara aman disekat melalui penguatkuasaan pemakaian pekeliling atau arahan Kerajaan, Universiti dan/ atau Jabatan.

Walaupun hak untuk demonstrasi balas perlu ditegakkan, polis dan pihak berkuasa perlu memastikan bahawa tindakan peserta demonstrasi balas tidak bertukar menjadi intimidasi dan rusuhan. Oleh itu, pihak polis wajib memastikan semua rakyat Malaysia dapat menyuarakan dengan jelas pendirian dan pendapat mereka secara bertanggungjawab.

SUHAKAM menyokong usaha polis terutamanya untuk menunjukkan penguatkuasaan undang-undang yang adil dan berdisiplin. Ini adalah ciri kematangan politik.

Dalam melaksanakan mandatnya, SUHAKAM akan memantau perhimpunan yang telah dirancang ini. Berdasarkan mandat dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Parlimen, Bahagian Aduan Suruhanjaya sedia menerima aduan daripada orang awam yang merasakan hak mereka dicabuli.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 November 2016



“HARI KANAK-KANAK SEDUNIA”

KUALA LUMPUR (20 NOVEMBER 2016) - Sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia tahun ini, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyokong penuh saranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menaikkan usia minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi kanak-kanak perempuan Muslim di negara ini. Saranan ini mematuhi Akta Kanak-Kanak 2001, yang mentakrifkan kanak-kanak sebagai golongan yang berusia 18 tahun ke bawah.

Menurut UNICEF, perkahwinan kanak-kanak ditakrifkan sebagai perkahwinan formal atau penyatuan tidak formal sebelum umur 18 tahun; dan SUHAKAM menegaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak sering menjejaskan perkembangan kanak-kanak perempuan yang menyebabkan kehamilan di usia muda, mengganggu pembelajaran, mengehadkan peluang untuk kemajuan kerjaya dan meningkatkan risiko keganasan rumah tangga. Perkahwinan kanak-kanak turut meninggalkan kesan kepada kanak-kanak lelaki, walaupun kesan yang diterima adalah kurang berbanding kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan parameter sedia ada untuk melindungi kanak-kanak, SUHAKAM berasa risau dengan undang-undang semasa yang membiarkan kanak-kanak mudah terdedah kepada perkahwinan paksa dan eksploitasi, terutamanya apabila pelaku seksual atau perogol kanak-kanak menggunakan perkahwinan sebagai alasan untuk melindungi diri mereka daripada pendakwaan.

SUHAKAM menekankan bahawa menghentikan amalan perkahwinan kanak-kanak menjelang tahun 2030 juga merupakan antara sasaran yang ditetapkan oleh Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG) yang mana Malaysia telah komited untuk menyokong dan melaksanakannya.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 November 2016



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

No. 30

KUALA LUMPUR (20 NOVEMBER 2016) - Selaras dengan mandat yang ada, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menjalankan satu penilaian yang telus dan bebas terhadap perhimpunan awam yang berlangsung pada 19 November 2016 lalu di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching, yang meliputi beberapa kawasan berhimpun.

SUHAKAM berpendapat bahawa ini adalah usaha terpuji oleh rakyat Malaysia untuk mengadakan perhimpunan secara aman yang disertai oleh beribu-ribu yang lain bagi menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap beberapa isu-isu penting. SUHAKAM mengakui semangat para peserta dalam menegakkan hak mereka untuk bersuara dan berhimpun secara aman walaupun terdapat beberapa hadangan yang diletakkan oleh pihak polis di beberapa jalan sekitar Kuala Lumpur.

SUHAKAM memuji pihak berkuasa terutamanya PDRM dalam mengawal dan memastikan perhimpunan tersebut berjalan dengan lancar, selaras dengan keperluan menghormati hak-hak peserta perhimpunan aman.

SUHAKAM terus percaya bahawa semua rakyat Malaysia berhak untuk berhimpun secara aman dan sebarang cubaan untuk menghalang perhimpunan aman adalah melanggar perlembagaan dan ianya boleh dicabar di mahkamah. Dalam hal ini, SUHAKAM menekankan bahawa sebarang perhimpunan adalah tidak menyalahi undang-undang selagi para peserta boleh mengawal diri dan emosi, serta tidak mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

SUHAKAM merasakan penangkapan beberapa individu yang merupakan penganjur perhimpunan ini adalah tidak wajar.

Seperti yang termaktub dalam perlembagaan, pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab bagi menjelaskan asas terhadap penahanan beberapa individu ini serta menjelaskan kesalahan-kesalahan mereka yang dituduh itu.

Sebagai sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab kepada Parlimen, SUHAKAM akan mengemukakan laporan pemerhatian yang terperinci kepada Parlimen.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 November 2016

LAMPIRAN I



**“AKTA 2012 AKTA KESALAHAN KESELAMATAN
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) (SOSMA)”**

KUALA LUMPUR (21 NOVEMBER 2016) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin menekankan penentangannya terhadap penggunaan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), yang mana ia telah dibantah sejak dahulu lagi. SUHAKAM menegaskan bahawa perincian meluas mengenai 'kesalahan keselamatan' di bawah SOSMA kini menunjukkan bahawa bidang kuasanya lebih daripada sekadar kesalahan keganasan.

Penggunaan SOSMA ke atas Maria Chin di mana beliau telah ditahan tanpa tuduhan dan bicara dalam hal ini serta kesihatan dan kebajikan yang tidak diketahui tidak boleh diterima oleh masyarakat yang mempunyai hati nurani kepada negara.

Jaminan Kerajaan pada tahun 2011 menjanjikan bahawa "individu tidak akan ditangkap semata-mata disebabkan perbezaan ideologi politik". Pada pandangan SUHAKAM, penahanan pencegahan terhadap Maria Chin adalah satu penyalahgunaan di dalam sistem perundangan dan penguatkuasaan undang-undang.

SUHAKAM menasihatkan kerajaan supaya mentafsirnya dengan niat yang baik mengikut pengertian biasa dalam konteks undang-undang berdasarkan objektif dan tujuan ia digunakan. SUHAKAM ingin melihat situasi di mana berlakunya prinsip ketidakadilan oleh pihak berkuasa mengenai sekatan kepada hak untuk kebebasan berhimpun supaya ditukar kepada usaha-usaha untuk memudahkan hak mereka didalam berhimpun.

-TAMAT-

TAN SRI RAZALI ISMAIL

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 November 2016



“MELAWAT MARIA CHIN 2016”

